

**PENGARUH ETIKA ISLAM TERHADAP ETOS KERJA PENENUN
SONGKET PALEMBANG**

ANISATUL MARDIAH

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**PENGARUH ETIKA ISLAM TERHADAP ETOS KERJA PENENUN
SONGKET PALEMBANG**

ANISATUL MARDIAH

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama Calon: ANISATUL MARDIAH

No. Pendaftaran: IHA 040036

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja Ini”):

**PENGARUH ETIKA ISLAM TERHADAP ETOS KERJA PENENUN SONGKET
PALEMBANG**

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1). Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2). Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3). Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dinyatakan dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4). Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5). Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6). Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui dihadapan

Tandatangan saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang. Etika Islam merupakan nilai-nilai yang disusun untuk perbuatan manusia yang telah digariskan oleh wahyu Allah SWT bagi mengatur kehidupannya agar dapat mencapai tujuan keberadaannya di dunia ini dengan sebaik-baiknya. Penenun songket dipilih sebagai objek kajian. Dalam kajian ini metode kajian yang digunakan adalah metode kajian *mixed methods*. Sebagai sebuah metode kajian, *mixed methods* berfokus pada pengumpulan, penganalisisan, dan pencampuran data kuantitatif dan kualitatif dalam suatu kajian tunggal atau lanjutan. Penggunaan metode kualitatif dan kuantitatif dalam satu kajian dapat memberikan pemahaman atau jawapan dari masalah kajian secara lebih baik dibandingkan dengan penggunaan salah satunya. Data dalam kajian ini didapati melalui pemerhatian ikut serta, temubual (wawancara), soal selidik dan dokumentasi. Penyelidik menganalisis data menggunakan metode deskriptif analitis yang digunakan untuk menjelaskan konsep etika Islam, menggambarkan dinamika penenun songket, landasan etos kerja, dan aspek sosial budaya yang melingkupi kehidupan penenun songket dan masyarakat sekitarnya. Data yang diperoleh untuk menyiapkan kajian ini. Sementara data daripada soal selidik diproses dengan menggunakan program SPSS dan dianalisis dengan menggunakan ujian-ujian statistik tertentu. Sedangkan skala yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan skala Likert (*Likert Scala*). Etika Islam sering disamakan dengan akhlak kerana sumbernya sama, iaitu al-Qur'an dan al-Hadith, kemahuan dan tujuan yang baik serta akal dan hati nurani. Etika Islam adalah norma-norma yang menjadi panduan kepada manusia agar berperilaku yang baik dan menjauhkan diri dari tingkah laku yang buruk. Sedangkan etos kerja Islam digali dan dirumuskan berdasarkan

konsep iman dan amal soleh. Tanpa landasan iman dan amal soleh, etos kerja apa pun tidak dapat menjadi Islamik. Tidak ada amal soleh tanpa iman dan iman merupakan sesuatu yang tak berguna bila tidak melahirkan amal soleh. Kesemuanya itu mengisyaratkan bahawa iman dan amal soleh merupakan suatu rangkaian yang berkait rapat, bahkan tidak terpisahkan. Etos kerja dalam Islam adalah hasil suatu kepercayaan seorang Muslim, bahawa kerja mempunyai kaitan dengan tujuan hidupnya, iaitu memperoleh reda Allah SWT. Cara mereka memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai al-Qur'an dan al-Hadith tentang dorongan untuk bekerja itulah yang membentuk etos kerja Islam. Kehidupan penenun songket tidak berbeza dengan kehidupan masyarakat pada umumnya. Mereka juga memiliki masalah baik masalah keluarga, peribadi atau kewangan, tetapi yang menarik perhatian, mereka tetap fokus bekerja seperti biasa seolah-olah tanpa beban. Mereka bekerja sambil bercanda atau menyanyi meskipun pekerjaan mereka tidak mudah. Mereka tetap gigih bekerja meskipun berdepan dengan masalah. Mereka bersyukur dengan kemahiran yang mereka miliki iaitu menenun songket. Etika Islam sangat mempengaruhi etos kerja penenun songket Palembang. Penenun songket Palembang bekerja sesuai dengan etika kerja Islam iaitu: kerja sebagai ibadah, profesional, tekun, teliti, disiplin, jujur dan amanah, pantang menyerah (gigih dalam berusaha), berkeinginan untuk memperbaiki taraf hidup keluarga. Semua ciri etika kerja Islam tersebut tentu saja memberi pengaruh pada etos kerja mereka.

ABSTRACT

This thesis is to study of the influence of Islamic ethics on the work ethic of Palembang songket weavers. Islamic ethics are values that are arranged for human activity that has been outlined by the revelation of Allah SWT to set human life in order to achieve the best purpose of his existence in this world. Songket weavers selected as the object of study. In this research method used is a mixed methods. As a research method, mixed method focuses on collecting, analyzing and merging the quantitative and qualitative data integration in a single or continuation study. The use of quantitative and qualitative methods in a research provide insights or answers of the research problem better than the use of one of them. The data in this study gained through observation, interviews, questionnaires and documentation. Researchers analyzing qualitative data using descriptive analytical method that is used to explain the concept of Islamic ethics, describing the dynamics of songket weavers, foundation work ethic, and socio-cultural aspects that surround life songket weavers and surrounding communities. Data obtained from the questionnaire is the processed using the SPSS program and analyzed using certain examination. While the scale used in this investigation is based on a Likert Scale. Ethics of Islam is often equated with morals due to the same source, namely the Al-Quran and al-Hadith, good will and purpose also reason and conscience. Islamic ethics are the norms that guide humans to behave well and keep away from bad behavior. While the work ethic of Islam explored and formulated based on the concept of faith and righteous deeds. Without a foundation of faith and righteous deeds, any work ethic can not be Islami. There is no righteous deeds without faith and faith is something that will not work if they do not deliver the righteous deeds. All of which suggests that faith and righteous deeds are series of closely related and even inseparable. The work ethic in Islam is

the result of a belief of a moslem that there is relationship between his work and the purpose of his life to obtain the blessing of Allah SWT. The way they understand, appreciate and practice the values of Al-Quran and al-Hadith on the drive to work that shaped the work ethic of Islam. Songket weavers life is no different from people life in general. They also have problems whether family problems, personal or financial problems but it is interesting that they remain focused work as usual as if without the burden of life. They work happily by having jokes or singing even though their work is not easy. They remain work persistently despite having to face problems. They are grateful for the skill they have which is weaving songket. Islamic ethics greatly influenced the work ethic of Palembang songket weavers. Palembang songket weavers work in accordance with Islamic work ethics which are work as worship, professional, diligent, conscientious, disciplined, honest and trustworthy, unyielding (persistent in trying), intends to improve the living standards of families. All the characteristics of the Islamic work ethic certainly make an impact on their work ethics.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, tiada kata yang patut penulis ucapkan untuk pertama kali selain ungkapan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana atas hidayahNya jualah penulis berjaya menyelesaikan tesis ini. Penulis sedar bahawa tesis ini masih belum sempurna kerana kesempurnaan hanya milik Allah SWT. Namun setidaknya, tesis ini boleh memberi gambaran daripada penelusuran penulis selama menuntut ilmu di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Oleh itu, kritik dan saranan daripada pembaca amat penulis harapkan demi perbaikan dan kesempurnaan karya ilmiah ini.

Selawat serta salam tak lupa penulis haturkan kepada Rasulullah SAW beserta seluruh keluarga, sahabat-sahabatnya, dan orang-orang yang mengikuti sunnahnya dengan baik dan ikhlas. Berkat perjuangannya umat Islam dapat memasuki zaman yang terang benderang dan meninggalkan tradisi jahiliyah. Dengan keyakinan akan kebenaran ajarannya, mendorong penulis untuk sentiasa yakin dan percaya diri dalam meghadapi pelbagai rintangan selama proses penyelesaian tesis ini.

Penulis ingin merakamkan sesebuah penghargaan dan ucapan terima kasih yang tak berhingga kepada Prof. Madya. Dr Khadijah Mohd. Hambali @ Khambali sebagai penyelia. Penulis merasa berhutang budi kepada beliau, bukan hanya kerana keramahan beliau dalam memberikan tunjuk ajar selama proses penulisan tesis ini, tetapi juga kesabaran dan kerjasama yang ditunjukkan di tengah-tengah kesibukan beliau sehingga penulisan tesis ini boleh selesai dengan baik. Semoga apa yang telah beliau berikan kepada penulis mendapatkan balasan yang berganda dari Allah SWT. Tak terlupa penulis juga mengucapkan terima kasih kepada ketua jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Dr. Syed Mohammad Hilmi Syed Abdur Rahman, yang telah memberikan kesempatan kepada penulis untuk menyelesaikan tesis ini.

Ucapan terima kasih dihaturkan juga kepada Ayah dan Bonda (alm. M. Syafe'i dan almh. Hajjah Fatiah), mertua (alm. Haji Qomar dan almh. Hajjah Mahnah) serta seluruh keluarga yang sentiasa mendoakan kesihatan, keselamatan dan kesuksesan penulis. Tanpa doa dan restu mereka, mustahil penulis dapat menyelesaikan tesis ini. Oleh itu, sudah sepatutnya tesis ini penulis persembahkan kepada mereka.

Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada Rektor Universitas Islam Negeri Raden Fatah Palembang dan seluruh civitas akademika beserta seluruh kakitangan yang telah memberikan kesempatan dan sokongan kepada penulis untuk melanjutkan pendidikan. Sokongan yang selalu rakan-rakan berikan, menambah semangat bagi penulis untuk memberikan yang terbaik sedaya penulis. Khas untuk Adinda Erlinda Fitriawati, Adinda Hedhri Nadhiran, Adinda Deddy Ilyas dan sahabatku Kelly Mariana, terimakasih atas kesabaran dan kerelaannya untuk dijadikan teman diskusi sekaligus sebagai tempat berkeluh kesah di saat berdepan masalah. Rasa terima kasih dan penghargaan juga saya aturkan kepada Kakanda Prof. Aflatun Mukhtar dan keluarga, ketua dan anggota KPU RI periode 2007 – 2012, Ketua dan anggota KPU RI periode 2012-2017, rakan-rakan anggota KPU Provinsi Sumsel dan KPU Kab/Kota se-Sumsel periode 2009-2014 beserta sekretaris dan seluruh staf sekretariatnya yang selalu mendukung dan mendoakan kesihatan dan kesuksesan penulis dalam menyelesaikan pengajian.

Ucapan terimakasih juga penulis haturkan kepada Ir, H. Alex Noerdin, S.H (Gubernur Sumatera selatan periode 2008 – 2018) dan keluarga yang telah memberikan bantuan moral mahupun material kepada penulis. Selain itu, beliau tak henti-hentinya memotivasi penulis agar selalu berbuat yang terbaik. Penulis takkan dapat melupakan jasa beliau kerana di saat penulis hampir putus asa kerana

keterbatasan biaya untuk menyelesaikan tesis, beliau memberikan bantuan biaya hingga penulis berjaya menyelesaikan tesis ini.

Terimakasih kepada suami tercinta, Firdaus Qomar, dan anak-anak tersayang: Berliana Faradisa, Asshafa Adzkiyah, Rayyani Qatrunnada, Khairunnadra Lamy Nurhaliza, dan Syafana Mumtazah Najidah. Bonda mohon maaf bila selama proses penyelidikan dan penulisan tesis ini tidak dapat memberikan kasih sayang dan perhatian penuh. Namun, Bonda bangga terhadap sikap dan perilaku Ananda yang memaklumi kesibukan Bonda. Khusus suami tercinta, Firdaus Qomar, terimakasih atas limpahan cinta dan kasih sayangnya selama ini, sehingga penulis kuat menghadapi berbagai cabaran dalam menempuh pendidikan. Pengertian dan perhatian yang dicurahkan kepada penulis tak dapat dilukiskan dengan kata-kata dan hal itu menjadi bekal bagi penulis untuk belajar memahami dan mengerti setiap keadaan.

Terimakasih atas semua bantuan dan doanya, semoga amal baik yang diberikan kepada saya akan dilipatgandakan pahalanya oleh Allah SWT. Akhirnya, semoga tesis ini dapat memberikan manfaat, sama ada bagi penulis pribadi mahupun pembaca sekalian, Amin.

Palembang, 6 April 2017

Anisatul Mardiah

Alamat: Jl. Kebun Bunga Perumahan Citra Kencana I Blok A. No. 24 RT. 048 RW.
008 Kecamatan Sukarami KM. 9 Palembang, Sumatera Selatan Indonesia

E-Mail: anisatul@gmail.com

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	i
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
SENARAI KANDUNGAN	x
KAEDAH TRANSLITERASI	xiii
GLOSARI	xv
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB I: PENDAHULUAN	
1.0. PENGENALAN	1
1.1. LATAR BELAKANG MASALAH	1
1.2. PERSOALAN KAJIAN	10
1.3. OBJEKTIF KAJIAN	10
1.4. KEPENTINGAN KAJIAN	11
1.5. SKOP KAJIAN	11
1.6. SOROTAN KAJIAN LEPAS	12
1.7. METODOLOGI PENYELIDIKAN	25
1.7.1 Tahap Pertama: Penyelidikan Kualitatif	27
1.7.2 Tahap Kedua: Penyelidikan Kuantitatif	29
1.8. SUSUNAN PENULISAN	33

BAB II: KONSEP ETIKA ISLAM DAN ETOS KERJA

2.0.	PENGENALAN	35
2.1	KONSEP ETIKA ISLAM	36
2.1.1.	Pengertian Etika	36
2.1.2	Pengertian Etika Islam	42
2.1.3.	Dasar-dasar Etika Islam	59
2.1.4	Karakteristik Etika Islam	69
2. 2	KONSEP ETOS KERJA ISLAM	72
2.2.1	Pengertian Etos Kerja	72
2.2.2	Karakteristik Etos Kerja Islam	77
2.2.3	Dasar-dasar Etos Kerja Islam	91
2.3	MOTIVASI KERJA DALAM ISLAM	99

BAB III: SEJARAH RINGKAS PALEMBANG, SONGKET DAN PENENUN SONGKET PALEMBANG

3.0	PENGENALAN	107
3.1	SEJARAH RINGKAS PALEMBANG	108
3.1.1	Geografi Palembang	115
3.1.2	Sistem Pemerintahan di Palembang	116
3.2	PENDUDUK DAN PEREKONOMIAN	119
3.2.1	Penduduk	119
3.2.2	Punca Pendapatan penduduk	121
3.2.3	Kehidupan Keagamaan Penduduk Palembang	127
3.2.4	Pendidikan	129
3.3	SONGKET DAN PENENUN SONGKET PALEMBANG	134
3.3.1	Sejarah Tenun Songket Palembang	138
3.3.2	Alat dan Bahan Menenun Songket	147
3.3.3	Penenun Songket Palembang	154
3.4	PETA KAWASAN KAJIAN	162
3.5	PETA KAWASAN PEMBUATAN SONGKET PALEMBANG	163

BAB IV: ANALISIS PENGARUH ETIKA ISLAM

TERHADAP ETOS KERJA PENENUN SONGKET

4.0	Pengenalan	164
4.1	Hasil dan Pembahasan	165
4.1.1.	Etos Kerja Penenun Songket Palembang	165
4.1.2	Makna Falsafah Corak Kain Songket dan Kaitannya dengan Etika Islam	174 198
4.1.3.	Motivasi Kerja Penenun Songket Palembang	
4.2	Analisis Hasil Kajian	217
4.2.1	Hasil Uji Soal Selidik	217
4.2.2	Hasil Analisis Data	218
4.2.3	Hasil Ujian Kajian Rintisan	221
4.2.4	Hasil Uji Hipotesis	223

BAB V: KESIMPULAN DAN SARAN

5.1	KESIMPULAN	227
5.2	SARANAN	231
5.3	PENUTUP	233

RUJUKAN	235
----------------	-----

LAMPIRAN	244
-----------------	-----

KAEDAH TRANSLITERASI

KONSONEN

A	P	TO	TM		A	P	TO	TM		A	P	TO	TM
'	'	'		-	r	r	r	r		f	f	f	f
b	b	b	b/p		z	z	z	z		q	q	k	k
-	p	p	p		-	zh	j	j		k	k/g	k//y	k/y
t	t	t	t		s	s	s	s		-	g	g	g
th	s	s	s		sh	sh	s	s		l	l	l	l
j	j	c	c		s	s	s	s		m	m	m	m
-	ch	c	c		d	z	z	z		n	n	n	n
h	h	h	h		t	t	t	t		h	h	h	h
kh	kh	h	h		z	z	z	z		w	v/u	v	v
d	d	d	d		'	'	'	-		y	y	y	y
dh	z	z	z		gh	gh	g/g	g/g					

• -a / -at

al- / `l-

VOWEL

	Arab dab Parsi	Turki Osmani	Turki
Moden			
Bacaan Panjang			
•	a	a	a
•	u	u	u
•	i	i	i
Huruf Berulang			
•	iyy/i	iy/i	iy/i
• uww/u	uvv	uvv	
Diftong			
•	au/aw	ev	ev
• ai/ay	ey	ey	
Bacaan Pendek			
•	-a	a/e	a/e
•	-u	u/u/o/o	
• u/u/o/o			
•	-i	i/i	i/i

Catatan: A= Arab, P=Parsi, TO= Turki Osmani, TM= Turki Moden

GLOSARI

Provinsi	Kerajaan negeri
Kabupaten	Kerajaan negeri di bawah provinsi, regent's, residence, regency
Kecamatan	Wilayah administratif yang dipimpin oleh seorang kepala daerah yang disebut Camat dan membawahi beberapa desa/kelurahan
Dinas	Unit yang melakukan tugas tertentu sesuai dengan bidangnya
Perseroan Terbatas (PT)	Persendirian Berhad (Sdn. Bhd.)
BUMN	Perusahaan milik negara

SENARAI JADUAL

JADUAL		HALAMAN
Jadual 3.1	Luas Wilayah, Jumlah Kelurahan, RT, RW dan Keluarga Menurut Kecamatan di Bandar Palembang	118
Jadual 3.2	Jumlah Penduduk Pertengahan Tahun Mengikut Jantina	120
Jadual 3.3	Jumlah Laju Pertumbuhan Penduduk tahun 2003-2007	121
Jadual 3.4	Luas Tanaman Padi dan Palawija tahun 2003-2007	122
Jadual 3.5	Jumlah Syarikat Industri Kecil di Bandar Palembang tahun 2006	123
Jadual 3.6	Jumlah Syarikat Industri Menengah di Bandar Palembang tahun 2006	124
Jadual 3.7	Jumlah Syarikat Industri Besar di Bandar Palembang Tahun 2006	125
Jadual 3.8	Jumlah Total Aktiviti Industri di Bandar Palembang tahun 2006	126
Jadual 3.9	Jumlah Pondok Pesantren dan Santri di Bandar Palembang	128-129
Jadual 3.10	Jumlah Mahasiswa Universiti Sriwijaya Mengikuti Fakulti/Program tahun 2004/2005- 2007/2008	131
Jadual 3.11	Jumlah Mahasiswa Institut Agama Islam Negeri (IAIN) RadenFatah Palembang mengikuti Fakulti tahun 2003-2007	132
Jadual 4.1	Ringkasan Deskriptif Pemboleh Ubah Etika Islam	219
Jadual 4.2	Ringkasan Deskriptif Pemboleh Ubah Etos Kerja	220
Jadual 4.3	Hasil Ujian Kewajaran	222
Jadual 4.4	Hasil Ujian Linieriti	223
Jadual 4.5	Hasil Ujian <i>Simple Regression</i>	223

SENARAI RAJAH

RAJAH		HALAMAN
Rajah 3.1	Peta Kawasan Kajian	167
Rajah 3.2	Peta Kawasan Pembuatan Songket Palembang	168
Rajah 4.1	Sultan Iskandar Mahmud Badaruddin	175
Rajah 4.2	Upacara Marhaban (Cukur Rambut Bayi)	176

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

RESPONDEN PENYELIDIKAN	244
SOAL SELIDIK PENYELIDIKAN	245
JADUAL PENDIDIKAN RESPONDEN	251
JADUAL USIA RESPONDEN	251
JADUAL JANTINA RESPONDEN	252
DATA HASIL PENYELIDIKAN ETIKA ISLAM	252-255
DATA HASIL PENYELIDIKAN ETOS KERJA	256
HASIL UJIAN VALIDITI & RELIABILITAS PEMBOLEH UBAH ETIKA ISLAM	261
HASIL UJIAN VALIDITI & RELIABILITI PEMBOLEH UBAH ETOS KERJA	263
HASIL UJIAN KEWAJARAN	266
LAMPIRAN FOTO-FOTO	268-283

BAB I: PENDAHULUAN

1.0. PENGENALAN

Bab ini merupakan pendahuluan yang akan menghuraikan tentang latar belakang masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas, metodologi penyelidikan dan susunan penulisan. Latar belakang masalah mengungkapkan fenomena yang terkait dengan permasalahan yang dibahas. Persoalan kajian adalah rumusan-rumusan permasalahan yang dikaji. Tujuan yang ingin dicapai dalam kajian ini terkandung dalam objektif kajian, sedangkan skop kajian dibuat agar kajian ini fokus.

Sedangkan sorotan kajian lepas dibuat untuk menilai dan memperihalkan kajian-kajian yang telah dibuat oleh pengkaji lain yang berhubung kait dengan kajian ini. Selain itu, sorotan kajian lepas dibuat untuk menegaskan bahawa kajian ini berbeza dengan pengkaji sebelumnya. Metodologi penyelidikan dalam kajian ini dimaksudkan untuk menjelaskan langkah-langkah sistematik yang digunakan dalam kajian ini agar sesuai dengan kaedah yang berlaku dalam kajian ilmiah. Agar kajian ini tersaji secara sistematik, maka dibuat pembahagian penulisan.

1.1. LATAR BELAKANG MASALAH

Islam adalah salah satu agama samawi yang meletakkan nilai-nilai kemanusiaan secara agung dan mulia. Nilai-nilai kesetaraan, keadilan, toleransi, dan perdamaian menjadi nilai-nilai yang menjadi asas kepada semua aspek kehidupan manusia. Hal ini kerana Islam yang berakar pada kata *salima* dapat diertikan sebagai sebuah kedamaian yang hadir dalam diri manusia dan bersifat fitrah. Kedamaian akan wujud jika manusia itu meletakkan dirinya sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang bukan saja unik, tapi

juga sempurna. Namun apabila manusia mengikuti hawa nafsu dan tidak berjalan seiring fitrah, maka ancaman Allah SWT berupa azab dan kehinaan akan menimpa manusia.

Menurut pandangan Islam, agama adalah kaedah hidup yang diberikan kepada manusia sejak manusia diturunkan di atas muka bumi ini, dan terbina dalam bentuknya yang terakhir dan sempurna dalam al-Qur'an yang diwahyukan Allah SWT kepada rasul-Nya yang terakhir iaitu Muhammad SAW. Al-Qur'an bukanlah suatu dokumen hukum, melainkan pedoman hidup yang memuat tuntunan yang jelas dan lengkap mengenai aspek hidup manusia.¹

Kata Islam berasal dari bahasa Arab '*salima*' yang bererti selamat, damai, dan sejahtera, lalu muncul kata '*salam*' dan '*salamah*'. Dari '*salima*' muncul kata '*aslama*' yang ertinya menyelamatkan, mendamaikan, dan mensejahterakan. Kata '*aslama*' juga bermaksud menyerah, tunduk, atau patuh. Dari kata '*salima*' juga muncul beberapa kata turunan yang lain iaitu kata '*salam*' dan '*salamah*' ertinya keselamatan, kedamaian, kesejahteraan, dan penghormatan, '*taslim*' ertinya penyerahan, penerimaan, dan pengakuan, '*silm*' ertinya yang berdamai, damai, '*salam*' ertinya kedamaian, ketenteraman, dan hormat, '*sullam*' ertinya tangga, '*istislam*' ertinya ketundukan, penyerahan diri, serta '*muslim*' dan '*muslimah*' ertinya orang yang beragama Islam laki-laki atau perempuan.² Kata Islam ialah nama yang diberikan Allah SWT sendiri, sebagaimana yang termaktub dalam al-Qur'an surat *Ali-`Imran* ayat 19 :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۗ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا
مَنْ بَعْدَ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْغِيبَيْنَهُمْ ۗ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ
اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

¹ Fazlur Rahman, *Islam* (2nd.ed.), (Chicago & London: University of Chicago, 1979), 37

²A.W. Munawwir. *Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*.(Surabaya: Pustaka Progresif, 1997), 654-656

Maksudnya: “Sesungguhnya agama yang diridhoi di sisi Allah hanyalah Islam, tidaklah berselisih orang-orang yang diberi kitab kecuali setelah mereka memperoleh ilmu kerana kedengkian di antara mereka. Barang siapa ingkar terhadap ayat-ayat Allah, maka sungguh Allah sangat cepat perhitungannya.(Ali- `Imran/3: 19).³

Kefahaman terhadap ajaran agama berbeza sesuai dengan situasi dan keimanan individu terhadap pegangan agamanya. Ajaran Islam menonjolkan keimanan seseorang terhadap Allah SWT dan perkara-perkara yang diperintahkan olehNya. Oleh itu, ajaran Islam lebih memperlihatkan keyakinan individu terhadap ketauhidan yang sekaligus mendorong ke arah pembangunan masyarakat yang maju dan moden. Salah satu tugas seorang Muslim adalah menghubungkan hati dengan Allah SWT, mengenalNya, dan menghidupkan rasa takut kepadaNya. Dialah Pencipta yang seharusnya disembah, Allah SWT yang memiliki sifat-sifat sempurna dan suci dari sifat-sifat yang kurang. Segala kebaikan ada di tanganNya dan segala sesuatu terjadi kerana kehendakNya. Ajaran Islam wajar dijadikan asas yang kukuh mengenai pembangunan individu dalam segala aspek kehidupan untuk memenuhi status Muslim sebagai khalifah.⁴

Al-Qur'an dan al-Hadith bukan hanya berfungsi untuk mengatur segi ibadah sahaja, tetapi juga memberikan tuntunan dalam masalah yang berkaitan dengan kerja. Dalam ajaran Islam, kerja merupakan sesuatu yang diharuskan bagi manusia. Dengan bekerja manusia mampu memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Islam juga menjadikan kerja sebagai kaedah pendekatan diri kepada Allah. Bekerja bagi manusia merupakan fitrah sekaligus menyerlahkan identiti kemanusiaannya.⁵

³ Kementerian Agama RI, *Al-Qur'anulkarim: Miracle The Reference*, (Bandung: Sygma, 2011), 101.

⁴ Azyumardi Azra (1996), *Pergolakan Politik Islam: Dari Fundamentalisme, Modernisme hingga Post-Modernisme*, Jakarta: Paramadina, h. 3

⁵ Toto Tasmara, *Etos Kerja Pribadi Muslim*, (Jakarta: Dana Bhakti Wakaf), 2

Di dalam al-Quran, sekurang-kurangnya terdapat 602 perkataan yang bermakna kerja, termasuk kata bentukannya. Kata yang sering digunakan adalah kata dasar `amal (perbuatan), kata `amila (bekerja). Kata `amal ditemukan sebanyak 17 kali, sedangkan kata `amila (mereka telah mengerjakan) terdapat 73 kali. Sementara 330 kata menggunakan bentuk `amaluhum, `amal, `amali, `amaluka, `amaluhu, `amalukum, `amaluhum, `amaluna, `amalukum, `amil, `amilin, dan `amilah. Selain itu kata ta'malun dan ya'malun ditemukan sebanyak 139 kali, dan ada 27 kata berbentuk ya'mal, `amiltum, `amiltahu, ta'mal, `amalu dan `amilta. Di samping itu, terdapat kata-kata yang tidak berasal kata `amal tetapi mengandung erti "kerja" seperti sana`a, yasna`un, siru fi al-ard, ibtaghu min fadlillah, dan istabiqualkhairat.⁶

Kerja mempunyai makna eksistensial dalam menunjukkan kehidupan umat Islam, sehingga kejayaan atau kegagalan dan tinggi atau rendahnya kualiti hidup individu Muslim ditentukan oleh amal dan kerjanya. Hal ini ditegaskan dalam al-Qur'ansurah al-Ahqaf/46 ayat19:

وَلِكُلِّ دَرَجَاتٍ مِّمَّا عَمِلُوا ۖ وَيُؤْتِيهِمْ أَعْمَالَهُمْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan setiap orang memperoleh tingkatan sesuai dengan apa yang telah mereka kerjakan, dan agar Allah SWT mencukupkan balasan perbuatan mereka dan mereka tidak dirugikan (al-Ahqaf/ 46 : 19).⁷

Dengan demikian, kewujudan umat Islam ditentukan oleh amal dan perbuatannya (kerjanya). Umat Islam tidak akan mendapat suatu apapun tanpa usaha yang ia lakukan sendiri. Bekerja merupakan cara umat Islam dalam mempertahankan kehidupannya. Kerja yang baik adalah bekerja dengan sungguh-sungguh dan sesuai dengan kemampuan yang dimilikinya yang dilandasi niat mencari redaNya.

⁶ Abdul Aziz al-Khayyath, *Etika Bekerja dalam Islam* (terj.), (Jakarta: Gema Insani Press, 1994), 13-20.

⁷ Kementerian Agama RI, *Al-Qur'anulkarim*, 1005.

Islam menempatkan kerja pada kedudukan yang penting dan berkait rapat dengan etika dan keimanan. Dengan demikian, bekerja dalam Islam merupakan suatu kewajipan. Makna bekerja bagi individu Muslim adalah suatu usaha dengan mengerahkan seluruh fikir dan zikirnya sebagai hamba Allah SWT yang perlu menaklukkan dunia dan menempatkan dirinya sebagai bahagian dari masyarakat yang terbaik untuk mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat. Bahkan, bekerja bagi individu Muslim merupakan ibadah iaitu bukti pengabdian dan rasa syukurnya dan untuk memenuhi perintah Allah SWT agar mampu menjadi yang terbaik.

Kerja keras atau disebut juga dengan etos kerja merupakan syarat mutlak untuk mencapai tujuan hidup iaitu kebahagiaan dunia dan akhirat.⁸ Etos kerja yang tinggi dapat diraih dengan jalan menjadikan motivasi untuk ibadah sebagai pendorong utama selain penghargaan dan memperoleh material.⁹ Dengan demikian, bekerja adalah fitrah dan sekaligus merupakan salah satu identiti manusia. Bekerja berteraskan pada prinsip-prinsip etika Islam, bukan sahaja menunjukkan fitrah sebagai seorang Muslim tetapi meninggikan martabatnya sebagai hamba Allah SWT yang diberi amanah untuk mengelola seluruh alam sebagai bentuk rasa syukur kepadaNya.

Pada asasnya, kajian tentang etos kerja yang berkait rapat dengan masalah etika agama telah pun dikaji sebelum ini, antara lain yang sangat terkenal adalah Max Weber.¹⁰ Max Weber, ilmuwan sosial yang telah membuktikan kaitan di antara etika agama dengan semangat kapitalisme awal dengan bukunya yang berjudul: *The Protestant Ethic and The Spirit of Capitalism*. Menurut Weber, dalam kalangan Protestant aliran Calvinis, kerja keras adalah suatu kewajipan bagi setiap manusia untuk

⁸Toto Tasmara, *Membudayakan Etos Kerja Islami*, (Jakarta: Gema Insani Press, 2002), 24

⁹ Khoirun Nisa', *Peranan Analisis Jabatan (Job Analisis) dalam Penempatan Pegawai Kantor Pelayanan Pajak Pratama Mojokerto*, (Malang:Universitas Negeri Malang,2008), 126.

¹⁰ Max Weber, *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*, (New York: Charles Scribner's Sons, 1958).

mencapai kesejahteraan. Kerja keras ini merupakan panggilan rohani untuk mencapai kesempurnaan hidup sehingga mereka dapat hidup lebih baik secara ekonomi.¹¹

Walau bagaimanapun, kajian Weber ini dinafikan oleh Bryan S. Turner. Turner berpendapat bahawa Islam bukanlah agama yang menganjurkan keganasan atau agama padang pasir yang berwatak keras dan suka peperangan, tetapi Islam menitikberatkan ajaran-ajaran tentang “hidup mewah” dan beretos kerja yang tinggi. Turner menyanggah pernyataan Weber yang mengatakan bahawa ajaran Islam kurang bahkan tidak dapat menjadikan umatnya maju. Adalah wajar diragui pernyataan Weber tentang para penganut Islam yang berkerjaya sebagai pedagang dan kakitangan kerajaan dianggap menyalahi nilai-nilai gurun dan tentera.¹²

Weber telah memberikan dasar-dasar yang amat baik untuk melihat kelompok agama yang progresif dalam masyarakat. Namun Weber hanya melihat kepada masyarakat yang mempunyai tradisi dalam aliran Protestant, bukan Katholik bahkan juga bukan daripada pandangan agama lain. Pendapat Weber yang mengatakan bahawa kemungkinan mengejar keuntungan hanya wujud dalam masyarakat Protestant, bukan dalam masyarakat lainnya, boleh diperbahaskan lagi. Ini telah dibuktikan dengan wujudnya semangat kapitalisma, misalnya di Jepun dan Korea Selatan yang berfahaman Zen Buddhisme, sedangkan di Taiwan dan China berfahaman Konfusianisma.¹³ Apatah lagi, ajaran Islam yang tegas bagi umatnya untuk berusaha dengan gigih bersumberkan ajaran yang diwahyukan oleh Allah SWT dan jauh berbeza daripada pandangan agama-agama lain yang berteraskan agama *wad'i* dan budaya.

Ajaran Islam mendorong umatnya untuk bekerja keras, baik dalam menuntut ilmu ataupun beramal soleh. Bekerja dengan berdagang adalah anjuran agama dan

¹¹ Taufik Abdullah, (ed). *Agama, Etos Kerja dan Perkembangan Ekonomi.*, (Jakarta: LP3ES, 1986), 4.

¹² Bryan S. Turner, *Sosiologi Islam: suatu Telaah Analitis atas Tesis Sosiologi Weber*, (Jakarta: Rajawali Pers, 1992), 179.

¹³ John Clammer, *Sociology of Singapura Religion.*, (Singapura: Chopment Publisher, 1991), 18.

dinilai sebagai ibadah. Namun yang wajar ditekankan, Islam yang diturunkan dengan keluasan doktrinnya menjadikan umat Islam boleh menghadapi segala cabaran hidup. Kesyumulan ajaran Islam wajar menjadikan umat Islam berikhtiar secara maksimum.¹⁴ Keyakinan yang bersumber dari nilai-nilai agama dan tradisi keagamaan ini merupakan asas yang sangat penting dalam bekerja. Etika kerja Islam yang bersumber dari al-Qur'an dan al-Hadith, tampak sangat ideal dan agung. Perkara ini yang membezakan konsep etos kerja dalam ajaran Islam dengan ajaran Protestant yang dinyatakan oleh Weber dan juga ajaran-ajaran lain seperti Buddhisme aliran Zen Buddhisme dan Konfusianisme yang berteraskan kapitalisme.

Islam sendiri telah memberikan sandaran etika. Bahkan etika Islam dipandang dapat memberikan kepastian dan kemantapan dalam menentukan baik buruknya suatu perbuatan kerana bersumber dari wahyu yang mutlak dan objektif. Meski mutlak dan objektif, etika Islam juga membenarkan penganutnya untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan keadaan, sepanjang tidak bertentangan dengan wahyu itu sendiri. Salah satu kaedah dalam *usul al-fiqh* mengatakan bahawa hukum diterapkan sesuai dengan *illat* yang menyertainya.¹⁵

Bagi umat Islam, permasalahan etika tidak dapat dipisahkan dari keyakinan kaum Muslimin terhadap kewujudan Tuhan Yang Maha Esa, mutlak dan transenden, serta syariat yang kukuh, sebagaimana hal itu juga terdapat pada agama lain. Tuhan, menurut keyakinan Muslim tidak hanya sebagai Pencipta (*al-Khaliq*) tetapi juga sebagai Pentadbir (*al-Mudabbir*), Pembimbing dan Pendidik (*al-Rabb*) bagi seluruh alam.

Teori etika merupakan gambaran akal mengenai hakekat dan asas perbuatan dan keputusan yang benar. Teori etika juga mengandungi prinsip-prinsip yang menentukan dakwaan bahawa perbuatan dan keputusan tersebut secara moral diperintahkan atau

¹⁴ Zuly Qodir, *Agama & Etos Dagang*, Solo: Pondok Edukasi, 2002), 5.

¹⁵ Lihat misalnya Wahbah al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islami*, Jilid I, (Beirut: Dâr al-Fikr, 1986), 755.

dilarang. Oleh itu, etika selalu menempatkan tekanan khusus terhadap definisi konsep-konsep etika, justifikasi atau penilaian terhadap keputusan moral, sekaligus membezakan antara perbuatan atau keputusan yang baik dan buruk. Sistem etika harus berkaitan secara memadai dengan aspek-aspek moral yang bermakna dan koheren.¹⁶ Selanjutnya etika menjadi suatu ilmu yang normatif,¹⁷ dengan sendirinya mengandung norma dan nilai-nilai yang dapat digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Tumpuan utama penilaian etika ialah perbuatan baik atau jahat, susila atau tidak susila. Manusia dalam semua perbuatannya, bagaimanapun juga mengejar sesuatu yang baik. Berbuat baik merupakan tanggung jawab moral bagi semua manusia, dan pelaksanaan dari tanggung jawab ini sebagai cerminan dari jiwa yang berkeperibadian. Bertanggung jawab berarti pula memfungsikan sifat-sifat manusia untuk mempertahankan nilai-nilai peribadi yang luhur, serta dapat menilai harga diri manusia sebagai manusia. Kemudian manusia selalu memikirkan prinsip-prinsip tentang masalah mana yang benar dan mana yang salah. Persoalannya, ukuran norma baik-buruk berbeza antara yang satu dengan yang lainnya. Suatu hal yang baik dan benar di suatu tempat, mungkin akan dianggap salah atau jahat di tempat yang lain.

Pola hubungan dan perbuatan apapun sangat diambil berat dalam Islam. Disebabkan Islam mengambil berat tentang etika, maka dikenali dalam keilmuan Islam apa yang disebut “etika Islam” seperti cara bergaul, duduk, berjalan, makan-minum, tidur, berbusana, dan lain-lain. Dalam kaitan dengan ajaran Islam tentang kerja,

¹⁶ Al-Qur'an melibatkan pembahasan seluruh kehidupan moral, keagamaan dan sosial Muslim, tidak berisi teori-teori etika dalam arti yang baku sekalipun ia membentuk keseluruhan ethos Islam.. Oleh kerana itu, teori-teori etika mereka ditandai dengan kompleksitas yang tinggi yang menyusunnya sebahagian berasal dari teori-teori umum yang berakar dari al-Qur'an dan sunnah. Teori-teori tersebut mungkin dibentuk sebagai teori skriptual atau teologis yang bergantung kepada keluasan mereka bertumpu kepada teks kitab suci atau kesepakatan terhadap teks yang dapat diterima ketika menghadapi nilai atau intepretasi secara dialektik. Lihat Majid Fakhry, *Ethical Theories in Islam*, terj. Zakiyuddin Baidhawi “Etika dalam Islam”, Jakarta: Pustak Pelajar, 1996), xv-xvi.

¹⁷ Kerana dikatakan sebagai ilmu, maka penjelasan makna baik, buruk, hak dan kewajiban moral tidak dapat dipisahkan dari proses aktivitas rasional (akal manusia). Artinya, etika bukanlah sebagai ajaran/doktrin yang harus diikuti begitu saja (taklid buta) oleh manusia, tetapi ia merupakan “metode” atau “filsafat moral” untuk memahami benar atau salahnya suatu doktrin/ajaran moral itu sendiri. Lihat Burhanuddin Salam, *Etika Individual; Pola dasar Filsafat Moral*, (Jakarta: Rineka Cipta, 2000), 3.

penenun songket Palembang telah melaksanakan etika Islam. Penenun songket Palembang dalam kehidupan sehari-harinya telah bekerja sesuai dengan keahliannya. Penenun songket Palembang memiliki keahlian, ketekunan, ketelitian dan kesabaran dalam bekerja (menenun) songket. Para penenun songket melestarikan budaya ini secara turun temurun sampai sekarang sehingga songket bertahan sebagai salah satu warisan budaya yang sangat berharga. Penenun songket memainkan peranan yang besar dalam memelihara budaya tenun songket di Palembang.

Dari pemerhatian ikut serta, dapat dikatakan bahawa penenun songket Palembang bukan daripada golongan bangsawan. Kebanyakan dari mereka adalah remaja yang belum menjadi pegawai di pemerintahan (kakitangan kerajaan PNS/ASN). Mereka mendapatkan kemahiran menenun kerana faktor lingkungan, iaitu pengaruh keluarga. Tetapi ada juga yang mengikuti kursus atau pelatihan yang dianjurkan oleh pemerintah daerah (kerajaan tempatan). Intinya, tekad dan kemahuan kuat untuk memiliki kecekapan adalah modal utama mereka. Dengan memiliki kecekapan menenun songket membuat mereka boleh mencari punca pendapatan sendiri.

Meskipun motivasi utama penenun songket adalah untuk mencari wang dan faktor ekonomi keluarga, namun tak dapat dinafikan bahawa wujud pengaruh ajaran agama di dalam kalangan penenun songket Palembang, antara lain mereka gigih dalam berusaha, tekun, teliti, sabar dan tidak mengeluh dalam bekerja. Ini kerana mereka yakin bahawa dengan berusaha gigih dan memberikan pendapatannya kepada ibu bapa atau pihak yang memerlukan, pasti Allah SWT akan menambahkan lagi rezekinya.

Signifikansi kajian "Pengaruh Etika Islam terhadap Etos Kerja Penenun Songket Palembang" adalah kerana bandar Palembang yang berpenduduk majoriti Muslim ini mempunyai sebuah warisan budaya sejarah yang masih dilestarikan sehinggalah hari ini, iaitu songket. Seni kain songket yang telah dijadikan sebagai kerjaya dan bagi memenuhi keperluan hidup oleh sebahagian masyarakat Palembang ini ternyata juga

dapat menyokong pertumbuhan ekonomi Bandar Palembang. Berdasarkan fenomena tersebut dan kaitannya dengan kajian ini “Pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket” sangatlah erat. Wilayah kajian ini, merupakan bandar paling tua di Indonesia iaitu berumur kurang lebih 1382 tahun. Ini berdasarkan batu bersurat Sriwijaya yang diiktiraf sebagai “Kedukan Bukit”, yang menyatakan tarikh 16 Julai 682 M.

1.2. PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, persoalan utama yang penulis cuba kaji ialah apakah produktiviti penenun songket di Palembang ada kaitannya dengan etika Islam yang dianutinya? Agar pembahasan ini terarah dan berfokus pada masalah utama dalam kajian ini dirumuskan seperti berikut:

1. Bagaimanakah konsep etika dan etos kerja menurut perspektif Islam?
2. Bagaimana sejarah dan aktiviti penenun songket Palembang?
3. Apakah ada pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang?

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa tujuan, antaranya:

1. Menghuraikan konsep etika dan etos kerja menurut perspektif Islam.
2. Mengkaji sejarah dan aktiviti penenun songket Palembang.
3. Menganalisis pengaruh etika kerja Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang.

1.4. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kerana secara teoridapat dijadikan sebagai asas bagi pengembangan keilmuan dalam bidang pemikiran Islam, khusu snya tentang konsep etika dan etos kerja dalam perspektif Islam. Selain daripada itu, ia juga dapat mengenalpasti sejarah dan aktiviti penenun songket Palembang serta masalah atau isu yang dihadapinya.

Dapatan kajian ini juga diharapkan akan dapat memenuhi keperluan pelbagai pihak seperti pengkaji, agensi kerajaan, institusi keagamaan dan penenun songket. Pengkaji tentu mendapat manfaat yang sangat besar terutama pengalaman dan pengetahuan mengenai selok-belok tenun songket dan dinamikanya.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pemerintah untuk membuat dasar yang berpihak pada pengusaha songket dan kesejahteraan penenunnya. Institusi keagamaan juga dapat menggunakan dapatan kajian ini untuk lebih menggalakkan lagi pembinaan akhlak generasi muda termasuk penenun songket. Selain daripada itu, kajian ini diharapkan dapat menyelami kepakaran, fungsi dan peranan penenun songket dalam keluargadan masyarakat.

1.5. SKOP KAJIAN

Bagi memudahkan lagi pengkajian mengenai *Pengaruh Etika Islam terhadap Etos Kerja Penenun Songket Palembang*, penulis cuba membataskan skop kajian kepada beberapa perkara yang menjadi tajuk perbincangan. Oleh itu, kajian ini hanya akan tertumpu kepada pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket di kota Palembang. Wilayah kajian iaitu di Kecamatan Ilir Barat II dan Kecamatan Seberang Ulu II, dan perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengannya khususnya tentang: gambaran am tempat kajian, konsep etika Islam, dinamika penenun songket dan analisis pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang. Penulis

menentukan tempat kajian di Kecamatan Seberang Ulu II dan Ilir Barat II kerana daerah tersebut ditetapkan oleh pemerintah sebagai wilayah khas produksi songket dan penenun songket merupakan orang Muslim.

1.6. SOROTAN KAJIAN LEPAS

Beberapa kajian telah dibuat oleh para peneliti Barat dan peneliti tempatan mengenai tenun songket Palembang. Kajian yang dibuat oleh mereka kebanyakan menggunakan pendekatan sejarah dan budaya. Kajian yang mereka lakukan belum menggunakan pendekatan agama, khususnya ajaran Islam. Selain itu, kajian sebelumnya juga tidak menjelaskan mengenai keadaan sosial masyarakat Palembang sebagai penenun songket.

Perbincangan tentang hal-hal yang berkaitan dengan ajaran agama pada amnya termasuk dalam disiplin ilmu keagamaan yang bersifat teoritikal-normatif. Namun demikian, apabila dikaitkan dengan manusia yang menganut keyakinan dan fahaman tertentu dan etos kerjanya, maka secara automatik masalah ajaran agama yang pada asalnya murni hanya bersifat teoritikal-normatif turut membabitkan aspek psikologi-behaviorisma.

Penyelidikan terdahulu yang membahas tentang hal-hal yang hampir serupa berkaitan dengan penyelidikan tesis ini telah banyak dilakukan. Dari kajian pustaka yang telah dilakukan, ditemukan beberapa karya yang telah memberikan sumbangan terhadap penyelidikan ini. Sorotan kajian lepas ini diklasifikasikan kepada tema berikut:

Etika Islam:

1. Penyelidikan tentang etika yang dianggap mutakhir dilakukan oleh Mohammad A. Shomali dalam Tesisnya yang berjudul *Etikal Relativism An Analysis of the Foundation of Morality*, menyimpulkan bahawa tidak ada nilai relativisme

dalam etika yang patut dipertahankan. Relativisme moral bukan menunjukkan relativisme, melainkan absolutisme etika.¹⁸ Kesimpulan Shomali dalam penyelidikannya ini hanya bersifat spekulasi dan sulit terlihat pada manusia. Penyelidikan Shomali tidak memberikan tekanan kepada pengaruh kondisi yang membuat absolut atau relatif pada moraliti manusia. Berbeza dengan Tesis Shomali, penyelidikan ini tidak menilai apakah etika bersifat relatif atau absolut.

2. M. Amin Abdullah dalam tesisnya yang berjudul *The Idea of Universality of Ethical Norms in Ghazali and Immanuel Kant*, mencuba membandingkan norma universal imperatif kategori Immanuel Kant dengan etika religius al-Ghazali. Kajian ini fokus pada perdebatan absolutisme dengan latar belakang rasional dan agama. Pada akhirnya dinyatakan bahawa terjadinya relativiti kerana perbezaan pengetahuan manusia. M. Amin Abdullah menyokong konsep relativiti dan rasionaliti.¹⁹ Tesis M. Amin Abdullah ini merupakan penyelidikan komparatif iaitu penyelidikan yang dilakukan dengan membandingkan suatu objek penelitian antara subjek yang berbeza atau zaman yang berbeza. Dalam kajiannya, M. Amin Abdullah membandingkan pemikiran al-Ghazali dan Immanuel Kant dalam filsafat Etika. Penyelidikan M.Amin Abdullah ini tentu saja berbeza dengan penyelidikan pada kajian ini kerana kajian ini berupaya menemukan pengaruh Etika Islam terhadap etos kerja Penenun songket Palembang.
3. Franz Magnis Suseno dalam tulisannya berjudul "*Etika Jawa: Sebuah Analisa Falsafi tentang Kebijaksanaan Hidup Jawa*". Dalam tulisannya ini, Franz mencuba membandingkan antara etika Jawa dengan Barat. Etika Jawa dalam

¹⁸ Mohammad A. Shomali, *Ethical Relativism An Analysis of the Foundation of Morality*, (London: Islamic College for Advanced Studies Press (ICAS), 2001).

¹⁹ M. Amin Abdullah, *The Idea of Universality of Ethical Norms in Ghazali and Kant*, (Ankara: Turkiye Diyanet Vakfi Yayinlary, 1992).

teori struktural merupakan etika kebijaksanaan, sama dengan etika Aristoteles yang berhujah atas dasar kepentingan manusia. Sementara etika Barat dalam teori struktural diandaikan terbentuk akibat pengaruh Immanuel Kant, iaitu etika kewajiban yang berdasarkan pertimbangan sendiri. Dalam pandangan Jawa, kesejahteraan manusia secara mutlak terikat kepada keselarasan sosial. Sedangkan dalam pandangan Barat, bersikap baik tidak mengimplikasikan tuntutan mutlak untuk mempertahankan keselarasan sosial. Kesimpulannya adalah etika Jawa dan Barat tidak mengandungi prinsip-prinsip moral yang bertentangan, tetapi keduanya tidak dapat dikatakan sama. Perbandingan antara etika Jawa dan Barat tidak meletakkan prinsip-prinsip moral dasar yang saling bertentangan.²⁰ Fokus penyelidikan Franz dalam buku ini adalah Etika Jawa iaitu keseluruhan norma dan penilaian yang digunakan oleh Masyarakat Jawa untuk mengetahui bagaimana seharusnya menjalani kehidupan. Etika Jawa menekankan keharmonisan dan keselarasan dalam setiap aspek kehidupan, di antaranya adalah keselarasan dengan alam. Penyelidikan Franz berbeza dengan penyelidikan pada kajian ini terutama fokus kajiannya iaitu etika Islam.

4. Max Weber menulis tesis yang diterbitkan dalam buku "*The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*", menjelaskan tentang "etika Protestant" dan hubungannya dengan "semangat kapitalism". Menurut pengamatan Weber, di dalam masyarakat Protestant aliran Calvinis, kerja keras adalah suatu keharusan bagi setiap manusia untuk mencapai kesejahteraan. Kerja keras ini merupakan panggilan rohani untuk mencapai kesempurnaan hidup sehingga mereka dapat

²⁰ Pada Bab 8 tulisannya ini, Franz menjelaskan tentang relativisme etika Jawa. Franz menjelaskan bahawa sekalipun secara kultur Jawa dan Barat itu berbeza, namun perbezaan tersebut tidak menunjukkan dan mendukung adanya relativisme moral kultural. Artinya, dua etika tersebut tidak memuat prinsip-prinsip dasar etika yang saling bertentangan namun juga tidak dapat dikatakan sama. Meskipun kesimpulan Franz pada bagian ini agak membingungkan, namun ia mendukung tema bahawa relativisme etika itu tidak ada. Relativisme, baik struktural atau kultural justeru menunjukkan absolutisme. Baca ; Franz Magnis Suseno, *Etika Jawa: Sebuah Analisa Falsafi tentang Kebijakan Hidup Jawa*. (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1991), 223-231.

hidup lebih baik secara ekonomi. Dengan bekerja keras serta hidup berjimat cermat dan sederhana para pengikut ajaran Calvin tidak hanya hidup lebih baik tetapi mereka mampu pula memfungsikan diri mereka sebagai usahawan yang gigih dan menjadikan diri mereka sebagai penyokong dari sistem ekonomi kapitalis.²¹ Buku ini menjelaskan perkaitan antara etika Protestant dengan semangat kapitalisme. Weber menyatakan bahawa etika Protestant yang dikembangkan oleh Calvin telah berhasil menumbuhkan suatu etos baru yang berkaitan dengan semangat untuk bekerja keras agar dapat merebut kehidupan dunia kerana kesuksesan hidup di dunia adalah ukuran bagi kesuksesan di akhirat. Hal ini mendorong suatu semangat kerja yang tinggi di kalangan Calvinis. Weber turut menekankan etos kerja ini hanya wujud dalam kelompok agama Protestant dan tidak wujud dalam agama lain. Berbeza dengan Weber, kajian ini akan menganalisis pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang.

5. Muh. Said, dalam kajiannya tentang *Etika Masyarakat Indonesia*, mendeskripsikan beragamnya nilai-nilai moral bangsa Indonesia, sejak dari akar-akar kelahiran bangsa Indonesia klasik sehingga kepada era bangsa Indonesia yang bersentuhan dengan dunia moden. Pelbagai nilai etik bangsa Indonesia ada yang berakar dari adat, sintesis adat dengan agama.²² Kajian Muh. Said ini hanya menjelaskan etika masyarakat Indonesia dalam bentuk relativisme etika deskriptif sehingga penyelidikan Muh Said berbeza dengan penyelidikan ini terutama pada fokus kajian dan metodologi penelidikannya.

Etos Kerja:

²¹ Max Weber, *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*, (New York: Charles Scribner's Sons, 1958).

²² Muh.Said, *Etika Masyarakat Indonesia*, (Jakarta: Pradnya Paramita, 1980).

1. Kajian yang lebih khas tentang masyarakat Indonesia yang bergerak dalam sektor perdagangan dilakukan oleh Mohammad Sobary. Kajian Sobary ini difokuskan pada masyarakat Betawi yang terpinggirkan oleh sistem pembangunan. Dalam kajian ini, Sobary mengemukakan kategori masyarakat iaitu masyarakat asli (pedesaan) dan masyarakat pendatang (urban). Masyarakat asli merupakan suatu gambaran masyarakat yang terpinggirkan oleh sistem pembangunan kekuasaan sehingga mereka harus merelakan diri bekerja pada sektor marjinal (informal) dan tetap bertahan pada tradisi Islam tradisional sebagai dasar-dasar kehidupan. Sementara masyarakat urban (pendatang) adalah corak masyarakat yang berkuasa dalam wilayah perdagangan dan tidak marjinal kerana mereka rata-rata bermodal (kapital) dan berfaham modenis-progresif. Tulisan Sobary ini dapat dibaca pada bukunya yang berjudul *Kesalehan dan Tingkah Laku Ekonomi* (1995).²³ Penyelidikan yang dilakukan oleh Mohammad Sobary ini merupakan penyelidikan etnografi untuk menemukan peranan agama dalam masyarakat Suralaya. Dengan demikian, penyelidikan Mohammad Sobary ini berbeza dengan penyelidikan dalam kajian ini, terutama pada fokus dan wilayah kajiannya.
2. Jalaluddin Rahmat melakukan penyelidikan mengenai pandangan al-Qur'an tentang perbuatan manusia melalui kajian tafsir tematik. Dari kajiannya dapat disimpulkan bahawa al-Qur'an menghendaki manusia produktif dan kreatif. Manusia diberi kebebasan untuk memilih dan berbuat namun tetap patuh pada *sunnatullah*. Konsep manusia yang produktif-kreatif jauh berbeza dengan konsep *kasb* Asy'ariyah. Al Ghazali sependapat dengan al-Asy'ariy yang mengatakan bahawa daya manusia lemah dan daya Tuhan lebih dominan. Kedua tokoh tersebut mempunyai teori tentang tanggung jawab dan perbuatan manusia

²³ Mohammad Sobary, *Kesalehan dan Tingkah Laku Ekonomi*, Yogyakarta: Benteng Budaya, 1995).

yang membuat manusia tidak produktif dan kreatif. Kajian Rahmat ini dapat dibaca dalam bukunya yang berjudul *Konsep Perbuatan Manusia menurut al-Qur'an* (1992).²⁴ Penyelidikan Jalaluddin Rahmat ini termasuk dalam kelompok penyelidikan tafsir tematis tunggal, kerana itu metode yang digunakan adalah metode penyelidikan tematis. Rahmat memilih satu topik iaitu perbuatan manusia, kemudian ia cari penjelasannya dalam ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan topik tersebut agar ayat yang satu dengan ayat lainnya saling menjelaskan. Penyelidikan Rahmat ini berbeza dengan penyelidikan dalam kajian ini terutama topik kajian dan metodologinya.

3. Ibn Khaldun, dalam karya fenomenalnya yang berjudul *Muqaddimah*, mencuba menghuraikan falsafah sejarah dan menemukan nilai-nilai universal dari proses kemanusiaan. Keahlian Ibn Khaldun dalam sosiologi, falsafah, ekonomi, politik dan budaya tampak jelas dalam buku ini. Pada masa yang sama, Ibn Khaldun juga tampak sangat menguasai ilmu-ilmu keislaman ketika menghuraikan tentang ilmu *hadith*, *fiqh*, *usul al-fiqh* dan lainnya. Salah satu teorinya tentang ekonomi telah memberikan pandangan yang jelas bahawa semua faktor dinamika sosial, moral, politik dan ekonomi meski berbeza tetapi saling berkaitan satu dengan yang lainnya bagi kemajuan mahupun kemunduran pemerintahan dan masyarakat dalam sebuah wilayah atau negara. Selain itu, Ibn Khaldun juga telah menyumbangkan pemikiran tentang teori produksi, teori nilai, teori pemasaran dan teori siklus yang dipadu menjadi teori ekonomi umum. Ibn Khaldun juga menyatakan bahawa terjatuhnya suatu negara kerana mengabaikan nilai-nilai moral dan etika.²⁵ *Muqaddimah* adalah karya orisinal

²⁴ Jalaluddin Rahmat, *Konsep Perbuatan Manusia Menurut al-Qur'an*. (Ttp: Tp, 1992).

²⁵ Pada pasal kelima dari buku pertama, Ibnu Khaldun menjelaskan tentang hakikat rezeki dan hasil usaha, matapencaharian, perilaku dalam berusaha, pertanian, perdagangan, perkaitan antara keahlian dan peradaban. Ibnu Khaldun menyumbangkan pemikirannya dalam hal mekanisme harga yang menurutnya dipengaruhi oleh persediaan keperluan dasar dan keperluan pelengkap dalam hukum

dari Ibn Khaldun. Buku istimewa ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu *pertama*, histografi, merupakan ulasan tentang kesalahan-kesalahan para sejarawan Arab-Muslim; *kedua* ilmu kultur, merupakan dasar bagi pemahaman sejarah; *ketiga*, membahas ilmu-ilmu keislaman yang berkembang sampai abad ke-14. Penyelidikan dalam kajian ini sungguh belum sebanding dengan karya Ibn Khaldun ini, namun kajian ini berupaya menjelaskan bahawa etika Islam sangat penting dalam segala aspek kehidupan kaum Muslim.

4. Penyelidikan secara khas tentang masyarakat Muhammadiyah yang menceburi perniagaan dilakukan oleh Irwan Abdullah. Beliau dengan tegas menjelaskan bahawa masyarakat di daerah Jatinom, Klaten Jawa Tengah yang memiliki tradisi keagamaan moden-reformis bahkan progresif sebagai bahagian penting dari pengamalan faham keagamaan yang dianutnya. Mereka menjalankan aktiviti perdagangan dan perekonomian didorong oleh semangat keagamaan reformasi yang diperjuangkan oleh Muhammadiyah. Penyelidikan Irwan Abdullah ini bertajuk *The Muslim Businessmen: Religious reform and Economic Modernization in a Central Javanese Town* (1994).²⁶ Penyelidikan yang dilakukan oleh Irwan Abdullah berbeza dengan kajian dalam penyelidikan ini terutama dalam fokus kajian dan tempat penyelidikan. Irwan Abdullah melakukan penyelidikan dikhususkan pada masyarakat Muhammadiyah yang berprofesi sebagai pedagang di Jatinom, Jawa Tengah, sedangkan penyelidikan ini dijalankan kepada masyarakat am yang berprofesi sebagai penenun songket di Palembang, Sumatera Selatan.

permintaan dan penawaran. Kemudian ia juga menjelaskan tentang teori pembagian tenaga kerja yang menurutnya setiap orang berhak untuk mendapatkan pekerjaan sesuai dengan keahliannya. Dengan demikian, produktiviti tenaga kerja akan meningkat. Selanjutnya ia juga menjelaskan tentang pajak, teori uang dan distribusi yang di dalamnya dijelaskan tentang gaji, pajak dan laba. Baca; Ibnu Khaldun, *Mukaddimah*, terj. Masturi Irham dkk., (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2001), 684-789

²⁶ Irwan Abdullah, *The Muslim Businessmen: Religious Reform and Economic Modernization in a Central Javanese Town*. Amsterdam: Universiteit van Amsterdam, 1994).

5. Zuly Qodir dalam bukunya yang berjudul *Agama dan Etos Dagang* (2002), menjelaskan tentang hubungan antara ajaran agama yang difahami dengan kegiatan mereka sebagai pengusaha atau pedagang. Kajian dalam buku ini tampaknya dipusatkan pada dua tahap. *Pertama*, tahap yang menghuraikan beberapa fahaman ajaran yang dianut para pengusaha dan pedagang. Sedangkan tahap *kedua* yang dianggap sebagai akibat dari tahap pertama, iaitu mengkaji pengaruh fahaman keagamaan yang dianuti dengan aktiviti sehari-hari. Pada tahap pertama, penulis tidak mengemukakan dalil-dalil atau dasar-dasar teologinya, namun lebih mengutamakan praktik-praktik keagamaannya. Sedangkan tahap kedua lebih diarahkan pada amalan sehari-hari sebagai pengusaha mahupun pedagang.²⁷ Penyelidikan Zuly Qodir ini berbeza dengan penyelidikan dalam kajian ini. Penyelidikan Zuly Qodir fokus pada kajian tentang ajaran agama yang difahami dan kaitannya dengan kegiatan pengusaha atau pedagang. Sedangkan penyelidikan ini fokus pada kajian tentang pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang.

Tenun Tradisional Indonesia:

1. Penulis yang mengkaji tentang songket antaranya adalah Suwati Kartiwa dalam bukunya yang berjudul: *Ragam Kain Tradisional Indonesia: Tenun Ikat*. Beliau memetakan seni tenun beserta keragaman hiasan dalam tenun Indonesia sebagai cerminan adat. Kekayaan tersembunyi dari setiap kain tenun akan dijumpai dalam buku ini. Selain itu, buku ini juga menjelaskan fungsi harfiah setiap kain tenun, sejarah yang mencerminkan adat istiadat, kepercayaan, dan kebiasaan masyarakat setempat. Buku ini juga dilengkapi dengan gambar-gambar yang menarik serta beberapa tata cara memakai

²⁷ Zuly Qodir, *Agama dan Etos Dagang*, (Solo: Pondok Edukasi, 2002).

songket.²⁸ Penyelidikan yang dilakukan oleh Kartiwa berbeza dengan penyelidikan dalam kajian ini. Kartiwa mengkaji kekayaan yang tersembunyi dari setiap lembar kain tenun yang mencerminkan keragaman hiasan, sejarah dan adat istiadat. Sedangkan penyelidikan ini mengkaji pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang.

2. Sedangkan dalam bukunya yang berjudul: *Kain Songket Indonesia* (1996), Kartiwa menjelaskan tentang definisi songket dan latar belakang perkembangan dan persebaran songket di Indonesia. Yang menjadi bahasannya dalam buku ini adalah kerangka dari pembudayaan kapas, keunikan reka bentuk songket di Indonesia, prinsip-prinsip utama dalam proses reka bentuk songket dan makna simbol-simbol dalam motif kain songket. Dalam kajiannya ini dapat dilihat adanya hubungan erat antara motif kain songket dengan rumah adat suatu daerah, beberapa penamaan yang berbeza dalam menyebut kain songket, serta implikasi kain songket terhadap pemakainya.²⁹ Penyelidikan yang dilakukan oleh Kartiwa berbeza dengan penyelidikan dalam kajian ini. Dalam buku ini Kartiwa mengkaji hubungan antara motif kain songket dengan rumah adat suatu daerah, beberapa penamaan yang berbeza dalam menyebut kain songket, serta implikasi kain songket terhadap pemakainya. Sedangkan penyelidikan ini mengkaji pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang.
3. Selanjutnya, Grace Inpam Selvanayagam dalam bukunya: *Songket Malaysia's Woven Treasure* (1991), menyatakan bahawa songket merupakan warisan budaya Melayu dalam bidang seni kain yang menunjukkan identiti masyarakat Melayu sebagai masyarakat Muslim yang mencintai seni. Di

²⁸ Suwati Kartiwa, *Ragam Kain Tradisional Indonesia: Tenun Ikat*, (Jakarta: Gramedia, 2007).

²⁹ Suwati Kartiwa, *Kain Songket Indonesia*, (Jakarta: Djambatan, 1996).

dalam seni kain songket tersebut tercipta sebuah sulaman indah daripada benang emas dan perak. Tulisan ini memberikan maklumat mengenai asal mula munculnya songket di dunia Melayu secara keseluruhan.³⁰ Penyelidikan Selvanayagam menjelaskan bahawa songket merupakan warisan budaya Melayu dalam bidang seni kain yang menunjukkan identiti masyarakat Melayu sebagai masyarakat Muslim yang mencintai seni dan memberikan maklumat mengenai asal mula munculnya songket di dunia Melayu secara keseluruhan. Di sinilah letak perbezaan penyelidikan Selvanayagam dengan penyelidikan pada kajian ini. Kajian ini hanya menyelidiki pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang yang di dalamnya juga menjelaskan asal mula tenun songket di Palembang.

4. Barbara Watson Andaya dalam bukunya yang berjudul: *The Cloth Trade in Jambi and Palembang During the 17th and 18th Centuries* (1987) menjelaskan bahawa sejarah awal munculnya songket sebagai sebuah warisan seni budaya Melayu, khususnya di Melayu-Palembang tidak diketahui secara pasti kerana belum ditemukannya bukti sejarah yang dapat menunjukkan keabsahannya. Namun begitu, songket sebagai sebuah pakaian kebangsawanan telahpun diguna pakai oleh para bangsawan pada masa Kerajaan Sriwijaya dan Kesultanan Palembang. Kerana pada masa itu, songket merupakan sebuah karya seni tekstil yang menunjukkan kewibawaan dan status pemakai. Sehingga hanya para kaum bangsawan sahaja yang mampu menggunakan sulaman benang emas yang disebut

³⁰ Grace Inpam Selvanayagam, *Songket Malaysia's Woven Treasure*, (New York: Oxford University Press, 1991).

songket.³¹ Dalam bukunya ini, Barbara Watson menjelaskan sejarah awal munculnya tenun songket sebagai sebuah warisan seni dan budaya Melayu tidak dikenal pasti. Pada abad 17 dan 18, songket merupakan sebuah karya seni yang melambangkan kewibawaan dan status pemakainya. Berbeza dengan Barbara Watson, penyelidikan ini mengkaji pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang di masa sekarang.

5. Erna Damayanti dalam latihan ilmiah pada fakulti Adab IAIN Raden Fatah Palembang yang bertajuk “*Sejarah Pertumbuhan Kain Songket Palembang*” (2000) menjelaskan bahawa songket mempunyai dua fungsi utama bagi masyarakat Palembang, iaitu pertama, sebagai fungsi keagamaan yang tercermin dalam upacara adat Palembang seperti adat perkahwinan, *marhaban* atas kelahiran bayi, dan upacara pengantin sunat (acara khatan anak laki-laki). Kedua, fungsi sosial yang memperlihatkan martabat individu apabila memakai busana songket dapat menegaskan status sosial pemakai.³² Berbeza dengan penyelidikan yang dijalankan Erna Damayanti yang fokus pada sejarah pertumbuhan kain songket, penyelidikan dalam kajian ini mengkaji pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang. Selain fokus kajian, metodologi penyelidikan dalam kajian ini juga berbeza.
6. V.J Herman dalam kajiannya yang bertajuk “*Seni Ragam Hias pada Kain Tenun*” (1990) menjelaskan mengenai pelbagai bentuk dan motif songket dan beberapa bahan yang digunakan untuk membuat songket di beberapa wilayah di Sumatera, Indonesia. Ia menjelaskan bahawa dalam sebuah reka bentuk yang diciptakan oleh para penenun mengandungi unsur budaya

³¹ Barbara Watson Andaya, *The Cloth Trade in Jambi and Palembang During the 17th and 18th Centuries*, New York: tp, 1987).

³² Erna Damayanti, *Sejarah Pertumbuhan Kain Songket Palembang*, Palembang: Fakulti Adab IAIN Raden Fatah, 2000).

tempatan. Sehingga pelbagai motif yang diciptakan tidak hanya sekadar asal membuat tanpa wujudnya sebuah makna yang terkandung didalamnya. Akan tetapi, di dalam kajiannya tersebut, Herman hanya setakat menjelaskan pelbagai motif dan makna songket yang ada di wilayah Sumatera dengan sedikit menjelaskan aspek kesejarahan. Sedangkan perkara-perkara yang ada di persekitaran penenun tidak dijelaskan secara komprehensif sama ada dari segi usaha-usaha penenun dalam melestarikan warisan budaya tersebut dari satu generasi ke generasi yang lain mahupun dari segi permasalahan semakin berkurangnya bahan baku songket.³³ Dalam penyelidikannya, Herman menjelaskan bahawa berbagai-bagai motif yang diciptakan bukan sekadar asal buat sahaja melainkan memiliki makna. Dalam kajian Herman tidak dijelaskan perkara-perkara yang ada di persekitaran penenun dalam upaya melestarikan songket. Berbeza dengan penyelidikan Herman, penyelidikan ini mengkaji permasalahan yang ada di persekitaran penenun di antaranya iaitu etika dan etos kerja penenun.

7. Sementara Heri Junaidi dalam kajiannya pada Fakultas Syari'ah IAIN Raden Fatah Palembang yang bertajuk "*Kerjasama Usaha Seni Tekstil Songket di Palembang*" (1995) menjelaskan mengenai permasalahan pengagihan hasil seni kain songket di Palembang. Di samping itu, Heri juga menyatakan bahawa usaha pelestarian warisan budaya songket dalam kalangan masyarakat Palembang tidak berasaskan pada sebuah keinginan melestarikan warisan budaya, akan tetapi lebih disebabkan keterpaksaan dalam memenuhi keperluan keluarga. Heri menyimpulkan bahawa kegiatan pembuatan kain songket yang dilakukan mereka berdasarkan mengembangkan perniagaan yang telah mereka miliki sebelumnya. Ertinya, pembuatan kain songket

³³VJ. Herman, *Seni Ragam Hias pada Kain Tenun*, Mataram: Depdikbud, 1990 .

Palembang bukan berdasarkan pelestarian tradisi tetapi hanya sebagai menambah punca pendapatan. Ia mencontohkan, tenun songket yang diproduksi oleh syarikat 'X' telah didahului dengan pekerjaan menjahit, *membordir*, ataupun kain *jumputan*. Kemudian, baru ada keinginan membuat tenun songket, itupun kerana ada dorongan dari pemerintah daerah.³⁴ Heri Junaidi dalam penyelidikannya menjelaskan bahawa usaha pelestarian warisan budaya songket dalam kalangan masyarakat Palembang tidak berasaskan pada sebuah keinginan melestarikan warisan budaya, akan tetapi lebih disebabkan keterpaksaan dalam memenuhi keperluan keluarga. Berbeza dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Heri Junaidi, penyelidikan ini mengkaji pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang, jadi penyelidikan ini tidak fokus pada alasan pelestarian warisan budaya.

8. RM. Rangga Alimuddin dalam latihan ilmiah pada Fakulti Ekonomi Universiti Tridianti Palembang yang bertajuk "*Prospek Pengembangan Usaha Songket di Palembang: Studi Analisis pada Usaha Songket Yayasan Mustika Mandiri Palembang*" (1999) menjelaskan bahawa usaha songket di Palembang dapat dijadikan tumpuan masyarakatnya dalam memenuhi keperluan keluarga. Sehingga pelestarian budaya songket di Palembang dapat dikekalkan. Hal ini terbukti dengan purata ekonomi masyarakat yang mengembangkan perniagaan kain songket yang selalu mengalami peningkatan keuntungan setiap tahunnya. Di dalam kajiannya, Rangga lebih menumpukan pada usaha masyarakat dalam mengembangkan seni kain

³⁴ Heri Junaidi, *Kerjasama Usaha Seni Tekstil Songket di Palembang*, Palembang: Fakultas Syariah IAIN Raden Fatah, 1995).

songket daripada aspek ekonomi.³⁵ Penyelidikan Rangga membuktikan bahawa usaha songket di Palembang dapat dijadikan tumpuan masyarakatnya dalam memenuhi keperluan keluarga. Tumpuan kajiannya lebih kepada usaha masyarakat dalam mengembangkan seni kain songket. Berbeza dengan penyelidikan yang dijalankan Rangga, penyelidikan ini mengkaji konsep etika Islam, etos kerja menurut Islam dan menganalisis pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang.

Berdasarkan penjelasan sorotan kajian lepas tersebut dapat diperkatakan bahawa kajian ini berbeza dengan kajian-kajian terdahulu. Namun kajian-kajian terdahulu banyak menyumbang kepada perbincangan kerangka kajian tesis ini.

1.7. METODOLOGI PENYELIDIKAN

Dalam melakukan sesuatu kajian ilmiah ataupun penyelidikan, metode merupakan perkara yang amat penting kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek yang sedang dikaji. Metode merupakan suatu prosedur atau cara mengetahui sesuatu yang mempunyai langkah-langkah yang sistematik. Sesuatu penyelidikan ilmiah akan dikira bermutu sekiranya metode yang digunakan tepat dan sesuai dengan objek dan tujuannya. Metode kajian yang digunakan penulis adalah metode kajian *mixed methods*. Sebagai sebuah metode kajian, *mixed methods* berfokus pada pengumpulan, penganalisisan, dan pencampuran data kuantitatif dan kualitatif dalam suatu kajian tunggal atau lanjutan. Penggunaan metode kualitatif dan kuantitatif dalam satu kajian dapat memberikan pemahaman atau jawapan dari masalah kajian secara lebih baik dibandingkan dengan penggunaan salah satunya.

³⁵ RM. Rangga Alimuddin, *Prospek Pengembangan Usaha Songket di Palembang: Studi Analisis pada Usaha Songket Yayasan Mustika Mandiri Palembang*, (Palembang: Fakulti Ekonomi Universiti Tridinant, 1999).

Pembahagian jenis kajian *mixed methods* dapat dibahagi menjadi dua model utama yakni model *sequential* (urutan) dan model *concurrent* (campuran). Model *sequential* (urutan) dibahagi menjadi dua yakni *sequential explanatory* (pembuktian) dan *sequential exploratory*. Model *concurrent* (campuran) ada dua kategori yakni model *concurrent triangulation* (campuran kuantitatif dan kualitatif secara berimbang) dan model *concurrent embedded* (campuran penguatan/metode kedua memperkuat metode pertama).³⁶

Berdasarkan pembahagian jenis kajian *mixed methods*, penulis memilih menggunakan kaedah *exploratory* yang termasuk ke dalam model *sequential* (urutan). Kaedah ini merupakan reka bentuk jenis *mixed methods* yang dilakukan dengan cara melaksanakan kajian kualitatif terlebih dahulu baru kemudian dilanjutkan dengan kajian kuantitatif.³⁷

Terhadap urutan penggunaan metode kajian di atas, secara lebih komprehensif Sugiyono menyatakan pada tahap awal metode kajian ini menggunakan metode kualitatif dan tahap berikutnya menggunakan metode kuantitatif. Penekanan lebih pada metod pertama, yakni metod kualitatif dan selanjutnya dilengkapi dengan metode kuantitatif. Pencampuran data kedua metode bersifat *connecting* (menyambung) antara hasil kajian pertama dan tahap berikutnya.³⁸

Lebih lanjut Sugiyono memaparkan pada tahap pertama kajian *Mixed Methods Sequential Exploratory Design* menggunakan masalah, atau potensi, atau hanya ingin mengetahui perancangan penyelidikan. Selanjutnya pengkaji melakukan kajian teori perspektif yang berfungsi untuk memandu pengkaji masuk ke pengaturan kajian dengan melakukan pengumpulan data dan analisis data kualitatif, dan akhirnya pengkaji dapat

³⁶ Sugiyono, *Metode Penelitian Kombinasi (Mixed Methods)*, (Bandung: Alfabeta, cetakan ke-6, 2014), 407

³⁷ *Ibid.*, 40.

³⁸ *Ibid.*,

menemukan gambaran yang utuh dari objek kajian tersebut, mengkonstruksi makna dan hipotesis-hipotesis. Pada tahap kedua pengkaji menggunakan metode kuantitatif yang berfungsi untuk menguji hipotesis yang ditemukan pada kajian tahap pertama. Langkah-langkah dalam penggunaan metode kuantitatif adalah: menentukan populasi dan sampel sebagai tempat untuk menguji hipotesis, mengembangkan dan menguji instrumen untuk pengumpulan data, analisis data, dan selanjutnya membuat laporan yang diakhiri dengan kesimpulan dan saran.³⁹

Berdasarkan huraian-huraian di atas, penulis merumuskan langkah-langkah pelaksanaan penyelidikan ini sebagai berikut.

1.7.1. Tahap Pertama, Penyelidikan Kualitatif

1.7.1.1. Menentukan Pengaturan Penyelidikan

Pengaturan penyelidikan yang penulis tentukan ialah penenun songket di kota Palembang. Wilayah kajian iaitu di Kecamatan Ilir Barat II dan Kecamatan Seberang Ulu II, dan perkara-perkara yang mempunyai kaitan dengannya.

1.7.1.2. Melakukan Kajian Teori.

Penyelidik mengkaji teori-teori yang berkenaan dengan konsep etika Islam dan etos kerja penenun songket Palembang. Pengkajian terhadap teori-teori tersebut diharapkan dapat membantu penyelidik untuk mengkaji masalah-masalah yang terjadi pada penenun songket Palembang, sehingga penyelidik mampu memahami apa yang menjadi punca masalah. Setelah mempelajari dan mengkaji teori-teori di atas, selanjutnya penyelidik mempelajari dan mengkaji teori etos kerja yang berkenaan dengan penenun songket Palembang. Hal ini dilandasi oleh temuan penyelidik iaitu etika Islam yang mempengaruhi etos kerja penenun songket Palembang.

³⁹*Ibid.*, 474-475

1.7.1.3. Mengumpulkan dan Menganalisis Data.

Metode pengumpulan data ialah usaha-usaha yang dilakukan dengan cara pengumpulan data dan penafsiran terhadap data yang terkumpul. Metode pengumpulan data bagi menyempurnakan kajian ini dilakukan melalui dua cara iaitu penyelidikan lapangan (*field research*) dan penyelidikan perpustakaan. Penyelidikan perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan di perpustakaan bagi mendapatkan maklumat sama ada dalam bentuk kamus, *encyclopedia*, buku-buku rujukan, disertasi, majalah, jurnal, dan seumpamanya yang berkaitan dengan kajian ini.

Penyelidik mengumpulkan data selari dengan tahapan-tahapan kajian kualitatif dan instrumen penelitian yang telah dibuat. Setelah data terkumpul, selanjutnya penulis menganalisis data tersebut dengan menggunakan teknik analisis deskriptif kualitatif.

Setelah segala data yang diperlukan terkumpul melalui metode yang dinyatakan, penyelidik mula mengolah data dan menganalisis data yang diperolehi untuk menyiapkan kajian ini. Penyelidik menganalisis data menggunakan metode deskriptif analitis yang digunakan untuk menjelaskan konsep etika Islam, menggambarkan dinamika penenun songket, landasan etos kerja, dan aspek sosial budaya yang melingkupi kehidupan penenun songket dan masyarakat sekitarnya.

1.7.1.4. Menemukan Hipotesis.

Setelah data terkumpul dan dianalisis oleh penyelidik, maka selanjutnya hasil analisis tersebut penyelidik gunakan untuk menemukan hipotesis penyelidikan iaitu etika Islam mempengaruhi etos kerja penenun songket Palembang. Hipotesis ini selanjutnya akan dibuktikan dengan menggunakan penelitian kuantitatif. Hipotesis dalam kajian ini adalah ada pengaruh etika Islam terhadap penenun songket Palembang.

1.7.2. Tahap Kedua, Penyelidikan Kuantitatif

1.7.2.1. Menentukan Populasi dan sampel

Penentuan populasi pada penyelidikan yang dilakukan sesuai dengan penentuan pengaturankajian kualitatif sebelumnya. Populasi adalah wilayah generalisasi yang terdiri atas objek/subjek yang mempunyai kualiti dan karakteristik tertentu yang ditetapkan oleh penyelidik untuk dipelajari dan kemudian dibuat kesimpulan.⁴⁰ Dengan demikian, populasi bukan hanya orang, tetapi juga objek dan benda-benda alam yang lain. Populasi juga bukan sekadar jumlah yang ada pada objek/subjek yang dipelajari, tetapi meliputi seluruh karakteristik/sifat yang dimiliki oleh subjek atau objek itu.⁴¹ Dalam penyelidikan ini populasinya adalah wilayah Kecamatan Ilir Barat II dan Kecamatan Seberang Ulu II.

Setelah penentuan populasi selesai dilaksanakan, selanjutnya penyelidik menentukan sampel penyelidikan. Sampel penyelidikan menentukan jumlah dan karakteristik yang dimiliki oleh populasi tersebut. Bila populasinya besar dan penyelidik tidak mungkin mengkaji semua yang ada pada populasi, misalnya kerana keterbatasan wang, tenaga dan waktu, maka penyelidik dapat menggunakan sampel yang diambil dari populasi itu. Apa yang dipelajari dari sampel itu, kesimpulannya akan dapat diberlakukan untuk populasi. Untuk itu, sampel yang diambil dari populasi harus betul-betul representative (mewakili).⁴²

Dalam kajian ini, penyelidik menetapkan 100 orang sampel yang dilakukan secara rawak (*random*) dan tersebar di wilayah Kecamatan Ilir Barat II dan Kecamatan Seberang Ulu II. Penetapan sampel ini didasarkan pada hasil temubual dengan Gubernur Sumatera Selatan yang menyatakan bahawa penenun songket di Sumatera Selatan lebih

⁴⁰ *Ibid.*, 119

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *Ibid.*, 120

dari 7000 orang, dan di sentra songket di Palembang lebih dari 600 orang. Bagaimanapun, yang benar-benar menggantungkan hidup dari menenun songket hanya sekitar 140-150 orang sahaja.⁴³

1.7.2.1. Metode Pengumpulan Data.

Metode pengumpulan data penyelidikan lapangan (*field research*) dilakukan secara langsung terhadap objek yang dikaji. Pelaksanaannya meliputi pemerhatian ikut serta, temubual (wawancara), soal selidik dan dokumentasi.

Pemerhatian ikut serta dilakukan untuk mengadakan pengamatan secara langsung terhadap fakta-fakta yang ada, iaitu tentang aktiviti penenun songket di Palembang. Pengkaji melakukan pemerhatian ikut serta selama tiga bulan (Oktober-Disember 2015) dengan para penenun songket Palembang untuk melihat secara langsung keadaan penenun songket, cara hidup, punca pendapatan dan keluarga. Di samping melihat secara langsung, penyelidik mengadakan temubual secara tidak formal dengan penenun. Ini dilakukan untuk mengetahui keadaan mereka dan menginginkan terjadinya komunikasi yang rapat bagi mendapatkan maklumat yang lebih terbuka. Penyelidik turut berinteraksi dengan penenun songket untuk menyelami kehidupan harian mereka bagi melihat sejauh mana pengaruh etika Islam terhadap etos kerja mereka. Ini kerana pelaksanaan ajaran Islam merupakan sesuatu perkara yang tidak dapat dilihat secara singkat kerana membabitkan aspek dalaman yang berkait rapat dengan hati, perasaan, keyakinan dan pemikiran. Akan tetapi, elemen-elemennya terserlah dapat diukur daripada sikap, etos kerja, perbualan yang menjurus kepada etika penenun songket.

Manakala soal selidik yang diedarkan adalah soal selidik tertutup. Soal selidik tertutup merupakan senarai soalan yang telah disusun untuk mendapatkan alternatif

⁴³ Temubual dengan Gubernur Sumatera Selatan, Alex Noerdin, Selasa 15 Disember 2015 pukul 8 malam

jawapan dari responden, di mana jawapan telah disediakan oleh penyelidik. Alasan penyelidik menggunakan soal selidik ini kerana: Pertama, soal selidik merupakan alat praktikal untuk digunakan dalam pengumpulan data yang dalam waktu relatif singkat data yang diperlukan segera terkumpul. Kedua, dengan soal selidik ini responden akan lebih bebas dalam memberikan jawapan. Ketiga, setiap responden akan menghadapi soalan yang sama, sama ada kandungan mahupun struktur ayat sehingga kebarangkalian diperoleh jawapan yang seragam adalah amat besar. Hal inilah yang akan memudahkan penyelidik dalam pengolahan data. Adapun soal selidik yang disebarkan kepada responden berjumlah 100 set dan semuanya dikembalikan. Penyelidik mengedarkan soal selidik sebanyak 100 set untuk menepati kajian. Responden adalah terdiri daripada penenun dan pengusaha tenun songket.

Selain soal selidik, penyelidik juga melakukan temubual dalam usaha mengukuhkan data. Temubual yang telah penyelidik lakukan adalah dengan menemubual secara langsung para *informan (key informan)*. Sumber temubual terdiri daripada penenun songket, tokoh agama dan tokoh masyarakat. Dalam temubual, penyelidik mencari informasi tentang aktiviti penenun songket, pandangan atau pendapat tokoh agama dan tokoh masyarakat yang ada hubung kait dengan kajian ini.

Di samping itu, penyelidik mengumpulkan data melalui metode dokumentasi. Melalui metode ini, penyelidik mengumpulkan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubung kait dengan kajian ini. Antaranya ialah gambar, berita-berita, surat khabar dan dokumen pemerintah. Dokumentasi bertujuan untuk memberi definisi terhadap fakta-fakta yang diperlukan.

1.7.2.2. Metode Analisis Data.

Setelah segala data yang diperlukan terkumpul melalui metode-metode yang dinyatakan, penyelidik mula mengolah data dan menganalisis data yang diperoleh untuk

menyiapkan kajian ini. Sementara data daripada soal selidik diproses dengan menggunakan program SPSS dan dianalisis dengan menggunakan ujian-ujian statistik tertentu. Sedangkan skala yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah berdasarkan skala Likert (*Likert Scala*). Pemilihan skala ini dibuat kerana kesesuaiannya, boleh dipercayai dan mudah untuk melaksanakannya. Bernard M. Bass dan Gerald V. Barrett memberikan tiga sebab mengapa skala Likert ini sesuai digunakan iaitu masa yang diperlukan sedikit, mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan senang untuk ditadbirkan.⁴⁴ Bagi mengukur tahap etika Islam dan etos kerja responden, maklum balas yang diterima berdasarkan skala Likert akan dikodkan semula atau *recode* menjadi sama ada “rendah”, “sedang” atau “tinggi”.

Ujian-ujian statistik juga dijalankan bagi mengukur perkaitan atau perhubungan di antara pembolehubah yang berbeza, iaitu pembolehubah bebas (etika Islam dan faktor sosio-demografi) dengan pembolehubah berubah (terikat) iaitu tahap etos kerja responden. Ujian menggunakan regresi sederhana iaitu untuk menguji tingkat pengaruh pemboleh ubah bebas (mempengaruhi) terhadap pemboleh ubah terikat (yang dipengaruhi). Analisis regresi sederhana digunakan untuk memperkirakan atau menguji pengaruh satu pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah terikat. Bila skor pemboleh ubah bebas diketahui maka skor pemboleh ubah terikatnya dapat diperkirakan besarnya. Analisis regresi juga dapat dilakukan untuk mengetahui keserasian pemboleh ubah terikat dengan pemboleh ubah bebas.

Analisis regresi linear sederhana terdiri dari satu pemboleh ubah bebas (*predictor*) dan satu pemboleh ubah terikat (respon), dengan persamaan:

$$Y = a + bX$$

Keterangan :

⁴⁴Bernard M. Bass dan Gerald V. Barret, *People, Work and Organization: An Introduction to Industrial and Organizational Psychology*, (Boston: Allyn & Bacon Inc, 1981), 96.

Y :Pemboleh ubah terikat

a : Konstanta regresi

bX : Nilai turunan atau peningkatan pemboleh ubah bebas

Paras signifikansi atau *level significance* bagi ujian statistik di atas ialah 0.5 (5%). Sekiranya ujian statistik bagi sesuatu pembolehubah itu mendapati paras keertiannya memenuhi keperluan paras signifikan yang ditetapkan ini, maka pembolehubah berkenaan dianggap mempengaruhi secara signifikan dengan tahap etos kerja responden. Sebaliknya, jika paras keertiannya berada di bawah paras signifikan, maka kesimpulan yang dapat dibuat ialah kedua-dua pembolehubah berkenaan tidak mempunyai hubungan yang signifikan.⁴⁵

1.7.2.3. Pelaporan

Setelah langkah-langkah di atas selesai dilakukan penyelidikan, selanjutnya menuliskan hasil penelitian ini berupa tesis dengan menyajikan data-data beserta analisisnya dan kesimpulan penyelidikan beserta saranan yang ditujukan pada pihak-pihak tertentu.

1.8. SUSUNAN PENULISAN

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah disebutkan di atas, maka perlu disusun kerangka pembahasan yang sistematis. Adapun kerangka pembahasan ini diuraikan dalam bab-bab sebagai berikut:

Bab pertama merupakan bahagian pendahuluan yang terdiri dari latar belakang masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas, metodologi penyelidikan, dan susunan penulisan.

⁴⁵ Kamaruddin Daud , “*Kajian terhadap Tahap Motivasi Petugas-petugas Kaunter di Sektor Awam*”, Tesis MA, (Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, UM,1997/1998), 31.

Bab kedua menghuraikan konsep etika Islam dan etos kerja. Bab ini membahaskan konsep etika Islam yang meliputi pengertian etika, pengertian etika Islam, dasar etika Islam, karakteristik etika Islam. Selain itu juga dihuraikan tentang pengertian etos kerja, dan karakteristik etos kerja Islam.

Bab ketiga membincangkan sejarah Palembang yang merangkumi sejarah ringkas Palembang, penduduk dan perekonomian. Bab ini turut membicarakan aspek anutan agama penduduk Palembang dan keadaan sosial masyarakatnya yang menumpukan kepada penenun songket Palembang. Selain itu, dalam bab ini juga membincangkan sejarah tenun songket, alat dan bahan menenun songket.

Bab keempat merupakan analisis pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang. Dalam bab ini dijelaskan pembahasan hasil temuan penyelidikan kualitatif dan kuantitatif serta analisisnya.

Bab kelima merupakan bab terakhir mengandungi kesimpulan, saranan dan penutup.

BAB II: KONSEP ETIKA ISLAM DAN ETOS KERJA

2.0. PENGENALAN

Bab ini membicarakan tentang konsep etika Islam dan etos kerja. Ajaran Islam bukan hanya diwujudkan dalam bentuk ibadah ritual sahaja, tetapi juga dalam aktiviti-aktiviti lainnya. Sebagai suatu sistem yang menyeluruh, Islam memerintahkan pemeluknya untuk beragama secara menyeluruh. Ada beberapa aspek ketaatan beragama yang dapat diukur untuk mengetahui apakah seseorang tersebut taat atau tidak, iaitu aspek keyakinan, kefahaman agama, pengalaman, pengetahuan dan amalan agama.

Dalam Islam, perkara penting yang diberi keutamaan adalah akidah atau pengesaan Allah SWT iaitu tindakan yang menegaskan Allah SWT sebagai Yang Mahaesa, Pencipta yang mutlak dan suci, Penguasa segala yang ada. Tidak ada satupun perintah dalam Islam yang dapat dilepaskan dari akidah. Suatu tindakan tak dapat disebut bernilai Islam tanpa dilandasi oleh kepercayaan kepada Allah SWT. Selain akidah, asas Islam lainnya adalah syariah dan akhlak. Ketiga asas tersebut antara satu dengan yang lainnya saling berkaitan. Akidah adalah sistem kepercayaan dan dasar bagi syariah dan akhlak. Sedangkan syari'ah adalah peraturan atau ketetapan yang Allah SWT perintahkan kepada hambaNya. Sementara akhlak adalah perangai yang melekat pada individu yang dapat menghasilkan perbuatan baik tanpa mempertimbangkannya terlebih dahulu. Bab ini membicarakan konsep etika menurut Islam serta konsep etos kerja agar lebih jelas bagaimana Muslim hendaknya bekerja.

2.1. KONSEP ETIKA ISLAM

2.1.1. Pengertian Etika

Semenjak zaman Yunani kuno hingga kini, manusia selalu memikirkan prinsip-prinsip tentang masalah mana yang benar dan mana yang salah. Mereka mempunyai ukuran-ukuran dan norma-norma yang berbeza. Suatu tindakan mungkin akan dianggap terpuji di suatu tempat, akan tetapi di tempat lain dianggap salah atau jahat. Begitu pula suatu perbuatan mungkin dianggap baik pada satu masa tertentu, tetapi dengan berubahnya zaman, perbuatan yang dianggap baik pada masa lampau dianggap buruk pada masa kini. Sebaliknya, suatu perbuatan jahat dan buruk mungkin dianggap baik dan benar pada tempat dan masa yang berbeza. Hubungan seks sebelum menikah akan dianggap wajar oleh masyarakat Barat. Tetapi, bagi masyarakat Timur khususnya Muslim, hal tersebut merupakan perbuatan tercela. Dahulu seorang wanita berpantang keluar dan bekerja pada malam hari. Tetapi pada masa industrialisasi sekarang ini, bagi sebahagian orang hal tersebut sudah dianggap sebagai hal yang lumrah.¹

Istilah etika secara etimologi berasal dari bahasa Yunani *ethos* yang bermakna watak kesusilaan atau adat² dan dari kata Latin: *Ethic (us)*, dalam bahasa Grek: *Ethikos* = *a body of moral principles or values*. *Ethic* = erti sebenarnya ialah kebiasaan, *habit*, *custom*. Jadi dalam pengertian asal, apa yang disebut baik itu ialah yang sesuai dengan kebiasaan masyarakat. Lambat laun pengertian etika itu berubah, seperti mana pengertian sekarang: etika ialah suatu ilmu yang membicarakan masalah perbuatan atau tingkah laku manusia, mana yang dapat dinilai baik dan mana jahat.³

¹ Lihat Ahmad Mahmud Shubhi, *Al-Falsafah al-Akhlaqiyyah fi al-Fikr al-Islami; al-'Aqliyyun wa al-Dhawqiyyun aw al-Nazar wa al-'Amal*, (Beirut: Dâr al-Nahdhah al-Arabiyah, 1992),34. Lihat pula Majid Fakhri, *Ethical Theories in Islam*, terj. Zakiyuddin Baidhawi "Etika dalam Islam", (Jakarta: Pustak Pelajar, 1996), 24.

² Abuddin Nata, *Akhlaq Tasawuf*, (Jakarta: PT. Rajagrafindo Persada, 2003), 89.

³ Burhanuddin Salam, *Etika Individual Pola Dasar Filsafat Moral*, (Jakarta: PT. Rineka Cipta,2000), 3.

Menurut Rafik Issa Bekun, etika dapat didefinisikan sebagai prinsip-prinsip moral yang membezakan perkara baik dan buruk. Etika adalah bidang ilmu yang bersifat normatif, kerana ia berperanan menentukan apa yang perlu dilakukan atau tidak boleh dilakukan oleh individu.⁴ Lebih tegas menurut Madjid Fachri, etika merupakan gambaran logik mengenai hakekat dan asas perbuatan dan keputusan yang benar, serta prinsip-prinsip yang menentukan kenyataan bahawa perbuatan dan keputusan secara moral yang diperintah dan dilarang.⁵

Menurut Ahmad Amin, etika adalah ilmu yang menjelaskan erti baik dan buruk, menerangkan apa yang hendaknya dilakukan oleh manusia, menyatakan matlamat yang perlu dilalui oleh manusia dalam perbuatan mereka dan menunjukkan jalan untuk melakukan apa yang hendaknya diperbuat.⁶ Menurut Rachmat Jatnika, kata etika sering disebut (sinonim) dengan kata akhlak dan moral.⁷ Sedangkan menurut Asmaran AS, walaupun etika sering disamakan dengan kata akhlak dan moral, ketiga istilah tersebut sebenarnya mempunyai perbezaan dan persamaan. Menurutnya, persamaannya diantaranya terletak pada objeknya iaitu ketiganya sama-sama memperihalkan baik-buruk tingkah laku manusia. Sedangkan perbezaannya terletak pada parameter masing-masing. Akhlak menilai perbuatan manusia menggunakan parameter agama, sedangkan etika menggunakan pertimbangan akal fikiran, sementara moral menggunakan adat kebiasaan yang berlaku di masyarakat.⁸

⁴ Rafik Issa Bekun, *Islamic Business Ethics*, Herndon: The International Institute of Islamic Thought, , terj. Etika Bisnis Islam, (Jakarta: Tp, 2004), 7.

⁵ Madjid Fakhri, *Etika dalam Islam*, terj. Zakiuddin B., (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1996), xv.

⁶ Ahmad Amin, *Etika (Ilmu Akhlak)*, 3.

⁷ Rachmat Jatnika, *Sistem Etika Islami*, (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1996), 218.

⁸ Asmaran As, *Pengantar Studi Akhlak*, (Jakarta: PT. Rajagrafindo Persada, 1992), 7.

Istilah lain dari etika, biasanya digunakan kata: moral, susila, budi pekerti, akhlak, sebagaimana dijelaskan oleh Hasbullah Bakri, bahawa etika dalam bahasa Arab disebut budi pekerti, perangai, tingkah laku atau *tabi`at*.⁹

Dilihat dari fungsi dan peranannya, dapat dikatakan bahawa etika, moral, susila dan akhlak adalah sama, iaitu menentukan hukum atau nilai dari suatu perbuatan yang dilakukan manusia untuk ditentukan baik buruknya. Kesemua¹⁰ istilah tersebut sama-sama menghendaki terciptanya keadaan masyarakat yang baik, teratur, aman, damai dan tenteram sehingga sejahtera batiniyah dan zahiriyah. Tetapi ada perbezaan antara etika, moral, dan susila dengan akhlak, iaitu terletak pada sumber yang dijadikan parameter bagi menentukan baik dan buruk. Jika dalam etika, penilaian baik buruk berdasarkan pendapat akal fikiran, dan pada moral dan susila berdasarkan kebiasaan yang berlaku di masyarakat, maka pada akhlak ukuran yang digunakan untuk menentukan baik dan buruk adalah al-Qur'an dan al-Hadits.¹¹

Pada perkembangan selanjutnya, pengertian etika itu berubah, seperti mana pengertian sekarang. Etika adalah perihal yang membicarakan masalah perbuatan atau tingkah laku manusia, seperti mana yang dapat dinilai baik dan mana yang buruk.¹² Istilah lain yang berdekatan etika ialah moral, dan akhlak yang sama-sama menentukan nilai baik dan buruk sikap dan perbuatan manusia, bahkan terkadang ketiganya berjalan seiring. Menurut Yunahar Ilyas, perbezaan etika, akhlak dan moral terletak pada ukuran masing-masing. Etika, ukurannya berdasarkan pertimbangan akal dan fikiran; akhlak ukurannya ialah al-Quran dan al-Hadith, dan moral ukurannya adat kebiasaan yang umum berlaku di masyarakat.¹³ Sedangkan menurut Harold Titus, perbezaannya hanya dari sudut bahasa, moral berasal dari kata Latin “*moralis*”, etika berasal dari kata

⁹ Hasbullah Bakri, *Sistematik Filsafat*, (Jakarta: Widjaya, 1992), 70.

¹¹ Abuddin Nata, *op.cit.*, 97.

¹² Burhanuddin Salam, *Etika Individual. loc.cit*

¹³ Yunahar Ilyas, *Kuliah Akhlak*, (Yogyakarta: Lembaga Pengkajian dan Pengamalan Islam (LPII), 2004), 3.

“*ethos*”, dan akhlak berasal dari bahasa Arab *akhlaq*, jamak dari *khuluq* yang berarti budi pekerti. Ketiganya berarti “kebiasaan” atau “cara hidup”.¹⁴

Sebenarnya, setiap perbuatan dapat dinilai pada tiga peringkat. Peringkat *pertama*, sebelum lahir jadi perbuatan atau masih dalam perencanaan di dalam hati, niat. Peringkat *kedua*, sesudahnya, yaitu dalam bentuk perbuatan nyata atau pekerti. Peringkat *ketiga*, akibat atau hasil dari perbuatan itu, baik atau tidak baik.¹⁵

Dengan demikian dapat ditegaskan lagi bahwa etika ialah suatu yang menentukan nilai baik dan buruk sikap dan perbuatan manusia. Etika sering pula disinonimkan dengan akhlak dan moral. Perbedaannya terletak pada ukuran masing-masing, namun maksudnya sama, yaitu menentukan nilai baik dan buruk perbuatan manusia.

Berdasarkan pengertian etika tersebut, dapat dikatakan bahwa etika merupakan perbuatan manusia yang dilakukan tanpa dorongan dari luar (orang lain atau yang lainnya) dan dilakukan dengan pertimbangan nilai baik dan buruk, baik menyangkut perkataan maupun perbuatan manusia. Sedangkan antara etika, moral dan akhlak memiliki persamaan dan perbedaan. Etika berasaskan pertimbangan akal fikiran, moral berasaskan adat kebiasaan yang berlaku di masyarakat, dan akhlak berasaskan ajaran agama.

Etika sebagai suatu ilmu yang normatif, dengan sendirinya berisi norma (aturan) dan nilai-nilai yang dapat digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Dari segi inilah didapatkan pemakaian dengan nilai-nilai falsafahnya. Sementara ilmu yang mempelajari pelaksanaan atau realisasi etika dalam amalan kehidupan sehari-hari disebut *casuistic*; orang yang mempelajarinya disebut *casuist*.¹⁶ Penekanan penilaian etika sebagai suatu

¹⁴ Harold H. Titus, *Persoalan-persoalan Filsafat*, (Jakarta: Bulan Bintang, 1984), 141.

¹⁵ Lihat Burhanuddin Salam, *Etika Individual*, 4-5.

¹⁶ Somon Blackburn, *Being Good; Pengantar Etika Praktis*, terj. Hari Kusharyono, (Yogyakarta: Jendela, 2004), 7; Lihat pula Suparlan Suhartono, *Dasar-dasar Filsafat*, (Yogyakarta: Ar-Ruzz, 2004), 16.

ilmu ialah pada perbuatan baik atau jahat, susila atau tidak susila. Perbuatan atau kelakuan seseorang yang telah menjadi sifat baginya atau telah mendarah daging, itulah yang disebut akhlak atau budi pekerti. Budi sendiri tumbuhnya dalam jiwa. Apabila telah dilahirkan dalam bentuk perbuatan namanya pekerti.¹⁷ Jadi suatu budi pekerti, asas penilaiannya adalah dari dalam jiwa, masih menjadi angan, cita, niat hati, sampai ia lahir ke luar dalam bentuk perbuatan nyata.

Adapun norma-norma etika dapat dikelompokkan menjadi dua bahagian, iaitu norma luaran dan norma dalaman. Norma luaran terdiri daripada beberapa fahaman; *pertama*, fahaman pragmatisme. Fahaman ini menimbang kebaikan dan keburukan suatu perbuatan dari manfaat yang dapat dihasilkan, baik ditinjau dari segi rohani mahupun materi dan individu mahupun kelompok. Dengan demikian perbuatan yang dianggap baik adalah yang bermanfaat. Semakin besar manfaat suatu perbuatan, semakin tinggi pula nilai kebenarannya.¹⁸

Kedua, fahaman yang mengambil jalan tengah antara dua perbuatan buruk. Norma ini dicetuskan oleh Aristotel. Menurut fahaman ini, perbuatan baik adalah yang menjadi jalan tengah antara dua perbuatan yang buruk. Sebagai contoh kedermawanan adalah baik, kerana merupakan jalan tengah antara kikir dan boros. Kesabaran adalah terpuji, kerana jalan tengah antara kekerasan dan kelemahan.¹⁹

Ketiga, fahaman yang mengikuti kesesuaian dengan persekitaran. Bagi fahaman ini, suatu perbuatan dianggap baik apabila sesuai dengan persekitarannya. Kesesuaian dengan persekitaran menghasilkan kenikmatan dan kegembiraan, sedangkan ketidaksesuaian dengan persekitaran menyebabkan penyakit dan kesengsaraan.

¹⁷ Frans Magnis Suseno,(2002), *op.cit.*, h. 7; Lihat pula M. Amin Abdullah, *Filsafat Etika Islam; Antara al-Ghazâlî dan Kant*, Bandung: Mizan, Tt.), 67.

¹⁸ Lihat M. Darori Amin,“Norma-norma Etika Islam”, dalam Jurnal *Teologia*, Volume 12, Nomor 3, Oktober 2001,321

¹⁹ Akan tetapi setelah dilakukan penelitian, banyak yang menganggap bahwa norma ini mengandung kelemahan, karena banyak perbuatan jelek yang tidak ada jalan tengahnya, seperti pree sex, berbohong, mencuri dan sebagainya. Lihat *Ibid*

Keempat, fahaman yang memandang kepada kenyataan dan percubaan. Norma etika bagi fahaman ini merupakan percubaan, yang dengannya akan diketahui baik buruknya suatu perbuatan. Apabila dalam percubaan tersebut dapat dipetik manfaat material mahupun spiritual, perbuatan tersebut dapat dikatakan baik. Tetapi apabila tidak ada manfaat, maka perbuatan itu buruk.²⁰ Sedangkan norma dalaman, dapat didefinisikan sebagai suatu daya yang berpunca dari manusia, yang dengannya manusia dapat membezakan antara perbuatan yang baik dan buruk.²¹

Para pengikut fahaman ini bersepakat tentang adanya kekuatan *batiniyah* di dalam diri manusia untuk membezakan antara yang benar dan yang salah. Daya tersebut dinamakan hati nurani, yang merupakan cermin bagi perbuatan manusia. Dari padanya akan menghasilkan satu perbuatan sama ada baik atau buruk. Suara hati, bukan saja memberikan maklumat tentang baik atau buruknya suatu perbuatan, tetapi memberikan ganjaran kegembiraan bagi yang melakukan perbuatan baik, dan penyesalan bagi yang melakukan perbuatan jahat.²²

Menurut fahaman rasionalis, rasio (pentaakulan) merupakan satu-satunya daya yang dimiliki manusia untuk mengetahui antara yang baik dan yang buruk. Pencetus pendapat ini adalah Socrates dan Plato, yang kemudian dilanjutkan dengan fahaman Mu'tazilah dalam Islam, dan selanjutnya oleh Imanuel Kant dari Jerman. Fahaman ini telah menggabungkan antara akal dan kehendak baik. Perbuatan baik merupakan perbuatan yang keluar dari kehendak yang baik. Untuk itu, fahaman ini membuat tiga prinsip bagi individu dalam melakukan perbuatan: *pertama*, prinsip am. Jika seseorang akan melakukan suatu perbuatan, hendaknya melakukan yang sesuai dengan prinsip-prinsip yang diterima orang ramai dan telah menjadi undang-undang. *Kedua*, prinsip penghormatan kepada kemanusiaan dan tidak menjadikannya sebagai alat. Jika

²⁰ *Ibid*

²¹ *Ibid. h. 322*

²² Lihat Harry Hamersma, (1986), *Tokoh-tokoh Filsafat Barat Modern*, Jakarta: Gramedia, h. 90.

seseorang akan melakukan suatu tindakan, hendaknya ia dapat memperlakukan dengan baik kemanusiaan yang ada pada dirinya dan orang lain. *Ketiga*, kebebasan bertindak dari kepentingan dan hasil-hasil dari perbuatan tadi, serta tidak akan tunduk kecuali kepada akal.²³

Dari penjelasan di atas dapat ditegaskan bahawa norma-norma etika dapat dikelompokkan pada norma luaran dan norma dalaman. Norma luaran dibagi pada fahaman pragmatisme, fahaman jalan tengah antara dua perbuatan baik dan buruk, fahaman yang mengikuti kesesuaian dengan persekitaran dan fahaman yang memandang kepada kenyataan dan percubaan. Sedangkan norma dalaman ialah suatu daya yang berasal dari manusia yang menggunakan beberapa prinsip; prinsip am, prinsip penghormatan kepada kemanusiaan dan prinsip kebebasan bertindak.

2.1.2. Pengertian Etika Islam

Pengertian etika secara umum telah dijelaskan, namun perlu pula disebutkan di sini pengertian etika Islam. Pengertian etika Islam ialah; “prinsip-prinsip serta kaedah-kaedah yang disusun untuk perbuatan-perbuatan manusia yang telah digariskan oleh wahyu, untuk mengatur kehidupan mereka dan mencapai tujuan dari keberadaan mereka di dunia ini dengan cara yang sebaik-baiknya”.²⁴ Ertinya, prinsip-prinsip atau aturan yang mengatur perbuatan baik dan buruk yang menurut Toshihiko Izutzu disebut oleh al-Qur'an dengan *salih* dan tidak *salih*, dalam bahasa Inggrisnya disebut *righteous* (kepatutan). Kata *salih* ini selalu berdekatan penyebutannya dengan kata iman, kerananya memiliki hubungan semantik yang mengikat.²⁵

²³ *Ibid.*,h. 93.

²⁴ Lihat Muhammad Yusuf Musa, *Filsafat al-Akhlaq fi al-Islam*, (Kaherah: Maktabah al-Khanji, 1963), 54.

²⁵ Lihat Toshihiko Izutzu, *Ethico-Religious Concepts in the Qur'an*, terj. Agus Fahri Husein “ Konsep Etika Religius dalam al-Qur’ân, (Yogyakarta: Tiara Wacana, 2003),246.

Perbezaan pokok etika Islam dan etika yang lainnya terletak pada sumber. Sumber utama dari etika secara umum ialah penilaian manusia, kerananya bersifat relatif. Sedangkan sumber utama dari etika Islam adalah wahyu yang datang dari Allah SWT dan sunnah Nabi Muhamamd SAW. Kerana sumbernya wahyu, maka sumber etika Islam bersifat mutlak. Wahyu merupakan sumber utama etika Islam. Sumber utama ini kemudian dikembangkan menjadi tiga; al-Qur'an dan al-Hadith, kemahuan yang baik dan tujuan, akal dan hati nurani.

Kerana dalam pembahasan ini adalah etika yang berkaitan dengan tata kerama dalam Islam, maka penulis lebih cenderung kepada pengertian etika dalam erti akhlak yang menggunakan ukuran baik buruk berdasarkan wahyu, iaitu : Al-Qur'an dan al-Hadith, dan kemudian berdasarkan *athar al sahabah* dan kemaslahatan umat atau kebiasaan, *habit, custom*.²⁶ Oleh itu, pengertian akhlak menurut al-Ghazali ini sangat penting untuk dikemukakan, sehingga dapat membantu untuk menelaah konsep akhlak.

Menurut al-Ghazali, “Akhlak adalah suatu sikap yang mengakar dalam jiwa yang darinya lahir pelbagai perbuatan dengan mudah tanpa perlu pemikiran dan pertimbangan. Jika dari sikap itu lahir perbuatan terpuji, baik menurut akal sehat maupun *syara'*, maka ia disebut akhlak terpuji (*akhlaq al-mahmudah*). Jika yang lahir perbuatan tercela, ia disebut akhlak tercela (*akhlaq al-mazmumah*)”.²⁷

Definisi akhlak al-Ghazali ini pada asasnya merupakan respons terhadap definisi-definisi akhlak yang dikemukakan oleh ulama-ulama ketika itu. Menurutnya, “para ulama memang telah membicarakan akhlak, akan tetapi sebenarnya tidak membicarakan hakekat akhlak, melainkan hanya ‘buahnya’ sahaja”.²⁸ Al-Ghazali kemudian mengambil beberapa definisi akhlak yang dikemukakan oleh para ilmuwan, antara lain:

²⁶ Ahmad Amin, *Etika (Ilmu Akhlak)*, 3.

²⁷ Al-Ghazali, *Ihyā 'Ulum al-Din*, III, (Beirut: Dar al-Fikr, tt), 109.

²⁸ Al-Ghazali, *Keajaiban Hati*, terj. Nurchikmah, (Jakarta: Tintamas Indonesia, 1984), 140.

1. Al-Hasan, akhlak baik adalah muka yang manis, banyak memberi, dan mencegah hal-hal yang menyakiti hati orang lain.
2. Al-Wasithi, akhlak baik adalah kalau orang tidak bermusuhan dan tidak dimusuhi, kerana sangat mengenali Allah SWT. Suatu saat al-Wasithi juga mendefinisikan, akhlak baik ialah membuat bahagia banyak orang pada masa senang dan susah.
3. Syah al-Karmani, akhlak baik ialah mencegah hal-hal yang menyakiti orang lain (terutama perasaan) dan penderitaan orang mukmin.
4. Abu Usman, akhlak baik adalah rela kepada Allah SWT.
5. At-Tusturi, akhlak baik adalah apabila seseorang tidak buruk sangka kepada Allah SWT tentang rezeki, percaya kepada Allah SWT bahawa rezekinya akan terjamin, tidak durhaka kepada Allah SWT, dan menjaga hak-hak sesama.
6. Al-Husam bin Mansur, akhlak baik adalah apabila engkau tidak terpengaruh oleh kekasaran perangai orang ramai setelah engkau mengetahui mana yang benar.
7. Abu Said al-Kharraz, budi pekerti baik ialah agar engkau tidak mempunyai tujuan selain Allah SWT.²⁹

Definisi-definisi semacam inilah yang dikritik al-Ghazali sebagai definisi yang terbatas pada buah akhlak, bukan pada substansinya. Bagi memperkukuh hujahnya, al-Ghazali membezakan antara *al-khuluq* (budi pekerti) dan *al-khalq* (kejadian; bentuk lahir). Jadi yang dikehendaki oleh *al-khalq* meliputi “bentuk zahir”, sementara *al-khuluq* menekankan pada “bentuk batin”-nya. Al-Ghazali menambahkan bahawa *al-*

²⁹ *Ibid*, 140.

khuluq menggambarkan perilaku yang meresap dalam jiwa (*nafs*), dan darinya memancarkan perbuatan-perbuatan yang tanpa melalui fikiran dan pertimbangan.³⁰

Fokus perbincangan akhlak al-Ghazali adalah kebahagiaan. Kebahagiaan merupakan sesuatu yang dicari, baik oleh orang terdahulu mahupun orang moden. Kebahagiaan, kata al-Ghazali, hanya dapat dijangkau melalui sinergi antara pengetahuan dan perbuatan. Pengetahuan menghendaki nilai yang membezakannya dari aktiviti-aktiviti lainnya, sedangkan perbuatan menghendaki kriteria yang akan menentukan secara jelas dan singkat. Ia memunculkan peniruan secara pasif dan memiliki tujuan pasti, sehingga suatu perbuatan dapat menghasilkan kebahagiaan dan membezakannya dari perbuatan yang membawa pada kesengsaraan.³¹

Menurut al-Ghazali, dengan kebahagiaan dapat difahami bahawa kesenangan *ukhrawi* itu tidak palsu, melimpah yang tak terhingga, kesempurnaannya tidak pernah berkurang, dan kemuliaannya tidak dapat dibandingkan sepanjang masa. Tak seorangpun yang meyakini kewujudan kesenangan *ukhrawi* semacam itu yang tidak mencarinya. Meskipun demikian, masih ramai orang yang menolak kebahagiaan *ukhrawi* seperti kalangan ateis dan hedonis.³²

Ini menunjukkan bahawa kebahagiaan yang dimaksud oleh al-Ghazali bukan kebahagiaan duniawi semata, melainkan kebahagiaan dunia dan akhirat. Konsep kebahagiaan al-Ghazali ini jelas berbeza dengan konsep kebahagiaan Aristotel dan penganut hedonisme. Konsep kebahagiaan Aristotel terlalu umum, belum ada pembahagian yang nyata kebahagiaan seperti apa yang dimaksud. Sementara itu, kebahagiaan kaum hedonis hanya terbatas pada kebahagiaan fizikal sahaja. Padahal, dalam teori Abraham Maslow, selain keperluan fizikal, manusia juga memiliki keperluan spiritual.

³⁰ *Ibid*, 141; Lihat juga: Musthofa, *Akhlak Tasawuf*, (Bandung: Pustaka Setia, 1997), 11

³¹ Madjid Fakhry, *Etika*, 126.

³² *Ibid*, 126-127.

Menurut al-Ghazali, manusia memang perlu menyibukkan diri dengan perbuatan, tetapi yang terpenting bagi manusia adalah mencari pengetahuan hakiki tentang perbuatan yang benar sahaja. Berawal dari sini al-Ghazali kemudian sampai pada pembahagian ilmu pengetahuan menjadi ilmu teori dan ilmu praktikal. Ilmu pengetahuan teori meliputi keseluruhan ilmu falsafah. Subjek pembahasan ilmu ini meliputi pengetahuan tentang Tuhan, malaikat, rasul, makhluk fizikal beserta cabang-cabangnya. Sementara yang termasuk ilmu praktikal adalah etika yang didefinisikan sebagai pengetahuan tentang jiwa, sifat-sifat dan perilaku moralnya; ekonomi rumah tangga, dan politik atau pengaturan urusan-urusan kenegaraan.³³

Berdasarkan pada pembahagian tersebut, al-Ghazali menyebutkan bahawa akhlak merupakan kemuncak kepada ilmu praktikal. Bagi al-Ghazali, penyelidikan etika atau akhlak harus dimulai dengan pengetahuan tentang jiwa, kekuatan-kekuatan, dan sifat-sifatnya. Pengetahuan ini merupakan prasyarat untuk membersihkan jiwa sebagaimana termaktub dalam Al-Qur'an, iaitu *al-Syam/91* : 9-10:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا

Maksudnya: “Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu, dan sesungguhnya merugilah orang-orang yang mengotorinya”.³⁴

Pengetahuan itu juga merupakan pengenalan menuju pengenalan kepada Allah SWT, sepertimana yang dinyatakan dalam hadith qudsi-nya, “*man `arafa nafsahu faqad `arafa rabbahu*” (barangsiapa yang mengenali dirinya sendiri, maka dia sungguh telah mengenali Tuhannya).³⁵

Penting untuk dikemukakan juga tentang metode-metode dan alat-alat untuk memperoleh pengetahuan, berikut hubungannya dengan konsep akhlak al-Ghazali.

³³ *Ibid*, 127-128.

³⁴ Kementerian Agama RI, *al-Qur'anulkarim: Miracle The Reference*, (Bandung: Sygma, 2011), 1187

³⁵ Madjid Fakhrt., *op.cit*, 128.

Ibarat suatu benda, ilmu pengetahuan adalah air, dan manusia perlu mengetahui bagaimana cara “terbaik, mudah, dan cepat” untuk memperoleh ilmu itu. Al-Ghazali mengemukakan bahawa terdapat dua metod untuk memperoleh ilmu pengetahuan, iaitu:

1. Metode *ta'allum insan* (pengajaran secara manusiawi) adalah metode yang lazim kita alami sehari-hari, baik di lembaga pendidikan formal mahupun tidak formal;
2. Metode *ta'allum rabbani* (pengajaran dari Allah SWT) adalah metode pengajaran melalui proses komunikasi antara manusia dengan Allah SWT. Allah SWT sebagai pemberi ilmu, sedangkan manusia sebagai penerimanya.³⁶

Adapun alat-alat memperoleh ilmu pengetahuan, menurut al-Ghazali, ada tiga macam, iaitu:

1. Panca indera, ilmu yang diperoleh melalui panca indera dapat diperoleh melalui proses-proses berikut:
 - i. refleksi, iaitu menerima rangsangan dari luar
 - ii. pencerapan iaitu objek yang diterima setelah mengalami pengolahan
 - iii. penggabungan unsur-unsur penginderaan
 - iv. fenomena dari luar dipantulkan secara khusus. Tingkat ini telah sampai pada tingkat abstraksi.³⁷

2. Akal

Menurut al-Ghazali, akal manusia terbahagi menjadi dua, iaitu akal teoritikal dan akal praktikal.³⁸ Keduanya bukanlah dua hal yang benar-benar berbeza, melainkan saling mengisi satu sama lain. Istilah sekarang untuk menyebut kedua akal itu adalah

³⁶M. Solikin, *Tokoh-tokoh Sufi Lintas Zaman*, (Bandung: Pustaka Setia, 2003), 121.

³⁷*Ibid*, 123.

³⁸*Ibid*, 126.

otak kanan dan otak kiri. Akal praktikal atau otak kanan berfungsi untuk kreativiti, sementara akal teoritikal atau otak kiri berfungsi untuk menyempurnakan substansinya yang abstrak.

Akal teoritikal sendiri, menurut al-Ghazali, mempunyai empat tingkatan kemampuan, iaitu:

- i. *al-`aql al-hayulani*, akal materi, yakni potensi dan kemampuan untuk menangkap erti murni yang tidak pernah berada dalam materi (masih belum tampak di permukaan);
- ii. *al-`aql al-malakati*, akal intelektual, iaitu akal kesanggupannya untuk berfikir abstrak secara murni sudah mulai kelihatan. Akal ini dapat menangkap pengertian-pengertian atau kaidah-kaidah am, misalnya “keseluruhan lebih besar dari sebahagian”
- iii. *al-`aql al-fi`il*, akal aktual, yakni akal yang lebih mudah dan lebih banyak menangkap pengertian-pengertian atau kaidah-kaidah am tersebut
- iv. *al-`aql al-mustafad*, akal perolehan, yakni akal yang di dalamnya terdapat erti abstrak yang selamanya dapat dikeluarkan dengan mudah sekali.³⁹

3. Hati.

Alat terakhir untuk memperoleh ilmu, yakni hati (*qalb*) memperoleh ilmu pengetahuan yang jauh lebih penting daripada ilmu yang diperoleh panca indera mahupun akal. *Qalb* memperoleh ilmu melalui ilham mahupun *al-dhauq* (daya tangkap yang sekaligus merasakan kehadiran sesuatu yang ditangkap).⁴⁰

Apabila mencermati definisi akhlak dan alat-alat untuk memperoleh ilmu, tampaknya al-Ghazali lebih menekankan pada kekuatan *qalb*. *Qalb*-lah yang

³⁹ *Ibid*, 127.

⁴⁰ *Ibid*, 129.

menentukan apakah sikap dan perbuatan seseorang dapat dimasukkan dalam kategori akhlak, sebab akhlak menurut al-Ghazali muncul tanpa melalui proses pertimbangan akal, apalagi pertimbangan panca indera. Jadi ilmu pengetahuan yang menggerakkan manusia untuk berakhlak muncul dari ilham dan *al-dhauq* dalam pengertian yang lebih sederhana, bukan pengertian dunia sufistik. Pengetahuan melalui ilham dan *al-dhauq* itulah yang seketika mendorong manusia untuk berakhlak baik, sehingga sikap dan perbuatannya mampu melangkaui panca indera dan akal.

Seperti telah dijelaskan di atas, al-Ghazali membahagi kebahagiaan menjadi dua macam kebahagiaan utama, yaitu kebahagiaan dunia dan kebahagiaan akhirat. Menurutnya, kebahagiaan yang pertama adalah kebahagiaan yang hanya bersifat metaforis, sedangkan kebahagiaan yang kedua adalah kebahagiaan yang sejati. Keasyikan dengan kebahagiaan akhirat bagaimanapun tidak memalingkan perhatiannya pada kebahagiaan atau kebaikan lainnya. Bahkan al-Ghazali menyatakan, perkara apapun yang baik bagi matlamat kebaikan akhirat maka ia merupakan kebaikan juga. Kebaikan sendiri menurut al-Ghazali bermacam-macam, antara lain:

1. Kebaikan jasmaniah, seperti kesihatan, kekuatan, panjang umur, dan lain-lain;
2. Kebaikan luaran, seperti kekayaan, keluarga, kedudukan sosial, dan lain-lain;
3. Kebaikan-kebaikan Allah SWT, seperti hidayah, bimbingan lurus, pengarahan, pertolongan, dan lain-lain.⁴¹

Selain kebaikan dan kebahagiaan, al-Ghazali juga berbicara tentang kesenangan.

Menurutnya, kesenangan terbagi menjadi 3 macam kesenangan, iaitu:

1. Kesenangan intelektual, seperti kesenangan akan pengetahuan dan kebijaksanaan,

⁴¹ Majid Fakhry, *op.cit.*, 135.

2. Kesenangan biologi yang dimiliki manusia dan binatang, seperti makan, minum, seks dan lain-lain,
3. Kesenangan sosial dan politik, seperti keinginan untuk memperoleh kemenangan dan kedudukan sosial.

Bagi al-Ghazali, kesenangan yang paling terhormat dan hanya dimiliki oleh manusia adalah kesenangan yang pertama. Ia merupakan kesenangan yang abadi dan dibalas dengan kehormatan abadi dalam kehidupan ini hingga akhir nanti. Tidak seperti harta atau dunia yang seringkali menjerumuskan manusia ke dalam dosa, sentiasa harus menjaganya dan jika digunakan semakin lama akan semakin habis.⁴²

Manusia diciptakan dalam bentuk yang paling sempurna, *ahsan taqwim*. Kerana itu, manusia dapat membina akhlak mulia. Al-Ghazali berpendapat bahawa akhlak manusia dapat diubah dan dididik. Hujah yang dikemukakan al-Ghazali tampak sederhana, tetapi cukup kuat. Menurutnya, “jika akhlak manusia tidak dapat diubah, maka pesan-pesan, petunjuk-petunjuk, dan pendidikan-pendidikan tiada ertinya. Selain itu, mengapa Rasulullah SAW bersabda, “Perbaiki akhlak kalian”.⁴³

Menurut al-Ghazali, dalam batin manusia terdapat empat unsur yang harus baik agar akhlak manusia menjadi baik, iaitu:

1. Kekuatan ilmu pengetahuan,
2. Kekuatan marah (*ghadab*),
3. Kekuatan keinginan (*syahwat*), dan
4. Kekuatan adil (*al-‘adl*).⁴⁴

Perbezaan manusia dengan binatang yang paling ketara terletak pada aspek yang pertama, yakni ilmu pengetahuan. Kekuatan ilmu yang sebenar adalah apabila individu

⁴² *Ibid*, 137.

⁴³ Al-Ghazali, *Kecajaiban Hati*, *op.cit* , 147.

⁴⁴ *Ibid*.

yang memilikinya dengan mudah dapat membezakan benar dan salah, hak dan batil, serta baik dan buruk. Apabila kekuatan ilmu ini menjadi sempurna, maka darinya lahir kebijaksanaan (*al-hikmah*). Sebagaimana firman Allah SWT, yang bermaksud: “*Barang siapa diberi hikmah, maka sesungguhnya dia diberi kebajikan yang besar*” (*al-Baqarah/2: 269*).⁴⁵

Kekuatan *ghadab* akan terserlah keindahannya pada masa dikendalikan dan dikawal menurut garis hikmah. Demikian halnya dengan kekuatan *syahwat* dan *al-'adl*. Kekuatan *syahwat* akan terserlah ketika dia berada di bawah bimbingan akal dan agama, dan kekuatan *al-'adl* merupakan pengendalian kekuatan *syahwat* dan *ghadab* di bawah petunjuk akal dan agama.⁴⁶

Konsep akhlak al-Ghazali lebih menekankan pada sesuatu yang batiniah yang sangat berkait rapat dengan ilmu pengetahuan yang dimilikinya, khususnya pengetahuan untuk membezakan antara yang *haq* dan yang *batil*. Kemuncak dari akhlak adalah kebaikan dan kebahagiaan. Kebaikan dan kebahagiaan di sini adalah kebaikan dan kebahagiaan duniawi dan ukhrawi. Hanya saja kebahagiaan ukhrawi jauh lebih bernilai daripada kebahagiaan duniawi. Kerana itu, semua orang harus memiliki *al-akhlaq al-karimah*, sehingga ia dapat menikmati kebahagiaan tersebut, sebab Rasulullah SAW diutus oleh Allah SWT memang untuk memperbaiki akhlak manusia. Ertinya, *al-akhlaq al-karimah* dapat dimiliki oleh sesiapa sahaja dengan cara melatih diri sesuai dengan ajaran-ajaran agama.

Berdasarkan penjelasan tersebut dapat dilihat perbezaan hubungan etika dan akhlak. Etika merupakan aturan-aturan normatif yang berlaku dalam suatu masyarakat yang terbatas oleh ruang dan waktu. Sedang akhlak adalah aturan-aturan yang berdasarkan ajaran agama (*al-Qur'an* dan *al-Hadith*) yang tidak terbatas oleh ruang dan

⁴⁵ Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 87

⁴⁶ Al-Ghazali, *Ihyā 'Ulum al-Din*, III., *op.cit.*,

waktu. Oleh kerana itu akhlak merupakan suatu aturan (norma) yang harus diterapkan dalam kehidupan sehari-hari individu Muslim. Dengan demikian kalau dibandingkan dengan penjelasan mengenai akhlak di atas dapat diketahui bahawa etika Islam lebih dekat dengan akhlak apabila dilihat dari sumbernya iaitu al-Qur'an dan al-Hadith.

Selain al-Ghazali, tokoh Muslim yang juga memberi perhatian khusus kepada etika adalah Ibn Miskawayh. Beliau layak memperoleh gelaran sebagai Bapa Etika Islam, kerana Ibn Miskawayh-lah yang mula-mula mengemukakan teori etika dan sekaligus menulis buku tentang etika. Menurut Ibn Miskawayh, manusia merupakan *micro cosmos* yang di dalam dirinya terdapat persamaan-persamaan dengan apa yang terdapat pada *macro cosmos*. Panca indera yang dimiliki manusia, di samping memiliki daya-daya yang khas, juga memiliki indera bersama (*al-mushtarak*) yang berperanan sebagai pengikat sesama indera. Ciri-ciri indera bersama ini ialah dapat menerima citra-citra inderawi secara serentak tanpa waktu dan pembahagian. Citra-citra tersebut tidak saling bercampur dan saling mendesak. Daya ini kemudian beralih ke tingkat daya khayal yang terletak di bahagian depan otak. Dari daya khayal tersebut kemudian naik ke daya fikir sehingga dapat berhubungan dengan akal aktif.⁴⁷ Tampaknya pemikiran falsafah Ibn Miskawayh banyak dipengaruhi pemikiran falsafah Plato dan Aristotel. Ibn Miskawayh kemudian berusaha mengkompromikan pemikiran tokoh tersebut dengan ajaran-ajaran Islam.

Ibn Miskawayh mengatakan, moral atau akhlak adalah suatu sikap mental (*halun li al-nafs*) yang mengandungi daya dorong untuk berbuat tanpa berfikir dan pertimbangan. Sikap mental ini terbahagi ke dalam dua kategori ada yang berasal dari watak dan ada pula yang berasal dari kebiasaan dan latihan.⁴⁸ Jadi, menegakkan akhlak yang benar menjadi sangat penting, sebab dengan landasan moral yang kuat akan melahirkan perbuatan-perbuatan baik tanpa kesulitan. Banyak ditemukan dalam

⁴⁷ Hasyimsyah Nasution, *Filsafat Islam*, (Jakarta: Gaya Media Pratama, 1998), 62.

⁴⁸ Ibn Miskawayh, *Tahdhib al akhlaq*, (Beirut : Dar al-Kutub al-ilmiyah, tt), 26

kalangan manusia adalah mereka yang memiliki sifat-sifat kurang terpuji kerana watak. Kerana itu pendidikan atau latihan-latihan dapat membantu individu untuk memiliki sifat-sifat terpuji. Ibn Miskawayh menolak pendapat sebahagian pemikir Yunani yang mengatakan akhlak yang berasal dari watak tidak mungkin berubah. Ibn Miskawayh menegaskan akhlak atau watak sangat mungkin mengalami perubahan melalui pendidikan kebiasaan-kebiasaan yang baik dan latihan-latihan.⁴⁹

Masalah pokok yang dibahas Ibn Miskawayh dalam kajian tentang akhlak adalah kebahagiaan (*al-sa`adah*), kebaikan (*al-khair*), dan keutamaan (*al-fadilah*). Kebahagiaan merupakan tujuan tertinggi yang ingin dicapai oleh manusia. Pengertian kebahagiaan telah banyak dibicarakan oleh pemikir-pemikir Yunani yang pada intinya terdapat dua versi, iaitu pandangan pertama yang diwakili oleh Plato, mengatakan bahawa hanya jiwalah yang dapat mengalami kebahagiaan. Kerana itu selama manusia masih hidup atau selama jiwa masih terkait dengan badan, maka selama itu pula tidak akan diperoleh kebahagiaan itu. Sedangkan pandangan kedua yang diwakili oleh Aristotel, mengatakan bahawa kebahagiaan itu dapat dinikmati oleh manusia di dunia, kendatipun jiwanya masih terkait dengan badan.⁵⁰ Hanya saja kebahagiaan itu berbeza menurut masing-masing individu. Bagi individu yang sedang sakit, maka kebahagiaannya adalah kesihatan, individu yang miskin kebahagiaannya adalah kekayaan, dan sebagainya.

Menurut Ibn Miskawayh pada diri manusia ada dua unsur, iaitu jiwa dan badan, maka kebahagiaan meliputi keduanya. Kebahagiaan itu ada dua tingkat.⁵¹ *Pertama*, ada manusia yang terikat dengan hal-hal yang bersifat benda dan mendapat kebahagiaannya dengannya, namun ia tetap rindu dengan kebahagiaan jiwa, lalu berusaha untuk mendapatkannya. *Kedua*, manusia yang melepaskan diri dari keterikatannya kepada

⁴⁹ *Ibid.*, Lihat juga Hasyimsyah Nasution, *Filsafat Islam*, 61.

⁵⁰ *Ibid.*, Lihat juga: A. Mustofa. *Filsafat Islam*, 166-167.

⁵¹ *Ibid.*,

benda dan memperoleh kebahagiaan melalui jiwa. Kebahagiaan yang bersifat kebendaan tidak dinafikan, tetapi perkara itu dipandang sebagai tanda-tanda kekuasaan Allah SWT. Kebahagiaan yang bersifat benda menurut Ibn Miskawayh, mengandung kepedihan dan penyesalan, serta menghambat perkembangan jiwanya menuju ke hadirat Allah SWT. Kebahagiaan jiwalah yang merupakan kebahagiaan yang paling sempurna dan mampu menghantar manusia yang memilikinya ke derajat malaikat.

Selain masalah kebahagiaan (*al-sa`adah*), masalah lain yang dibincangkan dalam kajian tentang akhlak adalah kebaikan (*al-khayr*) dan keutamaan (*al-fadilah*). Menurut Ibn Miskawayh, kebaikan adalah suatu keadaan di mana kita sampai kepada batas akhir dan kesempurnaan wujud. Kebaikan adakalanya bersifat am, dan adakalanya bersifat khas. Di atas semua kebaikan itu terdapat kebaikan mutlak yang selari dengan wujud tertinggi. Semua bentuk kebaikan secara bersama-sama berusaha mencapai kebaikan mutlak tersebut. Kebaikan am tadi adalah kebaikan bagi seluruh manusia dalam kedudukannya sebagai manusia. Sedangkan kebaikan khas adalah kebaikan bagi individu secara peribadi.⁵² Kebaikan dalam bentuk terakhir inilah yang dinamakan kebahagiaan. Dengan demikian antara kebaikan dan kebahagiaan dapat dibezakan. Kebaikan mempunyai identiti tertentu dan berlaku bagi semua orang, sedangkan kebahagiaan berbeza-beza bergantung pada individu yang berusaha mendapatkannya.

Masalah keutamaan (*al-fadilah*) Ibnu Miskawaih berpendapat bahawa asas semua keutamaan adalah cinta kepada semua manusia (*mahabbah al-insan li al-nas kaffah*). Tanpa cinta yang demikian, suatu masyarakat tidak mungkin ditegakkan. Manusia tidak akan sampai kepada tingkat kesempurnaannya kecuali dengan memelihara jenisnya serta menunjukkan pengertiannya terhadap sesamanya. Cinta tidak berkesan kecuali jika manusia berada di tengah-tengah masyarakatnya dan berintegrasi

⁵² Hasyimsyah Nasution, *Filsafat Islam*, 64.

di dalamnya. Kerana itu, individu yang hidup memisahkan diri dari masyarakat belum dapat dinilai apakah ia memiliki sifat terpuji atau tercela.⁵³ Sesuatu yang mulia itu dimuliakan oleh zatnya. Oleh itu, orang yang mendapatkannya akan mulia pula, kerana zat kemuliaan melekat pada dirinya. Sesuatu yang terpuji dianggap baik kerana ia muncul daripada yang baik. Demikian juga sesuatu yang memberi manfaat, dianggap baik kerana ia menyampaikan kepada kebaikan. Demikian salah satu sudut pandangan tentang kebaikan.

Memandangkan mustahaknya pembinaan akhlak, Ibn Miskawayh memberikan perhatian yang cukup besar terhadap pendidikan kanak-kanak. Ia menyebutkan bahawa masa kanak-kanak adalah mata rantai jiwa haiwan dengan jiwa manusia berakal. Pada jiwa anak berakhirlah ufuk haiwan dan dimulailah ufuk manusia. Kerana itu kanak-kanak hendaknya dididik dengan akhlak yang mulia.⁵⁴ Sejak mulakanak-kanak perlu mendapat pendidikan akhlak mulia, sebab akhlak mulia pada pendidikan pada peringkat awal inilah yang akan berakar kuat dalam kehidupan mereka pada masa yang akan datang.

Teori jalan tengah, ajaran keutamaan akhlak Ibn Miskawayh bersumber pada doktrin jalan tengah. Doktrin jalan tengah (*al-wasat*) yang dirumuskannya. Inti teori ini menyebutkan bahawa keutamaan akhlak secara am diertikan sebagai jalan tengah antara melampau berlebih-lebihan dan melampau kekurangan. Dalam istilah Bahasa Inggris dikenali dengan istilah *The Doctrin of The Mean* atau *The Golden*. Ibn Miskawayh secara umum memberi pengertian pertengahan (jalan tengah) tersebut antara lain dengan keseimbangan, sederhana, harmoni, utama, mulia, atau jalan tengah antara melampau berlebih-lebihan dan melampau kekurangan masing-masing jiwa manusia.⁵⁵

⁵³ *Ibid*, 65.

⁵⁴ *Ibid.*, 66.

⁵⁵ Ilyas Supeno, *Pengantar Filsafat Islam* (Semarang :Wali Songo Press, 2010), 154.

Dari sini terlihat Ibn Miskawayh memberi tekanan yang lebih untuk pertama kali buat pribadi.

Ibn Miskawayh menegaskan bahawa setiap keutamaan akhlak memiliki dua bahagian yang sangat berbeza. Dalam menghuraikan sikap tengah dalam bentuk akhlak tersebut, Ibn Miskawayh tidak membawa satu ayat pun dari al-Qur'an dan tidak pula membawa satu pun dalil dari al-Hadith. Namun demikian menurut penilaian al- Ghazali, bahawa semangat doktrin jalan tengah ini selari dengan ajaran Islam. Hal ini kerana banyak dijumpai ayat-ayat al-Qur'an yang memberi isyarat untuk itu, seperti tidak boleh kikir tetapi juga tidak boleh boros, melainkan harus bersifat pertengahan di antara bakhil dan boros. Hal ini sesuai dengan ayat al-Qur'an surat *al-Isra'* /17 ayat 29:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا
مَّحْسُورًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan janganlah kamu terlalu mengulurkannya karena itu kamu menjadi tercela dan menyesal.”(*al-Isra'* / 17: 29)

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Maksudnya: “Dan orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebih-lebihan, dan tidak (pula) kikir, dan adalah (pembelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian.” (*al-Furqan*/ 25 : 67).⁵⁶

Ayat tersebut menjelaskan bahawa sikap pertengahan merupakan sikap yang selari dengan ajaran Islam. Kedudukan pertengahan kuasa nafsu adalah *iffah* (menjaga kesucian diri) yang terletak antara membebaskan nafsu (*al-sharah*) dan mengabaikan nafsu (*khumud al-shahwah*). Kedudukan pertengahan kuasa berfikir adalah *al-hikmah*

⁵⁶ Kementerian Agama RI., *op.cit*

(kebijaksanaan) yang terletak antara kebodohan (*al-safih*) dan kedunguan (*al-balah*) dan Kedudukan pertengahan kuasa yang terletak antara pengecut dan semberono. Gabungan dari tiga keutamaan membuahkan keadilan (*al-`adalah*) merupakan kedudukan pertengahan antara berbuat aniaya dan teraniaya.⁵⁷

Setiap keutamaan memiliki cabangnya masing-masing. Kebijakan (hikmah) memiliki tujuh cabang yaitu ketajaman intelektual, kuat ingatan, rasionaliti, tangkas, jernih fikiran dan mudah dalam belajar. Menjaga diri (*iffah*) memiliki 12 cabang yaitu : malu, ketenangan, sabar, dermawan, kemerdekaan, bersahaja, cenderung kepada kebaikan, teratur, menghiasi diri dengan kebaikan, meninggalkan yang tidak baik, tenang dan hati-hati. Sementara keberanian berkembang menjadi sembilan cabang yaitu: berjiwa besar, pantang takut, ketenangan, usaha yang bersungguh-sungguh, kesabaran, murah hati, menahan diri, keperkasaan dan memiliki daya tahan yang kuat (pekerja keras).⁵⁸

Ibn Miskawayh berpendapat bahawa kedudukan jalan tengah dapat diraih dengan memadukan fungsi syari`at dan falsafah. Syari`at berfungsi secara berkesan bagi terciptanya kedudukan jalan tengah dalam jiwa bernafsu dan jiwa berani. Sedangkan falsafah berfungsi secara berkesan bagi terciptanya kedudukan tengah jiwa berfikir. Doktrin jalan tengah ini juga dapat difahami sebagai doktrin yang mengandungi erti dan nuansa dinamika. Letak dinamikanya paling tidak pada tarik menarik antara keperluan, peluang, kemampuan dan aktiviti sebagai makhluk sosial yang selalu berada dalam gerak (dinamik) mengikuti perkembangan zaman.

Perkembangan ilmu pengetahuan, teknologi, pendidikan, ekonomi dan lainnya merupakan penjana gerak zaman yang dinamik. Kayu ukur akhlak tengah selalu mengalami perubahan menurut perubahan melampau antara kekurangan mahupun

⁵⁷ Ilyas Supeno, *Pengantar Filsafat Islam*, loc.cit

⁵⁸ *Ibid.*

kelebihannya. Kayu ukur tingkat kesederhanaan untuk pelajar misalnya tidak dapat disamakan dengan ukuran kesederhanaan pada penyelia. Demikian pula kayu ukur tingkat kesederhanaan pada masyarakat negara maju akan berbeza dengan tingkat kesederhanaan pada masyarakat negara berkembang. Hal tersebut akan berbeza lagi dengan tingkat kesederhanaan pada masyarakat miskin. Doktrin jalan tengah tidak hanya memiliki nuansa dinamik tetapi juga fleksibel. Oleh kerana itu, doktrin tersebut dapat terus-menerus berlaku sesuai dengan peredaran zaman tanpa menghilangkan nilai-nilai pokok keutamaan akhlak. Jadi dengan doktrin jalan tengah manusia tidak akan kehilangan halatuju dalam keadaan apapun.

Dari penjelasan tersebut, dapat diperkatakan bahawa etika Islam memiliki karakteristik sebagai berikut:

- i. Etika Islam mengajarkan dan menuntun manusia kepada tingkah laku yang baik dan menjauhkan diri dari tingkah laku yang buruk.
- ii. Etika Islam menetapkan bahawa yang menjadi sumber moral, kayu ukur baik dan buruknya perbuatan seseorang berdasarkan kepada *al-Qur'an* dan *al-Hadith* yang *sahih*.
- iii. Etika Islam bersifat universal dan komprehensif, dapat diterima dan dijadikan pedoman oleh seluruh umat manusia sepanjang zaman dan di manapun mereka berada.
- iv. Etika Islam mengatur dan mengarahkan fitrah manusia ke tahapan akhlak yang luhur dan mulia serta meluruskan perbuatan manusia dalam rangka memanusiaikan manusia.
- v. Etika Islam merupakan pedoman mengenai perilaku individu mahupun masyarakat dalam segala aspek kehidupan yang sesuai dengan ajaran Islam.

2.1.3. Dasar-dasar Etika Islam

Islam adalah risalah yang diturunkan Allah melalui RasulNya untuk memperbaiki akhlak manusia. Islam tidak pernah memisahkan etika dalam setiap aspek kehidupan umatnya. Islam juga tidak memisahkan agama dengan negara dan materi dengan spiritual. Islam juga berbeza dengan konsep kapitalisme yang memisahkan akhlak dengan ekonomi.

Umat Islam, individu mahupun kelompok, diberi kebebasan untuk mencari keuntungan sebesar-besarnya, tapi ia tetap terikat dengan iman dan etika. Bagaimanapun, umat Islam tidak boleh mengeksploitasi tanpa kawalan dalam memproduksi segala sumber daya alam kerana ia terikat dengan akidah dan etika. Akidah merupakan perkara pokok keseluruhan tatanan kehidupan dalam Islam, termasuk dalam pengurusan ekonomi. Etika menjadi entiti penting dalam perniagaan, membersihkan jiwa, sopan santun yang meninggikan karakter dan menghiasi kehidupan.⁵⁹

Sedangkan landasan etika Islam adalah al-Qur'an dan al-Hadith. Al-Qur'an yang diturunkan kepada umat manusia antara lain untuk dijadikan petunjuk dan pembeza antara yang benar dan yang salah. Dalam al-Qur'an dijumpai petunjuk-petunjuk bagaimana individu Muslim itu harus berhubungan dengan sesama manusia serta bagaimana pula cara-cara mereka memperlakukan dan memanfaatkan alam ini. Ayat-ayat yang memerintahkan manusia untuk selalu mengikuti petunjuk-petunjuk al-Qur'an antara lain terdapat dalam surah *al-Nisa'* ayat 59:

⁵⁹ Yusuf Qardhawi, 35.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۖ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ۗ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu perkara, maka kembalilah ia kepada Allah SWT (al-Qur’an) dan Rasul (Sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah SWT dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya”.(al-Nisâ’/4: 59).⁶⁰

Kemudian pada ayat 105 dinyatakan:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ ۗ وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِنِينَ خَصِيمًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab kepadamu dengan membawa kebenaran, supaya kamu mengadili antara manusia dengan apa yang telah Allah wahyukan kepadamu, dan janganlah kamu menjadi penentang (orang yang tidak bersalah), kerana (membela) orang-orang yang khianat”.(al-Nisa’/4: 105).⁶¹

Surah al-Isra’/17 ayat 9 menyebutkan:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا

⁶⁰ Kementerian Agama RI, *Al-Qur’anulkarim*, 171.

⁶¹ *Ibid.*,187.

Maksudnya: “Sesungguhnya al-Qur’an itu memberikan petunjuk kepada (jalan) yang lurus dan memberi khabar gembira kepada orang-orang mukmin yang mengerjakan amal saleh bahawa bagi mereka ada pahala yang besar”.(al-Isra’/17: 9)⁶²

Sedangkan perintah untuk mengikuti al-Hadith, kerana salah satu misi kerasulan Nabi Muhammad SAW adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Hal ini sangat tepat kerana seluruh akhlak yang ada dalam al-Qur’an, Rasulullah SAW amalkan semuanya, sepertimana yang dijelaskan Allah SWT dalam firmanNya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya engkau (Muhammad SAW) benar-benar berbudi pekerti yang agung”(al-Qalam/68: 4).⁶³

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah SWT dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah SWT” (al-Ahzab/ 33: 21).⁶⁴

Dengan demikian, perkara ini sesuai dengan kenyataan ‘Aisyah r.a. yang mengatakan bahawa akhlak Rasulullah SAW adalah al-Qur’an (melaksanakan seluruh yang ada dalam al-Qur’an). Sabdanya: “Sesungguhnya aku diutus hanyalah untuk menyempurnakan akhlak” (hadith diriwayatkan oleh Imam Malik).⁶⁵ Akhlak Nabi

⁶² Ibid., 563.

⁶³ Kementerian Agama RI., *op.cit.*, 1125

⁶⁴ Ibid., 837

⁶⁵ Muhammad al-Ghazâlî, *Khuluq al-Muslim*, (Kaherah: Dâr al-Kutub al-Haditsash, 1974), 7.

⁹⁷ Muslim ibn Hajaj, *Sahih Muslim*, Juz I, (Beirut: Dâr al-Ilm, t.t), 47.

sendiri adalah al-Qur'an". (H.R. Muslim).⁶⁶ Oleh itu, Nabi Muhammad SAW itu menjadi teladan dan panutan bagi semua Muslim.

Berdasarkan huraian tersebut terdapat beberapa makna substantif; *Pertama*, Rasulullah SAW dapat dipandang sebagai *the living Qur'an*, perumpamaan pesan-pesan al-Qur'an, sejak baginda menerima wahyu dari Allah SAW. Al-Qur'an menyebut baginda dengan kata kunci, *uswatal-hasanah* (suri teladan yang baik). *Kedua*, mengandungi pengertian bahawa sebahagian besar kandungan al-Qur'an sarat dengan nilai-nilai *akhlak al karimah*. Bahkan, isi kandungan al-Qur'an sebahagian besar adalah pesan-pesan akhlak dan nilai-nilai moral.

Al-Qur'an, sebagai sistem nilai bersifat universal, mencakup semua aspek *likulli hal wa al-zaman*. Proses interaksi yang rancak antara nilai-nilai universal al-Qur'an dan partikular budaya masyarakat Arab menjadi episod baru bermulanya "pembangunan manusia yang sangat ideal" (*khayr ummah*), berasaskan etika Islam yang dipayungi sistem *syari'ah kaffah*.

Pembangunan yang berasaskan akhlak dan moral, merupakan prinsip-prinsip dalam mengubah prilaku dari yang tidak terpuji kepada yang mulia, sesuai penegasannya, untuk menyempurnakan akhlak manusia. Yang menjadi penekanan Rasulullah SAW dan misi utama baginda adalah berupaya memperbaiki akhlak manusia dan selanjutnya memperbaiki keadaan kehidupan dunia, yang pada masa itu mengalami zaman kegelapan (jahiliyah).

Secara umum, akhlak yang digariskan al-Qur'andapat diperincikan sebagai berikut: iman kepada Allah SWT, ikhlas, kejujuran, melaksanakan amanat dan menepati janji, memerintahkan kebaikan dan melarang kemunkaran. Kemudian berusaha mencapai hal yang baik dan mulia, tolong-menolong dalam kebaikan, tekun dalam

melakukan sesuatu, lurus dan sederhana, mengikuti perbuatan-perbuatan baik dan menghindarkan diri dari perbuatan-perbuatan jahat dan sebagainya.⁶⁷

Ibadah-ibadah yang disyariatkan dalam Islam, bukan hanya ibadah-ibadah yang tidak dapat difahami, tetapi menjadi ikatan antara manusia dengan perkara ghaib yang tidak dapat diketahuinya. Selain itu berfungsi sebagai latihan dalam membiasakan manusia untuk hidup secara rasional, konsisten dalam setiap keadaan.⁶⁸

Semua perbuatan hendaklah berdasarkan pada keikhlasan, iaitu hanya mengharapkan keridaan Allah SWT semata. Kemahuan seseorang dapat menentukan baik buruknya suatu perbuatan. Kalau wujud perbuatan itu buruk tetapi niatnya baik, dianggaplah suatu perbuatan yang baik. Tetapi sebaliknya, apabila niatnya tidak baik, perbuatan itu dianggap buruk. Begitu pula dalam etika Islam.

عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ :
سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ
وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَلَنَؤَى . فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ
إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِلنِّيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا
فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ .

Dari Amirul Mu'minin, Abi Hafs Umar bin Al Khattab radhiallahuanhu, dia berkata, "Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: *Sesungguhnya setiap perbuatan tergantung niatnya. Dan sesungguhnya setiap orang (akan dibalas) berdasarkan apa yang dia niatkan. Siapa yang hijrahnya kerana (ingin mendapatkan keridhaan) Allah SWT dan RasulNya, maka hijrahnya kepada (keridhaan) Allah SWT dan RasulNya. Dan siapa yang hijrahnya*

⁶⁷ Muhammad al-Ghazali, 90. Lihat pula: Toshihiko Izutsu, *Ethico Religious Concept in The Qur'an*, terj. Mansuruddin Djoely "Etika Beragama dalam Qur'an". (Jakarta: Pustaka Firdaus, 1993), 26

⁶⁸ Miqdad Yalchan, *al-Ittijah al-Akhlaqi fi al-Islam*, (Kaherah: Maktabah al-Khanji, 1973), 273-277.

*kerana menginginkan kehidupan yang layak di dunia atau kerana wanita yang ingin dinikahnya maka hijrahnya (akan bernilai sebagaimana) yang dia niatkan.*⁶⁹

Hadith ini adalah Hadith sahih yang telah disepakati kesahihannya, ketinggian derajatnya dan di dalamnya banyak mengandung nilai positif. Hadith ini salah satu pokok penting ajaran Islam. Imam Ahmad dan Imam Syafi'i berkata : "Hadith tentang niat ini mencakup sepertiga ilmu." Begitu pula kata Imam Baihaqi dan lain-lain. Hal itu kerana perbuatan manusia terdiri dari niat di dalam hati, ucapan dan tindakan. Sedangkan niat merupakan salah satu dari tiga bagian itu.

Kerana persoalan niat, Allah SWT mencela orang yang melakukan salat tetapi disertai riya', yakni orang yang berniat dalam salatnya itu agar dilihat orang lain. Firman Allah:

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ

Maksudnya: "Maka celakalah orang yang salat, iaitu orang-orang yang lalai terhadap salatnya, yang berbuat riya'. (*al-Ma'un/107: 4-6*).⁷⁰

Riya' di sini maksudnya adalah perbuatan yang dilakukan bukan semata kerana Allah SWT, tetapi dilakukan hanya untuk mendapat pujian atau kemasyhuran dalam masyarakat. Begitu pula Rasulullah SAW pernah mengecam orang yang hijrah ke Yatsrib, kerana hijrahnya bukan menjalankan perintah Allah SWT dan RasulNya, tetapi kerana melaksanakan permintaan calon isteri yang akan dinikahnya. Walaupun hijrah merupakan perbuatan yang mulia dan baik, tetapi kerana niatnya yang salah, Rasulullah SAW mengecam hijrah tersebut dengan sabdanya: "Sesungguhnya segala perbuatan itu

⁶⁹ Diriwayatkan oleh dua orang ahli hadits yaitu Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin Mughirah bin Bardizbah Al Bukhari (orang Bukhara) dan Abul Husain Muslim bin Al Hajjaj bin Muslim Al Qusyairi An Naisaburi di dalam kedua kitabnya yang paling shahih di antara semua kitab hadits. Bukhari no. 1 dan Muslim no. 1907]

⁷⁰ Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 1201.

tergantung kepada niatnya dan sesungguhnya setiap orang akan mendapat balasan sesuai niatnya”. (H.R. Bukhari).⁷¹

Bagi individu Muslim, sebelum melakukan perbuatan diperintahkan untuk membaca *basmalah*. Perintah ini bukan berarti perintah untuk meminta berkah dan pertolongan melalui bacaan ini, tetapi merupakan perintah dan petunjuk bahwa perbuatan yang dilakukannya adalah kerana Allah SWT dan hanya diperuntukkan kepadaNya. Setelah perbuatan tersebut dilandasi dengan niat yang baik, sebagai pengabdian kepada Allah SWT, maka perbuatan orang tersebut mempunyai tujuan utama, meraih kebahagiaan *ukhrawi*.⁷²

Selain niat, hati nurani juga merupakan kekuatan semulajadi manusia yang membuat seseorang itu merasa lega apabila melakukan perbuatan baik, dan menyesal apabila melakukan perbuatan jahat. Di dalam jiwa manusia itu terdapat dua kekuatan yang saling tarik menarik dalam berbuat. Yang menjalankan kebaikan adalah hati nurani, dan yang membawa kepada kejahatan adalah hawa nafsu. Berkaitan dengan persoalan hati nurani, Allah SWT berfirman:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا وَقَدْ
حَابَّ مَنْ دَسَّاهَا

Maksudnya: “Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya), maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya, sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu, dan sesungguhnya merugilah orang yang mengotorinya” (al-Syams/91: 7-10).⁷³

⁷¹ Al-Imam al-Hafiz Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, (Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 1998),

⁷² Abu Hamid al-Ghazali, *al-Munqidh min al-Dhalal*, (Istanbul: Hakikat Kitabevi, 1984), 9.

⁷³ Kementerian Agama RI, 1187.

Oleh itu, hati nurani menempati kedudukan yang penting dalam etika Islam. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Kebaikan itu ialah yang memberikan ketenangan kepada jiwa dan hatimu, dan kejahatan itu adalah yang terdetik di dalam hatimu dan yang menimbulkan gejala di dalamnya, walaupun banyak orang yang memberitahukan kepadamu” (H.R. Muslim).⁷⁴ Sabdanya pula yang bermaksud: “Tinggalkanlah apa yang meragukanmu dan ambillah apa yang tidak meragukanmu” (H.R. Abu Daud).⁷⁵ Hati nurani ini ada pada setiap manusia, baik tua, muda, dewasa atau anak terpelajar sampai anak yang kurang ajar sekalipun. Apabila ada anak kecil berbuat suatu kesalahan, ia akan merasa malu, gelisah dan perasaan-perasaan tidak selesa lainnya.

Perasaan ini ada pada setiap orang dan berperingkat mengikut latar belakang pendidikannya. Semakin tinggi tingkat pendidikan seseorang, semakin tinggi pula tingkat suara hatinya. Oleh kerananya suara hati ini perlu dididik dengan pendidikan moral yang baik.⁷⁶ Kerana hidup manusia selalu dipengaruhi oleh ruang dan waktu, bukan satu perkara pelik apabila suara hati masing-masing pribadi kadang-kadang berbeza antara satu pribadi dengan lainnya. Perbezaan itu pula saling pengaruh-mempengaruhi satu sama lain. Oleh kerana itu, diperlukan hati nurani yang kukuh yang tidak mudah terpengaruh oleh suasana persekitaran.⁷⁷

Dari penjelasan di atas dapat ditegaskan lagi bahawa yang dimaksud etika Islam ialah prinsip-prinsip serta kaedah-kaedah yang disusun untuk perbuatan-perbuatan manusia yang telah digariskan oleh wahyu. Perbezaan etika Islam dengan etika lainnya

⁷⁴ Muslim Ibn Hajaj, *Sahih Muslim*, Juz I, 89.

⁷⁵ Sulaiman Ibn al-Asyats al-Sijistani Abu Daud: *Sunan Abu Daud*, Juz III, (Beirut Libanon: Dâr al-Ilmiah, t.t.), 16.

⁷⁶ Miqdad Yalchan menandakan bahwa dengan pendidikan moral yang baik, akan tercipta pribadi-pribadi muslim yang baik, kalau tercipta pribadi-pribadi muslim yang baik, maka akan tercipta masyarakat muslim yang baik, dan dengan demikian akan tercipta kebudayaan Islam yang baik pula. Lihat Miqdad Yalchan, *al-Ittijah al-Akhlaqi*, 43.

⁷⁷ W. Poespoprodjo, *Filsafat Moral; Kesusilaan dalam Teori dan Praktek*, (Bandung: Pustaka Grafika, 1999),153.

ialah terletak pada sumber yang digunakan. Jika etika secara umum sumbernya penilaian manusia, maka etika Islam bersumber dari wahyu atau al-Qur'an dan al-Hadith.

Etika merupakan gambaran rasional yang dapat diakui sebagai dasar dari suatu keputusan yang benar. Etika juga merupakan gambaran rasional tentang prinsip-prinsip yang menentukan bahawa keputusan itu memang diperintahkan atau dilarang. Etika dimulai dari satu soalan asas iaitu bagaimana seharusnya manusia bersikap, dan bagaimana seharusnya manusia bertindak secara baik. Etika mengajak orang untuk berfikir kritikal dan berorientasi kepada hal yang baik.

Etika dipandang mampu memberikan prinsip-prinsip dasar serta sikap optimis dalam mempertajam akal budi. Untuk dapat hidup dan bertindak dengan baik, manusia hendaknya mengetahui dan mengerti dulu apa makna baik tersebut. Untuk mencapai hal itu, manusia perlu melibatkan seluruh potensi dirinya terutama cara berfikirnya ke arah yang baik. Dengan demikian, etika sesungguhnya adalah keadaan aktif dari proses jiwa bagaimana ia menuju kepada yang baik, sehingga dalam proses itu orang menjadi mencintai serta berkeinginan yang baik dan benar.

Secara falsafah, sistem etika Islam berbeza dengan sistem etika sekular atau kod moral yang diajarkan oleh agama-agama lain. Model sekular memandang kod moral sebagai suatu yang bersifat sementara dan tidak jelas kerana dibentuk berdasarkan pada nilai kemanusiaan yang dipersepsi oleh falsafah penggalinya. Sedangkan kod moral yang diajarkan dalam etika Islam menekankan pada hubungan manusia dengan penciptanya.

Ada beberapa parameter dasar sistem etika Islam yang dapat dirumuskan. *Pertama*, tindakan dan keputusan dinilai memenuhi unsur etika merujuk kepada maksud atau tujuan individu. Allah SWT Maha Mengetahui, kerana itu, Allah SWT mengetahui maksud manusia secara sempurna. *Kedua*, maksud baik yang diikuti tindakan baik

dianggap sebagai ibadah. *Ketiga*, Islam memberikan kebebasan kepada individu untuk meyakini dan bertindak apa pun yang diinginkan tanpa mengorbankan keadilan dan tanggung jawab. *Keempat*, iman kepada Allah SWT memberikan individu kebebasan sempurna dari sesuatu atau individu kecuali Allah SWT. *Kelima*, keputusan yang menguntungkan majoriti atau minoriti bukan ukuran menilai suatu tindakan berdasarkan etika atau sebaliknya. *Keenam*, Islam menggunakan pendekatan sistem terbuka terhadap etika, tidak tertutup dan berorientasi pada diri sendiri. *Ketujuh*, keputusan etika berdasarkan pada pemahaman terhadap al-Qur'an dan alam semesta secara bersamaan. *Kelapan*, berbeza dengan sistem etika yang diperkenalkan oleh kebanyakan agama lain, Islam menganjurkan umat manusia merealisasikan konsep *tazkiyah* melalui partisipasi aktif dalam kehidupan.

Dengan demikian, sistem etika Islam bersifat terpadu, tidak terpisah-pisah dan merupakan bahagian yang tak terpisahkan dari pandangan hidup Islam. Keseimbangan dunia akhirat menjadi tunjang dasar falsafah etika Islam sebagaimana dijelaskan dalam surah *al-Baqarah/2: 143*;⁷⁸

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ
عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعِ
الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ ۗ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ
هَدَى اللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ
رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Dan demikian pula Kami telah menjadikan kamu (kaum Muslim) “umat pertengahan” agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasulullah SAW menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.

⁷⁸ Kementerian Agama RI, *op.cit*, 41.

Kami tidak menjadikan kiblat yang (dahulu) kamu (berkiblat) kepadanya, melainkan agar Kami mengetahui siapa yang mengikuti Rasulullah SAW dan siapa yang berbalik ke belakang. Sungguh (pemindahan kiblat) itu sangat berat, kecuali bagi orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah SWT. Dan Allah SWT tidak akan menyia-nyiakan imanmu. Sungguh, Allah Maha Pengasih, Maha Penyayang kepada manusia. (*al-Baqarah/2:143*)

Dari ayat di atas dikatakan bahawa kaum Muslim adalah umat pertengahan, iaitu seimbang antara urusan dunia dan akhirat. Keseimbangan merupakan salah satu prinsip ajaran Islam. Keseimbangan dapat membuka jalan bagi nilai-nilai kebenaran, kebaikan, dan keindahan. Fenomena yang tampak sekarang adalah kepincangan dan ketidakseimbangan antara tuntutan untuk memenuhi keperluan dunia dan akhirat. Ada individu yang aktif berdakwah tapi kurang semangat mencari nafkah untuk keluarganya. Sebaliknya ada yang terlalu semangat cari nafkah sampai lupa mengerjakan ibadah yang diwajibkan kepadanya. Seharusnya kaum Muslim dapat hidup sejahtera di dunia untuk menghantarkannya ke kehidupan akhirat yang bahagia.

2.1.4. Karakteristik Etika Islam

Islam menekankan bahawa perilaku, tindakan, dan nilai etik individu hendaknya berdasarkan pada kriteria yang termaktub dalam al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber utama etika Islam. Islam adalah agama yang sempurna. Semua tatanan kehidupan diatur oleh Islam berdasarkan etika-etika yang dijelaskan dalam kitab suci al-Qur'an mahupun al-Hadith. Ada beberapa Hadith yang menjelaskan keutamaan etika dalam Islam, diantaranya:

1. Sebagai kayu ukur kesempurnaan iman.

Akhlak merupakan kayu ukur kesempurnaan iman seorang hamba, sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -«صلى الله عليه وسلم» - أَكْمَلُ
الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا. (رواه أبو داود)

Maksudnya: “ Dari Abi Hurairah bahawa Rasulullah SAW telah berkata: Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlakunya.”Selalu disertakannya perintah untuk berakhlak mulia dengan perintah bertakwa”.⁷⁹

Tatkala Rasulullah SAW menasihati sahabatnya, baginda selalu memerintahkan dua prinsip sekaligus iaitu antara perintah untuk bertakwa dengan perintah untuk berakhlak mulia kepada sesama manusia, sebagaimana hadith riwayat Abi Dhar, ia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda :

عن ابي ذر قال : قال لي رسول الله ﷺ اتق الله حيثما كنت وأتبع
السيئة الحسنة تمحها وخالق الناس بخلق حسن. (رواه الترمذی)

Dari Abi Dhar berkata bahawa Rasulullah SAW berkata:“Bertakwalah kepada Allah SWT di manapun engkau berada dan balaslah perbuatan buruk dengan perbuatan baik, niscaya kebaikan itu akan menutupi kejelekan, dan bergaullah dengan manusia dengan akhlak yang baik”.⁸⁰

2. Menjadikan timbangan amal di akhirat semakin berat.

Dalam timbangan (*mizan*) amal pada Hari Kiamat tidak ada yang lebih berat daripada akhlak yang baik, sebagaimana sabda Rasulullah SAW :

⁷⁹ Abu Daud Sulayman ibn al-Asyats al- Sijistani, *Sunan Abu Dawud*, (Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 1998), 510, no. hadith 4682.

⁸⁰ Muhammad Ibn Isa ibn Sawrah al- Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, cet. 1., (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, t.t.), 451, no. hadis1987.

عن أبي الدرداء قال : سمعت النبي ﷺ يقول ما من شيء يوضع في الميزان أثقل من حسن الخلق وإن صاحب حسن الخلق ليبلى به درجة صاحب الصوم والصلاة. (رواه الترمذی)

Dari Abu Darda' ra., Ia berkata: Aku mendengar Nabi SAW bersabda: “Tidak ada sesuatu yang diletakkan pada timbangan hari kiamat yang lebih berat daripada akhlak yang mulia, dan sesungguhnya orang yang berakhlak mulia dapat mencapai derajat orang yang berpuasa dan salat”.⁸¹

3. Dekat dengan Rasulullah di Hari Kiamat, sabda Rasulullah SAW:

وعن جابر رضي الله عنه : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ ، قَالَ : إِنَّ مِنْ أَحَبِّكُمْ إِلَيَّ ، وَأَقْرَبِكُمْ مِنِّي مَجْلِسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، أَحْسَنُكُمْ أَخْلَاقًا ، وَإِنَّ لِبُغْضِكُمْ إِلَيَّ وَلِبُعْدِكُمْ مِنِّي يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، لِلشَّرَّارُونَ وَالْمُتَشَدِّقُونَ ، وَالْمُتَفَيِّهُونَ . قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، قَدْ عَلِمْنَا لِلشَّرَّارُونَ وَالْمُتَشَدِّقُونَ ، فَمَا الْمُتَفَيِّهُونَ ؟ قَالَ : الْمُتَكَبِّرُونَ (رواه الترمذی)

Dari Jabir Ra berkata : Rasulullah SAW bersabda : “sesungguhnya orang yang paling aku cintai dan yang paling dekat denganku tempat duduknya di hari kiamat adalah orang yang paling baik akhlaknya diantara kalian” dan orang yang paling aku benci dan yang paling jauh dari sisiku di hari kiamat yaitu orang yang paling buruk akhlaknya, orang yang keras dan orang yang sombong” (HR. Al-Tirmidzi).⁸²

Dimasukkan ke dalam syurganya Allah SWT.

⁸¹ *Ibid.*, 454, no. hadith2003.

⁸² *Ibid.*, 456-457, Hadith No.2018.

عن أبي هريرة : قال سئل رسول الله ﷺ عن أكثر ما يدخل الناس الجنة ؟ فقال تقوى الله وحسن الخلق وسئل عن أكثر ما يدخل الناس النار فقال الفم والفرج

Maksudnya: Dari Abu Hurairah ra., ia berkata: Rasulullah SAW ditanya tentang sesuatu yang banyak memasukkan manusia ke dalam surga. Beliau menjawab: “Takwa kepada Allah SWT dan akhlak yang baik”. Dan beliau juga ditanya tentang hal yang banyak menghumban manusia ke dalam neraka. Beliau menjawab: “mulut dan kemaluan” (HR. Al-Tirmizi).⁸³

Dari beberapa hadith di atas dapat difahami bahawa akhlak yang paling baik memiliki keutamaan yang tinggi. Oleh itu, sewajarnya setiap orang Islam mempunyai akhlak yang baik sebagai perhiasannya. Apabila setiap insan berinteraksi dengan akhlak yang mulia serta menjauhkan diri dari perbuatan-perbuatan tercela, maka pada akhirnya tercipta sikap saling mencintai terhadap sesama dan menimbulkan perasaan tenang, aman dan tenteram. Semua itu merupakan jalan menuju kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat.

2.2. KONSEP ETOS KERJA ISLAM

2.2.1. Pengertian Etos Kerja

Dalam *Kamus Dewan* edisi ke-4, etos didefinisikan sebagai sifat, ciri suatu bangsa, budaya, era dan lain-lain.⁸⁴ Sedangkan dalam *Kamus Perdana* edisi ke-3, etos didefinisikan sebagai ciri-ciri atau sifat-sifat sesuatu kebudayaan atau masyarakat.⁸⁵ Secara sederhana, etos dapat didefinisikan sebagai watak dasar dari suatu masyarakat.

⁸³ *Ibid.*, 454, Hadith No. 2004.

⁸⁴ *Kamus Dewan, edisi keempat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 402.

⁸⁵ *Kamus Perdana edisi ke-3.*, (Selangor: United Publishing House (M), Sdn.Bhd, 2009), 399.

Perwujudan etos dapat dilihat dari struktur dan norma sosial masyarakat itu.⁸⁶ Sebagai watak dasar dari masyarakat, etos menjadi landasan perilaku diri sendiri dan persekitarannya, yang terpancar dalam kehidupan masyarakat.⁸⁷ Kerana etos menjadi landasan bagi kehidupan manusia, maka etos juga berkaitan dengan aspek yang bersifat menilai dalam kehidupan masyarakat.⁸⁸ Di sisi lain, Taufik Abdullah mendefinisikan etos kerja dari aspek yang bersifat penilaian diri terhadap kerja yang bersumber pada identiti diri yang bersifat suci, yakni realiti spiritual keagamaan yang diyakininya, sehingga etos tidak dapat dipisahkan dari sistem kebudayaan suatu masyarakat. Sebagai watak dasar suatu masyarakat, etos berakar dalam kebudayaan masyarakat itu sendiri. Kebudayaan, sebagai suatu sistem pengetahuan gagasan yang dimiliki suatu masyarakat dari proses belajar, adalah induk dari etos itu. Maka setiap masyarakat (yang berbeza kebudayaannya), mempunyai etos yang berbeza pula termasuk dalam hubungannya dengan etos kerja.

Dengan demikian dapat difahami bahawa etos kerja merupakan totaliti kepribadian diri serta cara mengekspresikan, memandang, meyakini dan memberikan sesuatu yang bermakna, yang mendorong dirinya untuk bertindak dan bekerja secara optimum. Etos kerja Islam adalah semangat dan sikap kerja yang total berasaskan niat kerana Allah SWT sehingga pekerjaannya mendatangkan materi juga menjadi amal ibadah.

Dalam mengaitkan makna etos kerja di atas dengan agama, maka etos kerja merupakan sikap diri yang paling asas terhadap kerja yang merupakan wujud dari pemahaman dan penghayatan agama yang mendalam yang memotivasi seseorang untuk melakukan yang terbaik dalam suatu pekerjaan. Dengan kata lain, etos kerja adalah semangat kerja yang mempengaruhi cara pandang seseorang terhadap pekerjaannya

⁸⁶ Ensiklopedia Nasional Indonesia, (1989), 219.

⁸⁷ C. Geertz, *The Interpretation of Culture*, (New York: Basic Book, 1973), 127.

⁸⁸ Taufik Abdullah, *Agama, Etos Kerja dan Pengembangan Ekonomi*, (Jakarta: LP3ES, 1982), 3.

yang bersumber pada nilai-nilai transenden atau nilai-nilai keagamaan yang dianutnya.

Adapun ciri-ciri orang atau sekelompok masyarakat yang beretos kerja tinggi, menurut Gunnar Myrdal dalam bukunya *Asian Drama*, ada tiga belas sikap iaitu: berkesan, rajin, teratur, disiplin atau tepatmasa, jimat cermat, jujur dan teliti, rasional dalam mengambil keputusan dan tindakan, bersedia menerima perubahan, dapat memanfaatkan kesempatan, energik, ketelusan dan percaya diri, mampu bekerja sama, mempunyai visi yang jauh ke depan.⁸⁹

Salah satu teori yang relevan untuk dicermati adalah bahawa etos kerja terkait dengan sistem kepercayaan yang diperoleh kerana pengamatan bahawa masyarakat tertentu, dengan sistem kepercayaan tertentu memiliki etos kerja lebih baik (atau lebih buruk) dari masyarakat lain, dengan sistem kepercayaan lain. Misalnya, yang paling terkenal ialah pengamatan seorang sarjana sosiologi, Max Weber, terhadap penganut agama Kristian Protestan aliran Calvinisme, yang kemudian diangkat menjadi dasar yang terkenal dengan "Etika Protestan".⁹⁰

Para pengkaji lain juga melihat gejala yang sama pada masyarakat dengan sistem kepercayaan yang berbeza, seperti masyarakat Tokugawa di Jepun (oleh Robert N. Bellah), Santri di Jawa (oleh Geertz) dan Hindu Brahmana di Bali (juga oleh Geertz), Jainisme dan Kaum Farsi di India, kaum Bazari di Iran, dan seorang pengkaji mengamati hal yang serupa untuk kaum Isma'ili di Afrika Timur, dan sebagainya. Semua *tesis* tersebut bertitik tolak dari sudut pandang nilai, atau dalam bahasa agama bertitik tolak dari keimanan atau budaya mereka masing-masing.⁹¹

⁸⁹ Gunnard Myrdal, *An Approach to the Asian Drama*, (New York: Vintage Books, 1970), 62.

⁹⁰ Weber ini telah menimbulkan sikap pro dan kontra di kalangan sosiolog. Sebahagian sosiolog mengakui kebenaran tesisnya itu, tetapi tidak sedikit yang meragukan, bahkan yang menolaknya. Kurt Samuelson, ahli sejarah ekonomi Swedia adalah salah seorang yang menolak keseluruhan tesis Weber tersebut, dengan mengatakan bahawa tidak pernah dapat ditemukan dukungan tentang kesejajaran antara protestantisme dengan tingkah laku ekonomi. Lihat: Kurt Samuelson, *Religion and Economic Action: A Critic of Max Weber*, (New York: Harper Torchbook, 1964), 1-26.

⁹¹ Nurcholish Madjid, *Cendekiawan dan Religiusitas Masyarakat*, (Jakarta: Paramadina, 1999), 76.

Persepsi bahawa etos kerja berkait rapat dengan kadar perkembangan ekonomi tertentu, juga merupakan hasil pengamatan terhadap masyarakat tertentu yang etos kerjanya menjadi baik setelah mencapai kemajuan ekonomi tertentu, seperti umumnya negara-negara Industri Baru di Asia Timur, iaitu Korea Selatan, Taiwan, Hongkong dan Singapura. Singapura, misalnya, menunjukkan peningkatan etos kerja warga negaranya setelah mencapai kadar perkembangan ekonomi yang cukup tinggi. Peningkatan etos kerja di sana kemudian mendorong perkembangan yang lebih cepat lagi sehingga negara kota itu menjadi seperti sekarang.⁹²

Menurut Said Mahmud pada hakekatnya etika kerja Islam merupakan pancaran dari nilai yang ikut membentuk corak khusus karakteristik etos kerja Islam. Sebagai bahagian dari akhlak tentunya perlu dikembangkan pada dua aspek, yakni hubungan manusia dengan Allah SWT (*mu`amalah ma`al khaliq*) dan hubungan antara manusia dengan makhluk (*mu`amalah ma`al khalq*). Hubungan dengan Allah SWT dikembangkan etika tauhid dan penghormatan yang banyak kepada Allah SWT dalam bekerja. Jadi segala bentuk perilaku *shirik*, perbuatan dan perkataan yang secara langsung atau tidak langsung merendahkan Allah SWT dapat dikategorikan tidak selari dengan etika kerja Islam. Di sini hendaknya ditekankan pada sikap ikhlas dalam menghadapi takdir. Sedangkan hubungan dengan makhluk mesti dikembangkan sikap sewajarnya dan perilaku yang berasal dari semangat ketaatan pada norma-norma Ilahi yang berkaitan dengan kerja.⁹³

Membicarakan etos kerja dalam Islam, bererti menggunakan dasar pemikiran bahawa Islam, sebagai suatu sistem keimanan, tentunya mempunyai pandangan tertentu yang positif terhadap masalah etos kerja. Ismail al-Faruqi melukiskan Islam sebagai *a*

⁹² Nurcholish Madjid, *Islam Agama Kemanusiaan: Membangun Tradisi dan Visi Baru Islam Indonesia*, (Jakarta: Paramadina, 1995), 215

⁹³ Said Mahmud. "Konsep Amal Saleh dalam al-Quran". Disertasi 1995 dalam Alwiyah Jamil. "Pengaruh Etika Kerja Islam Terhadap Sikap-sikap Pada Perubahan Organisasi: Komitmen Organisasi Sebagai mediator". Tesis Program Studi Magister Akuntansi. Universitas Diponegoro. Semarang . 2007.

religion of action. Oleh itu, Islam sangat menghargai kerja. Dalam sistem ajaran Islam kebahagiaan manusia di akhirat bergantung daripada hasil amal dan kerja yang dilaksanakannya di dunia.⁹⁴

Menurut Nurcholish Madjid, etos kerja dalam Islam adalah hasil suatu kepercayaan seorang Muslim, bahawa kerja mempunyai kaitan dengan tujuan hidupnya, iaitu memperoleh reda Allah SWT. Berkaitan dengan ini, penting untuk ditegaskan bahawa pada dasarnya, Islam adalah agama amal atau kerja (*praxis*).⁹⁵ Inti ajarannya ialah bahawa hamba mendekati dan berusaha memperoleh reda Allah SWT melalui kerja atau amal soleh, dan dengan memurnikan sikap penyembahan hanya kepadaNya.⁹⁶

Toto Tasmara, dalam bukunya *Etos Kerja Pribadi Muslim*, menyatakan bahawa “bekerja” bagi seorang Muslim adalah suatu upaya yang sungguh-sungguh, dengan mengerahkan seluruh asset, fikir dan zikirnya untuk mengaktualisasikan atau menampakkan erti dirinya sebagai hamba Allah SWT yang harus menundukkan dunia dan menempatkan dirinya sebagai bahagian dari masyarakat yang terbaik (*khaira ummah*). Dengan kata lain, dapat dikatakan bahawa dengan bekerja manusia itu memanusiaikan dirinya.⁹⁷

Toto mendefinisikan etos kerja dalam Islam (bagi kaum Muslim) adalah: “Cara pandang yang diyakini individu Muslim bahawa bekerja itu bukan sahaja untuk memuliakan dirinya, menampakkan kemanusiaannya, tetapi juga sebagai suatu manifestasi dari amal soleh dan oleh kerananya mempunyai nilai ibadah yang sangat

⁹⁴ Al-Faruqi, *Al-Tawhid: Its Implication for Thought and Life*, (Herndon, Virginia: IIIT, 1995), 75-76.

⁹⁵ Nurcholis Madjid, *Islam Agama Kemanusiaan*, 216.

⁹⁶ QS. Al-Kahf/ 18: 110. Islam, sebagai sistem nilai dan petunjuk, misalnya, secara tegas mendorong umatnya agar memiliki kejujuran (QS. 33: 23-24); mendorong hidup sederhana dan tidak berlebih-lebihan (QS. 7: 13, 17: 29; 25: 67; 55: 7-9); anjuran melakukan kerja sama dan tolong-menolong dalam kebaikan (QS. 5: 2); kerajinan dan bekerja keras (QS. 62: 10); sikap hati-hati dalam mengambil keputusan dan tindakan (QS. 49: 6); jujur dan dapat dipercaya (QS. 4: 58; 2: 283; 23: 8); disiplin (QS. 59: 7); berlomba-lomba dalam kebaikan (QS. 2: 148; 5: 48). Prinsip-prinsip dasar dari rangkaian sistem nilai yang terkandung dalam al-Qur’an tersebut di atas dapat dijadikan menurut penulis, dapat dijadikan tema sentral dalam melihat persoalan etos kerja versi ajaran Islam.)

⁹⁷ Toto Tasmara, *Etos Kerja Pribadi Muslim*, (Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa, 1995), 27.

luhur.⁹⁸

Dari beberapa pendapat tersebut di atas, maka dapat difahami bahawa etos kerja dalam Islam berkait rapat dengan nilai-nilai (*values*) yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadith tentang “kerja” yang dijadikan sumber inspirasi dan motivasi oleh setiap Muslim untuk melakukan aktiviti kerja dalam pelbagai bidang kehidupan. Cara mereka memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai al- Qur'an dan al-Hadith tentang dorongan untuk bekerja itulah yang membentuk etos kerja Islam.

Berdasarkan huraian sebelumnya, dapat disimpulkan bahawa etos kerja Islam adalah usaha yang dilakukan individu berdasarkan nilai-nilai (*values*) yang terkandung dalam Al-Qur'an dan al-Hadith sebagai pedoman untuk setiap aktiviti kehidupan dalam rangka mewujudkan keperluan manusia.

Dengan demikian, etos kerja yang kuat memerlukan kesedaran pada individu tentang kaitan kerja dengan pandangan hidupnya yang lebih menyeluruh. Pandangan hidup itu memberinya kesedaran akan makna dan tujuan hidupnya. Dengan kata lain, individu akan kesulitan melakukan suatu pekerjaan dengan tekun jika pekerjaan itu tidak bermakna baginya, dan tidak berhubungkait dengan tujuan hidupnya yang lebih tinggi, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

2.2.2. Karakteristik Etos Kerja Islam

Sebagai agama yang menekankan erti penting amal dan kerja, Islam mengajarkan bahawa kerja itu hendaknya dilaksanakan berdasarkan beberapa prinsip berikut:

1. Bekerja berdasarkan pengetahuan.

⁹⁸ *Ibid.*, 28.

Pekerjaan dilakukan berdasarkan pengetahuan sebagaimana dapat difahami dari firman Allah SWT dalam al-Qur'ansurah *al-Isra'* /17 ayat 36:⁹⁹

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۚ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ
كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mengikuti sesuatu yang tidak kamu ketahui. Kerana pendengaran, penglihatan dan hati nurani, semua itu akan dimintai pertanggungjawabannya.”

2. Bekerja berdasarkan keahlian.

Pekerjaan hendaknya dilaksanakan berdasarkan keahlian. Perkara ini merujuk kepada sabda Rasulullah SAW:

عن أبي هريرة رضى الله عنه قال :بينما النبي □ فى مجلس يحدث
القوم ,جاءه أعربي فقال :متى الساعة؟ فمضى رسول الله □
يحدث ,فقال بعض القوم :سمع ما قال فكره ما قال .وقال بعضهم
:بل لم يسمع .حتى إذا قضى حديثه قال " :أين -أراه -السائل
عن الساعة ؟ قال :ها أنا يا رسول الله ,قال " :فإذا ضيقت الأمانة
فانتظر الساعة . "قال :كيف إضاعتها يا رسول الله؟ قال " :إذا وسد
الأمر إلى غير أهله فانتظر الساعة .

Maksudnya: Dari Abu Hurairah ra., ia berkata: Ketika Nabi saw berada dalam suatu majelis membicarakan suatu kaum, tiba-tiba datanglah seorang arab badui, lalu bertanya: “Bila datangnya hari kiamat?. Namun Rasulullah saw tetap melanjutkan pembicaraannya. Sementara itu, sebahagian orang berkata: “Beliau mendengar perkataannya, tetapi tidak menyukai apa yang

⁹⁹ Kementerian Agama RI, *al-Qur'anulkarim*, 567.

dikatakannya”, dan sebahagian lagi berkata: “Beliau tidak mendengar perkataannya”. Hingga akhirnya Rasulullah saw menyelesaikan pembicaraannya, lalu berkata: “Mana orang yang bertanya tentang hari kiamat tadi?. Orang itu berkata: “Saya, wahai Rasulullah”. Maka Beliau bersabda: “Apabila sudah hilang amanah, maka tunggulah terjadinya kiamat”. Ia bertanya: “Bagaimana hilangnya amanah itu:, Rasulullah saw menjawab: “Jika urusan diserahkan kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah terjadinya kiamat”¹⁰⁰.

3. Berorientasi kepada mutu dan hasil yang baik sebagaimana dapat difahami dari firman Allah:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْعَفُورُ

Maksudnya: “Dialah Tuhan yang telah menciptakan mati dan hidup. Untuk menguji siapa di antara kalian yang dapat melakukan amal (pekerjaan) yang terbaik; dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.” (*al-Mulk/67: 2*).¹⁰¹

Dalam Islam, amal atau bekerja itu juga harus dilakukan secara berkualiti yang tinggi, iaitu bekerja dengan ikhlas dan sesuai peraturan yang berlaku. Ikhlas maknanya bekerja dibuat semata-mata hanya kerana Allah SWT dan mengikuti peraturan yang ditetapkan.

4. Pekerjaan itu diawasi oleh Allah SWT, Rasulullah SAW dan masyarakat. Oleh itu, hendaknya dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, sebagaimana dapat difahami dalam firman Allah SWT:

¹⁰⁰ Al-Imam al-Hafiz Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*, (Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyah, 1998). 36, Hadith No. 59.

¹⁰¹ Kementerian Agama RI, *op. cit.*, 1121

وَقُلْ اَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللّٰهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ ۗ وَسَتُرَدُّونَ اِلَى
عَالَمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Dan Katakanlah: "Bekerjalah kamu, Maka Allah SWT dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakanNya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan (*al-Taubah* / 9: 105).¹⁰²

5. Pekerjaan dilakukan dengan semangat dan etos kerja yang tinggi. Bekerja keras dengan etos yang tinggi itu digambarkan oleh sebuah hadits sebagai orang yang tetap menaburkan benih sekalipun hari akan kiamat.¹⁰³
6. Berhak mendapatkan imbalan atas apa yang telah ia kerjakan. Ini adalah konsep pokok dalam Islam. Konsep imbalan bukan hanya berlaku untuk pekerjaan-pekerjaan dunia, tetapi juga berlaku untuk pekerjaan-pekerjaan ibadah yang bersifat ukhrawi. Di dalam al-Qur'an ditegaskan bahawa:

وَلِلّٰهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ لِيَجْزِيَ الَّذِيْنَ اَسَاءُوْا بِمَا عَمِلُوْا
وَيَجْزِيَ الَّذِيْنَ اَحْسَنُوْا بِالْحُسْنٰى

Maksudnya: “Dan Milik Allahlah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. (Dengan demikian) Allah membalas orang-orang yang melakukan sesuatu yang buruk dengan imbalan setimpal dan memberi imbalan kepada orang-orang yang berbuat baik dengan pahala yang lebih baik (surga).”(*al-Najm* / 53: 31).¹⁰⁴

¹⁰² Ibid., 403

¹⁰³ Dari Anas Ibn Malik (dilaporkan bahwa) ia berkata: Rasulullah Saw. telah bersabda: “Apabila salah seorang kamu menghadapi kiamat sementara di tangannya masih ada benih hendaklah ia tanam benih itu.” (H.R. Ahmad).

¹⁰⁴ Kementerian Agama RI., *op.cit.*, 1051

7. Nilai pekerjaan bergantung pada niat. Berusaha menangkap makna sedalam-dalamnya sabda Nabi yang amat terkenal bahawa nilai setiap bentuk kerja itu bergantung kepada niat-niat yang dipunyai pelakunya: jika tujuannya tinggi (seperti tujuan mencapai reda Allah SWT) maka ia pun akan mendapatkan nilai kerja yang tinggi. Jika tujuannya rendah (seperti, hanya bertujuan memperoleh simpati sesama manusia belaka), maka dengan kadar itu pulalah nilai kerjanya tersebut.¹⁰⁵

Sabda Rasulullah SAW itu menegaskan bahawa nilai kerja manusia bergantung kepada sikap yang komited terhadap pekerjaan itu. Tinggi rendah nilai kerja itu diperoleh seseorang sesuai dengan tinggi rendah nilai komited yang dimilikinya. Sikap komited atau niat adalah suatu bentuk pilihan dan keputusan individu yang dikaitkan dengan sistem nilai yang dianutnya. Oleh itu, kadar komited atau niat juga berfungsi sebagai sumber dorongan batin bagi individu untuk mengerjakan atau tidak mengerjakan sesuatu, atau jika ia mengerjakannya dengan tingkat-tingkat kesungguhan tertentu.

Ajaran Islam menunjukkan bahawa “kerja” atau “amal” adalah bentuk kewujudan manusia. Ertinya, manusia wujud kerana bekerja, dan bekerja itulah yang membuat atau mengisi kewujudan kemanusiaannya. Jika filsuf Perancis, Rene Descartes, terkenal dengan ucapannya, “Aku berpikir maka aku ada” (*Cogito ergo sum*) – kerana berfikir baginya bentuk wujud manusia– maka sesungguhnya, dalam ajaran Islam, ungkapan itu seharusnya berbunyi “Aku berbuat, maka aku ada.”¹⁰⁶ Pandangan ini bermaksud bahawa manusia tidak akan mendapatkan sesuatu apa pun kecuali yang ia usahakan sendiri.

¹⁰⁵ Sebuah hadis yang amat terkenal, “Sesungguhnya (nilai) segala pekerjaan itu adalah (sesuai) dengan niat-niat yang ada, dan setiap orang akan mendapatkan apa yang ia niatkan. Maka barang siapa yang hijrahnya (ditujukan) kepada (ridla) Allah dan Rasul-Nya, maka ia (nilai) hijrahnya itu (mengarah) kepada (redha) Allah dan Rasul-Nya; dan barang siapa yang hijrahnya itu ke arah (kepentingan) dunia yang dikehendakinya, atau wanita yang hendak dinikahinya, maka (nilai) hijrahnya itu pun mengarah kepada apa yang menjadi tujuannya.” (Lihat al-Sayyid „Abd al- Rahim „Anbar al-Thahthawi, Hidayat al-Bari ila Tartib al-Ahadits al-Bukhary, 2 Jilid (Kaherah: al- Maktabat al-Tijariyah al-Kubra, 1353 H), j.1, 220-221; dan al-Hafidh al-Mundziriy, Mukhtashar Shahih Muslim, 2 Jilid (Kuwait: Wizarat al-Awqaf wa al-Syu“un al-Islamiyyah, 1388 H/1969 M), j.2, 47. (no hadith 1080).

¹⁰⁶ Nurcholish Madjid, Islam Doktrin dan Peradaban, (Jakarta: Paramadina, 1992), 417.

أَمْ لَمْ يُنَبَّأْ بِمَا فِي صُحُفِ مُوسَىٰ وَإِبْرَاهِيمَ الَّذِي وَفَّىٰ ۖ أَلَّا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ۗ وَأَنْ لَّيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ۗ وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَىٰ ۖ ثُمَّ يُجْزَاهُ الْجَزَاءَ الْأَوْفَىٰ ۗ وَأَنَّ إِلَىٰ رَبِّكَ الْمُنْتَهَىٰ

Maksudnya: “Belumkah ia (manusia) diberitahu tentang apa yang ada dalam lembaran-lembaran suci Nabi (Musa)? Dan Nabi Ibrahim yang setia? Iaitu bahawa seseorang yang berdosa tidak akan menanggung dosa orang lain. Dan bahawa tidaklah bagi manusia itu melainkan apa yang ia usahakan. Dan bahawa usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya), kemudian ia akan dibalas dengan balasan yang setimpal. Dan bahawa kepada Tuhanmulah tujuan yang penghabisan” (*al-Najm* /53: 36-42).¹⁰⁷

Itulah yang dimaksudkan dengan ungkapan bahawa, kerja adalah bentuk kewujudan manusia, iaitu bahawa harga diri manusia adalah amal perbuatan atau kerjanya itu. Manusia ada kerana amalnya, dengan amalnya yang baik itu manusia mampu mencapai maruah yang setinggi-tingginya, iaitu bertemu Allah SWT dengan penuh keredaanNya.

Adapun ciri-ciri orang yang mempunyai dan menghayati etos kerja menurut Toto Tasmara dalam *Membudayakan Etos Kerja Islami* tercermin dalam sikap dan tingkah laku berikut :¹⁰⁸

1. Menghargai masa.

Salah satu intipati dan hakikat dari etos kerja adalah cara seseorang menghayati, memahami, dan merasakan betapa berharganya masa.

2. Ikhlas

Salah satu keupayaan moral yang dimiliki oleh seseorang yang berbudaya kerja

¹⁰⁷ Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 1051. 1051

¹⁰⁸ Toto Tasmara, *Membudayakan Etos Kerja Islami*. (Jakarta: Gema Insanih, 2010), 105 – 106.

Islami adalah nilai keikhlasan. Mereka yang mempunyai jiwa yang ikhlas akan melaksanakan tugasnya secara profesional tanpa motivasi lain kecuali bahawa pekerjaan itu merupakan amanat yang harus ditunaikan sebaik-baiknya. Motivasi unggul yang ada hanyalah niat pada hati nuraninya sendiri (*consciene*). Kalaupun ada *reward* atau imbalan, itu bukanlah tujuan utama, melainkan sekadar akibat sampingan (*side effect*) dari pengabdian dirinya yang murni tersebut.

3. Jujur.

Perilaku yang jujur adalah perilaku yang diikuti oleh sikap tanggung jawab atas apa yang diperbuatnya (integriti). Kejujuran dan integriti ini seumpama dua sisi mata wang. Seseorang tidak cukup hanya memiliki keikhlasan dan kejujuran, tetapi diperlukan nilai pendorong lainnya, iaitu integriti. Akibatnya, mereka bersiap sedia menghadapi seluruh cabaran yang akan dihadapi dengan gagah berani, kebanggaan, dan penuh suka cita, dan tidak pernah terpikir olehnya untuk melemparkan tanggung jawabnya kepada orang lain.

4. Bersikap komited.

Yang dimaksud dengan sikap komited ialah keyakinan yang mengikat sedemikian kukuh sehingga membelenggu seluruh hati nuraninya dan kemudian menggerakkan perilaku menuju halatuju tertentu yang diyakini. Bekerja secara komited menzahirkan sebuah tekad dan keyakinan dengan penuh semangat. Mereka yang memiliki sikap komited tidak mengenal kata menyerah. Bagi mereka, komited adalah soal tindakan, keberanian, kesungguhan, dan kesinambungan.

5. Istiqamah, kuat pendirian.

Istiqamah bermakna kuat menghadap segala cabaran dan halangan serta masih

tetap *qiyam* (berdiri). Konsisten berarti tetap menapaki jalan lurus walaupun sejuta halangan menghadang. Seseorang yang istiqamah tidak mudah berpaling tadah, meskipun godaan untuk mengubah tujuan begitu memikatnya, dia tetap pada niat semula.

6. Disiplin.

Erat kaitannya dengan konsisten adalah sikap berdisiplin, yaitu suatu sikap, perbuatan untuk selalu taat pada aturan. Individu yang berdisiplin sangat berhati-hati dalam mengelola pekerjaan serta penuh tanggung jawab memenuhi kewajibannya. Mata hati dan profesi terarah pada hasil yang akan diraih sehingga mampu menyesuaikan diri dalam situasi yang mencabar. Mereka pun mampu menyesuaikan diri untuk menerima inovasi atau gagasan baru. Penyesuaian diri yang cepat untuk menangani berbagai perubahan yang menekan. Kerana sikapnya yang konsisten itu pula, mereka tidak tertutup pada gagasan-gagasan baru yang bersifat inovatif.

7. Berani menghadapi cabaran.

Ciri lain dari individu yang memiliki budaya kerja adalah keberaniannya menerima akibat dari keputusannya. Bagi mereka, hidup adalah pilihan, dan setiap pilihan merupakan tanggung jawab individu. Mereka tidak mungkin menyalahkan mana-mana pihak kerana pada akhirnya semua pilihan diputuskan oleh dirinya sendiri. Rasa tanggung jawab mendorongnya untuk bergerak dinamik, seakan-akan di dalam dadanya ada “nyala api”, sebuah motivasi yang kuat untuk mencapai tujuan dan menjaga apa yang telah menjadi keputusan atau pilihannya.

8. Keyakinan diri.

Keyakinan diri melahirkan kekuatan, keberanian, dan ketegasan dalam

bersikap. Berani mengambil keputusan walaupun berdepan dengan cabaran atau penolakan.

9. Kreatif.

Peribadi Muslim yang kreatif selalu ingin mencuba metode atau gagasan baru sehingga diharapkan hasil kerjanya dapat dilaksanakan secara berkesan.

10. Bertanggung jawab.

Tindakan bertanggungjawab dapat didefinisikan sebagai sikap dan tindakan individu di dalam menerima sesuatu sebagai amanah dengan penuh rasa cinta dan ingin menunaikannya dalam bentuk pilihan-pilihan yang melahirkan amal prestasi cemerlang. Mereka yang memiliki tanggung jawab ini menganggap pekerjaannya sebagai amanah yang perlu ditunaikan dengan penuh kesungguhan, yang kemudian melahirkan keyakinan yang mendalam bahawa bekerja itu ibadah dan berprestasi itu indah.

11. Memiliki harga diri.

Individu yang memiliki harga diri akan selalu berbahagia ketika dia ingin menyebarkan nilai manfaat. Hidupnya penuh semangat untuk menjadikan dirinya sebagai sosok manusia yang sentiasa memberikan manfaat kepada orang lain dengan penuh cinta, dan itu mahal harganya.

12. Memiliki jiwa kepemimpinan.

Sebagai seorang *mujahid* yang dituntut untuk memiliki jiwa kepemimpinan, sudah pasti seluruh peranan dirinya merupakan bayang-bayang dari hukum dan kehendak Allah SWT, sehingga keputusan dan kehadiran dirinya mampu mempengaruhi orang lain, persekitaran, dan ruang serta waktu dengan butiran nilai tauhid. Kepemimpinan bererti kemampuan untuk mengambil kedudukan

dan sekaligus memainkan peranan yang besar sehingga kehadiran dirinya mampu memberikan pengaruh kepada persekitarannya. Seorang pemimpin adalah seorang yang mempunyai personaliti yang tinggi. Dia larut dalam keyakinannya, tetapi tidak segan untuk menerima kritik, bahkan mengikuti apa yang terbaik. Seorang pemimpin bukan tipikal pengikut, selalu menerima perintah atasan, kerana sebagai seorang pemimpin, dia sudah dilatih untuk berpikir kritikal. Dia sedar bahawa seluruh hidupnya akan dimintai pertanggungjawapan di hadapan Allah SWT, sebagaimana firmanNya:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۚ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ
أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Maksudnya: "Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan, dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabannya. (*al-Isra' /17 : 36*).¹⁰⁹

13. Berwawasan jauh ke hadapan.

Peribadi Muslim yang memiliki etos kerja mempunyai pandangan jauh ke hadapan. Gagasan pikirannya melampaui zamannya sehingga mereka layak disebut pemimpin yang memiliki pandangan atau wawasan ke depan (*visionary leadership*). Mereka memiliki aktiviti yang sangat tinggi, menghargai orang lain, dan terbuka terhadap gagasan bahkan kritik. Mereka berorientasi ke masa hadapan. Individu yang memiliki etos kerja tidak akan berspekulasi dengan masa depan dirinya. Dia selalu menetapkan segala sesuatunya dengan jelas sehingga seluruh tindakannya diarahkan pada tujuan yang telah ditetapkan.

14. Jimat Cermat dan Berkesan.

¹⁰⁹ Kementerian Agama RI., *op.cit.*, 567

Bersikap jimat cermat bukan kerana ingin memupuk kekayaan sehingga melahirkan sifat kikirdan mementingkan dirinya sendiri. Melainkan kerana ada satu pandangan bahawa tidak selamanya waktu itu berjalan lurus. Adakalanya naik dan turun, sehingga bersikap jimat cermat bererti dapat menjangka apa yang akan terjadi pada masa yang akan datang. Berkesan bererti melakukan segala sesuatu secara benar dan tepat. Berkesan bererti pula mampu membandingkan antara *output* dan *input*. Adapun efektiviti berkaitan dengan tujuan atau menetapkan hal yang benar. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa keberkesanan bererti berkaitan dengan cara melaksanakan dan halatuju.

15. Memiliki jiwa usahawan yang tinggi.

Orang yang memiliki etos kerja hendaknya memiliki jiwa usahawan yang tinggi, iaitu kesedaran dan kemampuan yang sangat mendalam untuk melihat segala fenomena yang ada di sekitarnya, merenung dan kemudian bergelora semangatnya untuk mewujudkan setiap perenungan batinnya dalam bentuk yang nyata dan realistik. Oleh itu, mereka selalu melihat setiap sudut kehidupan dunia sebagai peluang dan kesempatan yang perlu diterokai.

16. Memiliki naluri bersaing (*fastabiq al-khairat*).

Semangat untuk bersaing merupakan aspek lain dari seorang Muslim yang memiliki etos kerja. Panggilan untuk bertanding dalam segala lapangan kebajikan dan meraih prestasi, dihayatinya dengan rasa penuh tanggungjawab sebagai pembuktian ayat al-Qur'an yang telah menuliskan kalamnya dengan motivasi, sebagaimana firmanNya:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيُّهَا ۖ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۗ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ
بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah (dalam membuat)

kebaikan. Di mana saja kamu berada pasti Allah SWT akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat). Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa atas segala sesuatu. (*al-Baqarah* / 2 :148).¹¹⁰

Mana mungkin individu dapat berlumba atau bertanding apabila tidak ada semangat untuk bekerja, bergerak, dan berjuang. Untuk itu, dia tidak akan pernah tewas pada kelemahan atau sebagai individu yang hanya menerima nasib tanpa usaha untuk mengubahnya.

17. Keinginan untuk berdikari (*independent*).

Individu yang mempunyai etos kerja merasa bahagia apabila dapat memperoleh hasil atas usaha, karsa, dan karya yang dihasilkan oleh dirinya sendiri. Oleh itu, ia mempunyai keinginan yang kuat untuk berdikari.

18. Sentiasa belajar dan haus mencari ilmu.

Semangat untuk sentiasa belajar dan dahagakan ilmu ini dilandasi oleh kesedaran bahawa Rasulullah SAW mewajibkan pada setiap umatnya untuk mencari ilmu daripada buaian hingga ke liang lahat. Bahkan demi ilmu, sanggup mengharungi tempat yang jauh walau ke negeri Cina. Sifat kritikal dan adil menyebabkan ia tidak melihat lagi “siapa” yang mengatakan, selama yang dikatakannya adalah ilmu dan kebenaran, akan diambil dan diterapkan.

19. Memiliki semangat perantauan

Salah satu ciri peribadi yang memiliki etos kerja adalah suatu dorongan untuk melakukan perantauan. Mereka ingin menjelajahi seluruh hamparan bumi, memetik hikmah, dan mengambil iktibar dari pelbagai peristiwa budaya manusia. Akan tetapi, semangat perantauan tidak selamanya dibuktikan secara fizik. Ada juga perantauan batin yang diperoleh dengan membaca buku, menggali hikmah dan membaca fenomena alam. Badannya tidak pergi jauh,

¹¹⁰ *Ibid.*, 43

tetapi imajinasinya merantau sampai ke luar batas langit, dan kemudian melahirkan pelbagai gagasan kreatif.

20. Memperhatikan kesihatan dan gizi (zat makanan)

Etos kerja Muslim adalah etos yang sangat erat kaitannya dengan cara dirinya memelihara kesihatan dan kesegaran jasmaninya.

21. Kuat dan pantang menyerah

Kekuatan dan kecekalan merupakan modal yang sangat besar dalam menghadapi cabaran atau tekanan (*pressure*), sebab sejarah telah banyak membuktikan betapa banyak bangsa yang mempunyai sejarah pahit, namun akhirnya dapat keluar dengan pelbagai inovasi, kesepaduan kumpulan, dan mampu memberikan prestasi yang tinggi bagi komunitinya. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kerja keras, gigih, kuat, dan pantang menyerah merupakan ciri dan cara dari personaliti Muslim yang memiliki etos kerja.

22. Berorientasi pada produktiviti.

Individu Muslim hendaknya sangat menghayati makna yang difirmankan Allah SWT dengan sangat tegas, iaitu larangan untuk bersikap membazir kerana sesungguhnya orang-orang yang membazir adalah temannya syaitan.

23. Memperkaya jaringan silaturahmi.

Individu yang memiliki etos kerja akan menjadikan silaturahmi sebagai salah satu roh pengembangan dirinya. Silaturahmi bukan sahaja memiliki nilai ibadah, tetapi hasilnya juga dapat dipetik di dunia, iaitu memperluas rangkaian dan berkongsi maklumat yang dapat membuka peluang dan kesempatan usaha.

24. Memiliki semangat perubahan

Individu yang memiliki etos kerja menyedari sepenuhnya bahawa tidak ada satu makhluk pun di bumi ini yang mampu mengubah dirinya kecuali dirinya sendiri. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT :

لَهُ مُعَقَّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ
لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا
فَلَا مَرَدَّ لَهُ ۗ وَمَا لَهُمْ مِّنْ دُونِهِ مِنْ وَّالٍ

Maksudnya: "Bagi manusia ada malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran, di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengubah suatu kaum kecuali kaum itu sendiri yang mengubah keadaan diri mereka sendiri. Dan apabila Allah SWT menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya, dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia." (*al-Ra'd/13 : 11*).¹¹¹

Ayat ini mengajak manusia untuk memainkan peranan, mengubah nasib, dan menempatkan diri dalam kedudukan yang lebih baik lagi. Sesuai dengan ajaran Islam sebagai sumber motivasi kerja Islam, secara konseptual bahawa Islam berdasarkan ajaran wahyu bekerja sama dengan akal adalah agama amal atau agama kerja. Bahawasanya untuk mendekati diri serta memperoleh keredaan Allah SWT, seorang hamba hendaknya melakukan amal soleh yang dikerjakan dengan ikhlas hanya kerana Allah, iaitu dengan memurnikan tauhid.

Berdasarkan huraian teori sebelumnya, dapat disimpulkan bahawa karakteristik etos kerja Islam meliputi: ikhlas, disiplin, suka cabaran, kreatif, berjiwa sosial tinggi, jujur, profesional, teguh pendirian, percaya diri, berdikari, tanggungjawab, kompetitif, orientasi kerja, memiliki keseimbangan antara pekerjaan dan ibadah, interaksi interpersonal.

¹¹¹ *Ibid.*,497

2.2.3. Dasar-dasar Etos Kerja Islam

Etos kerja Islam adalah karakter atau kebiasaan manusia dalam bekerja yang bersumber pada al-Qur'an dan al-Hadith. Mereka bekerja bukan hanya kerana motif mencari kehidupan dunia tetapi bekerja kerana perintah agama. Berasaskan penjelasan tersebut, jelas bahawa Islam sangat menganjurkan umatnya untuk bekerja keras bahkan kerja dinilai sebagai ibadah. Banyak ayat al-Qur'an mahupun al-Hadith yang menganjurkan umat Islam untuk bekerja keras dalam mencari rezeki. Di antara ayat al-Qur'an yang menganjurkan umat Islam untuk bekerja aktif mencari rezeki adalah:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ ۗ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

Maksudnya: “Dia yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah ke segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezekiNya, serta kepadaNya kamu sekalian dibangkitkan.” (*Al-Mulk/67: 15*).¹¹²

Ayat ini menjelaskan bahawa rezeki dari Allah SWT hendaknya diusahakan secara aktif oleh manusia dengan cara berjalan ke segala penjuru dunia. Pada ayat yang lain dijelaskan bahawa:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Apabila salat Jum'at telah ditunaikan, hendaklah orang-orang beriman bertebaran di muka bumi dan mencari karunia (rezeki) Allah SWT sambil mengingat Allah SWT supaya beruntung.” (*al-Jumu'ah/62 : 10*).¹¹³

Dari ayat ini dapat dikatakan bahawa peranan umat Islam dalam kegiatan

¹¹² Ibid.,1123.

¹¹³ Ibid.,1105.

ekonomi merupakan satu kewajiban, sehingga pada hari Jumaat pun masih diperintahkan untuk bekerja. (Apabila telah ditunaikan salat, maka bertebaranlah kalian di muka bumi). Perintah ini menunjukkan pengertian *ibahah* atau boleh (dan carilah) carilah rezeki (kurnia Allah, dan ingatlah Allah) dengan ingatan (sebanyak-banyaknya supaya kalian beruntung) yakni memperoleh keberuntungan. Pada hari Jumaat, Rasulullah SAW berkhotbah, akan tetapi tiba-tiba datanglah rombongan kafilah membawa barang dagangan, lalu dipukul gendang menyambut kedatangannya sebagaimana kebiasaannya. Maka orang-orang pun berhamburan keluar mesjid untuk menemui rombongan itu, kecuali hanya dua belas orang saja yang masih tetap bersama Rasulullah SAW, lalu turunlah ayat ini. (Tafsir Al-Jalalain, Al-Jumu'ah/62:10).¹¹⁴ Hal ini dipertegas lagi dengan surah berikut:

فَاذْفَرَّغَتْ فَاَنْصَبْ

Maksudnya: “Maka apabila kamu telah selesai (dari sesuatu urusan), kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain” (*al-Inshirah / 94:7*).¹¹⁵

Ayat ini yang memerintahkan umat Islam agar mengambil pekerjaan lain setelah menyelesaikan suatu pekerjaan sehingga letih. Maksudnya apabila telah selesai mengerjakan urusan dunia maka kerjakanlah urusan akhirat, dan ada lagi yang mengatakan apabila telah selesai mengerjakan solat berdoalah. Sementara pada surah *al-Qasas* ditegaskan:

وَلَبَتَّغْ فِيمَا آتَاكَ اللّٰهُ الدّٰرَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ النُّنْيَا ۗ
 وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللّٰهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَتَّبِعْ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللّٰهَ لَا
 يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

¹¹⁴ *Tafsir al-Misbah*

¹¹⁵ *Ibid.*, 1189.

Maksudnya: “Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi. Dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerusakan. (*al-Qasas / 28 : 77*).¹¹⁶

Sedangkan dalam surat *al-Baqarah/2 : 278* ditegaskan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah SWT dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang beriman.” (*al-Baqarah/ 2: 278*).¹¹⁷

Dalam sebuah hadith, Rasulullah SAW secara implisit berpesan agar manusia sentiasa menjaga produktiviti kerja dengan tidak membiarkan tanah subur yang tidak ditanami. Hal ini tergambar dalam al-Hadith yang mengatakan bahawa:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ □ مَنْ كَانَتْ لَهُ أَرْضٌ فَلْيَزْرَعْهَا فَإِنْ لَمْ يَزْرَعْهَا فَلْيُزْرَعْهَا أَخَاهُ. (رواه مسلم)

Maksudnya: Dari Jabir ra., ia berkata: Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa yang memiliki tanah, hendaknya ditanaminya, jika dia tidak sanggup menanaminya dengan sendiri, hendaknya saudaranya yang menanaminya.(HR. Muslim).¹¹⁸

Sementara perintah untuk bekerja keras mencari rezeki menurut al-Hadith antara lain adalah:

¹¹⁶ *Ibid.*, 785.

¹¹⁷ *Ibid.*, 91

¹¹⁸ *Muslim bin Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi, 627., Hadith No. 1536/88*

عن المقدم رضي الله عنه : عن رسول الله ﷺ قال : ما أكل أحد طعاما قط خيرا من أن يأكل من عمل يده وإن نبي الله داود عليه السلام كان يأكل من عمل يده. (رواه البخاري)

Maksudnya: Dari Miqdam ra., Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah seseorang memakan makanan yang lebih baik dari memakan hasil jerih payahnya sendiri, dan sesungguhnya Nabi Daud makan dari hasil jerih payahnya sendiri". (HR Bukhari).¹¹⁹

عن أنس بن مالك أن رجلاً من الأنصار جاء إلى النبي ﷺ يسأله فقال لك في بيتك شيء قال بلى جلس نلبس بعضه ونبسط بعضه وقدح نشرب فيه الماء قال اثنتي بهما قال فأتاه بهما فأخذهما رسول الله ﷺ بيده ثم قال من يشتري هذين فقال رجل أنا أخذهما بدرهم قال من يزيد على درهم ميتين أو ثلاثاً قال رجل أنا أخذهما بدرهمين فأعطاهما إياه وأخذ الدرهمين فأعطاهما الأنصاري وقال اشتري بأحدهما طعاماً فأنبذه إلى أهلِكَ واشترِ بالآخرِ قداماً فأثني به ففعل فأخذه رسول الله ﷺ فشدد فيه عوداً بيده وقال اذهب فاحتطب ولا أراك خمسة عشر يوماً فجعل يحتطب ويبيع فجاء وقد أصاب عشرة دراهم فقال اشتري ببعضها طعاماً وبيع بعضها ثوباً ثم قال هذا خير لك من أن تجيء والمسألة نكتة في وجهك يوم القيامة إن المسألة لا تصلح إلا لذي فقرٍ مدقعٍ أو لذي غرمٍ مُفْطِعٍ أو دمٍ مَوْجِعٍ (رواه ابن ماجه)

Diriwayatkan dari Anas bin Malik r.a., ia berkata, "Seorang lelaki Anshar datang kepada Rasulullah SAW dan meminta kepada beliau. Maka beliau pun

¹¹⁹ Al-Imam al-Hafiz Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari, 391, Hadith No. 2072.

bertanya kepadanya: "Apakah di rumahmu ada sesuatu?" Ia menjawab, "Ya. Sebuah alas pelana yang sebahagian kami pakai dan sebahagian lagi kami bentangkan, serta sebuah gelas yang kami gunakan untuk minum air." Beliau bersabda: "Berikanlah keduanya itu untukku." Anas berkata, "Orang itu lantas membawa keduanya hingga Rasulullah SAW mengambilnya dengan tangannya, kemudian bersabda: "Siapa yang mahu membeli dua barang ini?" Seorang laki-laki berkata, "Saya mahu membelinya dengan satu dirham! " Beliau bertanya lagi: "Siapa yang mahu menambahnya?" Beliau ulangi pertanyaan itu dua atau tiga kali. Lalu seorang laki-laki berkata, "Saya akan membelinya dengan dua dirham." Lalu Beliau memberikan barang tersebut kepadanya, kemudian meminta wang pembayarannya seraya memberikannya kepada sahabat Anshar tadi. Beliau kemudian bersabda: "Belilah makanan dengan satu dirham untuk keluargamu, dan sisanya belikanlah sebuah kapak. Setelah itu bawalah kapak itu kepadaku." Laki-laki itu pun melakukannya, Rasulullah SAW kemudian mengambil kapak itu dan memasang kayu sebagai gagangnya. Beliau lalu bersabda: "Pergi dan carilah kayu bakar, dan selama lima belas hari ini aku tidak ingin melihatmu." Setelah itu, laki-laki tersebut pergi mencari kayu bakar dan menjualnya. Kemudian ia datang menemui Rasulullah SAW setelah menghasilkan sepuluh dirham, beliau lalu bersabda: "Belilah makanan dengan separuh wangmu dan belilah pakaian dengan separuh yang lain." Kemudian beliau bersabda: "Ini lebih baik bagimu daripada kamu datang dan meminta-minta. Pada hari kiamat kelak memintaminta akan menjadi titik hitam di wajahmu, maka tidak boleh memintaminta kecuali bagi orang yang sangat fakir, atau orang yang terlilit hutang, atau

darah yang menyakitkan (untuk membayar denda kerana membunuh orang)."

(HR. Ibn Majah).¹²⁰

Al-Hadith ini memotivasi agar manusia sentiasa bekerja keras dan menjaga produktiviti yang berkesinambungan. Islam mengajarkan umatnya bekerja keras dan sangat menentang sikap malas dan menjadi peminta. Dalam hal ini, Rasulullah SAW menegaskan bahawa tangan di atas jauh lebih mulia dari tangan di bawah. Ini bermakna bahawa Rasulullah SAW menganjurkan untuk hidup kaya agar dapat memberi pada masyarakat yang miskin. Kekayaan tidak akan didapat jika manusia malas bekerja. Dengan demikian, secara tidak langsung Rasulullah SAW memerintahkan umat Islam untuk bekerja keras. Usaha gigih ini wajar menjadi ciri dan budaya masyarakat Muslim dalam bekerja yang melahirkan etos kerja Muslim yang meliputi ciri-ciri seperti motivasi bekerja dan daya produktiviti selaras dengan prinsip etika Islam.

Islam memandang bahawa bekerja merupakan satu kewajipan bagi setiap insan. Kerana dengan bekerja, individu akan memperoleh punca pendapatan yang dapat memenuhi keperluan hidup dirinya dan juga keluarganya serta dapat memberikan maslahat bagi masyarakat di sekitarnya. Oleh kerananya Islam mengkategorikan bekerja sebagai ibadah, yang diperintahkan oleh Allah SWT :

وَقُلْ اَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللّٰهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ ۗ وَسَتُرَدُّونَ اِلَى
عَالَمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya: "Dan katakanlah: "Bekerjalah kamu, maka Allah SWT dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah SWT) Yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakanNya kepada kamu apa yang telah kamu

¹²⁰ Abu Abdillah Muhammad bin Yazid al-Qazwayn (Ibn Majah), *Sunan Ibn Majah*, (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, t.t.), 378, Hadith No. 2198.

kerjakan"(*al-Tawbah/9:105*).¹²¹

Selain sebagai satu kewajiban, Islam juga memberikan penghargaan yang sangat mulia bagi para pemeluknya yang dengan ikhlas bekerja mengharapkan keredaan Allah SWT. Penghargaan tersebut adalah sebagaimana dalam riwayat-riwayat hadith berikut :

1. Akan diampuni dosa-dosanya oleh Allah SWT

عن عبد الله بن عباس قال سمعت رسول الله ﷺ يقول من أمسى كالا من عمل يديه أمسى مغفورا له (رواه الطبراني)

Maksudnya: Dari ‘Abdullah Ibn Abbas r.a. berkata, Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Barang siapa yang merasakan keletihan pada sebelah petang, kerana pekerjaan yang dilakukan oleh kedua tangannya, maka dosanya diampuni oleh Allah SWT pada petang hari tersebut.” (HR. al-Tabrani).¹²²

2. Dihapuskan dosa-dosa tertentu yang tidak dapat dihapuskan dengan solat, puasa dan sedekah.

عن أبي هريرة قال قال رسول الله ﷺ : إِنَّ مِنَ النُّؤُبِ خُنُوبًا، لَا تُكْفَرُهَا الصَّلَاةُ وَلَا الصِّيَامُ وَلَا الْحَجُّ وَلَا الْعُمْرَةُ، قَالَ وَمَا يَكْفُرُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ الْهَمُومُ فِي طَلَبِ الْمَعِيشَةِ (رواه الطبراني)

Maksudnya: Dari Abu Hurairah ra berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda, 'Sesungguhnya diantara dosa-dosa itu terdapat suatu dosa yang tidak dapat diampuni dengan solat, puasa, haji dan juga umrah." Sahabat bertanya, "Apa yang dapat menghapuskannya wahai Rasulullah SAW?". Baginda menjawab, "Semangat dalam mencari rezeki".(HR. al-Tabrani,

¹²¹ Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 403

¹²² Abu al-Qasim Sulaiman ibn Ahmad al-Thabrani, *al-Mu'jam al-Awsat*, Jilid VII. (1995), Kaerah: Dar al-Haramayn, 289, no. hadith7520.

dalam *al-Mu'jam al-Ausath* I/38).¹²³

3. Mendapatkan cinta Allah SWT:

عن سالم عن أبيه عن النبي □ قال إنَّ اللهَ يُحِبُّ الْمُؤْمِنَ الْمُحْتَرِفَ

(رواه الطبراني)

Maksudnya: Dari Salim dari Bapaknya r.a., Rasulullah SAW bersabda, 'Sesungguhnya Allah SWT mencintai seorang mukmin yang bekerja dengan giat'.(HR. Imam al-Tabrani).¹²⁴

4. Bekerja mencari nafkah dikategorikan sebagai golongan *fi sabilillah*

عن كعب بن عجرة أن رجلا مر على النبي □ فرأى أصحاب رسول الله □ من جلده ونشاطه ما أعجبهم فقالوا يا رسول الله لو كان هذا في سبيل الله؟ فقال رسول الله □ إنَّ كَانَ يَسْعَى عَلَى وَلَدِهِ صِغَارًا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى لَبْوَيْنِ شَيْخَيْنِ كَبِيرَيْنِ فَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى نَفْسِهِ لِيَعْفَهَا فَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى أَهْلِهِ فَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى تَفَاخُرًا وَتَكَلُّفًا فَفِي سَبِيلِ الطَّاعُوتِ (رواه الطبراني)

Dari Ka'ab bin Ujrah berkata, "Ada seseorang yang berjalan melalui tempat Rasulullah SAW. Para Sahabat melihat dengan penuh kekaguman terhadap kesungguhan orang itu. Kemudian mereka berkata: "Ya Rasulullah SAW, andaikata bekerja seperti dia termasuk *fi sabilillah*, alangkah baiknya." Lalu Rasulullah bersabda, "Jika ia bekerja untuk menghidupi anak-anaknya yang masih kecil, itu adalah *fi sabilillah*; Jika ia bekerja untuk membela kedua ibubapanya yang sudah lanjut usia, itu adalah *fi sabilillah*; dan jika ia bekerja

¹²³ *Ibid.*, j.1, 38, Hadith No. 102.

¹²⁴ *Ibid.*, j.8, 380, Hadith No. 8934.

untuk kepentingan dirinya sendiri agar tidak meminta-minta, maka itu adalah *fi sabilillah*. Tetapi apabila ia bekerja untuk pamer atau untuk bermegah-megahan, maka itulah *fi sabili thaghut* (setan).” (HR. Tabrani).¹²⁵

Riwayat-riwayat di atas sudah lebih dari cukup bagi seorang Mukmin untuk menjadi motivasi dalam bekerja. Oleh itu, individu Muslim yang baik adalah yang bekerja dengan penuh kesungguhan dan ketekunan. Kerana selain mendapatkan penghasilan untuk kehidupan dunianya, ia juga mendapatkan kebaikan untuk kehidupannya di akhirat kelak.

2.3. MOTIVASI KERJA DALAM ISLAM

Islam mengajarkan bahawa setiap yang berlaku pada manusia melalui proses sebab akibat. Meskipun demikian, segala sesuatu tetap di bawah kekuasaan Allah SWT semata. Keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT membuat manusia selalu optimis untuk berusaha yang diiringi doa dalam mencari nafkah. Walaupun manusia telah berusaha dan berdoa, tetapi pencapaian antara individu yang satu dengan yang lain tentu saja berbeza. Perbezaan pencapaian tersebut antara lain disebabkan oleh faktor motivasi dalam bekerja.

Motivasi adalah suatu proses psikologi atau kognitif yang bersifat subjektif dan yang paling asas. Menurut Mohammad Salleh Lebar yang dipetik oleh Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fadillah Mansor, motivasi individu banyak ditentukan oleh unsur-unsur fitrah yang terdapat pada manusia seperti potensi, kekuatan dan kelemahan, mental, emosi, jasmani, rohani dan perbezaan individu. Manusia terdiri dari tiga unsur yang utama. *Pertama*, unsur fisiologi atau jasad dan dikenali sebagai psikomotor. *Kedua*, unsur intelektual atau akal juga dikenali sebagai kognitif. *Ketiga*, unsur spiritual

¹²⁵ Abu al-Qasim Sulaiman ibn Ahmad al-Thabrani, *al-Mu'jam al-Shaghir li al-Thabrani*, Jilid II, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1983), 60.

ataurohani juga dikenali sebagai afektif. Setiap unsur tersebut memiliki keperluan tersendiri yang perlu dipenuhi oleh individu.¹²⁶

Motivasi sangat berkait rapat dengan keupayaan individu untuk membuat keputusan sendiri dalam segala tindakan yang diambil. Kemampuan untuk membuat keputusan juga bermakna kesediaan individu tersebut untuk menanggung segala akibat di sebalik keputusan yang diambil. Motivasi merujuk kepada satu kuasa dalaman yang akan membangkit, mengarah dan mengawal minat dan tingkah laku individu. Sikap terhadap sesuatu tindakan datangnya daripada pembentukan perasaan dan pemahaman. Seorang pekerja yang mempunyai pandangan yang positif terhadap sesuatu perkara akan memberinya dorongan dan semangat kearah menjalankan aktiviti pekerjaan yang aktif dan bermakna.¹²⁷

Ajaran Islam yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadith banyak memberi petunjuk tentang motivasi agar manusia bekerja keras dan tidak bersikap pasif menerima nasib begitu sahaja. Islam mengajarkan manusia untuk bekerja keras sambil bertawakkal kepada Allah SWT dan mengikuti sunnah RasulNya. Dengan begitu, ajaran Islam menghendaki agar manusia bahagia di dunia dan sejahtera di akhirat kelak.

Mencari nafkah dalam Islam adalah sebuah kewajipan. Islam adalah agama fitrah, yang sesuai dengan keperluan manusia, diantaranya keperluan fizikal. Salah satu cara memenuhi keperluan fizikal itu ialah dengan bekerja. Motivasi kerja dalam Islam adalah mencari nafkah merupakan bahagian dari ibadah. Kerja dalam Islam bukan untuk mengejar kekayaan dengan segala cara, tetapi untuk beribadah. Oleh itu, bekerja untuk mencari nafkah adalah hal yang istimewa dalam pandangan Islam.

Rahmawati Caco berpendapat bahawa bagi orang yang beretos kerja Islam, etos

¹²⁶ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim dan Fadillah Mansor, (2007), "Keperluan Motivasi dalam Pengurusan Kerja Berkualiti dan Perspektif Pemikiran Islam," dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil.25, Januari-Jun 2007, h. 109

¹²⁷ *Ibid*, h. 111-112

kerjanya terpancar dari sistem keimanan yang bertolak dari ajaran wahyu bekerja sama dengan akal. Sistem keimanan itu menjadi sumber motivasi dan sumber nilai bagi terbentuknya etos kerja Islam. Etos kerja Islam di sini digali dan dirumuskan berdasarkan konsep iman dan amal soleh. Tanpa landasan iman dan amal soleh, etos kerja apa pun tidak dapat menjadi etos kerja Islam. Tidak ada amal soleh tanpa iman dan iman akan merupakan sesuatu yang tidak berguna bila tidak melahirkan amal soleh. Kesemuanya itu mengisyaratkan bahawa iman dan amal soleh merupakan suatu rangkaian yang menyatu dan tidak terpisahkan.¹²⁸

Toto Tasmara dalam *Membudayakan Etos Kerja Islami* mengatakan: “Ciri-ciri orang-orang yang mempunyai dan menghayati etos kerja menyerlah dalam sikap dan tingkah lakunya yang dilandaskan pada suatu keyakinan yang sangat mendalam bahawa bekerja itu ibadah dan berprestasi itu indah. Ada semacam panggilan dari hatinya untuk terus menerus memperbaiki diri, mencari prestasi bukan prestise, dan tampil sebagai umat yang terbaik (*khayr ummah*). Secara metaforis, bahkan dapat ditegaskan bahawa individu Muslim itu sangat ketagih untuk beramal soleh. Jiwanya gelisah apabila dirinya tidak segera berbuat baik. Ada semacam dorongan yang sangat luar biasa untuk memenuhi dahaga jiwanya yang hanya terpenuhi apabila dia berbuat kesolehan tersebut.¹²⁹

Adapun motivasi yang mempengaruhi etos kerja Islam menurut Nurcholish Majid, antara lain:¹³⁰

¹²⁸ Rahmawati Caco, “Etos Kerja” (Sorotan Pemikiran Islam),” dalam Farabi Jurnal Pemikiran Konstruktif Bidang Filsafat dan Dakwah, (terbitan Fakultas Ushuluddin dan Dakwah IAIN Sultan Anai Gorontalo, Vol. 3, No. 2, 2006), 68-69.

¹²⁹ Toto Tasmara, *Membudayakan*, 73.

¹³⁰ Nurcholish Majid, *Etos Kerja Dalam Islam: Kajian Konseptual dengan Metode Tafsir Maudlu’i*. (2006) Vol. 4 No.2..

1. Memenuhi keperluan sendiri

Islam sangat menekankan sikap berdikari bagi pengikutnya. Individu Muslim hendaknya mampu hidup dari hasil peluh keringat sendiri, tidak bergantung pada orang lain. Rasulullah SAW memberikan contoh sikap berdikari yang luar biasa. Sebagai pimpinan umat Islam, Rasulullah SAW tidak teragak-agak menjahit bajunya sendiri, juga seringkali turun langsung ke medan perang, mengangkat batu, membuat parit, dan melakukan pekerjaan-pekerjaan lainnya. Para sahabat juga memberikan contoh bagaimana cara sikap berdikari, selama sesuatu itu dapat dikerjakan sendiri, maka tidak perlu meminta bantuan orang lain untuk mengerjakannya. Contoh, ketika para sahabat menaiki unta dan ada barang yang jatuh, para sahabat mengambil barang itu sendiri dan tidak meminta bantuan orang lain.

2. Memenuhi keperluan keluarga

Bekerja bagi memenuhi keperluan keluarga yang menjadi tanggungjawab manusia adalah kewajiban bagi individu Muslim. Menginfaqkan harta bagi keluarga merupakan perkara yang diberi keutamaan, baharu kemudian pada entiti terdekat, dan kemudian komuniti yang lebih luas.

3. Kepentingan seluruh makhluk

Pekerjaan yang dilakukan individu menjadi sebuah amal jariyah baginya. **Bekerja sebagai wujud penghargaan terhadap pekerjaan itu sendiri.** Islam sangat menghargai pekerjaan, bahkan seandainya kiamat sudah dekat dan yakin tidak akan pernah menikmati hasil dari pekerjaan yang telah dilakukan, setiap individu tetap diperintahkan untuk bekerja sebagai wujud penghargaan terhadap pekerjaan itu sendiri.

Sedangkan menurut Said Mahmud menyatakan bahawa ada dua syarat mutlak suatu pekerjaan dapat digolongkan sebagai amal soleh iaitu;

- a. Lahir dari keikhlasan niat pelaku,

- b. Pekerjaan itu memiliki nilai-nilai kebaikan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh syara', Sunnah Nabi atau akal sehat. Keduanya disamping menjadi syarat amal soleh, ternyata juga menjadi asas dan jiwa etika kerja Islam yang bersifat khas.¹³¹

Islam adalah agama yang sangat menghargai kerja keras. Islam tidak hanya memerintahkan umatnya untuk solat saja, namun juga memerintahkan umatnya untuk mencari rezeki di muka bumi ini. Islam mengajarkan bahawa kerja keras merupakan bahagian dari pengabdian kepada Allah SWT kerana kerja dinilai sebagai ibadah. Dalam melakukan suatu kegiatan pasti mempunyai tujuan tertentu, demikian juga bekerja. Adapun tujuan bekerja menurut Ibn Khaldun sepertimana yang tertulis di bukunya “*Mukaddimah*”¹³² di antaranya adalah:

- a. Untuk mendapatkan reda Allah SWT
- b. Untuk memperoleh rezeki dari Allah SWT
- c. Memperoleh pendapatan, baik berupa hasil produksi, keuntungan ataupun yang berbentuk bukan material.

Sedangkan etika bekerja menurut Ibn Khaldun adalah:

- a. Bekerja adalah kewajipan dan ibadah
- b. Pembahagian kerja
- c. Pangkat berguna untuk mendapatkan kekayaan
- d. Kakitangan kerajaan bukan merupakan cara bekerja yang paling mulia.
- e. Pertanian adalah sumber kehidupan bagi orang-orang lemah dari suku badui (orang primitive yang hidupnya berpindah-pindah dari satu tempat ketempat lain)

¹³¹Said Mahmud. “*Konsep Amal Saleh dalam al-quran*”. Disertasi 1995. dalam Alwiyah Jamil. “*Pengaruh Etika Kerja Islam Terhadap Sikap-sikap Pada Perubahan Organisasi: Komitmen Organisasi Sebagai mediator*” Tesis Program Studi Magister Akuntansi. Universitas Diponegoro. Semarang. 2007.

¹³² Ibnu Khaldun, *Mukaddimah*, terj. Masturi Irham dkk, cet. 5, (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2015), 684-789

- f. Kerajinan tangan adalah sumber kehidupan bagi orang-orang moden
- g. Perindustrian harus dengan ilmu
- h. Perkembangan perindustrian mengikuti perkembangan dan peningkatan masyarakat suatu tempat
- i. Perindustrian juga berkembang jika permintaan barangan hasil industri semakin bertambah.
- j. Kemampuan seorang atau satu bahagian dalam perindustian tidak dimiliki oleh bahagian yang lain, orang yang pandai dibahagiannya tidak dapat mengerjakan pekerjaan bahagian lain.

Jika motivasi kerja adalah ibadah, maka tentu ada undang-undangnya. Langkah pertama agar bekerja menjadi sebuah ibadah ialah harus diawali dengan niat, sebab amal bergantung kepada niat. Niatkanlah bahawa bekerja sebagai salah satu ibadah kepada Allah SWT. Niat sangat penting, kerana segala amal yang dikerjakan bergantung dengan niatnya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW: 'Dari Amirul Mu'minin, Abi Hafs Umar bin al Khattab radhiallahuanhu, dia berkata, "Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *“Sesungguhnya setiap perbuatan tergantung niatnya. Dan sesungguhnya setiap orang (akan dibalas) berdasarkan apa yang dia niatkan. Siapa yang hijrahnya kerana (ingin mendapatkan keredhaan) Allah SWT dan RasulNya, maka hijrahnya kepada (keredhaan) Allah SWT dan RasulNya. Dan siapa yang hijrahnya kerana menginginkan kehidupan yang layak di dunia atau kerana wanita yang ingin dinikahnya maka hijrahnya (akan bernilai sebagaimana) yang dia niatkan.*¹³³

Langkah *kedua* ialah pastikan dalam bekerja tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Untuk itu perlu disemak Firman Allah SWT berikut: "Hai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah SWT dan taatlah kepada RasulNya, dan janganlah kalian

¹³³ Diriwayatkan oleh dua orang ahli hadits yaitu Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin Mughirah bin Bardizbah Al Bukhari (orang Bukhara) dan Abul Husain Muslim bin Al Hajjaj bin Muslim Al Qusyairi An Naisaburi di dalam kedua kitabnya yang paling shahih di antara semua kitab hadits. Bukhari no. 1 dan Muslim no. 1907]

membatalkan amal perbuatan/pekerjaan kalian" (*Muhammad/ 47 : 33*). Perintah untuk mentaati Allah SWT dan RasulNya dalam ayat tersebut wajib dilaksanakan oleh kaum Muslim. Oleh itu, dalam bekerja kaum Muslim hendaknya patuh pada aturan-aturan yang ada dalam al- Qur'an dan al-Hadith agar sesuai (tidak bertentangan) dengan ajaran Islam.

Jika tujuan bekerja begitu agung, iaitu untuk mendapatkan reda Allah SWT, maka etos kerja individu Muslim haruslah tinggi. Sebab motivasi kerja seorang Muslim bukan hanya mencari harta dan jawatan, tetapi pahala dari Allah SWT. Tidak selayaknya seorang Muslim memiliki etos kerja yang lemah. Allah SWT dan RasulNya sangat menyukai individu yang bersemangat mencari rezeki dengan bekerja keras, bahkan kerja keras dalam mencari rezeki yang halal disetarakan dengan *fi sabilillah*. Dengan demikian, tidak ada kata malas atau tidak serius bagi individu Muslim dalam bekerja.

Motivasi kerja dalam Islam bukan semata-mata mencari wang atau harta, tetapi diiktiraf sebagai seorang mujahid, diampuni dosanya oleh Allah SWT, dan tentu saja ini adalah sebuah kewajipan seorang hamba kepada Allah SWT sebagai wujud rasa syukur kepadaNya.

Jika motivasi kerja sebagai ibadah, maka semua akan melakukannya dengan sebaik-baiknya. Adapun cara untuk bekerja sebaik-baiknya dapat dilakukan dengan cara: meningkatkan pengetahuan dan keterampilan dalam bekerja, belajar dan berlatih agar semakin hari menjadi semakin menguasai bidang pekerjaannya. Kemahuan untuk belajar dan meningkatkan kemampuan menjadi ukuran apakah motivasi kerjanya untuk ibadah atau sebaliknya.

Salah satu tuntutan dalam bekerja bagi kaum Muslim adalah bekerja secara profesional (*itqan*). Profesional di sini maksudnya adalah bekerja sesuai dengan keahlian, penuh semangat, tekun, teliti, adil dan bertanggungjawab. Apabila waktunya

bekerja, maka ia bekerja dengan tekun, semangat, teliti dan bertanggungjawab. Jika waktunya rehat untuk makan atau solat, maka gunakan waktu yang diberi untuk solat dan istirahat. Jika tidak demikian, maka bukan profesional dan itu bukan etos kerja individu Muslim.

Motivasi kerja kaum Muslim dapat meningkatkan etos kerja Islam yang terbentuk dari ajaran wahyu dan akal yang bekerjasama secara seimbang menurut fungsinya masing-masing. Etos kerja Islam yang tinggi memiliki ciri khas seperti berikut: kerja merupakan implementasi dari akidah iaitu untuk ibadah, kerja secara profesional yang dilandasi ilmu dan keahlian, kerja dengan mengikuti petunjuk Allah SWT (al-Qur'an) dan Rasulullah SAW (al-Hadith).

Dengan demikian, penilaian etika tertumpu pada perbuatan baik/buruk, susila atau tidak susila. Berbuat baik merupakan tanggungjawab moral bagi semua manusia sebagai cerminan jiwa yang berperibadi. Bertanggung jawab bermakna memfungsikan sifat-sifat manusia untuk mempertahankan nilai-nilai peribadi yang luhur serta dapat mendudukan nilai manusia sebagai manusia. Dengan kata lain kaitan antara etika Islam dengan etos kerja iaitu bekerja adalah penghargaan bagi kemanusiaannya yang mencerminkan rasa syukur kepada Allah SWT. Etos kerja yang tinggi dapat diraih dengan jalan menjadikan motivasi kerja untuk ibadah sebagai pendorong utama selain penghargaan dan mendapatkan materi.

Sebagai pekerja muslim kita perlu sentiasa menanam dalam diri dan perlu ingat bekerja untuk mendapat reda Allah SWT supaya rezeki yang kita dapat diberkati. Memakan harta wang yang haram tidak akan membawa kesenangan dan kebahagiaan dalam hidup bahkan ia akan membawa kesengsaraan di dunia dan akhirat.

BAB III: SEJARAH RINGKAS PALEMBANG, SONGKET DAN PENENUN SONGKET PALEMBANG

3.0. PENGENALAN

Bandar Palembang memiliki sejarah yang panjang, bermula dari kejayaan kerajaan Sriwijaya sehingga Kesultanan Palembang Darussalam. Pada masa kejayaannya iaitu sekitar tahun 683 Masihi, kerajaan Sriwijaya asalnya dari bandar yang terletak di tepi sungai Musi. Banyak peninggalan tak ternilai berasal dari kerajaan termasyhur itu, salah satunya adalah budaya tenun songket.

Gemerlap dan kilauan emas yang terpancar pada kain tenun ini, mencorakkan nilai kesenian yang unik. Rangkaian benang yang tersusun dan tersulam dengan pola simetris membuat kain ini tampak indah. Kain itu dibuat dengan kemahiran masyarakat yang memahami pelbagai cara untuk membuat kain bermutu, sekaligus mampu menghias kain dengan pelbagai rekabentuk.

Kain songket Palembang sangat menarik ditelusuri sejarahnya, maknanya, dan teknik pembuatannya. Seperti seni tenun daerah lainnya di alam Nusantara, kain songket Palembang ini tidak dapat dikenalpasti bila pertama kali dibuat. Untuk keperluan pakaian, pada mulanya kain songket yang digunakan sebagai bahan asas adalah kulit kayu, kemudian sulaman daun-daun, dan yang terakhir adalah kapas untuk dibuat benang sebagai bahan utama kain tenun. Oleh itu, dapat diperkatakan bahawa songket ini telah dibuat dengan kemahiran, ketelitian, kesabaran, dan keupayaan yang tinggi.

3.1. SEJARAH RINGKAS PALEMBANG

Palembang merupakan sebuah bandar yang pernah menjadi ibu negeri kerajaan Sriwijaya¹ dan juga sebagai sebuah kerajaan yang berdiri sendiri setelah kerajaan Sriwijaya runtuh. Oleh itu, membincangkan sejarah bandar Palembang tidak boleh lari membincangkan sejarah kerajaan Sriwijaya. Huraian mengenai sejarah Palembang dalam bahagian ini merujuk data yang disediakan oleh Pemerintah Daerah Sumatera Selatan (1994) yang telah ditulis dalam sebuah buku yang bertajuk "*Le Royaume De Crivijaya*" pada tahun 1918.²

Sejak zaman kerajaan Sriwijaya pada abad ketujuh, para pedagang Muslim dari Timur Tengah, terutama Arab dan Parsi, telah datang ke Palembang untuk melakukan perniagaan dan menyebarkan agama Islam. Pada masa itu, para pedagang tersebut dalam beberapa kesempatan dimanfaatkan para penguasa Kerajaan Sriwijaya sebagai utusan rasmi kerajaan dalam misi diplomatik ke luar negara. Namun demikian, mereka juga tetap sentiasa melakukan penyebaran agama Islam di wilayah kerajaan Sriwijaya hingga kejatuhan kerajaan tersebut.

Setelah kerajaan Sriwijaya runtuh, kemudian muncul kesultanan Palembang Darussalam pada awal abad ketujuh belas³, yang menyaksikan pengaruh agama Islam

¹ Menurut Bambang, Kepala Sub Bagian Pusat Arkeologi Nasional, ada tiga batu bersurat yang dapat dijadikan asas bahawa pusat kerajaan Sriwijaya adalah Palembang, iaitu batu bersurat Kedukan Bukit (12 Juni 682), batu bersurat Telaga Batu dan batu bersurat Talang Tuo (23 Maret 682 M). Ditemukannya sejumlah barang keramik dan tembikar dari pada dinasti Tang (abad XVIII dan X Masihi) menjadi dasar penguat kerajaan Sriwijaya berpusat di Palembang, termasuk juga artifak Talang Kikim, Tanjung Rawa, Bukit Siguntang, Kembang Unglen. Lihat <http://www.kompas.com/kompas-cetak/D106/daerah/meng26.html>, jum'at 29 Juni 2004. Bandingkan dengan Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Perbincangan kritis dari Pelbagai Bidang*. (T.P. Heinemann Education Book Intern. 1978).

² D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, I.P. Soewarsha (terj) (Surabaya: Usaha Nasional, 1988),40. Bandingkan dengan Jimly Asshiddiqie, "Sriwijaya: Pusat Pradaban Yang Kehilangan Vitalitas (Tantangan Bagi Generasi Muda Dalam Menghadapi Masa Depan Bangsa)". (Makalah Keynote Speech Pada Pembukaan Musyawarah Besar Generasi Muda Sriwijaya di Jakarta, 16 September 2001), 1.

³ Penulisan abad ke tujuh belas Masihi merupakan kutipan daripada kesepakatan hasil seminar "Masuk dan Berkembangnya Islam di Sumatera Selatan" yang diselenggarakan oleh Majelis Ulama Indonesia Tingkat I Sumatera Selatan, pada tanggal 27-29 November 1984 di Palembang. Bandingkan dengan Naguib al Attas, *Preliminary Statemen on a General Theory of Islamization of the Malay*

cukup kuat bertapak dalam kalangan masyarakat. Berdirinya kesultanan Palembang ini berkait rapat dengan berdirinya kerajaan-kerajaan besar yang berada di pulau Jawa, seperti kerajaan Majapahit, kerajaan Demak, kerajaan Pajang dan kerajaan Mataram.⁴

Mengikut versi sejarah Jawa, menjelang keruntuhan kerajaan Majapahit, Palembang diperintah oleh Ario Damar pada tahun 1455-1486. Beliau adalah putera raja kerajaan Majapahit, iaitu Prabu Brawijaya. Ketika Ario Damar menjadi adipati di Palembang, beliau dianugerahkan *triman*, iaitu pemberian raja kepada penguasa bawahannya seorang wanita, iaitu seorang puteri yang sedang hamil. Trimannya yang dimaksud adalah Puteri Campa. Putri ini kemudian melahirkan seorang anak lelaki yang diberi nama Raden Fatah, yang kemudian menjadi raja pertama di kerajaan Demak.

Berdasarkan cerita yang bersumber daripada raja-raja Melayu, Seri Teri Buana menjadi raja Palembang pada tahun 575 H bersamaan tahun 1179 M. Sekitar tahun tersebut, Palembang menjadi pusat kerajaan Sriwijaya yang tengah merosot. Dalam sejarah juga disebutkan bahawa setelah kerajaan Sriwijaya lemah dan ditewaskan kerajaan Majapahit, Palembang berada di bawah kekuasaan kerajaan Majapahit, dan adipati Majapahit yang berkuasa di Palembang adalah Ario Damar. Beliau dikenali oleh masyarakat Palembang dengan nama Ario Dilah. Beliau adalah putera raja Majapahit, Prabu Brawijaya Sri Kertawijaya.

Ario Damar adalah saudara sepupu Raja Majapahit dan kawan seperjuangan Patih Gajah Mada. Mereka bersama-sama telah menaklukkan seluruh Bali. Dalam cerita Jawa, Ario Damar ialah bapa mertua kepada Sultan Trenggono, raja kerajaan Demak

Indonesia Archipelago. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), 2; Bandingkan juga dengan Groeneveld, *Historical Notes on Indonesia and Malaya Compiled From Chinese Sources*. Jakarta: Bharata, 1960), 14. Lihat juga Hamka, *Sejarah umat Islam*. (Jakarta: Bulan Bintang, 1981), 136.

⁴ R. Roovink, "The Variant Version of the Malay Annals", dalam : C.C. Brown, *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali*, (Petaling Jaya: Pjar Bakti, 1983), 12.

dan merupakan anak kedua Raden Fatah. Oleh itu, Sultan Trenggono diberi gelaran dengan sebutan Ki Mas Palembang.⁵

Cerita ini menunjukkan hubungan yang rapat antara Palembang dan kerajaan Demak. Sehingga pergolakan yang terjadi di kerajaan Demak pasca kemangkatan Sultan Trenggono pada tahun 1546, memberikan impak juga pada kerajaan Palembang. Di dalam naskah Handschrift No. 31, KITLV, Leiden, dikatakan bahawa "tatkala negeri Demak dikalahkan oleh Sultan Pajang, maka banyaklah raja-raja dan priayi-priayi yang lari, maka masuk ke Palembang bernama Gedeng Suro". Ki Gede Ing Suro Tua dalam sejarah Palembang dianggap sebagai raja pertama (1539-1572), beliau adalah keturunan daripada seorang Panembahan Palembang, dan isterinya berasal daripada keluarga Sunan Ampel, seorang daripada keturunan Panembahan Prawoto (Raja Demak), Pangeran Kediri dan Pangeran Surabaya.

Pada masa kesultanan Palembang, Islam telah menjadi agama rasmi kerajaan. Perkara ini merujuk kepada gelaran "sultan" untuk pemimpin tertinggi kerajaan Palembang. Selanjutnya dalam mengamati proses Islamisasi Palembang pasca penabalan sultan dapat diambil dari andaian Taufiq Abdullah berikut ini:

"Jika saja Palembang hanyalah bandar pelabuhan dan kerajaan maritim yang terlepas dari perikatan pertuanan, maka bukan tak mungkin perkembangan Islam akan menyamai Malaka ataupun Makasar. Mula-mula tentu saja penganut agama Islam hanyalah terdiri dari pedagang. Kemudian entah karena *Coup d'edat* istana, seperti mungkin di Malaka, atau raja kehilangan kepercayaan kepada "dunia lama" seperti Makassar, atau bahkan, karena pertimbangan politik ekonomi-seperti yang dijangkakan oleh Van Leur mengenai bandar-bandar pelabuhan di pantai Utara Jawa-penguasa Palembang akan penganut Islam. Jadi keraton pun

⁵ Sartono Kartodirjo, *Sejarah Nasional Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka, 1977), 61.

diislamkan. Maka, jika Palembang relatif bebas dari segala ikatan, seperti Malaka dan Makasar, tetapi tidak seperti bandar-bandar pesisir Jawa, tentu pula daerah ini akan mempunyai kebebasan mengadakan adaptasi yang lebih dinamis dengan unsur agama baru yang telah dianut itu. Tetapi ini hanya "imajiner". Kenyataan historis Palembang terkait dalam hubungan pertuanan dengan Majapahit-Demak-Pajang-Mataram. Bahkan lebih daripada itu, kecenderungan budaya Jawa adalah orientasi keraton dan priayi Palembang. Maka tidaklah terlalu sukar untuk mengerti kekaguman pada cita kontinuiti. Inilah dasar Legitimasi dan pada kontinuiti itu pula hubungan pertuanan diperkuat⁶

Terdapat beberapa bukti mengenai perkembangan agama Islam sepertimana data yang terdapat di koleksi perpustakaan keraton Palembang. Data-data ini diketahui cukup lengkap dan rapi berdasarkan laporan Van Sevenhoven ketika mengirim kitab dan naskah hasil rampasan ke Batavia. Masjid Agung yang dibina pada tahun 1738 M (1 Jumadil Akhir 1151 H) oleh Pangeran Ario Kesumo bergelar Sultan Abdurrahman Ru'yat Syah yang juga bergelar Sultan Abdurrahman Khalifatul al-Mukiminun Sayidul Imam atau lebih dikenali dengan nama Sultan Mahmud Badaruddin I Jayo Wikramo dan dikenali juga dengan Ario Kesumo Abdul Rahim Sesuhun Abdul Rahman.⁷

Di samping itu, diketahui juga para Sultan mempunyai minat yang tinggi dengan agama. Salah satu usaha para Sultan ialah dengan menawarkan kepada para ulama Arab agar menetap di Sumatera Selatan. Akibatnya, para migran Arab terutama dari Hadrawi banyak berdatangan dan menetap di wilayah itu. Dalam beberapa tempoh, para migran

⁶ Taufiq Abdullah, *Islam dan masyarakat: Pantulan sejarah Indonesia*. Jakarta: LP3S, 1987), 209-210.

⁷ Dinas Pariwisata Provinsi Daerah Tk.1 Sumatera Selatan, *Indonesia Lintasan Sejarah Budaya Sumatera Selatan*. (Sumatera Selatan: t.p., 1995), 46. Penilitaian Johan Hanafiah menambahkan pada masa inilah kesultanan Palembang ditambah dengan "Darussalam" setelah Sultan Abdul Rahman menyatakan bahawa agama Islam adalah agama rayat dan agama sultan. Lihat Johan Hanafiah, *KutoBesak: Upaya Kesultanan Palembang Menegakkan Kemerdekaan*, (Jakarta: Haji Masagung, 1989).

Arab tersebut ramai yang berjaya mencapai kedudukan penting di Istana Kesultanan Palembang Darussalam. Di antaranya ialah Sayyid Aydarus yang berkahwin dengan saudara perempuan Sultan Mahmud pada tahun 1668 M.⁸

Di antara keturunan Arab yang menyebarkan agama Islam di Palembang adalah Abdul al-Shamad.⁹ Beliau lahir sekitar tahun 1704 M di Palembang dan ayahnya berasal dari Sana'a, Yaman.¹⁰ Selanjutnya beliau dilantik menjadi Kadi Kesultanan Kedah. Al-Palembani terkenal bukan sahaja kerana dakwahnya yang bercorak neo-sufi, namun juga menggesa umat Islam dengan kalimat "jihad" menentang orang-orang Eropah yang menjajah alam Nusantara.¹¹ Di antara karyanya adalah "*Zuhrat al-Murifi Bayakalimat al-Tawhid*", "*Hidayat al-Salikhinfi Suluk Maslak al-Muttaqin*", "*Sa'ir al-Salikhinia Ibadat Rabbal'alamîn*", "*Tuhfa al-Raghibin fi Bayan*", "*Haqiqat Iman al-Mu'minin*", "*Nasihah al-Muslimin wa Tazkirat al-Mu'minin fi Fadail al-Jihad fi SabilAllah wa Karamah al-Mujahidin fi SabilAllah*", "*al-Urwat al-Wusqa wa Silsilat Uli al-Ittqa*" dan *Kitab "Ratib Abd Samad al-Palimbani"*¹². Selain beliau, ulama lain yang juga melakukan pengembangan Islam di Palembang adalah Syeikh Syihabuddin bin Abdullah Muhammad, Kemas Fakhruddin, Muhamamad Muhyiddin bin Syeikh Syihabudin, Kemas Muhammad bin Amad, dan Muhammmad Makruf bin Abdullah Khatib Palembang.

⁸ Untuk melihat peran Sayyid bagi perkembangan sosio-ekonomi agama Islam di Sumatera Selatan dapat dilihat dalam Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII DAN XVIII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. (Bandung: Mizan, 1994), 244.

⁹ Nama lengkapnya Abd.Shamad ibn Abd.Allah al-Jawi al-Palembani. Lihat Abd. Al-Razaq al Baythar, *Hilyat al-Basyar fi Tarikh al-Qurra al-Tsalits 'Asyar*. Damascus:al-Majma al'Ilm al-Arabi, 1963), 851-852. Lihat juga Abd.Al-Hayy ibn Abd al-Kabir al-Tattani, *Fahr al-Faharis*. Beirut Dar al-Gharb al-Islami, 1882), 697.

¹⁰ Penjelasan lengkap kehidupan al-Palembani, lihat M.H ibn Dato Kerani M. Arsyad, *Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968), 123-126.

¹¹ Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama*, 250.

¹² Lihat G.W.J Drewes, *Direction For Travellers on The Mystic Path*. The Hague:Nijhoff, 1997), 222-224.

Pengaruh sejarah tidak dapat lepas juga daripada demografi suatu wilayah. Seperti dijelaskan di atas bahawa Palembang yang dikenali juga sebagai tanah Sriwijaya merupakan ibu kota Propinsi Sumatera Selatan.¹³ Negeri ini mempunyai luas wilayah 93125 kilometer persegi dan mempunyai tujuh belas daerah (Bandar/kabupaten) sebagai pusat pentadbiran dengan 233 kecamatan dan 3231 desa/kelurahan.¹⁴ Propinsi ini sinonim dengan bandar Musi. Disebut demikian kerana sungai Musi merupakan sarana pengangkutan alternatif masyarakat Sumatera Selatan, dan sekali gus membahagi bandar Palembang menjadi dua bahagian yang meliputi, daerah Seberang Ulu dan daerah Seberang Ilir yang satu sama lain dihubungkan oleh jambatan Ampera. Sungai Musi menjadi induk dari sungai-sungai kecil di persekitaran Sumatera Selatan, seperti Sungai Komering, Sungai Ogan, Sungai Lematang, Sungai Kelingi, Sungai Rawas, Sungai Rupit, Sungai Lakitan dan Sungai Batanghari Leko¹⁵.

Palembang sebagai bandar sejarah memiliki akar sejarah nama tersendiri. Nama Palembang diambil daripada kata "Limbang", yang bererti membersihkan dan memilih suatu benda dalam air untuk diambil dan dipergunakan. Yang dimaksudkan adalah melimbang biji emas yang baru diperoleh dari dalam tanah. Konon khabarnya di muara Sungai Ogan, mata pencaharian penduduk sekitarnya adalah melimbang, maka tempat itu kemudian disebut dengan "pelimbang" kemudian diucapkan dengan kata-kata "Palembang" sampai sekarang. Ada juga yang mengertikan Palembang dengan asal kata "lembang", yang bererti genangan air, yang kemudian ditambah dengan awalan "pa"

¹³ Sebagai ibu kota propinsi bandar Palembang terletak antara 101°-105 Bujur Timur, dan 1,5-2° Lintang Selatan berada pada propinsi Sumatera Selatan bahagian timur, di jalur sungai Musi 105 km dari laut (selat Bangka) yang mengitari Propinsi Sumatera Selatan. Bandar ini di samping di kenal bandar Musi, bandar pempek, terkenal juga dengan jambatan Ampera yang menghubungkan Palembang daerah Seberang Ulu dan Seberang Ilir.

¹⁴ Bapeda Provinsi Sumatera Selatan, *Sumatera Selatan dalam Angka*, (Palembang: Bapeda & BPS Provinsi Sumatera Selatan. 2013), 29

¹⁵ Johan Hanafiah, *Delapan Puluh Tahun Pemerintahan Bandar Palembang*. (Palembang: Humas Pemerintahan Kotamadya TK-II, 1998), 3-4.

sehingga menjadi kata "palembang", yang berarti bandar yang selalu tergenang air atau dilembeng air.¹⁶

Palembang atau tanah Sriwijaya memiliki keunikan sendiri. Di antara keunikan yang dimilikinya adalah penduduk Palembang terdiri dari pelbagai etnik, suku dan bahasa. Secara umumnya, masyarakat Palembang dapat bergaul dengan etnik, suku dan agama apa pun dengan tingkat toleransi tinggi.¹⁷ Selain itu, seni dan budaya yang merupakan warisan sejarah sentiasa dilestarikan oleh masyarakat Palembang sebagai komitmen melestarikan sejarah Palembang. Oleh itu, sejak masa kesultanan Palembang Darussalam, fungsi bandar Palembang bagi Sumatera Selatan difahami lima dimensi, iaitu:

- a. Palembang sebagai pusat pentadbiran. Di samping sebagai pusat pentadbiran bandar, Palembang juga merupakan ibu kota Propinsi Sumatera Selatan,
- b. Palembang sebagai pusat perdagangan. Hampir seluruh perdagangan komoditi dan jasa dari wilayah Sumatera Selatan melalui bandar Palembang ini. Palembang juga merupakan pusat perindustrian, sama ada industri besar mahupun kecil. Seperti *home industry* yang berupa seni kain songket dan *jumputan*, kerajinan kerang, kerajinan rotan, kerajinan ukiran kayu,
- c. Palembang sebagai pusat pendidikan. Sekolah-sekolah yang ada di Palembang lebih lengkap daripada bandar-bandar lain di Sumatera Selatan, seperti sekolah dasar, sekolah menengah, kejuruan hingga pengajian tinggi.
- d. Palembang sebagai tempat pelancongan. Artifak-artifak banyak dijumpai di Palembang, bermula daripada artifak Sriwijaya, masa kesultanan Palembang Darussalam sehingga pada zaman perjuangan kemerdekaan.

¹⁶ Aninomus, *Penemuan Hari Jadi Bandar Palembang*. (Palembang: Humas Pemda Kotamadya Palembang, 1973), 12.

¹⁷ Suyuthi Pulungan et al., *Negara Bangsa Versus Negara Syari'ah: Pandangan Ulama Sumatera Selatan antara Penentang dan Pendukung*. T.p., 2003).

- e. Palembang sebagai pusat seni dan budaya. Jati diri Palembang dikembangkan berdasarkan artifak-artifak yang dimiliki, pemeliharaan rumah adat dan pelestarian songket menjadi salah satu program pemerintah bandar hingga sekarang.
- f. Masyarakat Palembang yang dilambangkan dengan lambang dan bendera bandar Palembang, diatur berdasarkan Peraturan Daerah No. 36/DPRK/1956, tanggal 11 September 1956.¹⁸

3.1.1. Geografi Palembang

Bandar Palembang terletak antara 101 – 105 derajat Bujur Timur sampai 1.5 – 2 derajat Lintang Selatan dengan ketinggian rata-rata 8 meter dari permukaan laut. Sejak Tahun 2007, bandar Palembang terdiri daripada 16 Kecamatan dan 107 kelurahan. Berdasarkan PP No. 23 tahun 1998 luas wilayah Kota Palembang adalah 40061 Km² atau 40061 Ha. Dengan sempadan daerahnya adalah sebagai berikut: Di sebelah Utara, sebelah Timur dan sebelah Barat bersempadan dengan Kabupaten Banyu Asin, sebelah Selatan dengan Kabupaten Muara Enim dan Kabupaten Ogan Ilir.

Musim yang terdapat di Bandar Palembang sama seperti umumnya yang terjadi di Indonesia. Di Indonesia, hanya ada dua musim, iaitu musim kemarau dan hujan. Pada bulan Jun hingga September, arus angin berasal dari Australia dan tidak banyak mengandung wap air, sehingga mengakibatkan musim kemarau. Sebaliknya, pada bulan Disember sampai dengan Mac arus angin banyak mengandung wap air yang berasal dari Asia dan Samudra Pasifik menyebabkan terjadi musim hujan. Keadaan seperti itu terjadi setiap setengah tahun sekali setelah melalui masa peralihan pada bulan April-Mei dan Oktober-November.

¹⁸ Johan Hanafiah, *Delapan Puluh Tahun*, op.cit., 3.

Bandar Palembang memiliki jenis tanah berlapis alluvial, liat dan berpasir, terletak pada lapisan yang masih muda, banyak mengandung minyak bumi, yang juga dikenal dengan lembah Palembang – Jambi. Tanah relatif datar dan rendah, tempat - tempat yang agak tinggi terletak di bahagian utara bandar. Sebahagian bandar Palembang digenangi air terlebih lagi apabila terjadi hujan secara terus menerus.

3.1.2. Sistem Pemerintahan di Palembang

Negara Indonesia menganut sistem negara kesatuan, yang dikenali dengan 'Negara Kesatuan Republik Indonesia' (NKRI). Pada masa ini, Indonesia terdiri daripada 33 Provinsi dimana pemerintah pusat memberikan kuasa (Hak Otonomi Daerah) iaitu kekuasaan pemerintah daerah (Provinsi, Kabupaten/Bandar) untuk mengatur dan mengurus wilayahnya masing-masing. Di samping itu juga, setiap tingkatan pemerintahan dibentuk institusi parlimen (Dewan Perwakilan Rakyat) yang berfungsi menjalankan kedaulatan rakyat. Terdiri daripada Dewan Perwakilan Rakyat, Dewan Perwakilan Daerah, Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Provinsi dan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Bandar dan Kabupaten.

Dalam tempoh satu tahun ini, DPRD Bandar Palembang telah mengeluarkan keputusan-keputusan yang dikategorikan dalam tiga peringkat keputusan, iaitu, (1) Peraturan daerah, (2) Surat Keputusan DPRD, (3) Surat keputusan Pimpinan. Pada tahun 2007, keputusan yang dibuat adalah Peraturan Daerah sebanyak 12 (dua belas) keputusan, (2), surat keputusan DPRD sebanyak 15 (lima belas) keputusan. (3) Surat keputusan Pimpinan sebanyak 13 (tiga belas) keputusan. Selain itu, sepanjang tahun 2007, kegiatan DPRD Bandar Palembang meliputi sidang Paripurna biasa 20 kali dan Paripurna Istimewa 2 kali, Panitia / team 133 kegiatan dan Komisi 498 kegiatan.¹⁹

¹⁹ Pemerintahan Bandar Palembang, *Palembang Dalam Angka*, (Palembang: BPS Bandar Palembang, 2008),14,

Di samping secara otonomi tersebut, pentadbiran Bandar Palembang merupakan suatu daerah Tingkat II yang merupakan suatu kesatuan masyarakat hukum yang mempunyai batas wilayah tertentu yang berhak, berkuasa dan berkewajiban mengatur dan mengurus hal ehwal sendiri dalam ikatan Negara kesatuan Republik Indonesia, sesuai UU No. 5 Tahun 1974.²⁰

Berdasarkan Peraturan Daerah Bandar Palembang tahun 2007, wilayah pentadbiran bandar Palembang mengalami penambahan peringkat pentadbiran. Pada masa ini, jumlah kecamatan di bandar Palembang menjadi 16 kecamatan dan 107 kelurahan yang sebelumnya hanya 14 kecamatan. Kecamatan baru tersebut adalah kecamatan Alang-alang Lebar yang sebelumnya merupakan bahagian pentadbiran kecamatan Sukarami. Kemudian kecamatan Sematang Borang yang merupakan pecahan dari kecamatan Sako. Sementara 4 kelurahan yang baru adalah kelurahan Talang Jambe yang merupakan pecahan kelurahan Talang Betutu, kelurahan Sukodadi yang merupakan pecahan kelurahan Alang-alang Lebar dan Sako Baru pecahan dari kelurahan Sako dan terakhir kelurahan Karya Mulya pecahan dari kelurahan Sukamulya. Perubahan ini diatur dalam Peraturan Daerah N0. 19 Tahun 2007 yang dikuatkuasakan pada tanggal 23 Julai 2007 dalam Lembaran Daerah Kota Palembang Tahun 2007 Nomor 20.²¹

Jumlah Rukun Warga (RW) dan Rukun Tetangga (RT) di Bandar Palembang pada tahun 2007 masing-masing 985 Rukun Warga (RW) dan 3861 Rukun Tetangga (RT). Dengan jumlah penduduk pada pertengahan tahun 2007 diperkirakan mencecah 1394954 jiwa, maka rata-rata kepadatan penduduk per kilometer per segi adalah 3095 jiwa. Secara keseluruhan komposisi luas wilayah di Bandar Palembang dapat dilihat pada jadual 3.1.

²⁰*Ibid.*, 12.

²¹*Ibid.*, 13.

Jadual 3.1.

Luas Wilayah, Jumlah Kelurahan, RT, RW dan Keluarga Menurut Kecamatan di Bandar Palembang.

NO	Kecamatan	Kod Kecamatan	Jumlah				
			Luas (km ²)	Kelurahan	Rukun Warga	Rukun Tetangga	Keluarga
1	Ilir Barat II	010	6,220	7	52	207	16.083
2	Gandus	011	68,780	5	40	160	12.465
3	Seberang Ulu I	020	17,440	10	107	432	34.279
4	Kertapati	021	42,560	6	55	259	19.176
5	Seberang Ulu II	030	10,690	7	67	239	18.880
6	Plaju	031	15,170	7	69	226	18.540
7	Ilir Barat I	040	19,770	6	65	284	29.114
8	Bukit Kecil	041	9,920	6	45	162	11.226
9	Ilir Timur I	050	6,500	11	76	266	23.318
10	Kemuning	051	9,000	6	53	198	16.194
11	Ilir Timur II	060	25,580	12	98	365	37.862
12	Kalidoni	061	27,920	5	41	214	12.594
13	Sako	070	18,040	4	72	231	14.845
14	Sematang Borang	071	36,980	4	23	93	6.473
15	Sukarami	080	51,459	7	73	330	25.462
16	Alang-alang Lebar	081	34,581	4	49	195	15.064
Jumlah		16	400,61	107	985	3.861	311.575

Sumber: BPS Bandar Palembang, Palembang dalam Angka Tahun 2008

3.2. PENDUDUK DAN PEREKONOMIAN

Dinamika pertumbuhan Bandar Palembang terus meningkat. Hal ini merupakan implikasi positif dari dinamika demografi bandar Palembang (kelahiran, kematian serta mobiliti penduduk). Di samping itu juga faktor perkembangan pembangunan bandar Palembang itu sendiri. Dalam sepuluh Tahun terakhir pembangunan tertumpu pada pembangunan wilayah seberang Ulu (yang dikenali dengan wilayah Jaka Baring dan sekitarnya) terutamanya pembinaan perumahan rakyat di mana pemerintah mencanangkan agenda pembinaan rumah murah untuk rakyat. Dalam bidang prasarana pentadbiran, telah dibina pejabat-pejabat kerajaan bagi menyeimbangkan tingginya aktifitas kerajaan di Seberang Ilir. Dalam bidang sosial, pembinaan sekolah dan sarana sukan bertaraf antarabangsa. Hal ini merupakan wujud pembangunan bandar Palembang menjadi Bandar metropolitan berwawasan alam sekitar dan pelestarian budaya.

3.2.1. Penduduk

Berdasarkan data BPS Palembang dalam "Palembang dalam Angka Tahun 2008", jumlah penduduk bandar Palembang pada pertengahan tahun 2006 adalah 1,369,529 jiwa. Sedangkan jumlah penduduk pada pertengahan tahun 2007 adalah seramai 1,394,954 jiwa atau meningkat 1.88 peratus berbanding pada tahun 2006. Nisbah jantina bandar Palembang tahun 2007 sebesar 99.32 peratus yang bererti jumlah penduduk laki-laki lebih sedikit dibandingkan dengan jumlah penduduk wanita. Untuk peringkat kecamatan, nisbah jantina yang tertinggi terdapat di Kecamatan Ilir Timur I sebesar 117.81 peratus. Di urutan kedua adalah kecamatan seberang Ulu I sebesar 104.81 peratus, sedangkan di urutan ketiga adalah kecamatan Kemuning dengan angka nisbah 103.23 peratus, (lihat jadual 2).²²

²² *Ibid.*, 61

Pertumbuhan penduduk bandar Palembang daripada tahun 2003 sehingga tahun 2007, mengalami pertumbuhan yang cukup signifikan. Terdapat 4 (empat) kecamatan yang pertumbuhan penduduknya cukup signifikan pada tahun 2007, iaitu kecamatan Sukarame 174,015, Kecamatan Ilir Timur II 167,522, Kecamatan Ilir Barat I 116,833, Seberang Ulu I 155521. Jumlah keseluruhan penduduk bandar Palembang iaitu 1,394,954 (lihat jadual 3).²³

Jadual 3.2:

Jumlah Penduduk Pertengahan Tahun Menurut Jantina per Kecamatan Di Bandar Palembang Tahun 2007

NO	Kecamatan	Penduduk		Jumlah	Jantina Nisbah
		Laki-Laki	Wanita		
1	Ilir Barat II	33.932	32.991	65.923	99.82
2	Gandus	25.076	27.049	52.125	92.71
3	Seberang Ulu I	79.588	75.933	155.521	104.81
4	Kertapati	40.113	41.112	81.225	97.57
5	Seberang Ulu II	44.256	46.226	90.482	95.74
6	Plaju	41.796	42.333	84.129	98.73
7	Ilir Barat I	58.760	58.073	116.833	101.18
8	Bukit Kecil	24.227	24.521	48.748	98.80
9	Ilir Timur I	44.456	37.735	82.191	117.81
10	Kemuning	44.178	42.795	86.973	103.23
11	Ilir Timur II	82.779	84.743	167.522	97.68
12	Klaidoni	44.924	48.357	93.281	92.90
13	Sako	46.257	49.729	95.986	93.02
14	Sukarami	85.753	88.262	174.015	97.16
15	Sematang Borang	*	*	*	*
16	Alang-alang Lebar	**	**	**	**
Total		695.095	699.859	1.394.954	99.32

Sumber : BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

Keterangan : * Data masih tergabung dengan Kecamatan Sako

** Data masih tergabung dengan Kecamatan Sukarami

²³ *Ibid.*,66.

Jadual 3.3 :

Pertumbuhan Penduduk Bandar Palembang Tahun 2003 – Tahun 2007

NO	Kecamatan	Penduduk				
		2003	2004	2005	2006	2007
1	Ilir Barat II	60.761	62.032	63.264	64.708	65.923
2	Gandus	48.502	49.015	50.078	51.182	52.125
3	Seberang Ulu I	142.587	146.403	149.135	152.607	155.521
4	Kertapati	74.738	76.417	77.978	79.736	81.225
5	Seberang Ulu II	82.902	85.109	86.889	88.833	90.482
6	Plaju	76.996	79.155	80.749	82.581	84.129
7	Ilir Barat I	106.727	109.952	112.099	114.668	116.833
8	Bukit Kecil	45.408	45.865	46.789	47.850	48.784
9	Ilir Timur I	75.448	77.450	78.674	80.599	82.191
10	Kemuning	80.246	81.865	83.423	85.351	86.973
11	Ilir Timur II	154.864	157.602	160.818	164.449	167.522
12	Kalidoni	86.418	87.718	89.617	91.596	93.281
13	Sako	90.229	90.263	92.214	94.251	95.986
14	Sukarami	161.609	163.705	167.066	170.828	174.015
15	SematangBorang	*	*	*	*	*
16	Alang-alanLebar	**	**	**	**	**
Total		1.287.435	1.312.551	1.338.793	1.369.239	1.394.954

sumber : BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

Keterangan : * Data masih tergabung dengan Kecamatan Sako

** Data masih tergabung dengan Kecamatan Sukarame

- Data Tahun 2007 tidak tersedia

3.2.2. Punca Pendapatan Penduduk

Secara ‘amnya, masyarakat Indonesia masih merupakan masyarakat yang mata pencaharian (punca pendapatan ekonominya) daripada sektor pertanian. Bagaimanapun, perkara ini bergantung kepada faktor sejarah, geografi, dinamika penduduk dan perkembangan bandar serta mobiliti sosial yang ada. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, punca pendapatan majoriti masyarakat bandar Palembang bukan berpunca kepada

sektor pertanian. Hal ini disebabkan medan yang dijadikan sektor pertanian cukup kecil. Sebaliknya, bandar Palembang mencatatkan pertumbuhan yang tinggi dalam sektor perniagaan dan jasa (perkhidmatan).²⁴

Jadual 3.4:

Luas Tanaman Padi, Palawija, Sayuran dan Buah-buahan di Bandar Palembang Tahun 2003-2007 (Ha)

NO	Jenis Tanaman	Tahun				
		2003	2004	2005	2006	2007
1	Padi / <i>Paddy</i>	4.924	6.680	6.069	6.209	6.526
2	Palawija (kacang, jagung, ubi/ <i>Crops Planted</i>)	1.923	3.632	3.704	5.336	3.309
3	Sayuran / <i>Vegetable</i>	1.923	3.632	3.704	5.336	3.309
4	Buah-Buahan	203	224	229	1.693,124	512

Sumber : BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

Sektor industri, kegiatan industri mengubah bentuk secara mekanikal dan kimia dari organik dan anorganik menjadi produk baru dengan nilai ekonomi yang tinggi. Pembangunan industri akan meningkatkan nilai tambah, menciptakan lapangan kerja dan memperoleh kesempatan kerja. Perindustrian di bandar Palembang terbahagi menjadi empat kategori iaitu: industri logam, kejuruteraan, kimia, dan aneka industri hasil pertanian, perikanan dan hasil hutan. Di bandar Palembang, PT Pusri merupakan salah satu syarikat besar yang menghasilkan baja. Produksi baja PT PUSRI pada tahun

²⁴*Ibid.*, 145.

2007 sebesar 2,020,760 ton. Sepanjang tahun itu, produksi pupuk merupakan produksi terbesar dibandingkan produksi dalam sektor lainnya.²⁵

Sehingga tahun 2007, pembangunan di bidang elektrik dan air minum terus dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan guna mendorong kegiatan ekonomi penduduk yang lebih produktif seperti kegiatan industri, kraf tangan dan perniagaan lainnya.²⁶

Jadual 3.5:
Jumlah Syarikat Industri Kecil di Bandar Palembang Tahun 2006

No.	Kecamatan	Industri Logam, mesin, kimia dan aneka industri (unit usaha)	Industri hasil pertanian & perikanan (unit usaha)	Industri hasil hutan & Perkebunan (unit usaha)	Industri kraf tangan (unit usaha)
1	Iilir Barat II	187	96	144	54
2	Gandus	14	15	29	10
3	Seberang Ulu I	259	145	65	127
4	Kertapati	9	30	47	6
5	Seberang Ulu II	214	78	54	70
6	Plaju	8	23	36	3
7	Iilir Barat I	265	123	96	120
8	Bukit Kecil	21	48	7	8
9	Iilir Timur I	1.384	449	114	70
10	Kemuning	9	30	18	9
11	Iilir Timur II	533	416	259	63
12	Kalidoni	17	36	10	16
13	Sako	114	87	90	22
14	Sukarami	348	255	187	79
15	Sematang Borang	*	*	*	*
16	Alang-alang Lebar	**	**	**	**
Total		3.382	1.831	1.156	657

Sumber : BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

Keterangan : * Data masih tergabung dengan Kecamatan Sako

** Data masih tergabung dengan Kecamatan Sukarame

- Data Tahun 2007 tidak tersedia

²⁵*Ibid.*, 159-160.

²⁶*Ibid.* 160.

Jadual 3.6:

Jumlah Syarikat Industri menengah di Bandar Palembang Tahun 2006

No.	Kecamatan	Industri Logam, mesin, kimia dan aneka industri (unit usaha)	Industri hasil pertanian & perikanan (unit usaha)	Industri hasil hutan & Perkebunan (unit usaha)	Industri kerajinan (unit usaha)
1	Ilir Barat II	-	-	-	-
2	Gandus	4	3	1	-
3	Seberang Ulu I	1	-	2	-
4	Kertapati	2	-	1	-
5	Seberang Ulu II	3	-	-	-
6	Plaju	-	-	-	-
7	Ilir Barat I	3	2	-	-
8	Bukit Kecil	-	-	-	-
9	Ilir Timur I	5	-	-	-
10	Kemuning	1	-	-	-
11	Ilir Timur II	4	-	-	-
12	Kalidoni	3	-	-	-
13	Sako	4	1	-	-
14	Sukarami	8	-	2	-
15	Sematang Borang	*	*	*	*
16	Alang-alang Lebar	**	**	**	**
Total		38	6	6	0

Sumber : BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

Keterangan : * Data masih tergabung dengan Kecamatan Sako

** Data masih tergabung dengan Kecamatan Sukarame

- Data Tahun 2007 tidak tersedia

Jadual 3.7:

Jumlah Syarikat Industri besar di Bandar Palembang Tahun 2006

No.	Kecamatan	Industri Logam, mesin, kimia dan aneka industri (unit usaha)	Industri hasil pertanian & perikanan (unit usaha)	Industri hasil hutan & Perkebunan (unit usaha)	Industri kerajinan (unit usaha)
1	Ilir Barat II	-	-	-	-
2	Gandus	-	-	6	-
3	Seberang Ulu I	-	-	-	-
4	Kertapati	2	-	2	-
5	Seberang Ulu II	2	-	-	-
6	Plaju	-	-	1	-
7	Ilir Barat I	2	1	-	-
8	Bukit Kecil	-	-	-	-
9	Ilir Timur I	1	-	-	-
10	Kemuning	-	-	-	-
11	Ilir Timur II	1	-	2	-
12	Kalidoni	5	1	1	-
13	Sako	3	-	-	-
14	Sukarami	4	4	1	-
15	Sematang Borang	*	*	*	*
16	Alang-alang Lebar	**	**	**	**
Total		20	6	12	0

Sumber : BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

Keterangan : * Data masih tergabung dengan Kecamatan Sako

** Data masih tergabung dengan Kecamatan Sukarame

- Data Tahun 2007 tidak tersedia

Berdasarkan jadual (5, 6, dan 7) tersebut menunjukkan bahawa bandar Palembang merupakan pusat perindustrian. Hal yang signifikan dari jadual tersebut mendedahkan bahawa aktiviti dan sektor industri kecil mencatat prestasi yang stabil, iaitu aneka industri 3382, industri pertanian 10765, industri hasil hutan 1156 dan industri kraf

tangan (*handicraft*) 3737. Ini menunjukkan pergerakan industri kecil khususnya pada industri kraf tangan (*handicraft*) cukup bertahan iaitu dengan jumlah total 657 unit usaha. Apabila dibandingkan dengan industri menengah dan besar, tidak ada aktiviti industri atau unit usaha sama sekali yang bergerak dalam bidang itu. Secara ‘am perkembangan dan pertumbuhan aktiviti industri dapat dilihat dari jadual 8.

Jadual 3.8:
Jumlah Total Aktiviti Industri di Bandar Palembang Tahun 2006

No.	Sektor Industri	Aneka industri (Unit Usaha)	Hasil petanian & Perikanan (Unit Usaha)	Hasil Hutan & perkebunan (Unit Usaha)	Kraf tangan (<i>handicraft</i>) (Unit Usaha)
1	Industri Kecil	3.382	1.831	1.156	657
2	Industri Menengah	38	6	6	0
3	Industri Besar	20	6	12	0

Sumber : Diolah dari BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

Jadual di atas tersebut menunjukkan bahawa usaha kerajinan pada sektor industri kecil iaitu bidang kraf tangan (khususnya tenun songket) merupakan usaha kegiatan ekonomi masyarakat yang cukup diminati. Hal ini disebabkan usaha industri kecil bersifat *home industry*. Pekerjaan dapat dilakukan secara bersama-sama dengan aktiviti sehari-hari. Jenis usaha industri kecil yang paling tinggi jumlahnya dalam masyarakat adalah industri yang tidak memerlukan modal besar. Fenomena ini menunjukkan bahawa usaha industri kecil merupakan salah satu strategi masyarakat untuk memenuhi keperluan hidup sebagai respons rendahnya *akses* masyarakat kecil terhadap sumberdaya, modal, bahan baku, pengurusan perniagaan dan lain-lain.

Secara substansi, dimensi ekonomi (produksi dan penyaluran), suatu produksi merupakan aktiviti yang dilakukan individu atau masyarakat sebagai bentuk kewujudan manusia mengembangkan aspek dinamikinya. Bekerja dan pekerjaan (produksi dan reproduksi) merupakan hakekat dari keberadaan manusia dan merupakan akar dari terbentuknya masyarakat. Di dalam produksi, manusia tidak hanya bertindak terhadap alam akan tetapi juga terhadap insan lainnya. Manusia berproduksi hanya dengan cara bekerja sama dalam suatu cara tertentu dan saling tukar menukar kegiatannya. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti produksi dan reproduksi kain songket bukanlah tanpa makna dan tujuan. Di sebalik aspek ekonomi, terdapat aspek agama dalam pekerjaan tenun songket itu. Sebagai hasil karya budaya yang dilandasi ajaran agama, songket perlu dikembangkan dan dilestarikan dan dapat dijadikan sebagai sumber ekonomi. Semuanya ini bermuara pada aspek agama, di mana aspek ini merupakan aspek terdalam dari pembuatan kain songket sebagai karya budaya.

3.2.3. Kehidupan Keagamaan Penduduk Palembang

Dalam sudut pandang sejarah, akar kehidupan keagamaan masyarakat bandar Palembang adalah Melayu Muslim. Sehingga hari ini, Islam adalah agama majoriti penduduk Palembang. Bahkan dari aspek budaya, perkembangan Melayu Muslim cukup maju dan berkembang. Hal ini dibuktikan dengan kemampuan bandar Palembang sebagai tuan rumah Persidangan Antarabangsa mengenai sejarah tumbuh dan berkembangnya Islam-Melayu di Indonesia, dibangunnya *trade mark* dan *constructive of image* bandar Palembang sebagai Palembang Darussalam serta semakin maraknya festival-festival budaya yang bercorak Islam-Melayu (Palembang Darussalam).

Selain itu juga perkembangan agama Islam sebagai agama majoriti dapat dilihat dari jumlah jamaah haji dari bandar Palembang. Saban tahun, jumlah jamaah haji dari bandar Palembang semakin meningkat di mana pada tahun 2010 berjumlah 3091 orang

dan tahun 2011 meningkat kepada 3265 orang.²⁷ Selain itu juga, tumbuh berkembangnya agama Islam sebagai agama majoriti terlihat dari aspek kehidupan sosial pendidikan. Bandar Palembang juga memiliki pengajian tinggi yang menyelenggarakan pendidikan dengan corak keislaman yang kental iaitu Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Raden Fatah Palembang dan Universitas Muhammadiyah Palembang serta perkembangan pondok pesantren yang menyelenggarakan pendidikan Islam (lihat jadual 9).²⁸

Jadual 3.9:

Jumlah Pondok Pesantren dan Santri di Bandar Palembang

No.	Kecamatan	Nama Pondok Pesantren	Santri		Jumlah
			Laki-laki	Wanita	
1.	Ilir Barat II	-	-	-	-
2.	Gandus	a. Thawalib Sriwijaya	40	4	44
		b. Al – Hikmah	133	125	44
		c. Ma'had islamy	117	109	226
3.	Seberang Ulu I	-	-	-	-
4.	Kertapati	-	-	-	-
5.	Seberang Ulu II	a. Az – Zahra	-	153	153
		b. Subussalam	100	75	175
		c. Ar – Riyadh	175	-	175
		d. Assanadiyah	330	267	597
		e. Asisiyah Syamsudiniyah	48	30	78
		f. Sabilul Holayah	50	48	98
		g. Munawarityah	340	316	656
6.	Plaju	a. Ar – Rahman	203	173	376
		b. Al – Husna	240	210	450
7.	Ilir Barat I	a. IGM Insaniyah	68	48	116
		b. Amalul Khair	118	44	162
8.	Bukit Kecil	-	-	-	-
9.	Ilir Timur I	-	-	-	-
10.	Kemuning	a. Al – Burhan	60	-	60

²⁷Wawancara dengan Najib Haitami, Kepala Kantor Kementerian Agama RI Wilayah Sumatera Selatan, pada tanggal 26 Oktober 2011, di Asrama Haji Palembang pukul 14.30 WIB

²⁸*Ibid.*, 98-99.

Jadual 3.9:Sambungan

Jumlah Pondok Pesantren dan Santri di Bandar Palembang

No.	Kecamatan	Nama Pondok Pesantren	Santri		Jumlah
			Laki-laki	Wanita	
11.	Ilir Timur II	a. Nurul Qomar	103	211	314
		b. Rubat Shiwaun	57	-	5
		c. Jamiul Qiro	60	45	105
12.	Kalidoni	a. Jamiatul Khoiriyah	31	31	62
		b. Al – Pirdaus	74	274	348
13.	Sako	a. Hidyatullah	50	52	102
		b. Raudhatul Iman	25	25	50
		c. Rubat Muhiban	65	45	110
		d. Mar’fuah	20	20	40
		e. Al – Arqom	246	228	474
		f. Ma’ariful Ulu	85	90	175
14.	Sukarami	a. S. Mahmud Badarudin	100	78	178
		b. Ar Riyardh	8	16	24
		c. Ahlul Quran	48	47	95
		d. Insanul Fitro	36	27	63
		e. Aulia Cendekia	60	-	60
		f. Al-Quran Al Kahfi	149	157	306
15.	Sematang Borang	*	*	*	
16.	Alang-alang Lebar	**	**	**	
		Jumlah / Total	3.239	2.948	6.187

Sumber : BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

3.2.4. Pendidikan

Sarana pendidikan seperti jumlah sekolah di bandar Palembang, sama ada yang dikelola kerajaan mahupun swasta pada tahun 2007/2008 sebanyak 246 sekolah Taman Kanak-kanak (TK/*play group*), 348 Sekolah Dasar (SD/*Primery school*), 191 Sekolah Menengah Pertama (SMP/*elementary school*) dan 129 sekolah menengah Umum (SMU/*high school*) serta 49 sekolah menengah vokasional. Sarana masing-masing

tingkatan sekolah itu digunakan oleh sejumlah murid, sekolah negeri mahupun swasta yang mengalami perubahan kuantiti dari tahun ke tahun. Selama tahun ajaran 2007/2008 terdapat murid TK sebanyak 12156, murid Sekolah Dasar sebanyak 155422 dan murid Sekolah Menengah Pertama sebanyak 72385, murid SMU sebanyak 54296 sedangkan murid SMK berjumlah 13827. Sementara tenaga guru yang tersedia pada tahun 2007/2008 ini pada masing-masing sekolah adalah TK sebanyak 1365 orang, SD sebanyak 42476 orang, SLTP 5460 orang, SMU sebanyak 4273 orang dan SMK 1338 orang.²⁹

Jumlah universiti di Bandar Palembang ada sembilan yang terdiri daripada satu pengajian tinggi awam sedangkan lapan lainnya dimiliki oleh swasta. Selain itu, terdapat Institut Agama Islam Negeri dan puluhan kolej lainnya.³⁰ Di samping itu juga tingginya minat masyarakat terhadap aspek keagamaan serta pengaruh agama Islam di bandar Palembang terserlah dengan kewujudan pondok pesantren. Pondok pesantren merupakan institusi pendidikan yang memberikan pengajaran agama Islam. Tentu saja materi pengajaran yang diberikan dan diajarkan tersebut mengikuti perkembangan masyarakat itu sendiri. Terdapat gabungan materi pelajaran yang diajarkan di pondok yang bersifat keagamaan (*sacred*) sesuatu ajaran keagamaan yang suci dan materi pelajaran yang sifatnya *profane* (keduniawian atau sekuler).

²⁹*Ibid.* 77-78.

³⁰*Ibid.* 108-109.

Jadual 3.10:

*Jumlah Mahasiswa Universitas Sriwijaya Berdasarkan Fakulti/Program Tahun
2004/2005-2007/2008*

NO	FAKULTI	Tahun			
		2005/2005	2005/2006	2006/2007	2007/2008
1.	Ekonomi	2485	2555	2611	2476
2.	Hukum	1062	1172	1215	1405
3.	Sosial Politik (FISIP)	639	714	801	948
4.	Teknik	3795	3630	3652	3711
5.	Kedokteran	1226	1359	1487	1820
6.	Pertanian	1931	1873	1844	1862
7.	FKIP	2165	2131	2200	2829
8.	D-III Ekonomi	1062	807	883	713
9.	MIPA	1271	1127	1195	1185
10.	PPDS – FK	212	225	245	223
11.	D – II PGSD & PGTK	19	553	575	488
12.	D – III Penyetaraan	397	484	80	-
13.	Pascasarjana	864	735	732	1.073
14.	Prog. Magister Manajemen	192	163	249	203
15.	D – III Teknik Gigi	77	55	34	9
16.	Ilmu Komputer	-	115	265	538
17.	D – III Komputer	-	-	584	654
18.	Akta – IV	-	-	-	98
J u m l a h		17397	17698	18652	20235

Sumber : BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

Jadual 3.11:

Jumlah Mahasiswa Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Raden Fatah Palembang berdasarkan Fakulti Tahun 2003-2007

NO	Fakulti	Tahun				
		2003	2004	2005	2006	2007
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
1.	Tarbiyah	1451	1462	1417	1440	1438
2.	Syari'ah	898	1022	907	883	808
3.	Ushuluddin	410	549	301	250	236
4.	A d a b	285	402	269	247	232
5.	Dakwah	560	675	426	370	334
6.	Pasca Sarjana	70	285	286	282	375
J u m l a h		3674	4395	3606	3472	3425

Sumber : BPS Bandar Palembang, Palembang Dalam Angka Tahun 2008

Berdasarkan jadual (9, 10, 11) tersebut menunjukkan bahawa adanya keseimbangan antara pendidikan moden dan sekolah-sekolah yang berasaskan keagamaan. Perkembangan pondok pesantren di bandar Palembang cukup signifikan. Daripada 14 Kecamatan, hanya 5 Kecamatan yang tidak ada pondok pesantren iaitu kecamatan Ilir Barat I, kecamatan Seberang Ulu I, kecamatan Kertapati, kecamatan Bukit Kecil dan kecamatan Ilir Timur I. Namun hal ini bukan bermakna di kecamatan tersebut tidak ada pengajaran yang berasas keagamaan, kerana masjid-masjid di bandar Palembang mengadakan pengajaran keagamaan seperti program TPA (Taman Pendidikan al-Qur'an) mahupun kegiatan remaja masjid. Di samping itu, perkembangan

Pendidikan Tinggi (Universiti) yang menyelenggarakan program pendidikan berasas agama tetap diminati masyarakat (rujuk jadual 11). Untuk Program Pasca Sarjana di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Raden Fatah Palembang mengalami peningkatan setiap tahunnya.³¹

Berdasarkan fakta-fakta tersebut dan kaitannya dengan kajian ini “pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket” sangatlah berkaitan. Kawasan kajian ini, merupakan bandar paling tua di Indonesia, berumur setidaknya 1382 tahun berdasarkan batu bersurat Sriwijaya yang diiktiraf sebagai batu bersurat “Kedukan Bukit”, yang menunjukkan angka tahun 16 Jun 682 M. Pada saat itu, oleh penguasa Sriwijaya didirikan Wanua di daerah yang sekarang dikenali sebagai bandar Palembang. Menurut topografinya, bandar Palembang dikelilingi oleh air, bahkan terendam oleh air. Oleh itu, maka nenek moyang orang-orang bandar ini menamakannya sebagai Palembang. Perkataan ”Pa” atau ”Pe” berarti kata petunjuk suatu tempat atau keadaan; sedangkan ”lembang” atau ”lembeng” berarti tanah yang rendah, lembah akar yang membengkak kerana lama terendam air. Sedangkan menurut bahasa Melayu-Palembang, ”lembang” atau ”lembeng” adalah genangan air. Jadi, Palembang adalah suatu tempat yang digenangi oleh air.

Kawasan kajian ini meliputi beberapa wilayah sebagaimana pembahagian yang telah dilakukan oleh penjajah Belanda, iaitu Seberang Ilir dan Seberang Ulu. Pembahagian wilayah tersebut berdasarkan wilayah yang dipisahkan oleh aliran sungai Musi. Di mana dalam wilayah Seberang Ilir terdapat 29 kampung, dan 14 kampung berada di wilayah Seberang Ulu. Meskipun mengikut pentadbiran sekarang pembahagian itu tidak wujud, namun hal itu masih sering kali digunakan oleh masyarakat Palembang dalam memudahkan pembahagian daerah.

³¹*Ibid.*, 107.

Signifikansi penyelidikan ”Pengaruh Etika Islam terhadap Etos Kerja Penenun Songket Palembang” adalah kerana bandar Palembang yang berpenduduk kebanyakan Muslim ini mempunyai sebuah warisan budaya sejarah yang masih dilestarikan sehinggalah hari ini, iaitu songket. Seni kain songket yang telah dijadikan sebagai penjana ekonomi oleh sebahagian masyarakat Palembang ini ternyata juga dapat membantu menyokong stabiliti ekonomi Bandar Palembang. Di samping itu, dengan wujudnya songket ini, identiti budaya Melayu-Palembang yang tercermin dalam setiap sulaman benang emas yang indah tetap terpelihara dari generasi ke generasi yang diyakini berasaskan kepada keyakinan penenun songketnya yang beragama Islam. Hal ini dapat dilihat dari hasil tenunan tidak ditemukan corak haiwan dan usaha gigit penenun songket yang memahami tuntutan ajaran Islam yang melahirkan etos kerja Islam daripada penenun songket.

3.3. SONGKET DAN PENENUN SONGKET PALEMBANG

Gemerlap warna dan kilauan emas yang terpancar pada songket memberikan nilai tersendiri dan menunjukkan sebuah kebesaran dan keagungan dari orang yang membuatnya. Melihat selembar songket yang terbuat dari rangkaian benang yang tersusun rapi dengan pola simetri, menunjukkan bahawa songket dibuat oleh tangan-tangan yang memiliki kemahiran khas untuk mengerjakannya. Kemahiran, ketelitian dan ketekunan mutlak diperlukan untuk membuat kain-kain bermutu seperti songket. Kemahiran ini biasanya didapatkan secara turun temurun dari generasi ke generasi berikutnya.

Songket adalah jenis kain tenunan tradisional di Indonesia, Malaysia, dan Brunei. Songket dikategorikan dalam golongan tenunan *brokat*. Songket ditenun tangan dengan benang emas dan perak dan pada umumnya dipakai pada majlis dan program rasmi. Benang logam metalik yang tertenen berlatar kain menimbulkan kesan kemilau

cemerlang. Pertimbangan corak dan warna disesuaikan dengan usia pemakainya, melalui tangan generasi muda terlebih penenun songket wujud dalam bentuk yang kemas dan rapi, penuh dengan gaya yang kompleks. Kekayaan budaya serta tradisi yang wujud di Indonesia memunculkan paradigma baru mengenai fesyen Indonesia, yang tidak hanya menghasilkan produk tetapi juga menghasilkan inspirasi. Dengan diperkenalkannya beragam tradisi dan budaya seperti batik, kain tenun, sarong, songket, tapis dan busana-busana etnik lainnya, Indonesia tidak saja sebagai negeri penghasil busana tetapi sebagai destinasi negeri yang dikunjungi untuk mencari inspirasi bagi masyarakat dunia dalam menciptakan suatu karya.³²

Tampilan elok dan mewah mengimbas semula pada zaman kejayaan Kerajaan Sriwijaya di Palembang, Sumatera Selatan. Ciri khas tradisional dengan benang emas kombinasi warna merah membaluti tubuh orang yang mengenakannya. Lekatnya kain tenun songket Palembang mencetuskan keinginan untuk mengembangkan dan mempopularkan kain tersebut yang memiliki keanggunan dan ciri khas Indonesia. Originaliti terinspirasi dari banyak hal, bertujuan untuk mengembangkan kebudayaan dan pelestarian kain songket, terutama teknik pembuatan reka bentuk corak beragam dan memiliki makna berbeza.

Dalam tenun songket terdapat istilah *lepas*. Istilah ini merujuk kepada songket yang memiliki ciri yang unik iaitu benang emasnya hampir menutupi seluruh bahagian kain dengan kualiti tertinggi dan mahal harganya. Dilihat dari gambar coraknya ternyata kain songket lepas memiliki nama dan corak beragam, antara lain Songket Lepas Lintang bergambar Bintang, Songket Lepas Buah Anggur, Songket Lepas Berantai dan corak lainnya.

Dari sekian banyak jenis kain tenun songket terdapat jenis yang berbeza iaitu

³² Majalah Trend Kebaya, "Urban Songket", Gaya & Busana Wanita Indonesia, (Jakarta: Desindo Putra Mandiri, 2012).

memiliki corak tidak menutupi seluruh permukaan kain tetapi berkelompok-kelompok dan letaknya menyebar (bertabur/tawur). Jenis songket tawur lainnya adalah Songket Tawur Lintang, Songket Tawur Tampak Manggis, Songket Tawur Nampun Perak dan sebagainya. Jenis kain songket lainnya adalah Songket Tretes Mender, corak ini tidak banyak dijumpai gambar motif pada bahagian tengah, kerana hanya terdapat pada kedua-dua hujung pangkal dan di tepi kain. Sedangkan Songket Bungo Pacik memiliki corak yang terbuat daripada benang emas yang digantikan dengan benang kapas putih, sehingga tenunan benang emasnya tidak banyak dan digunakan hanya sebagai hiasan sahaja.

Jenis lain yang tidak kalah menariknya adalah Songket Kombinasi yang menggabungkan antara jenis-jenis songket yang sudah diproduksi terlebih dahulu sehingga menghasilkan rekabentuk yang beraneka ragam coraknya. Sedangkan corak Songket Limar tidak dibentuk oleh benang-benang tambahan tetapi corak bunga berasal dari benang lungsi yang dicelup pada bahagian-bahagian tertentu sebelum ditenun. Sebahagian masyarakat Palembang masih memegang teguh adat warisan budaya yang mengacu pada ketentuan pakem/aturan, walaupun sedikit demi sedikit mulai ditinggalkan.³³

Dokumentasi mengenai asal usul songket masih tidak jelas sehingga kini. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan tenun songket mencapai Semenanjung Malaysia melalui perkahwinan atau persekutuan antara bangsawan Melayu, kerana songket yang berharga kerap kali dijadikan maskahwin atau hantaran dalam suatu perkahwinan. Praktik seperti ini lazim dilakukan di negeri-negeri Melayu untuk mengikat persekutuan strategik. Pusat kerajinan songket terletak di kerajaan yang secara politik penting kerana bahan pembuatannya yang mahal; benang emas sejatinya

³³Majalah Trend Kebaya, "Keelokan Kain Songket Palembang", Gaya & Busana Wanita Indonesia, (Jakarta: Desindo Putra Mandiri, 2013).

memang terbuat dari lembaran emas tulen.³⁴

Dalam konteks sejarah, songket hanya dipakai oleh golongan bangsawan, keluarga dan kerabat diraja dan pembesar-pembesar negeri. Kehalusan tenunan dan kerumitan corak corak songket ketika itu menggambarkan pangkat dan kedudukan tinggi seorang pembesar. Namun kini, pemakainya lebih menyeluruh, tidak terhad kepada kerabat diraja. Cara pemakaiannya juga lebih meluas, bersesuaian dengan majlis. Begitu juga corak dan motifnya yang semakin kontemporari, sesuai dengan perubahan dan peredaran masa.

Tidak diketahui secara pasti sejak bila songket untuk pertama kali dibuat. Namun, songket telah dipakai pada zaman kerajaan Sriwijaya. Dahulu songket hanya dibuat oleh kerabat raja sahaja, namun sekarang songket dapat dibuat oleh sesiapa sahaja asalkan ia memiliki kemahiran itu. Penenun songket sekarang tidak terhad pada kerabat kerajaan sahaja. Siapa pun boleh menenun songket dan hasil tenunan pun bukan hanya berupa kain dan selendang sahaja. Seiring peredaran zaman, penenun songket sudah membuat *tanjak* (sejenis topi khas untuk laki-laki), hiasan dinding, sarung meja, sarung bantal untuk kerusi tetamu dan barangan untuk cendera hati.

Sekarang ini, penenun songket Palembang kebanyakan berasal dari masyarakat biasa dengan latar belakang pendidikan dan keluarga yang berbeza. Namun satu hal yang dapat diperkatakan bahawa mereka memiliki kemahiran, ketekunan, ketelitian dan kesabaran dalam menenun songket. Selama ratusan tahun tenun songket telah mengalami perubahan, daripada kain kebesaran sebagai simbol status sosial keluarga bangsawan, kepada kain tenun yang dipakai khalayak orang ramai. Hingga sekarang songket bertahan sebagai salah satu warisan budaya yang sangat berharga. Terpeliharanya budaya tenun songket tidak lari dari peranan penenunnya. Para penenun

³⁴Uchino, Megumi (2005): "Socio Cultural History of Palembang Songket". Indonesia and the Malay World (Routledge) 33 (96): 205-223.

songket melestarikan budaya ini secara turun temurun hinggalah sekarang. Perkara ini akan ditelusuri secara mendalam dalam bab seterusnya. Untuk mengetahui sejarah tenun songket Palembang lebih lanjut, bab ini menelusurinya secara rencam.

3.3.1. Sejarah Tenun Songket Palembang

Sejarah tenun songket amat berkait rapat dengan tradisi kerajaan Sriwijaya dan Kesultanan Palembang Darussalam. Akan tetapi, hingga kini belum ada catatan rasmi bila pertama kali kain songket dibuat. Namun, sekurang-kurangnya terdapat dua pendapat mengenai proses terciptanya kain songket. Pendapat pertama, percaya songket telahpun wujud di Palembang sejak ratusan tahun lalu, semasa Kerajaan Palembang (sebelum era Kesultanan, 1455—1659 M) dan Kesultanan Palembang Darussalam (1659—1823 M). Pemakainya adalah raja atau sultan dan kerabat keraton. Kedua, songket Palembang diyakini tercipta jauh sebelum masa Kesultanan Palembang, iaitu masa kerajaan Sriwijaya bahkan jauh sebelumnya.³⁵ Untuk menelusuri sejarah songket ada baiknya dipelajari terlebih dahulu sejarah kain di Sumatera Selatan.

3.3.1.1. Zaman prasejarah

Pengertian prasejarah adalah masa lampau kehidupan manusia sebelum ada peninggalan berupa tulisan. Untuk mempelajari budaya manusia sebelum mengenal tulisan termasuk budaya berpakaian, cukup sukar kerana memerlukan kajian terhadap peninggalan-peninggalan arkeologi.³⁶

Pada zaman prasejarah, khususnya pada periode *paleolitik* (masa berburu dan mengumpulkan makanan tingkat sederhana), di daerah pedalaman Sumatera Selatan, terutama di hulu sungai-sungai yang bermuara di Palembang telah ada komuniti masyarakat. Mereka tinggal di dataran tinggi, di lereng dan di kaki pegunungan, di goa-

³⁵ Yudhi Syarofie, *Songket Palembang: Nilai Filosofis, Jejak Sejarah, dan Tradisi*, (2007), 13-14.

³⁶Sumber: Musium Tekstil Sumatera Selatan, tahun 2008.

goa dan di ceruk-ceruk alam atau di tepi sungai. Pada zaman ini, manusia masih dipengaruhi oleh faktor-faktor alam, seperti iklim, kesuburan tanah serta keadaan binatang.³⁷

Setelah melalui zaman berburu dan mengumpulkan bahan makanan, kemudian datang zaman menetap dan mulai berladang atau bercocok tanam secara sederhana (*neolitik*). Tapak arkeologi (lokasi penemuan benda-benda purbakala) yang menggambarkan period neolitik di Sumatera Selatan terdapat di hulu sungai Musi dan di lereng pegunungan Bukit Barisan yang dikenali dengan kebudayaan Pasemah. Peninggalan budaya pada masa ini berupa benda-benda *megalith* (mega = besar, lithos = batu), seperti kubur batu, kursi batu, dolmen, batu dakon, lumpang batu, dan arca.³⁸

Penyelidikan peninggalan arca-arca megalith sangat penting untuk mengungkap budaya berpakaian yang digunakan masyarakat pada masa yang dikenali dengan zaman bercocok tanam (*neolitik*). Salah satu ciri arca yang menggambarkan manusia adalah di bahagian pundaknya tergantung *pancee*, iaitu selembar kain penutup punggung. Sedangkan pada bahagian kaki, daripada betis sampai pergelangan kaki dibalut susunan lilitan kain.³⁹ Namun demikian, sukar untuk memperkirakan secara pasti bagaimana teknik mewarnai pakaian dan bahan yang dipakai manusia pada masa itu. Teknik mewarnai kain diduga menggunakan bahan-bahan alami sedangkan bahannya diperkirakan terbuat daripada kulit pohon atau binatang.

3.3.1.2. Zaman Klasik (Hindu – Buddha)

Zaman klasik (Hindu-Buddha) merupakan suatu masa yang diwarnai dengan adanya penyebaran agama Hindu dan Budha pada zaman pra Sriwijaya (abad 1 M – 7 M) dan pada zaman Sriwijaya (7 M – 13 M). Kedua-dua zaman ini memiliki relevansi

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

³⁹ *Ibid.*

erat yang turut mewarnai pentas sejarah tempatan (Sumatera Selatan), nasional, dan antarabangsa.⁴⁰

Pada masa pra Sriwijaya, masyarakat Sumatera Selatan, terutama di wilayah pesisir Timur diduga belum mengenali tulis menulis. Akan tetapi, mereka telah menguasai beberapa kemahiran, seperti membuat patung bentuk manusia dan haiwan, melukis pola-pola hiasan, mengetahui cara menuang logam, mengenal alat tukar, mengenal teknik pelayaran, dan mengenal pemukiman masyarakat.⁴¹

Di tapak penemuan benda-benda purbakala di Karang Agung Tengah, Kabupaten Musi Banyuasin dan tapak Air Sugihan yang berasal dari abad ke-4 M ditemukan pelbagai peninggalan arkeologi seperti manik-manik, gerabah, kemudi kapal dan pemukiman kuno. Meskipun tidak ada data yang menyebutkan tentang budaya berpakaian, tetapi dari analisis peninggalan arkeologi tersebut diperkirakan masyarakat di daerah ini sudah mengenal pakaian bahan sutera yang diimport dari Cina dan India. Tradisi perdagangan ini diteruskan hingga masa Sriwijaya.⁴²

Melalui perdagangan, Sriwijaya telah mengekspor pakaian kapas dan mengimport kain sutera. Hal ini menunjukkan bahawa pakaian kapas dan pakaian daripada bahan sutera diperkirakan sudah menjadi busana yang dipakai masyarakat pada masa itu. Data tentang pakaian yang dipakai masyarakat pada masa Sriwijaya juga dapat dikaji daripada peninggalan arca-arca Hindu dan Buddha yang ditemukan di beberapa tapak arkeologi di wilayah Sumatera Selatan. Arca-arca tersebut sebahagian besar menggunakan jubah dari bahan sutera. Arca-arca Hindu yang dimaksud antara lain, arca Siwa Brahma, Wisnu, Siwa Mahadewa, dan Siwa Mahaguru. Sedangkan arca-arca

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*

⁴² *Ibid.*

Buddha yang dimaksud antar lain, arca Buddha Bukit Siguntang, arca Buddha Tingkip dan arca Awalokiteswara.⁴³

Arca leluhur II (arca Hindu) yang ditemukan di situs Bumiayu, Muaraenim, bahkan diduga telah mengenakan pakaian sejenis songket. Hal ini terlihat dari pahatan corak yang berupa lupis berjajar dengan hiasan bunga-bunga di dalamnya dengan teknik mengguris yang agak dalam dan helaian kain yang terlihat agak kasar. Corak kain ini berbeza dengan kain yang dikenakan dalam arca-arca Hindu dan juga Buddha yang lainnya yang memakai jubah dari bahan sutera dengan helaian yang relatif halus. Selain itu, dalam kepercayaan Hindu mahupun Buddha dewa-dewa yang dianggap Tuhan tidak menggunakan kain berbahan benang emas melainkan sutera. Sedangkan dalam arca leluhur (nenek moyang), kerana merupakan penjelmaan tokoh manusia (bukan dewa) maka dimungkinkan mengenakan pakaian yang menggunakan bahan dasar dari benang emas (songket).

3.3.1.3. Zaman *Missing Link* (Masa Terputus/Hilang)

Perdagangan yang berlangsung antara “negeri atas angin” (bahagian Utara) dan ‘negeri bawah angin’ (bahagian Selatan), termasuk Palembang, sejak zaman Sebelum Masehi (SM) hingga zaman *missing link* di Palembang, sedikit banyak memberi pengaruh terhadap bahan dan jenis pakaian di daerah ini. Para pedagang Cina membawa sutera dalam perdagangannya. Bahkan, dalam muhibahnya, Cheng Ho membawa pula bahan ini. “.....sebagai salah satu bukti, pada tahun Yong Le pertama (tahun 1403 M) oleh Kaisar Ming dikirim utusan persahabatan ke Korea, Campa, Siam, Kamboja, Jawa, dan Sumatera dengan membawa sutera dewangga berbenang emas sebagai cinderahi.”⁴⁴

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ *Ibid.*

Bahan kain yang didatangkan dari India dan Cina ini secara terus menerus masuk ke wilayah pasar di Palembang hingga ke pedalaman. Dalam abad ke-17, orang Cina menetap di pelabuhan-pelabuhan Asia Tenggara dan melakukan perluasan empayar perniagaan secara terus-menerus ke kawasan pedalaman kerajaan besar itu. Dalam tahun 1620-an, keadaan yang sama terdapat pula di Jambi dan Palembang. Orang Cina yang biasanya di pasar dibantu oleh para isterinya yang berasal dari Sumatera, membawa kain import ke pedalaman untuk ditukarkan lada.⁴⁵

“Sutera Dewangga bersulam benang emas” ditambah perniagaan secara terus menerus hingga ke wilayah pedalaman inilah yang kemudian menjadi cikal bakal dikenalnya songket Palembang. Bagaimana bahan kain sutera dari Cina dan India, ditambah lagi sulaman emas masuk ke Palembang ini, dapatlah disimpulkan sebagai awal dari sebuah proses terbentuknya “produk budaya baru” seperti halnya produk songket di semua wilayah pesisir Nusantara. Tentu saja yang membedakan adalah hasil akhir yang merupakan pengaruh dari nilai budaya yang sebelumnya sudah ada dan berkembang di tiap wilayah itu.⁴⁶

3.3.1.4. Zaman Kesultanan Palembang Darussalam

J.L. Van Sevenhoven pada tahun 1822 menulis, “Para priyayi pada umumnya hidup dalam keadaan sangat miskin. Dari tingkat pertama, mereka memiliki beberapa kain cadar yang indah disulam dengan benang emas atau dihias dengan bunga dan gambar-gambar daripada emas. Beberapa pakaian dihias dengan renda dan terbuat dari bahan-bahan lain yang mahal harganya,”⁴⁷

J.L. Van Sevenhoven, yang pada pasca penaklukan Palembang dilantik sebagai komisaris Belanda, mendeskripsikan aktiviti perempuan di Palembang yang berhubung

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁷ *Ibid.*

kait dengan songket. “Wanita-wanita mahir membuat kraf tangan. Sutera-sutera terbaik dan kain-kain yang diselengi benang emas dibuat di sini dan dikirim ke merata-rata tempat. Mereka sangat pandai menyulam, dapat melakukan banyak pekerjaan wanita, dan melukis pelbagai bentuk dan bunga-bunga dari emas di atas kain sutera dan kapas, yang sebelumnya mereka gambar. Dari sudut ini, orang-orang Palembang benar-benar dapat dikagumi. ”Pada masa lalu, kemahiran menenun songket juga menjadi salah satu syarat bagi seorang gadis sebelum menikah. Selain untuk melihat bagaimana kerajinan dan ketelitiannya, songket yang ditennunya juga akan menjadi kain yang akan dipakai pada masa dia berkahwin kelak.⁴⁸

Pada masa kesultanan Palembang Darussalam, songket dipakai raja-raja sebagai pakaian kebesaran. Model pakaian Sultan Palembang terdiri daripada baju *kebaya landoong*, baju dalaman, dan seluar panjang (*celano belabas*), *tanjak*, dan *sandal* (selipar). Baju *kebaya landoong* terbuat daripada kain songket corak *nago besaung*, sebuah corak yang menunjukkan kekuatan istana (raja/sultan), untuk menjaga, memelihara, dan mempertahankan kekuasaannya. Sedangkan baju dalaman dan *celano belabas* berwarna kuning (melambangkan kejayaan dan kemakmuran), bahagian lutut ke bawah disulam dengan benang emas (*diankeen*) dan dihiasi corak bunga dengan tumpal puncak rebung atau corak lajur. *Celano belabas* ini dilengkapi dengan kain (*sewetrumpak*) yang dibuat dari kain tenun *tajoong* dengan corak bunga-bunga kecil dan tumpal benang emas, ada pula yang bertumpal tegak, tetapi tidak bercorak.⁴⁹

Sebagai busana pelengkap para raja/sultan, songket dengan warna cerah dan keindahan coraknya itu tidak sekadar bermakna seni dan keindahan sahaja. Terdapat juga kandungan nilai falsafah yang sangat dalam untuk setiap helaiannya. Hal ini terkait pula dengan pembentukan jatidiri baru Palembang setelah melepaskan diri dari pengaruh politik dan ideologi Mataram. Apabila kemudian songket sebagai bahagian

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Ibid.*

dari tradisi yang merupakan pembentuk “jatidiri baru” masyarakat Palembang, maka songket Palembang mengalami pergeseran dan penyesuaian corak. Jika sebelum masa Kesultanan Palembang Darussalam banyak busana yang bercorak haiwan, akhirnya disesuaikan dengan kepercayaan Islam yang melarang penggambaran bentuk haiwan. Hal tersebut juga berlaku pada songket yang ‘terpaksa’ menyesuaikan coraknya. Sebagai contoh, corak naga dalam nago besaung (naga bertarung), digambarkan dalam pola geometris, sehingga bentuknya tidak lagi benar-benar persis naga jika dilihat sepintas lalu.⁵⁰

3.3.1.5. Masa Kini

Sebagai warisan masa lalu, songket menjadi bahagian dari tradisi masyarakat Sumatera Selatan, khususnya *Wong Palembang*. Walaupun ada beberapa bahagian dari tradisi itu yang “hilang”, sebahagian lainnya masih terpelihara hingga kini. Sejak akhir abad ke-19, pada masa “kemalapan” ekonomi menimpa para bangsawan Palembang, songket menjadi (bahan) komoditi ekonomi yang cukup penting. Bermula dengan pakaian khas istana, busana tradisional ini akhirnya menjadi pakaian masyarakat di luar istana, meskipun masih terbatas dalam kalangan ekonomi berpendapatan tinggi.⁵¹

Kini, songket masih dipakai untuk upacara-upacara rasmi kerajaan tempatan, lewat pemakaian rumpak dan tanjak. Juga dalam kehidupan sehari-hari, mulai dari majlis perkahwinan, kenduri cukur rambut atau marhaban hingga khitanan. Songket juga menjadi pelengkap dalam aktiviti seni, salah satunya sebagai busana yang dipakai dalam seni tari-menari.⁵²

Masyarakat Palembang memiliki pakaian khusus pengantin yang dikenali dengan *aesan gede* dan *pa' sangkong*. Perlengkapan pakaian pengantin perempuan

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ *Ibid.*

⁵² *Ibid.*

dalam *aesan gede* terdiri daripada: *kasuhun, tebeng wool, suri penganggon, sundur, sewet songket, selendang dodot, kalung tapak jajo, terate, selempang sawit, kain pelangi, gelang kano, gelang gepeng, gelang bemato, cempako pending, kepala standan, gandek, sumping, kembang urei, gelung malang, anting-anting, kalung anak ayam dan cinela*. Sementara perlengkapan pakaian pengantin laki-laki terdiri daripada: *kopiah dan kasuhun, tebeng wool, keris, celan panjang, sewet songket, selendang dodot, kalung tapak jajo, selempang sawit, pelangi, gelang kano, gelang bemato, gelang gepeng, cincin kinjeng, gelang sempuru, saputangan, pending dan cinela*.⁵³

Adapun perlengkapan busana pengantin perempuan dalam model busana *pa' sangkong* adalah *suri penganten, sundur, cempako, pending, cucuk gelung, gandek, sumping, kembang urei, gelung malang, anting-anting, kalung tapak jajo, terate, selempang sewet, baju kurung, sewet songket, gelang kano, gelang gepeng, gelang bemato, gelang sempuru, cincin kinjeng, saputangan, dan cinela*. Sedangkan perlengkapan pakaian pengantin laki-laki adalah *Ketu, tebeng malu, keris, rompi, kelapo standan, celano panjang, sewet songket, selendang manteri, selempang sawit, badong, jubah, cincin kinjeng, gelang kano, gelang bemato, gelang gepeng, gelang sempuru, pending, saputangan, dan cinela*.⁵⁴

Seiring perjalanan waktu, songket akhirnya menjadi semacam industri yang menjana perekonomian rakyat. Daya tariknya sebagai cinder hati untuk pelancong menjadikan industri ini mengalami perkembangan yang cukup baik. Walikota (Datuk Bandar) Palembang melalui Surat Keputusan (SK) tahun 1996 menetapkan *kawasan sentra* (wilayah khas) tenun Songket di beberapa kelurahan, iaitu 30 dan 32 Ilir, serta 12, 13 dan 14 Ulu. Hingga kini unit usaha kraf tangan itu jumlahnya mencecah 300 unit.

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ *Ibid.*

Dari semua unit usaha itu, dihasilkan paling tidak 14.000 helai songket dengan omzet sekitar 4 bilion rupiah per tahun.⁵⁵

Pada masa sekarang, songket tidak hanya berfungsi sebagai benda yang mewah atau pelengkap busana yang gemerlap. Pelbagai benda cendera hati dapat dibuat dari bahan songket. Misalnya, hiasan dinding berupa kaligrafi dan kipas, kopiah, tempat tisu, tanjak, dompet, beg bimbit, selipar, gantungan kunci, dan lain sebagainya. Cendera hati ini memiliki daya tarik tersendiri bagi pelancong sehingga dapat merancakkan lagi perekonomian penenun songket di kota Palembang.⁵⁶

Berdasarkan pendapat pertama, songket dipakai oleh raja-raja sebagai pakaian kebesaran. Akan tetapi, songket yang ada pada waktu itu baru berupa selendang (Palembang: *kemben*). Songket dipakai dengan cara diletakkan di atas bahu dan kedua hujungnya menjuntai ke dada. Pada tahun 1900-an, selendang dibuatkan padanannya iaitu kain. Sedangkan pendapat kedua, meyakini bahawa penenunan songket dimulai seiring dengan maraknya perdagangan antarabangsa di Kerajaan Sriwijaya. Kedudukan Kerajaan Sriwijaya sebagai pusat perdagangan menjadikan interaksi dengan pelbagai bangsa pun berlangsung rancak. Interaksi bukan hanya sebatas transaksi perdagangan sahaja, tetapi juga persentuhan budaya yang berakibat pada pertukaran budaya ataupun saling mempengaruhi budaya. Pada masa itu, berdasarkan pendapat kedua ini, diyakini sudah ada aktiviti penenunan, iaitu tenun ikat. Akibat persentuhan budaya, orang-orang Palembang berimprovisasi dalam pembuatan bahan pakaian. Sutera yang baru dalam bentuk benang, ditenun di Palembang. Sebagai penghiasnya digunakan benang emas.⁵⁷

Songket sebagai busana keraton dan dipakai oleh raja atau sultan dan para pembesar istana serta kaum ningrat atau priyayi, dapat dilihat dalam tulisan Kapten A. Meis pada tahun 1840 sebagai bahan laporan kedatangannya ke Palembang dan Bangka

⁵⁵ *Ibid*

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ *Ibid.*

sepanjang tahun 1816—1821. Beliau menyebutkan bahwa “Pada suatu upacara kesultanan, balai upacara dihiasi dengan umbul-umbul dari kain-kain warna kuning, kerusi-kerusi kebesaran dilapisi dengan kain sutera warna kuning, *nampan* tempat surat juga dialasi dengan kain sutera kuning”.⁵⁸

Kartiwa juga menuliskan bahwa kain songket merupakan pakaian kebesaran raja dan permaisuri. Sementara untuk pakaian sehari-hari, raja dan permaisuri menggunakan bahan tenun yang lebih sederhana. J.S.G. Gramberg, sebagaimana dipetik dalam Kartiwa, menuliskan bahwa “Suatu pagi, Sultan Mahmud Badaruddin duduk di beranda dalamnya dengan memakai celana panjang yang ditutupi selembar kain hingga di bawah lutut, baju dan tutup kepala dari kain tenun yang sederhana, tetapi tidak mengurangi kewibawaannya”.⁵⁹

Dari laporan A. Meis tersebut dapat dikatakan bahwa busana yang dipakai oleh sultan pada zaman itu sangat dekat dengan tradisi Melayu yakni dengan memakai ikat kepala atau yang lebih dikenali dengan sebutan *tanjak*. Selain itu, sehelai kain hingga di bawah lutut untuk menutupi seluar panjang dapat difahami sebagai *rumpak* pada masa sekarang. Pendapat lain mengatakan bahwa pada masa kesultanan dan sesudahnya, ikat kepala yang dipakai kaum lelaki atau pembesar istana adalah ikat-ikat *pengulon*, iaitu sebutan untuk penghulu.⁶⁰ Ikat kepala atau *tanjak* ini merupakan salah satu pelengkap busana pengantin hingga sekarang. *Tanjak*, sebagai pengaruh busana Melayu, berbentuk segitiga memuncak (menanjak).

3.3.2. Alat dan Bahan Menenun Songket

Bahan baku songket adalah *pakan* dan benang emas. *Pakan* terdiri daripada dua jenis iaitu super dan sutera. Bahan super adalah sejenis *katun* tetapi tekstur dan seratnya

⁵⁸ Suwati Kartiwa, (*Ragam Kain Tradisional Indonesia: Tenun Ikat*, (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2007), 31.

⁵⁹ *Ibid.*, 32.

⁶⁰ Yudhi Syarofie, *Songket Palembang*, 28.

sedikit berbeza. Pilihan atas *pakan* super dibanding katun didasarkan pada pertimbangan hasil akhir tenunan, yang diharapkan memiliki kelenturan tetapi tidak terlalu lembut. Bahan ini juga memiliki keunggulan ketika digabungkan dengan benang emas yang bertekstur unik. Sedangkan bahan sutera memiliki mutu yang lebih tinggi dibandingkan dengan bahan super. Sesuai dengan namanya, bahan sutera terbuat dari kepompong ulat sutera. Oleh itu, songket yang berbahan asas sutera harganya lebih mahal dari songket yang berbahan *pakan* super.⁶¹

Adapun benang emas sebagai bahan asas songket selalu mengalami perkembangan dari masa ke masa. Benang emas yang dipakai pada umumnya adalah jenama *sartibi*, *maksilon*, dan *jeli*. Selain itu, ada juga jenis benang emas yang dipakai iaitu benang emas India dan Jepun. Dua jenis benang emas ini sudah jarang digunakan kerana songket yang dihasilkannya terlalu berat. Benang emas adalah benang berwarna keemasan yang memberikan aksentuasi bagi tampilan songket. Dengan benang ini, corak-corak songket dimunculkan. Sehingga, tidaklah berlebihan bila pilihan bahan menjadi ukuran kualiti dan harga produk songket.⁶²

Seiring kemajuan zaman, benang emas juga mengalami perkembangan. Kemunculan benang emas *kristal* menjadikan songket semakin menawan. Kelebihan benang ini adalah tampilan warna keemasannya yang lebih cerah dan lebih menonjol dibandingkan dengan *sartibi*, *maksilon*, dan *jeli*.⁶³

Benang emas terkini yang menjadi trend bagi pecinta songket adalah *berlian*. Dari segi kualiti, benang ini setingkat lebih tinggi dibanding *kristal*. Ukuran kualiti dapat dilihat dari produk yang dihasilkan. Aksentuasi corak dengan benang emas jenis ini tampak sangat menyerlah.⁶⁴

⁶¹ *Ibid.*,45.

⁶² *Ibid.* . 47.

⁶³ *Ibid.*45.

⁶⁴ *Ibid.*

Terdapat satu jenis songket yang bernilai amat tinggi, yaitu songket *jantung*. Secara fizikal, benang emas pada songket jenis ini tampak menyerupai dawai jenis lembut. Warna emasnya terhasil daripada pencelupan benang ke dalam larutan serbuk emas tulen. Sekarang, benang emas jenis ini tidak diproduksi lagi. Kalaupun ada songket jenis ini, prosesnya adalah “kitar semula” iaitu dengan mengurai benang pada songket yang telah berusia ratusan tahun satu persatu lalu ditenun kembali pada pakan sutera.⁶⁵

Alat-alat yang digunakan untuk menenun songket adalah *lungsen, dayan, gedogan, suri, beliro, anak beliro (pemipilan), buluh penahan, penyincing, apit, por, undaran, kelosan, peleting, kerompong* serta *rogan*. Data ini berdasarkan hasil wawancara dengan responden.⁶⁶

Adapun rincian penjelasannya sebagai berikut:

1. *Lungsen* adalah sebutan untuk rangkaian benang pakan panjang yang telah disusun dengan kemas. Helaian benang yang tersusun ini telah lengkap dengan lidi-lidi yang dipasang sebagai proses pen-*cukit*-an. Dengan susunan saling silang sedemikian rupa, penenun hanya akan melakukan hentakan-hentakan *beliro* dan silih berganti memasukkan benang pakan pendek serta benang emas ke dalam *lungsen*.⁶⁷
2. *Dayan*, merupakan salah satu perangkat pokok alat tenun songket berupa sekeping papan yang digunakan sebagai tempat menggulung *lungsen*. Penempatan helaian benang panjang di papan ini dilakukan sebelum proses *cukit*. Kayu yang dipakai sebagai bahan pembuat *dayan* biasanya sejenis kayu yang kuat dan awet tetapi tidak terlalu berat, seperti meranti. Jumlah helai

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ Wawancara dengan Haulah Abdullah, penenun songket, tanggal 29 Juni 2007 pukul 13 s/d 15 WIB di Palembang.

⁶⁷ Yudhy Syarofie, *Songket Palembang*, 49.

benang yang ditempatkan di *dayan* akan menentukan apakah songket yang dihasilkan berupa kain atau selendang.⁶⁸

3. *Gedogan*, secara harfiah, *gedogan* dapat diertikan sebagai dudukan atau tempat untuk mendudukkan. Alat ini merupakan tempat untuk meletakkan *dayan*. *Gedogan* berbentuk sepasang papan tebal dalam posisi tegak. Bahagian atasnya diberi belahan berbentuk memanjang dengan bahagian atas terbuka untuk memasukkan *dayan*. Masing-masing papan ini diletakkan sekali dengan kayu berbentuk balok yang berfungsi sebagai penahan *lungsen* atau bahan pakan songket dengan segala aktiviti di atasnya. Kayu yang dipakai biasanya kayu *unglen* kerana jenisnya yang kuat dan awet sehingga dapat bertahan hingga puluhan bahkan ratusan tahun.⁶⁹
4. *Suri*. Dalam bahasa Palembang, *suri* bererti sikat. Alat ini memang menyerupai sikat tetapi kedua hujungnya ditutup. Kerapatan bilah-bilah halusanya juga menjadi penentu kualiti tenunan yang dihasilkan. Suri terbuat daripada bahan buluh sepanjang sekitar 10 cm yang diraut sangat halus. Kedua ujung bilah-bilah buluh ini kemudian “dijahit” satu sama lain, lalu “diikat” dengan tangkupan dua bilah buluh atau belahan rotan. *Suri* yang dipakai untuk menenun kain songket atau selendang berbeza kerana berbeza saiznya. *Suri* yang ditempatkan di *lungsen* kain berukuran panjang 90 cm, sedangkan untuk selendang, *suri* berukuran 45 cm dan 60 cm. Dua saiz yang berbeza ini disesuaikan dengan kecenderungan pemakai songket kerana ada yang menyukai saiz lebar dan ada yang menyukai saiz biasa untuk disesuaikan dengan busana yang dipakai.⁷⁰
5. *Beliro*, adalah alat yang dipakai untuk memadatkan benang hingga menjadi kain. Melalui hentakan kayu yang agak tipis dan berat ini, benang emas ataupun

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ *Ibid.*,50.

⁷⁰ *Ibid.*,51.

pakan yang digulung pada *peleting* pun menyatu dengan benang di *lungsen*. *Beliro* biasanya terbuat dari *unglen* dan ada juga yang dibuat dari *nibung* yang kuat dan berat agar hasil hentakannya bagus. Di samping itu, kayu ini juga dapat menjaga agar warna dan kualiti benang tidak berubah kerana sebagai alat untuk memadatkan benang dengan cara dihentakkan, gesekan antara kayu dengan benang dapat mengubah warna atau kualiti benangnya.⁷¹

6. *Pemipilan* atau *anak beliro*. Alat ini menyerupai *beliro* tetapi ukurannya lebih kecil dan lebih tipis. Bahannya adalah kayu yang ringan seperti kayu pulai, tetapi sekarang ada yang menggunakan bahan kayu lapis. *Pemipilan* berfungsi untuk menahan benang pakan panjang ketika penenun akan memasukkan benang pakan pendek. Caranya, *anak beliro*(*pemipilan*) dipasang tegak di antara dua susunan benang pakan.⁷²
7. *Buluh penahan*, sepotong lalu sepotong buluh kuning sepanjang 1 meter ini tidak berguna. Akan tetapi, benda ini ternyata memiliki fungsi yang sangat penting dalam proses penenunan kerana penenun tidak dapat bekerja tanpa bantuan potongan buluh ini. Buluh yang digunakan berukuran kecil dan lurus yang berfungsi sebagai pembuat dan pembuka jarak antara *lungsen* yang alur-alurnya telah terbentuk oleh *cukit*-an. Pada saat akan memasukkan benang pakan pendek atau benang emas, potongan buluh ini dimasukkan ke dalam jalinan *lungsen*. Dengan demikian, akan kelihatan apakah ada jalinan benang yang putus untuk disambung dengan simpul khusus, ataukah ada bahagian *lungsen* antara atas dan bawah yang menyatu. Jarak atas dan bawah yang terbentuk oleh *buluh penahan* ini, kemudian dimasukkan *pemipilan*.⁷³

⁷¹ *Ibid.*

⁷² *Ibid.*, 52.

⁷³ *Ibid.*

8. *Penyincing*, alat ini dipakai untuk mengangkat dan mengikat benang di jalinan *lungsen* sesuai dengan rancangan coraknya (*cukitan*). *Penyincing* dibuat dari rotan atau buluh betung yang diraut. Benang *gun*, iaitu benang Jepun yang dijalin di antara *lungsen* sebagai hasil *cukit-an*, ditempatkan. Ketika akan memasukkan benang emas atau benang pakan, *penyincing* diangkat sehingga benang yang dimasukkan sesuai dengan alur corak.⁷⁴
9. *Apit*, adalah kayu panjang penahan *longsen* dan *dayan*. Bahagian hujung *longsen* direkatkan ke *apit* dengan bentang yang sama dengan bentang *longsen* di pangkal *dayan*. *Apit* juga berfungsi sebagai penggulung bahan tenunan yang sudah menjadi “daging” kain.⁷⁵
10. *Por*, iaitu alat yang melengkapi peralatan tenun songket ini berfungsi sebagai “pengikat” antara *lungsen* dan penenunnya. *Por* berukuran sekitar 75 cm, berbentuk pipih melengkung dan melebar pada bahagian tengahnya. Bentuk melengkung dan melebar ini bertujuan untuk menyatukan bentuk antara *por* dengan tubuh penenun agar penenun merasa selesa ketika melakukan aktiviti menenun yang mengambil masa berjam-jam. Pada kedua ujung *por* ini, terdapat *pentolan* untuk mengikat atau mengaitkan tali dari kayu penahan (*apit*) di hujung *lungsen*. Pada umumnya, *por* dibuat dari kayu nibung.⁷⁶
11. *Undaran*, alat ini berfungsi sebagai penggulung benang pakan setelah proses pewarnaan. Di bahagian tengah potongan kayu yang dipasang bersilangan ini dibuat lubang yang longgar, lalu diberi *as* sebagai pengikat. Dengan demikian, *undaran* dapat dipusingkan sesuai kehendak penenun.⁷⁷

⁷⁴ *Ibid.*,53.

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ *Ibid.*, h. 54

⁷⁷ *Ibid.*

12. *Kelosan*, dipakai untuk memindahkan benang pakan dari *undaran* atau memindahkan benang emas dari gulungan dalam kemasannya. Pada masa lalu, *kelosan* terbuat daripada kayu, sekarang dengan alasan yang lebih mudah bagi pemindahan benang dari *undaran* cukup dilakukan dengan sebuah tin.⁷⁸
13. *Peleting* dan *kerompong*. *Peleting* adalah alat untuk menggulung benang dengan teknik tersendiri. Sedangkan *kerompong* adalah tempat memasukkan gulungan benang pakan di *peleting*. *Peleting* terbuat dari kayu yang dibuat berbentuk silinder dengan bahagian pangkal kecil dan makin membesar di bahagian hujungnya. Bentuknya mirip dengan tongkat pemukul *drum*, panjangnya tidak melebihi 30 cm. Sedangkan *kerompong* terbuat daripada satu ruas buluh kuning di mana salah satu hujungnya dibiarkan buntu (tertutup) dan hujung yang lain ditebuk (terbuka). *Kerompong* atau tabung buluh ini hanya untuk memasukkan benang pakan yang sudah digulung dengan *peleting* saja, sedangkan benang emas yang telah digulung dengan *peleting* tidak perlu dimasukkan ke *kerompong*. Hal ini kerana proses memasukkan benang emas ke antara jalinan *lungsen* dilakukan dengan cara penyusuran di antara celah sesuai alur yang telah dibentuk oleh proses *cukit-an*.⁷⁹
14. *Rogan*, biasa juga disebut sandaran *beliro* yang banyak dipakai hingga era 1970-an. Sekarang, agak sukar menemukan benda ini kerana penenun lebih banyak menggunakan potongan balok kayu yang lebih praktikal. Pada masa lalu, sandaran *beliro* dibuat dari potongan buluh betung satu ruas dengan buku di kedua hujungnya. Buluh ini menyerupai semacam tabung.⁸⁰ Potongan buluh itu diberi dua “kaki” untuk ditegakkan di atas semacam balok. Benda ini ditempatkan di sisi penenun, iaitu sisi yang jauh dari dinding atas penyekat

⁷⁸ *Ibid*

⁷⁹ *Ibid.* h. 55

⁸⁰ *Ibid.* 56.

ruang lainnya. Dengan posisi ini, *beliro*, *penyincing*, dan buluh penahan dapat langsung diluncurkan dari *lungsen* untuk “mendarat” di atasnya. Hal ini memudahkan proses lanjutan ketika penenun memerlukan alat-alat yang disandarkan di atas sandaran itu.⁸¹

3.3.3. Penenun Songket Palembang

Indonesia kaya sekali dengan aneka ragam kebudayaan daerah, di antaranya kain-kain khas daerah yang memiliki corak serta bahan khas dari daerah masing-masing. Beberapa daerah di Indonesia memiliki kain khas daerah yang berupa kain tenun, di antaranya adalah kain songket Palembang. Walaupun sama-sama dibuat dengan cara ditenun, namun setiap daerah memiliki corak yang berbeza. Begitu pula dengan kain songket Palembang.

Kain songket merupakan sejenis kain tenun tradisional yang dibuat/ditenun dengan menggunakan tangan (*handmade*). Kain songket Palembang ini biasa digunakan di acara-acara rasmi. Kain Songket memberikan nilai tersendiri yang dapat menunjukkan “kebesaran” bagi orang-orang yang mengenakan dan membuatnya. Rangkaian benang yang tersusun dan teranyam rapi dengan pola simetris itu, menunjukkan bahawa kain songket dibuat dengan kemahiran masyarakat yang lebih dari sekedar memahami cara untuk membuat kain, akan tetapi keahlian dan ketelitian itu telah mendarah daging.

Lestarinya kain songket mutlak disebabkan kerana adanya proses pembelajaran antara generasi. Selain itu, songket tidak hanya sehelai kain benda pakai, songket adalah simbol budaya yang telah merasuk dalam kehidupan, tradisi, sistem nilai, dan sosial masyarakatnya. Gemerlap warna serta kilauan emas yang terpancar pada kain songket, pada masa lalu bahkan membuktikan sebuah simbol kekayaan suatu daerah. Kain-kain semacam ini digunakan oleh kalangan istana dan para pejabat. Oleh itu, songket dapat dijadikan sebagai barangan perniagaan yang sangat berharga, mewah dan berkelas.

⁸¹ *Ibid.*

Songket Palembang merupakan warisan dari kejayaan kerajaan Sriwijaya pada abad ke-9 Masehi. Kerajaan yang berdiri pada abad ke-7 ini pada perkembangannya kemudian mampu menguasai lalu lintas perdagangan di Selat Malaka, hingga mempunyai pengaruh cukup kuat di wilayah India dan Cina.

Sebagai wilayah yang dijuluki *Swarnadwipa* (Pulau emas), di bawah naungan kerajaan yang berkuasa ketika itu emas sebagai logam mulia, telah memainkan peranannya yang penting. Begitu kayanya dengan emas, konon Raja Sriwijaya tiap harinya membuang sebongkah emas ke sebuah kolam dekat istananya, begitulah menurut khabar orang-orang Cina yang pada masa itu aktif melakukan perdagangan dengan Sriwijaya. Jaringan perdagangan antarabangsa ini membawa pengaruh besar dalam hal pengolahan kain tradisional mereka. Pada perkembangannya, bahan yang digunakan untuk membuat songket mendapat kiriman dari pelbagai daerah.

Selain sebagai bandar dagang, Palembang pada masa Sriwijaya berkuasa juga merupakan pusat kegiatan agama Buddha terbesar di zamannya. Bahkan, tempat singgah para pelancong dari berbagai tempat. Keadaan ini terjadi kerana wilayah Sumatera merupakan wilayah yang telah membuka diri terhadap kedatangan “pihak asing”. Dengan begitu, adanya hubungan interaksi dengan dunia luar secara tidak langsung mempengaruhi budaya tempatan. Meskipun begitu, Songket tetaplah ciri khas yang tidak ditemukan di wilayah lainnya dan mengisi khazanah kekayaan budaya masyarakat tempatan, yang masih dirasakan sehingga sekarang.

Bagi mengetahui lebih mendalam mengenai karakteristik penenun, penyelidik melihat lebih jauh mengenai aktiviti sehari-hari. Dari pemerhatian turut serta dapat diperkatakan bahawa kehidupan penenun songket sama seperti kehidupan masyarakat pada umumnya. Mereka memiliki masalah baik masalah keluarga, peribadi atau kewangan, tetapi yang menarik perhatian, mereka berkerja seperti tanpa beban. Penenun songket ternyata tidak bersikap pasif menerima nasib begitu saja.

Penenun songket memiliki rasa tanggungjawab yang tinggi baik terhadap tugasnya sebagai penenun mahupun tugasnya sebagai hamba Allah SWT. Pada masa bekerja, mereka bekerja dengan sungguh-sungguh. Penyelidik melihat para penenun tidak memakai tudung ketika bekerja dengan alasan semua penenun adalah wanita. Terbukti di tempat menenun tidak ada seorang pun laki-laki yang turut bekerja. Penenun laki-laki biasanya bekerja di rumahnya. Ketika waktu solat tiba, mereka rehat sejenak untuk melaksanakan solat sendiri-sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa penenun songket bertanggung jawab terhadap pekerjaan dan tidak melalaikan tugas sebagai hambaNya.

Penenun songket sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh dalam bekerja meski tidak diawasi. Mereka bekerja secara wajar dan sesuai kemahirannya dengan harapan menghasilkan kain songket terbaik. Mereka dapat bekerja sambil bersenda gurau atau menyanyi meskipun pekerjaan mereka tidak mudah. Mereka tetap gigih bekerja meskipun berdepan dengan sebarang masalah. Mereka bersyukur dengan kemahiran yang mereka miliki iaitu menenun songket yang digunakan untuk mencari rezeki. Aktiviti yang paling sering dilakukan untuk mengisi waktu luang adalah bermain telepon bimbit.

Penenun berkeinginan untuk menjadi pengusaha bukan hanya sekadar penenun songket sahaja.⁸² Mereka mengetahui bahawa keadaannya tidak akan berubah jika ia sendiri tidak berusaha untuk mengubahnya. Mereka secara aktif mencari rezeki halal dengan mengambil upah dengan menenun songket. Dengan demikian, secara sedar mereka telah melaksanakan perintah Allah SWT untuk mencari rezeki dalam memenuhi keperluan mereka dan dapat diperkatakan bahawa mereka merasa puas hati dan berbangga apabila memiliki penghasilan sendiri dan dapat membantu ibubapanya.

⁸² Temubual dengan Lutpi, penenun songket, 26.10. 2015, pukul 3 s/d 4 petang

Terdapat penenun songket yang kemudian berjaya menjadi pengusaha songket kerana berusaha dengan sungguh-sungguh. Hal ini dapat diketahui dari hasil temubual dengan Cek Ipah,⁸³ pengusaha songket yang sangat terkenal di Palembang. Menurutnya:

“Usaha ini sebenarnya sudah dirintis oleh orang tua saya, saat itu memang belum maju seperti sekarang ini. Produksinya hanya sekitar lima pasang. Kalau sekarang dapat mencapai 30 atau 40 pasang. Kami punya toko sendiri bahkan kami punya usaha lain yang berkaitan dengan budaya Palembang seperti perlengkapan pernikahan adat Palembang mulai dari pakaian adat hingga dekorasi pelaminan. Anak-anak saya juga sudah buka usaha masing-masing, ya masih berkaitan dengan songket juga. Katakanlah mereka itu sebagai generasi penerus usaha tenun songket yang telah dirintis oleh orang tua saya. Untuk memasarkan songket ini senang-senang susah. Dikatakan susah kerana harga songket relatif mahal, jauh di atas harga rata-rata kain yang bermutu bagus. Dikatakan senang, kalau kita pandai mencermati pasar. Kita harus cerdik melihat peluang. Kalau kami sudah menjalin kerjasama dengan pihak pemerintah, perusahaan-perusahaan besar seperti PT. Pusri dan juga wartawan. Jadi kalau mereka ada tamu dari luar Palembang mahu cari songket, mereka datang ke sini. Enaknya, biasanya mereka beli banyak dan tidak kisah dengan harga yang mahal, mereka ambil saja yang mereka sukai.”

Selain Cek Ipah, Wiwid juga sudah menjadi pengusaha songket. Hal ini diketahui dari jawaban berikut:

“Aku sejak kecil sudah terbiasa melihat orangtuaku menenun, sekali-sekali aku belajar menenun pula. Akhirnya, aku dapat menenun sendiri. Kata Ibu,

⁸³ Temubual dengan Cek Ipah (63 tahun), pengusaha tenun songket, 25.6. 2007 pukul 9 s/d 12 di Palembang

kalau dapat menenun senang cari wang karena harga songket mahal, makanya saya tertarik. Semasa gadis, aku menenun sahaja tetapi setelah bersuami aku mulai belajar berniaga songket sedikit demi sedikit. Alhamdulillah kini usaha maju dan sudah sering mengikuti pameran di luar negara seperti Singapura dan Malaysia. Pekerja tetap ada sepuluh orang yang datang setiap hari ke rumah untuk menenun, yang tidak tetap ramai. Mereka mengambil upah menenun dan dibawa ke rumah mereka masing-masing. Setelah jadi songket baru dihantar ke sini.⁸⁴

Penenun bekerja sungguh-sungguh. Waktu kerja mereka bekerja, waktu rehat mereka rehat untuk makan dan solat dan kalau masih ada waktu berbaring sebentar. Kalau waktu rehat sudah habis, mereka bekerja lagi. Mereka sangat peduli dengan teman, kalau ada yang perlu bantuan mereka dengan suka cita membantu.

Mereka sibuk bekerja sehingga tidak ada masa untuk mencampuri urusan orang lain. Mereka berusaha bekerja cepat supaya cepat selesai, kerana kalau pekerjaan sudah selesai mereka akan menerima upah (mendapat wang). Kalau sibuk mencampuri pekerjaan orang lain, kerja jadi lambat akibatnya lambat pula mendapat wang. Penenun selalu berusaha untuk segera menyelesaikan pekerjaannya. Untuk melawan rasa malas mereka berinisiatif untuk berlumba agar pekerjaan segera selesai. Pemenang lumba akan dijamu dengan makanan khas Palembang (*tekwan, model dan pempek*). Selain dijamu, penenun juga akan mendapat upah segera apabila pekerjaannya selesai. Dengan demikian, inisiatif penenun untuk berlumba adalah sangat positif untuk memotivasi penenun agar cepat menyelesaikan tugasnya.

Kemahiran menenun songket sudah diajarkan dari nenek moyang. Hal ini diketahui dari temubual dengan penenun yang menjawab:

⁸⁴ Temubual dengan Wiwid (34 tahun), pengusaha songket (pemilik Songket Mawar) tanggal 30.3.2011 jam 16 s/d 18 di Palembang.

“Aku menenun songket sejak muda lagi kerana sudah dari nenek moyang diajari keahlian itu, senang saja melihat mereka bekerja. Suaranya klak, klak, klak seperti itu, terkadang pagi, siang atau sehabis subuh sehingga tertarik untuk belajar. Bagaimana ya....., pekerjaan ini sudah kami dapatkan dari orang-orang tua dulu. Sudah menjadi tradisi turun temurun. Mulai dari ibu kami sudah seperti ini. Jadi, kerana kebiasaan dari keluarga, ya kami hanya meneruskan sahaja, seperti itu. Sudah beranjak gadis kata orang tua kita harus mahu melakukan (menenun) songket.”

Responden memberikan jawapan yang menjelaskan bahawa menenun songket sudah diajarkan sejak menginjak usia belia. Kemahiran menenun songket didapatkan dari keluarga terdekat. Dahulu, ada adat pingitan, di mana anak gadis dalam pingitan diajarkan berbagai kecekapan seperti mengaji, menenun dan memasak. Pada awalnya, adat pingitan bertujuan untuk membekali kaum wanita dengan kecekapan agar mudah mendapatkan jodoh. Tetapi secara hakekatnya, produktiviti kaum wanita selama menjalani budaya pingitan membuat kaum wanita menjadi berdikari. Hasil kerja mereka seperti tenun songket menjadi milik mereka sepenuhnya sehingga apabila songket yang bernilai ekonomi tinggi tersebut dijual, maka wang dari hasil penjualan tersebut menjadi haknya. Jadi, adat pingitan zaman dahulu di satu pihak bernilai positif iaitu melestarikan budaya leluhur yang kemudian dapat menjana perekonomian keluarga. Namun, kini budaya pingitan sudah tidak ada lagi sehingga kemahiran menenun songket didapatkan tidak saja dari keluarga terdekat tetapi juga dari persekitaran yang lebih luas. Satu yang dapat dipastikan iaitu budaya tenun songket masih bertahan hingga kini.

Menurut responden lagi;

“Cuma ini sahaja kemahiran saya. Saya tidak memiliki kemahiran lain. Kemahiran ini diajarkan oleh orang tua dapat juga diajarkan oleh anggota keluarga lain. Di masyarakat kami, kalau tidak pandai menenun atau

kemahiran lain susah mahu berkahwin. Apalagi kalau wanita pemalas, dapat sahaja ia tidak akan berkahwin atau jadi perawan tua. Kalau sudah begitu, keluarganya akan mendapat malu.”

Penenun songket Palembang bekerja sesuai dengan keahliannya, tekun, teliti dan sabar. Hal ini amat dititikberatkan dalam ajaran Islam yang menekankan kekuasaan Allah SWT sebagai asas dalam menjalani kehidupan sehingga penenun songket terdorong bekerja keras dalam mencari rezeki yang halal.

Songket dibuat dengan kemahiran masyarakat yang memahami pelbagai cara untuk membuat kain bermutu, sekaligus mampu menghias kain dengan beragam reka bentuk. Songket merupakan rangkaian benang yang tersusun dan teranyam menurut pola simetris dan terkesan halus dan rumit sehingga memerlukan kadar kesabaran dan seni yang baik.

Kemahiran menenun didapatkan dari ibu atau nenek mereka sehingga kemahiran menenun dapat lestari hingga kini. Dengan demikian, tidak hairan apabila sebahagian besar responden mengungkapkan bahawa kecekapan menenun didapat dari keluarga sendiri. Hasil daripada rangkaian temubual menunjukkan bahawa faktor keluarga sangat berperanan dalam proses sosialisasi kemahiran tenun songket. Kemahiran menenun diajarkan oleh ibu kepada anaknya atau dari nenek kepada cucunya atau dari saudara ibu kepada anak buahnya. Hal tersebut dimungkinkan kerana pada zaman dahulu sistem kekerabatan masyarakat Palembang menganut pola keluarga luas (*extended family*) sehingga satu rumah dapat dihuni oleh empat generasi iaitu *misan*, *mindu*, dan *mentelu*.⁸⁵

Proses sosialisasi yang umum digunakan pada zaman dahulu adalah melalui *pemingitan* anak gadis. Zaman sekarang tidak ada lagi *pemingitan*, tetapi dua generasi

⁸⁵Nengyanti, dkk., “Sosok Wanita dalam Pandangan Budaya Masyarakat Palembang” (Palembang: Pusat Studi Wanita Universitas Sriwijaya, 1991), 13.

di atas generasi sekarang, iaitu ibu atau nenek mereka ternyata masih ada yang mengalami *pemingitan*. *Pemingitan* adalah suatu kebiasaan atau budaya yang menerapkan pola pendidikan yang berbeza dengan zaman sekarang, di mana anak gadis yang telah memasuki usia tertentu dilarang ke luar rumah. Kalau anak gadis akan ke luar rumah, maka harus ditemani oleh ibubapanya atau saudaranya.

Selama menjalani proses *pemingitan*, anak gadis diajari bermacam kecekapan rumah tangga, adab sopan santun, ibadah solat dan mengaji. Kecekapan rumah tangga yang diajarkan diantaranya adalah membuat berbagai macam makanan. Dua bahan pokok iaitu tepung sagu dan ikan diolah menjadi berbagai macam makanan, seperti *model*, *tekwan*, *celimpungan*, *laksan*, *pempek*, *otak-otak*, *kerupuk* dan *kemplang*.

Selain membuat makanan, gadis *pingitan* juga diajari menjahit, menyulam, dan menenun songket. Kemahiran gadis *Plembang* dalam menenun terkenal dan dikagumi oleh orang Belanda. Dalam tulisan JI Van Sevenhoven, sebagaimana dipetik oleh Nengyanti mengatakan bahawa:

“Sutera-sutera terbaik dan kain-kain diselingi benang emas dibuat di sini dan dikirim ke mana-mana. Mereka sangat pandai menyulam, meniru berbagai pekerjaan wanita dan melukis berbagai kegiatan bentuk bunga-bunga dari benang emas di atas kain sutera dan katun yang sebelumnya mereka gambar”.⁸⁶


Dari pemerhatian turut serta dapat pula diperkatakan bahawa penenun songket hidup sederhana, baik dilihat dari pakaian yang dikenakan, makanan ataupun dalam aspek perbincangan mereka. Mereka bercerita tentang kehidupan yang dijalani setiap hari, bermula dari bangun tidur, solat subuh, memasak atau membasuh pakaian, mandi, sarapan lalu pergi kerja (menenun). Apabila tidak bekerja, mereka hanya rehat di rumah sahaja, nonton televisyen atau bermain telepon bimbit. Di tempat kerja mereka tampak

⁸⁶Dokument Museum Tekstil Sumatera Selatan

ceria dan bekerja dengan tekun, tidak tampak wajah sedih atau marah. Mereka ramah dan mahu diajak berbual sambil mereka bekerja.


Dengan demikian dapat dipahamkan bahawa kehidupan penenun songket tidaklah mewah, mereka orang-orang sederhana yang bekerja dengan sungguh-sungguh untuk menghasilkan songket yang indah. Mereka memiliki kemahiran menenun kerana diajarkan oleh keluarga. Di antara mereka ada yang memiliki keinginan untuk menjadi pengusaha.

3.4. PETA KAWASAN KAJIAN



Rajah 3.1: Peta Kawasan Kajian

3.5. Peta Kawasan Pembuatan Songket Palembang



Rajah 3.2: Peta Kawasan Pembuatan Songket Palembang

BAB IV: ANALISIS PENGARUH ETIKA ISLAM TERHADAP ETOS KERJA PENENUN SONGKET PALEMBANG

4.0. PENGENALAN

Bab ini menghuraikan data dapatan kajian yang diperoleh di lapangan. Huraian amat penting terutama bagi mendapatkan gambaran tentang beberapa karakteristik dari setiap pemboleh ubah yang dikaji, sama ada pemboleh ubah bebas iaitu etika Islam mahupun pemboleh ubah tergantung iaitu etos kerja. Karakteristik yang dimaksud iaitu *distribution* skor pemboleh ubah yang diwujudkan dalam bentuk skor rata-rata (*mean*), *modus/mode* (data yang paling sering muncul), *median* (skor pertengahan), standard deviasi (simpangan baku), serta *variance* (ragam pemboleh ubah). Di samping itu juga, pada bab ini diujikan validiti dan keandalan instrumen sebelum dilakukan perhitungan persyaratan analisis, iaitu ujian normaliti, sebagai syarat untuk menguji hipotesis yang diajukan. Sedangkan pada bahagian akhir bab dengan menguji hipotesis yang diikuti dengan pembahasan dapatan kajian.

Untuk melihat pengaruh Etika Islam terhadap Etos Kerja Penenun Songket Palembang, telah dilakukan kaji selidik terhadap 100 orang responden dengan menyebarkan soal selidik. Sehingga pada kajian ini ada tiga pemboleh ubah yang diamati/dikaji, iaitu: pemboleh ubah bebas, pemboleh ubah tergantung, dan pemboleh ubah yang diamati. Sebagai pemboleh ubah bebas adalah etika Islam (X), pemboleh ubah tergantung adalah etos kerja penenun songket (Y) sedangkan pemboleh ubah yang diamati adalah penenun songket Palembang, di mana masing-masing pemboleh ubah akan diukur dengan alat soal selidik dengan memberikan beberapa item pertanyaan/pernyataan.

4.1. HASIL DAN PEMBAHASAN

4.1.1 Etos Kerja Penenun Songket Palembang

Songket merupakan sebuah hasil seni budaya yang tidak dapat dilepaskan dari aspek kesejarahan. Kerana keunikan reka bentuk yang diciptakan pada setiap sulaman songket selalu selari dengan perkembangan kreativiti para penenun dari masa ke masa, sehingga dapat menghasilkan karya seni yang bercita rasa tinggi. Proses pembuatan songket yang sukar dan perlu masa yang lama memerlukan kesabaran, ketelitian dan pengetahuan yang lengkap mengenai songket sehingga identiti songket sebagai ciri khas tempatan dapat tetap dipertahankan.

Selain mengekalkan budaya tempatan, ternyata produktiviti setiap penenun dipengaruhi oleh alasan dan motivasi yang melatarbelakanginya. Motivasi mereka bekerja untuk ibadah dan menjana ekonomi keluarga. Apabila motivasinya adalah untuk ibadah dan memenuhi keperluan ekonomi keluarga, maka produktiviti mereka akan tinggi kerana semakin banyak hasil tenunan maka pahala dan upah yang mereka dapatkan akan semakin banyak pula. Hal ini terungkap dari hasil temubual dengan beberapa responden yang mengakui bahawa mereka bekerja kerana motivasi ibadah dan untuk membantu ekonomi keluarga. Ada yang terbantu sebahagian dan banyak juga yang terbantu sepenuhnya. Mereka yang mengaku terbantu sebahagian biasanya belum lama bekerja menenun, sedangkan yang mengaku terbantu sepenuhnya biasanya sudah lama bekerja bahkan sudah memiliki syarikat tenun songket sendiri. Ini selari dengan keyakinan mereka bahawa membantu keluarga dan ekonomi keluarga amat dituntut oleh agama dan lebih luas lagi akan meningkatkan lagi ekonomi umat Islam.

Penenun songket selalu berusaha untuk menghasilkan kain songket yang indah. Untuk menghasilkan kain songket yang indah perlu ketekunan, ketelitian dan kesabaran. Itulah inti dari etos kerja Islam, usaha yang keras untuk mendapatkan hasil terbaik. Penenun songket sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh dalam bekerja meski tidak

diawasi. Mereka bekerja secara wajar dan sesuai keahliannya dengan niat menghasilkan kain songket terbaik. Etos kerja yang ditunjukkan oleh penenun songket tentu tidak lari dari ajaran agama yang mereka anuti iatu Islam. Mereka yakin bahawa bila berusaha dengan sungguh-sungguh dan dengan niat baik, maka akan diberi Allah SWT imbalan berupa rezeki yang halal dan pahala.

Kehidupan penenun songket sama seperti kehidupan masyarakat pada umumnya. Mereka memiliki masalah baik masalah keluarga, peribadi atau kewangan. Akan tetapi yang menarik perhatian, mereka berkerja seperti tanpa beban. Mereka dapat bekerja sambil bersenda gurau atau menyanyi meskipun pekerjaan mereka tidak mudah. Mereka tetap gigih bekerja meskipun berdepan dengan masalah. Mereka bersyukur dengan kemahiran yang mereka miliki iaitu menenun songket. Oleh itu, mereka menggunakan kemahiran itu untuk mencari rezeki yang dijanjikan Allah SWT kerana dalam firmanNya dinyatakan:

وَإِذْ تَأْتِيَنَّكُمْ لَعْنَةُ رَبِّكُمْ لِأَنَّكُمْ كَفَرْتُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan “Sesungguhnya apabila kamu bersyukur nescaya akan Aku tambahkan nikmatKu, dan apabila kamu kufur maka azabKu sangat pedih.”

(*Ibrahim / 14 : 7*).¹

Keyakinan mereka kepada janji Allah SWT membuat mereka tetap gembira dalam bekerja sehingga produktiviti mereka kekal terjaga. Dengan demikian jelas bahawa mereka bekerja dengan niat untuk membantu keluarga dan hal itu sangat dianjurkan dalam Islam. Bekerja untuk memenuhi keperluan keluarga jauh lebih baik daripada berdiam diri mengharap belas kasihan dari masyarakat sekitarnya. Hal ini sejalan dengan firmanNya:

¹Kementerian Agama RI, *Al-Qur'anulkarim : MiracleTheReference*, (Bandung: Sygma, 2011), 509

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزِنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu merasa lemah, dan jangan pula kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi derajatnya, jika kamu orang-orang yang beriman. (*Ali`Imran / 3 : 139*).²

Dari penjelasan ayat di atas dapat dikatakan bahawa penenun songket percaya pada janji Allah SWT yang akan memberikan imbalan berupa rezeki yang halal dan pahala bagi individu yang mahu bekerja keras dan niat yang benar. Semakin banyak songket dihasilkan, maka semakin banyak pula wang yang didapatkan. Tidak dinafikan bahawa faktor untuk meningkatkan ekonomi keluarga turut mempengaruhi penenun untuk produktif lagi dalam menghasilkan kain songket.

Dengan demikian, penenun songket Palembang yang memeluk agama Islam terbukti memiliki etos kerja yang tinggi. Mereka bekerja sesuai dengan keahliannya, tekun, teliti dan sabar. Hal ini amat dititikberatkan dalam ajaran Islam yang menekankan kekuasaan Allah SWT sebagai asas dalam menjalani kehidupan sehingga penenun songket terdorong bekerja keras dalam mencari rezeki yang halal.

Setiap kelompok masyarakat memiliki ciri-ciri dan budaya masing-masing. Porter dan Samovar mengatakan bahawa: “Kebudayaan adalah kumpulan simpanan pengetahuan, pengalaman, kepercayaan, nilai-nilai, sikap, pemaknaan, hirarki, agama, peranan, hubungan spasial, konsep tentang alam, dan objek material dan pemilikan yang diperolehi oleh sekelompok besar manusia sepanjang generasi”.³ Sedangkan Parsudi Suparlan mengatakan ada dua unsur pokok mengapa orang dikelompokkan ke dalam budaya yang berbeza apabila cara hidup mereka sebagai kelompok berbeza secara signifikan dengan kelompok lainnya. Pertama, budaya itu dimiliki bersama oleh

²*Ibid.*, 131.

³Larry A. Samovar & Richards E. Porter., *Intercultural Communication: A Raider*. Third Edition, (Belmont: Wadsworth Publishing Company, Inc., t.t), 31-33.

anggota-anggota kelompok itu. Kedua, budaya itu diperkenalkan oleh anggota-anggota yang lebih tua kepada anggota-anggota yang lebih muda dari kelompok itu.⁴ Dengan demikian, suatu kebudayaan dapat dilestarikan dengan jalan sosialisasi terhadap generasi penerus.

Setiap masyarakat berusaha untuk mempertahankan kebudayaan yang dimilikinya. Mempertahankan kebudayaan sangat penting kerana akan menentukan masa depan suatu masyarakat. Menurut Parson, sebagaimana dikutip oleh Koentjaraningrat bahawa ada tiga cara supaya kebudayaan kekal bertahan, iaitu melalui *internalisasi*, *sosialisasi*, dan *enkulturasi*.⁵ *Internalisasi* adalah proses belajar seumur hidup untuk menanamkan keperibadian, perasaan, hasrat, serta emosi yang diperlukan untuk menjalani hidup. *Sosialisasi* berkaitan dengan proses belajar dalam hubungan dengan sistem sosial. Proses ini dimulai dari masa kanak-kanak hingga tua iaitu belajar mengenai pola-pola interaksi dengan pelbagai individu yang menduduki pelbagai macam peranan sosial. *Enkulturasi*, adalah suatu proses penyesuaian alam fikiran serta sikap individu dengan adat, sistem norma, dan peraturan-peraturan hidup dalam kebudayaan. Proses sosialisasi adalah penting dalam kajian ini kerana keterampilan menenun didapat melalui proses belajar. Manusia belajar apa saja dari masyarakat sekitarnya, mulai dari adat istiadat, norma, sistem sosial, hingga pembahagian kerja yang berlaku dalam suatu masyarakat.

Songket dibuat dengan keterampilan masyarakat yang memahami pelbagai cara untuk membuat kain bermutu, sekaligus mampu menghias kain dengan pelbagai desain. Songket merupakan rangkaian benang yang tersusun dan teranyam menurut pola simetris dan terkesan halus dan rumit sehingga memerlukan tingkat ketelatenan dan seni yang baik. Hasil dari penelusuran wawancara menunjukkan bahawa keluarga sangat berperanan dalam proses sosialisasi keterampilan tenun songket. Keterampilan menenun

⁴Parsudi Suparlan (ed.), *Manusia, Kebudayaan dan Lingkungannya*, (Jakarta: Rajawali, 1994), 69-106

⁵Koentjaraningrat, *Pengantar Ilmu Antropologi*, (Jakarta: Aksara Baru, 1986), 223-225.

diajarkan oleh ibu kepada anaknya atau dari nenek kepada cucunya atau dari bibi kepada anak buahnya. Hal tersebut dimungkinkan kerana pada zaman dahulu sistem kekerabatan masyarakat Palembang menganut pola keluarga luas (*extended family*) sehingga satu rumah dapat dihuni oleh empat generasi yaitu *misan, mindo, dan mentelu*.⁶ Tetapi, saat ini sangat sulit menemukan rumah yang dihuni pola keluarga demikian. Paling mudah menemukan rumah dalam pola keluarga luas yang terdiri dari kakek, nenek, anak, dan cucu.

Proses sosialisasi yang umum digunakan pada zaman dahulu adalah melalui pemingitan anak gadis. Zaman sekarang tidak ada lagi pemingitan, tetapi dua generasi di atas generasi sekarang, iaitu ibu atau nenek mereka ternyata masih ada yang mengalami pemingitan. Pemingitan adalah suatu kebiasaan atau budaya yang menerapkan pola pendidikan yang berbeza dengan zaman sekarang, di mana anak gadis yang telah memasuki usia tertentu dilarang ke luar rumah. Kalau anak gadis akan ke luar rumah, maka harus ditemani oleh orang tuanya atau saudaranya.

Selama menjalani proses pemingitan, anak gadis diajari bermacam kecekapan rumah tangga, adab sopan santun, ibadah solat dan mengaji. Kecekapan rumah tangga yang diajarkan diantaranya adalah membuat berbagai macam makanan. Dua bahan pokok iaitu tepung sagu dan ikan diolah menjadi berbagai macam makanan, seperti *model, tekwan, celimpungan, laksan, pempek, otak-otak, kerupuk dan kemplang*.

Selain membuat makanan, gadis pingitan juga diajari menjahit, menyulam, dan menenun songket. Kemahiran gadis Palembang dalam menenun terkenal dan dikagumi oleh orang Belanda. Dalam tulisan JI Van Sevenhoven, sebagaimana dikutip oleh Nengyanti mengatakan bahawa:

⁶Nengyanti, dkk., "Sosok Wanita dalam Pandangan Budaya Masyarakat Palembang" (Palembang: Pusat Studi Wanita Universitas Sriwijaya, 1991), 13.

“Sutera-sutera terbaik dan kain-kain diselingi benang emas dibuat di sini dan dikirim kemana-mana. Mereka sangat pandai menyulam, meniru berbagai pekerjaan wanita dan melukis berbagai kegiatan bentuk bunga-bunga dari benang emas di atas kain sutera dan katun yang sebelumnya mereka gambar”.⁷

Kecekapan tersebut didapatkan dari ibu atau nenek mereka sehingga kecekapan menenun dapat lestari hingga kini. Dengan demikian, tidak hairan apabila sebahagian besar responden mengungkapkan bahawa kecekapan menenun didapat dari keluarga sendiri. Budaya leluhur tersebut sekaligus membuktikan etos kerja dididik kepada anak gadis. Tujuan dari budaya pingitan zaman dulu adalah untuk melestarikan adat dan tradisi. Selain itu untuk membekali anak gadis dengan berbagai kecekapan khususnya terkait tugas pokok sebagai suri rumah.

Ajaran Islam yang menempatkan anak sebagai amanah yang harus dijaga. Oleh kerana itu ibubapa memiliki kewajiban untuk mendidiknya secara benar agar anak selamat di dunia dan akherat. Mendidik anak agar selamat di dunia adalah dengan bekal ilmu dan kecekapan-kecekapan, sedangkan agar anak selamat di akhirat dibekali dengan akidah dan ilmu-ilmu agama. Hal ini sesuai dengan FirmanNya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا قُوْا اَنْفُسَكُمْ وَاٰهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا
مَلَٰئِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُوْنَ اِلٰهًا مَّا اَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُوْنَ مَا يُؤْمَرُوْنَ

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat-malaikat yang kasar dan keras, yang tidak derhaka kepada Allah terhadap apa yang Dia perintahkan kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan”(al-Tahrim/66 : 6).⁸

⁷Dokument Museum Tekstil Sumatera Selatan

⁸Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 1117

Responden⁹ menjelaskan bahawa pekerjaan menenun songket sudah diwarisi turun-temurun. Dengan demikian, dapat dikatakan bahawa keterampilan menenun songket didapatkan dari keluarga terdekat. Dahulu, keterampilan menenun dan memasak didapatkan melalui pemingitan. Jadi, pemingitan zaman dahulu di satu sisi bernilai positif iaitu melestarikan budaya leluhur yang kemudian dapat dijadikan penyokong perekonomian keluarga. Namun, kini pemingitan sudah tidak ada lagi sehingga keterampilan menenun songket didapatkan tidak sahaja dari keluarga terdekat tetapi juga dari lingkungan yang lebih luas. Satu yang dapat dipastikan iaitu budaya tenun songket masih bertahan hingga kini.

Budaya tenun songket kekal bertahan hingga kini kerana usaha gigih masyarakat untuk melestarikannya. Meskipun budaya ini sudah lama namun tetap bertahan hingga sekarang. Menariknya, dari sekian banyak hasil tenunan songket tak satupun yang bercorak haiwan. Hal ini diyakini kerana penenun songket adalah Muslim sehingga mereka enggan membuat motif haiwan kerana ajaran Islam melarangnya.

Responden¹⁰ mengatakan bahawa: “Terdapat dua pola kelompok penenun yang menentukan corak tenun songket iaitu: pertama, para penenun yang masih mengekalkan budaya masa lalu. Kedua, para penenun yang mengikuti nilai-nilai syariat Islam. Kelompok pertama mengekalkan corak kain songket dengan penggambaran makhluk hidup seperti burung, ayam, ular dan naga. Kelompok kedua lebih melestarikan dan mengembangkan corak bunga atau tumbuh-tumbuhan sebagai perlambangan daripada kehidupan. Penggunaan secara corak bunga dan tumbuh-tumbuhan pada kelompok ini berlandaskan ajaran Islam yang melarang untuk menggambarkan makhluk hidup. Hal ini dijelaskan dalam al-Hadith:

⁹Temubual dengan Aini Nungtjik (54 tahun), penenun songket, 20.4. 2009 jam 11 s/d 12 di Palembang

¹⁰Temubual dengan Wiwid, pengusaha songket (pemilik Sanggar Mawar), tanggal 2.7. 2009 jam 15 s/d 16 di Palembang.

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّهَا أَخْبَرَتْهُ أَنَّهَا اشْتَرَتْ نُمْرَقَةً فِيهَا
 تَصَاوِيرُ فَلَمَّا رَأَاهَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ قَامَ عَلَى الْبَابِ فَلَمْ يَدْخُلْهُ فَعَرَفَتْ فِي
 وَجْهِهِ الْكَرَاهِيَةَ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتُوبُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَى رَسُولِهِ ﷺ مَاذَا
 أَذْنَبْتُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَا بَأْسَ هَذِهِ النُّمْرَقَةِ قُلْتُ اشْتَرَيْتُهَا لَكَ لِتَقْعُدَ
 عَلَيْهَا وَتَوَسَّدَهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ أَصْحَابَ هَذِهِ الصُّورِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
 يُعَذَّبُونَ فَيُقَالُ لَهُمْ أَحْيُوا مَا خَلَقْتُمْ وَقَالَ إِنَّ لِلْبَيْتِ الَّذِي فِيهِ الصُّورُ لَا
 تَدْخُلُهُ الْمَلَائِكَةُ (رواه البخاري)

“Daripada Aisyah r.a, dia menjelaskan: “Aku membeli sebuah bantal bergambar. Apabila Rasulullah SAW melihatnya, beliau pun berdiri di pintu dan tidak terus masuk ke rumah. Aku menyedari air mukanya berubah, kelihatan seperti ada sesuatu yang tidak disukainya. Aku berkata: ‘Wahai Rasulullah, aku bertaubat kepada Allah dan RasulNya, (tolong beritahu aku) apakah dosaku?’ Rasulullah berkata: “Ada apa dengan bantal ini?” Aku menjawab: “Aku membelinya untuk engkau agar dapat duduk dan bersandar padanya”. Rasulullah berkata: “Pembuat gambar ini akan diazab pada hari kiamat”. Rasulullah menambah: “Malaikat (pembawa rahmat) tidak akan masuk ke dalam rumah yang di dalamnya terdapat gambar” (HR. Al-Bukhari).¹¹

Penenun songket lebih memilih corak bunga dan tumbuh-tumbuhan daripada motif haiwan kerana majoriti penenun adalah beragama Islam. Kalau pun ada yang menenun dengan motif “naga besaung” itu hanya penyebutannya sahaja sebab bila diperhatikan songket dengan corak tersebut maka tidak wujud gambaran naga pada tenunannya kerana sudah diubahsuai dengan corak lain. Tindakan ini selari dengan keyakinan penenun songket terhadap ajaran Islam yang dianutnya dan menonjolkan

¹¹Al-Imam al-Hafiz Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, (Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyah, 1998), 397, Hadith. No. 2105.

kefahamannya terhadap ajaran Islam bahawa hanya Allah SWT sahaja yang Agung dan Berkuasa.

Menurut Sultan Iskandar Mahmud Badaruddin, masyarakat Palembang dahulu selalu melakukan ritual-ritual yang bertentangan dengan ajaran Islam. Misalnya, apabila akan membangun rumah, maka akan diadakan ritual memotong kerbau. Kepala kerbau ditanam di tengah-tengah rumah sedangkan empat kakinya ditanam di empat penjuru (sudut) rumah. Kepala kerbau melambangkan kehormatan sehingga ditanam di tengah-tengah rumah sedangkan kakinya sebagai penjaga. Akan tetapi, setelah Islam datang, semua ritual itu tidak dilakukan lagi termasuk corak songket dan ukiran ikut dipengaruhi ajaran Islam. Ukir-ukiran dan songket tidak lagi memakai corak binatang kerana ajaran Islam melarang penggambaran binatang. Oleh itu, corak songket dan ukiran Palembang lebih mengutamakan corak tumbuh-tumbuhan yang sekaligus corak tersebut menggambarkan falsafah berteraskan kepada ajaran Islam.¹²

Berdasarkan beberapa perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa songket Palembang bermula sejak sebelum kerajaan Sriwijaya ditubuhkan dan berjaya menjadi kerajaan yang tersohor di Nusantara pada masanya. Songket Palembang pada mulanya hanya dibuat dan dipakai oleh kaum bangsawan dan kerabat kerajaan untuk menunjukkan kebesaran dan kewibawaan pemakainya. Songket Palembang mengalami perkembangan seiring dengan perkembangan budaya dan fahaman agama masyarakatnya sehingga songket Palembang akhirnya dapat dipakai dan dimiliki oleh masyarakat di luar kaum bangsawan dan kerabatnya.

Dengan demikian amatlah wajar sekiranya tidak ditemukan songket dengan corak haiwan kerana penenun songket memegang teguh ajaran Islam. Penenun songket

¹²Temubual dengan Sultan Iskandar Mahmud Badaruddin, tokoh masyarakat Palembang (keturunan Sultan Mahmud Badaruddin II, Sultan Palembang Darussalam), tanggal 2.3.2011 jam 9 s/d 10 di Palembang

enggan membuat motif haiwan kerana Rasulullah SAW melarangnya seperti dinyatakan dalam Hadith di atas.

4.1.2. Makna Falsafah Motif Kain Songket dan Kaitannya dengan Etika Islam

Berdasarkan data para pengkaji terdahulu dan hasil wawancara (temubual) dengan para responden, dapat diketahui bahawa ragam motif songket memiliki makna falsafah. Seni kain songket memiliki keragaman corak dan motif di dalam setiap sulaman yang digoreskan pada kain. Selain itu, ianya juga memberikan makna falsafah yang mengandungi kemuliaan dan keindahan yang tidak dapat diucapkan dengan kata-kata. Oleh itu, sesiapa yang memakai pakaian songket akan terlihat anggun dan indah.

Di antara sekian banyak kain songket, ada songket yang menjadi harta pusaka yang dikenali dengan *songket lepas* atau zaman dulu dikenali dengan sebutan "*aesan gede*". Songket ini dipakai oleh puteri-puteri raja dalam upacara kebesaran. Kelengkapan lain yang juga merupakan simbol kemewahan hingga sekarang di Palembang adalah "*aesan gande*", jenis perlengkapan pakaian yang dulu dipakai anak-anak menteri dan pembesar kerajaan di dalam upacara-upacara adat dalam istana. *Pesangko* ataupun *pesangke* dipakai oleh isteri pembesar di wilayah yang dipengaruhi oleh kerajaan Sriwijaya.¹³

¹³Temubual dengan Cek Ipah, pengusaha songket, tanggal 25.6.2007, pukul 09.00 s/d 12.00 di Palembang.



*Rajah 4.1: Sultan Iskandar Mahmud Badaruddin*¹⁴

Secara umum, dapat dikatakan bahawa songket Palembang adalah sebuah seni warisan budaya yang melambangkan seorang wanita. Hal ini tampak daripada corak yang digunakan dalam pembuatan songket. Penggunaan simbol bunga Mawar yang mempunyai makna patuh pada undang-undang atau taat pada pemerintah, bunga Melati melambangkan kesucian dan sopan santun, bunga tanjung menjadi simbol keramahan dan lambang ucapan selamat datang.¹⁵

Dalam sejarah, songket Palembang tidak hanya menunjukkan simbol upacara kebesaran kerajaan dan upacara adat sahaja, tetapi ia juga dijadikan sebagai simbol kebahagiaan dan rasa syukur kepada Allah SWT. Misalnya, dalam acara *marhaban* (upacara cukur rambut bayi), kain songket yang dibentuk segi empat daripada sutera yang disebut *singep*, dipakai sebagai alas dan penutup kepala bayi serta selendang untuk

¹⁴ Koleksi Foto Sultan Iskandar Mahmud Badaruddin

¹⁵RHM. AKIB, *Sejarah dan Kebudayaan Palembang*, (Palembang: t.p, 1975), 60.

menggendongnya. Biasanya kain-kain tersebut merupakan pemberian daripada ayah bayi yang dicukur.



Rajah 4.2: Upacara Marhaban (cukur rambut bayi)¹⁶

Dalam mewujudkan nilai-nilai ibadah dalam bekerja yang dilakukan oleh setiap manusia, diperlukan motivasi dan etika yang membingkainya, sehingga nilai-nilai luhur tersebut tidak hilang sia-sia. Di samping itu, nilai-nilai falsafah yang terkandung di dalam kain songket juga dapat dilihat daripada corak yang digunakan.¹⁷ Di antaranya adalah:

a. Bunga Melati

Corak bunga Melati melambangkan kesucian jiwa dan raga yang menumbuhkan sebuah kejujuran seorang gadis Palembang dan lambang sopan santun.¹⁸ Falsafah ini amat bersesuaian dengan ajaran Islam yang mementingkan akhlak mulia yang memancarkan etika Islam. **Menjaga sopan santun adalah hal yang sangat**

¹⁶Yudhi Syarofie, *Songket Palembang: Nilai Filosofis, Jejak Sejarah dan Tradisi*,(Palembang:Dinas Pendidikan Nasional Provinsi Sumatera Selatan, 2007), 14

¹⁷Nilai-nilai falsafah yang terkandung dalam setiap motif songket diungkapkan oleh beberapa tokoh yang berjaya dijumpai peneliti. Hal ini diketahui berdasarkan hasil temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7.2007 pukul 4 petang di Palembang

¹⁸*Ibid.*

diperhatikan dalam Islam. Islam juga menganjurkan agar dalam bergaul dengan orang lain hendaknya disertai dengan penghormatan dan sopan santun, baik dengan individu mahupun kelompok.

Etika lain dari bekerja dalam Islam adalah jujur dan amanah. Kerana pada hakekatnya pekerjaan yang dilakukannya tersebut merupakan amanah, baik secara langsung dari atasannya atau pemilik usaha, mahupun dari Allah SWT yang akan dimintai pertanggungjawapan atas pekerjaan yang dilakukannya. Implementasi jujur dan amanah dalam bekerja di antaranya adalah dengan tidak mengambil sesuatu yang bukan menjadi haknya, tidak curang, objektif dalam menilai, dan sebagainya. Rasulullah SAW memberikan janji bagi orang yang jujur dan amanah akan masuk ke dalam surga bersama para *shiddiqin* dan *syuhada'*. Dalam hadith riwayat Imam al-Tirmidzi:

عن أبي سعيد عن النبي □ قال التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّ
وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ (رواه الترمذی)

“Dari Abu Said Al-Khudri ra, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Peniaga yang jujur lagi dipercayai (amanah) akan bersama para nabi, shiddiqin dan syuhada'. (HR. al-Tirmidzi).¹⁹

b. Bunga Mawar

Corak Mawar melambangkan kekuasaan yang berlandaskan undang-undang, serta lambang sikap perwira yang berwibawa dan patuh kepada hukum. Simbol Mawar juga diertikan sebagai penawar malapetaka dan duka. Daripada definisi simbol Mawar menunjukkan adanya hubung kait antara ketaatan rakyat kepada pemerintah yang menjalankan roda pemerintahan berdasarkan undang-undang dengan terhindarnya

¹⁹Muhammad ibn Isa ibn Sawrah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, (Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, t.t), 288, Hadith NO. 1209.

malapetaka, perpecahan dan kehancuran yang membawa duka.²⁰ Ia merupakan falsafah yang menjelaskan peri pentingnya taat kepada pemerintah kerana pemerintah menjalankan amanah. Amanah dan tanggungjawab sebagai khalifah wajar dilaksanakan dengan penuh kejujuran dan ketelusan. Dalam hal ini keterkaitan etika Islam amat menonjol kerana pemerintah memahami tugasnya sebagai khalifah Allah SWT. Perintah untuk taat kepada pemerintah dijelaskan dalam al-Qur'ansurah *al-Nisa'* /4:59 berikut:

يَلِيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۖ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ۚ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: *“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalilah ia kepada AllahSWT (al-Qur'an) dan Rasulullah SAW (Sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya”.*(*al-Nisa'* /4: 59).²¹

Namun kepatuhan rakyat kepada pemerintah tidaklah mutlak. Ada batasan-batasan tertentu kepatuhan rakyat terhadap pemerintah. Rakyat wajib patuh kepada pemerintah selama pemerintah tidak memerintahkan untuk maksiat, tetapi bila pemerintah meminta rakyat untuk berbuat maksiat maka rakyat harus menolak bahkan boleh melawan.

²⁰Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7.2007 pukul 4 petang di Palembang

²¹Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 171

c. Bunga Tanjung

Corak bunga Tanjung melambangkan ucapan selamat datang daripada tuan rumah yang memiliki budi pekerti, tata krama dan sopan santun dalam pergaulan di lingkungan masyarakat.²² Corak ini melambangkan keramahtamahan tuan rumah dan sekali gus memperlihatkan kemuliaan akhlaknya, hal ini sejajar dengan prinsip ajaran Islam. Keramahtamahan sangat penting bagi setiap Muslim. Semua individu suka dengan keramahtamahan. Seri wajah menyejukkan, rekah ulas senyuman, lembut santun sapaan, begitu indah dalam pergaulan. Itulah etika pergaulan sebagai Muslim yang mengaku beriman, tuntunan Rasulullah SAW dalam agama Islam yang telah disempurnakan. Tidak sekedar tradisi orang Timur yang sudah dipatenkan, namun berpahala jika ikhlas menjalankan.

Bekerja juga harus memperhatikan adab dan etika sebagai seorang Muslim, seperti etika dalam berbicara, menegur, berpakaian, bergaul, makan, minum, berhadapan dengan *customer*, rapat, dan sebagainya. Bahkan akhlak atau etika ini merupakan ciri kesempurnaan iman seorang Mukmin. Dalam sebuah hadith Rasulullah SAW bersabda: "*Orang Mukmin yang paling sempurna imannya adalah mereka yang paling baik akhlaknya.*" (HR. *al-Tirmizi*).²³ Dalam bekerja, seorang Mukmin dituntut untuk bertuturkata yang sopan, bersikap yang bijak, makan dan minum sesuai dengan tuntunan Islam, berhadapan dengan *customer* dengan baik, rapat juga dengan sikap yang terpuji dan sebagainya yang menunjukkan jati dirinya sebagai seorang yang beriman.

d. Bunga Jatuh

Corak bunga jatuh menunjukkan sesuatu yang memiliki nilai hikmat yang tinggi iaitu gambaran kitaran kehidupan. Sesuatu yang mekar akan layu, dan semua orang akan mengalami kitaran kehidupan tersebut. Kadang menjadi pegawai, namun tidak

²² Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7.2007 pukul 4 petang di Palembang.

²³ Muhammad ibn Isa ibn Sawrah al-Tirmidzi, *op.cit.*, 276, cet I Hadith No.1162.,

mustahil suatu masa akan jadi rakyat biasa. Demikian pula setiap kehidupan akan mengalami kematian. Simbol ini menjadi amaran bagi para pegawai kerajaan pada masa lampau.²⁴ Ia juga turut memperlihatkan bahawa setiap Muslim sewajarnya memahami bahawa kehidupan terus berubah dan pasti berakhir. Hanya keyakinan terhadap Allah SWT menjadi penentu untuk mencapai keredaanNya. Kitar kehidupan diterangkan dalam al-Qur'an surah *Ali`Imran/3* ayat 140:

إِنْ يَمَسُّكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُ وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ
وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: “Jika kamu (pada perang Uhud) mendapat luka, maka sesungguhnya kaum (kafir) itupun (pada perang Badar) mendapat luka yang serupa. dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu Kami pergilirkan diantara manusia (agar mereka mendapat pelajaran); dan supaya Allah SWT membezakan orang-orang yang beriman (dengan orang-orang kafir) supaya sebagian kamu dijadikanNya (gugur sebagai) syuhada' dan Allah SWT tidak menyukai orang-orang yang zalim. (*Ali`Imran/3: 140*).²⁵

Pada ayat lain Allah SWT menjelaskan bahawa tiap-tiap bangsa mempunyai batas waktu kejayaan atau keruntuhan sebagaimana firmanNya:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ ۖ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ

Maksudnya: “Tiap-tiap umat mempunyai batas waktu. Maka apabila telah datang waktunya mereka tidak dapat mengundurkannya barang sesaatpun dan tidak dapat (pula) memajukannya”. (*al-A`raf/7:34*)²⁶

²⁴Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7. 2007 jam 4 petang di Palembang

²⁵Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 131.

²⁶*Ibid.* 305.

Kedua ayat tersebut memiliki hikmah yang sangat besar tentang kitar kehidupan manusia di bumi, sehingga manusia dapat memikirkan bahawa semua hal tentang kehidupan telah ditentukan oleh Allah SWT, dan agar manusia tetap optimis dalam segala hal. Kedua ayat tersebut berlaku bagi seluruh manusia sampai akhir zaman, tidak terkecuali pada orang-orang yang terkenal dalam sejarah dunia kerana kebesaran karya dan usahanya, namun pada akhirnya jatuh miskin, sehingga dapat disimpulkan bahawa kitar kehidupan yang Allah SWT ciptakan pada manusia memang ada. Dengan demikian, dalam menghadapi kehidupan harus ikhlas dan sabar, kerana semua sudah ada yang mengaturnya iaitu Allah SWT.

e. Pucuk Rebung

Corak pucuk Rebung menunjukkan sesuatu yang memiliki nilai-nilai kesuburan yang melambangkan kekuasaan wilayah kesultanan Palembang Darussalam. Kesuburan rebung yang merupakan sejenis tumbuh-tumbuhan yang tumbuh dan berkembang biak tanpa mengenal waktu dan musim serta dapat dimakan dengan berbagai resipi. Masyarakat Palembang sangat menggemari masakan rebung sehingga ia boleh menjadi makanan yang disebut dengan *gulai rebung*.²⁷ Falsafah ini menjelaskan bahawa kekuasaan kesultanan sewajarnya selaras dengan prinsip Islam yang meletakkan etika sebagai pembentuk keperibadian individu dan negara.

Dalam bekerja terkadang seseorang dihadapkan dengan adanya sesuatu yang meragukan dan samar antara kehalalan dengan keharamannya. Seperti unsur-unsur pemberian dari pihak luar, yang terdapat pertanda adanya satu kepentingan tertentu. Atau seperti bekerja sama dengan pihak-pihak yang secara umum diketahui kezaliman atau pelanggarannya terhadap syari'ah. Keraguan semacam ini dapat berasal dari

²⁷Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7.007, pukul 4 petang di Palembang

dalam mahupun luaran. Oleh kerana itulah, kita diminta hati-hati dalam keraguan semacam ini. Dalam sebuah hadith Rasulullah SAW bersabda:

عَنِ النَّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ وَأَهْوَى لِلنُّعْمَانِ
بِإِصْبَعِيهِ إِلَى أُخُنِّيهِ «إِنَّ الْحَلَائِلَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا
يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ فَمَنْ لَتَقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ
فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ
فِيهِ أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ مَحَارِمُهُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ
مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا
وَهِيَ الْقَلْبُ (رواه مسلم)

Dari Nu'man ibn Bashir bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Halal itu jelas dan haram itu jelas, dan di antara keduanya ada perkara-perkara yang shubhat. Maka barang siapa yang terjerumus dalam perkara yang shubhat, maka ia terjerumus pada yang diharamkan. Sebagaimana penggembala yang menggembalakan haiwan gembalaannya di ladang yang dilarang untuk memasukinya. Ketahuilah setiap raja (penguasa) memiliki larangan dan larangan Allah adalah apa yang Dia haramkan. Ketahuilah bahawa dalam jasad terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh tubuh ini dan jika ia buruk maka buruklah seluruh tubuh, ketahuilah bahawa ia adalah hati" (HR. Muslim).²⁸

عَنِ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ لَا يَبِيعُ الرَّجُلُ عَلَى بَيْعِ أَخِيهِ وَلَا يَخْطُبُ
عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ إِلَّا أَنْ يَأْذَنَ لَهُ. (رواه مسلم)

²⁸Muslim bin Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi, Sahih Muslim, 651, Hadith No. 1599.

Dari Ibn Umar ra., diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:
“Janganlah seseorang menjual di atas jualan saudaranya. Janganlah pula individu melamar di atas lamaran saudaranya kecuali jika ia telah mendapat izin. (HR. Muslim).²⁹

Jika terjadi seperti disebutkan dalam hadits di atas, tentu akan merenggangkan ukhuwah Islamiyah di antara mereka; saling curiga, bersangka buruk dan sebagainya. Kerana masalah pekerjaan atau bisnis yang menghasilkan wang, akan sangat sensitif bagi pelakunya.

f. Bintang

Corak bintang menunjukkan bahawa ia merupakan ragam hias yang melambangkan keberuntungan dalam kehidupan.³⁰ Keberuntungan ini terutama menjurus kepada keperluan untuk menjaga nilai-nilai ajaran Islam. Beruntung kerana dianugerahkan nikmat Islam dan iman dalam ajaran Islam yang direndhai Allah SWT.

Aspek lain etika bekerja dalam pandangan Islam adalah tidak boleh melanggar prinsip-prinsip syari'ah dalam pekerjaan yang dilakukannya. Tidak melanggar prinsip syari'ah ini dapat dibahagikan kepada beberapa perkara, *Pertama* dalam aspek bahan dari pekerjaannya, seperti membuat barang yang haram, menyebarkan kefasadan (seperti pornografi dan permusuhan), riba, rasuah dan sebagainya. *Kedua* dalam aspek elemen-elemen moral yang tidak terlibat langsung dengan pekerjaan, seperti tidak menutup aurat, *ikhtilat* antara laki-laki dengan perempuan, membuat fitnah dalam persaingan dan sebagainya. Pelanggaran-pelanggaran terhadap prinsip syari'ah, selain mengakibatkan dosa dan menjadi tidak berkahnya harta, juga dapat menghilangkan pahala amal soleh dalam bekerja. Allah SWT berfirman:

²⁹*Ibid.*, 556, *Hadit*, No. 1412.

³⁰ Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7. 2007, pukul 4 petang di Palembang

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَلَا تُبْطِلُوْا اَعْمَالَكُمْ

"Hai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada RasulNya dan janganlah kalian membatalkan amal perbuatan/pekerjaan kalian.." (Muhammad/47 : 33).³¹

g. Bunga Teratai

Corak bunga Teratai menunjukkan sebuah lambang kebesaran dan kekuasaan raja pada masa kerajaan Sriwijaya. Ini bermakna bahawa si pemakai songket dengan lambang bunga Teratai menunjukkan bahawa ia adalah orang yang berkuasa.³² Dalam Islam, kekuasaan mutlak hanya milik Allah SWT bukan milik kerajaan, negara atau sesiapa pun. Hal ini ditegaskan dalam firmanNya:

وَقَالَتِ لِّلْهُودِ وَالنَّصْرٰى نَحْنُ اَبْنٰؤُا اللّٰهٖ وَاَحِبُّوْهُ قُلْ فَلِمَ يُعَذِّبُكُمْ بِذُنُوْبِكُمْ
بَلْ اَنْتُمْ بَشَرٌ مِّمَّنْ خَلَقَ ۚ يَغْفِرُ لِمَنْ يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَآءُ ۗ وَلِلّٰهِ مُلْكُ
السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا ۗ وَاِلَيْهِ الْمَصِيْرُ

Maksudnya: "Orang Yahudi dan Nasrani berkata: "Kami adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasihNya. 'Katakanlah mengapa Allah menyiksa kamu kerana dosa-dosamu?' Tidak, kamu adalah manusia (biasa) di antara orang yang Dia ciptakan. Dia mengampuni siapa yang Dia kehendaki dan menyiksa siapa yang Dia kehendaki', dan Allah SWT adalah pemilik kerajaan di langit dan di bumi serta apa yang terdapat di antara keduanya" (al-Ma'idah/5:18).³³

Allah SWT berhak menganugerahkan sebahagian kekuasaan itu kepada manusia yang dipilihNya, sebagaimana firmanNya:

³¹Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 1017.

³²Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7. 2007, pukul 4 petang di Palembang

³³Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 219

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ
وَتُعْزِزُ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ ۗ بِيَدِكَ الْخَيْرُ ۗ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “Katakanlah: 'Wahai Allah SWT yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu". (Ali `Imran/3:26).³⁴

h. Naga

Corak naga pada songket Palembang terbahagi menjadi dua, iaitu pertama, pengaruh budaya Hindu yang membuat ornamen naga bermahkota tanpa simbol kaki. Kedua, pengaruh budaya Cina yang membuat ornamen naga bermahkota dan memakai kaki. Corak naga menunjukkan simbol kesaktian dan kekuatan. Namun sekarang bila diperhatikan motif songket naga *besaung* (bertarung) sebenarnya hanya sebutan sahaja kerana tidak tergambar naga sedang bertarung.³⁵ Ini kerana pengaruh ajaran Islam yang tidak membenarkan gambar haiwan sebagai corak kain songket.. Hal ini dijelaskan dalam al-Hadith:

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّهَا أَخْبَرَتْهُ أَنَّهَا اشْتَرَتْ نُمْرَقَةً
فِيهَا تَصَاوِيرُ فَلَمَّا رَأَاهَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ قَامَ عَلَى الْبَابِ فَلَمْ يَدْخُلْهُ فَعَرَفْتُ
فِي وَجْهِهِ الْكَرَاهِيَةَ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتُوبُ إِلَى اللَّهِ وَإِلَى رَسُولِهِ ﷺ مَاذَا
أَخَذْتُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَا بَأْسَ هَذِهِ النُّمْرَقَةِ قُلْتُ اشْتَرَيْتُهَا لَكَ لِتَقْعُدَ

³⁴ *Ibid*, 103

³⁵ Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7. 2007, pukul 4 petang di Palembang

عَلَيْهَا وَتَوَسَّدَهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ أَصْحَابَ هَذِهِ الصُّورِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
يُعَذَّبُونَ فَيَقَالُ لَهُمْ أَحْيُوا مَا خَلَقْتُمْ وَقَالَ إِنَّ لِلْبَيْتِ الَّذِي فِيهِ الصُّورُ لَا
تَدْخُلُهُ الْمَلَائِكَةُ (رواه البخارى)

“Daripada Aisyah r.a, dia menjelaskan: “Aku membeli sebuah bantal bergambar. Apabila Rasulullah SAW melihatnya, beliau pun berdiri di pintu dan tidak terus masuk ke rumah. Aku menyedari air mukanya berubah, kelihatan seperti ada sesuatu yang tidak disukainya. Aku berkata: ‘Wahai Rasulullah, aku bertaubat kepada Allah dan RasulNya, (tolong beritahu aku) apakah dosaku?’ Rasulullah berkata: “Ada apa dengan bantal ini?” Aku menjawab: “Aku membelinya untuk engkau agar dapat duduk dan bersandar padanya”. Rasulullah berkata: “Pembuat gambar ini akan diazab pada hari kiamat”. Rasulullah menambah: “Malaikat (pembawa rahmat) tidak akan masuk ke dalam rumah yang di dalamnya terdapat gambar”. (HR. Al-Bukhari).³⁶

Penenun songket lebih memilih corak bunga dan tumbuh-tumbuhan daripada corak haiwan kerana pada umumnya penenun adalah beragama Islam. Kalaupun ada yang menenun dengan motif “naga besaung” itu hanya penyebutannya sahaja sebab bila diperhatikan songket dengan corak tersebut maka tidak wujud gambar naga pada tenunannya kerana sudah diubah suai dengan corak lain sejajar dengan keyakinan penenun songket terhadap ajaran Islam yang dianutnya dan menonjolkan kefahamannya terhadap ajaran Islam bahawa hanya Allah SWT sahaja yang agung dan berkuasa.

Ini merupakan landasan terpenting bagi penenun. Ertinya ketika bekerja, niat utamanya adalah kerana patuh pada perintah Allah SWT dan RasulNya. Ia sedar, bahawa bekerja dengan mengikut aturan Islam adalah kewajipan yang harus dilakukan

³⁶Al-Imam al-Hafiz Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari, *op.cit.*, 397, Hadith No. 2105.

oleh setiap hamba. Ia faham bahawa memberikan nafkah yang halal kepada diri dan keluarga adalah perintah dari Allah SWT. Ia pun mengetahui, bahawa hanya dengan bekerjalah ia dapat menunaikan kewajipan-kewajipan Islam yang lainnya, seperti zakat, infak dan sedekah.

i. Ragam Hias Gandek

Ragam hiasan Gandek merupakan sebuah hiasan yang diletakkan pada bahagian bawah songket, di mana ia melambangkan keteraturan.³⁷ Keteraturan adalah ajaran Islam. Untuk mewujudkan keteraturan, penenun songket bekerja secara profesional (*itqan*). Ia sedar bahawa kehadiran tepat pada masanya, menyelesaikan apa yang sudah menjadi kewajibannya secara tuntas, tidak menunda pekerjaan, tidak mengabaikan pekerjaan, adalah bahagian yang tidak terpisahkan dari intipati bekerja itu sendiri yang merupakan ibadah kepada Allah SWT. Dalam sebuah hadith, riwayat Aisyah ra, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عن عائشة : أن النبي □ قال : إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ (رواه أبو يعلى)

Maksudnya: Dari Aisyah ra. Bahwasanya Nabi SAW bersabda:
“Sesungguhnya Allah SWT mencintai seorang hamba yang apabila ia bekerja, dia *itqan* (menyempurnakan pekerjaannya). (HR. Abu Ya’la).³⁸

j. Ragam Hias Kuku

Ragam hiasan ini terletak pada bahagian akhir songket, atau disebut juga *tretes*. Hiasan ini melambangkan perpisahan. Kuku adalah bahagian daripada jari tangan yang

³⁷ Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7. 2007, pukul 4 petang di Palembang

³⁸ Ahmad bin Ali bin al-Mutsanna al-Tamimi atau Imam Abu Ya’la, *Musnad Abu Ya’la, Jilid VII.*, (Beirut: Dar al-Ma’mun li al-Turath., t.t.), 349, Hadith No. 4386.

apabila ingin berpisah, ia dilambatkan.³⁹ Allah SWT telah menetapkan bahawa segala sesuatu akan berakhir. Setiap perjumpaan akan ternoktah dengan perpisahan dan suatu kehidupan akan diakhiri oleh kematian. Dalam sejarah Islam, perpisahan yang sedih tergambar dalam peristiwa kemangkatan Rasulullah SAW. Ketika Rasulullah SAW mangkat, Umar Ibn al-Khattab tidak percaya bahkan ia mengancam akan memenggal kepala kepada sesiapa sahaja yang memberi khabar bahawa Rasulullah SAW telah meninggal. Begitu besar rasa cinta Umar al-Khattab kepada Rasulullah SAW sehingga ia tidak percaya ketika ketetapan Allah SWT berlaku pada RasulNya. Namun, Abu Bakar al-Shiddiq berjaya menyedarkan Umar al-Khattab akan ketentuan Allah SWT yang telah berlaku atas RasulNya. Abu Bakar al-Shiddiq dengan lemah lembut mengingatkan Umar al-Khattab dengan menyampaikan firmanNya:

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ ۚ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ ۚ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا ۚ وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ

Maksudnya: "Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa orang Rasul. Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang (murtad)? Barangsiapa yang berbalik ke belakang, maka ia tidak dapat mendatangkan madarat kepada Allah SWT sedikit pun, dan Allah SWT akan memberi balasan kepada orang yang bersyukur". (Ali `Imran/3:144).⁴⁰

Ada yang menarik dan dapat dipetik dari hikmah sebuah perpisahan ini iaitu seberapa pun besarnya cinta terhadap makhluk Allah SWT namun ketentuanNya tetap

³⁹Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7. 2007, jam 4 petang di Palembang

⁴⁰ Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 133

akan berlaku. Oleh itu, setiap orang hendaknya mempersiapkan diri untuk menghadapi perpisahan.

k. Ragam Hias Apit Lidi

Ragam hias ini menunjukkan lambang kesatuan. Ertinya para pemakai songket adalah orang yang berkeinginan selalu menjaga persatuan dan kesatuan.⁴¹ Penenun songket sangat memahami falsafah ini sehingga mereka termotivasi untuk mewujudkannya dalam dunia kerja. Dunia kerja adalah dunia yang terkadang dikotori oleh keinginan buruk manusia, ketamakan, keserakahan, keinginan menang sendiri, dan sebagainya. Di antara beberapa sifat-sifat buruk dalam dunia kerja yang perlu dihindari agar persatuan dan kesatuan tetap terjaga iaitu:

1. Hasad (Dengki)

Hasad atau dengki adalah suatu sifat, yang sering digambarkan dengan ungkapan "senang melihat orang susah, dan susah melihat orang senang". Sifat ini sangat berbahaya, kerana akan "menghilangkan" pahala amal soleh kita dalam bekerja.

Dalam sebuah hadith Rasulullah SAW bersabda :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ «إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ فَإِنَّ الْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ». «أَوْ قَالَ « الْعُشْبَ. » (رواه ابو داود

“Dari Abu Hurairah ra berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda,

“Jauhilah oleh kalian sifat hasad (iri hati), kerana sesungguhnya hasad itu

dapat memakan kebaikan sebagaimana api melalap kayu bakar.”(HR. Abu

Daud).⁴²

⁴¹Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7. 2007, pukul 4 petang di Palembang

⁴²Abu Daud Sulaiman ibn al-Asy'ats al-Sijistaniy, M/1419 H., *Sunan Abu Daud*, (Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyah, 1998), 532, Hadith No.4903.

2. Saling bermusuhan

Tidak jarang, ketika orang yang sama-sama memiliki keinginan bersaing untuk mendapatkan sesuatu, atau ingin mendapatkan "persepsi baik" di mata atasan, kemudian saling fitnah, saling tuduh, lalu saling bermusuhan. Jika sifat permusuhan merasuk dalam jiwa dan tidak berusaha untuk menghilangkannya, maka akibatnya buruk, yaitu amal solehnya akan "ditangguh" oleh Allah SWT sehingga mereka berbaik semula.

Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ «تُفْتَحُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْاِثْنَيْنِ وَيَوْمَ الْخَمِيسِ فَيُغْفَرُ لِكُلِّ عَبْدٍ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا إِلَّا رَجُلًا كَانَتْ بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَخِيهِ شَحْنَاءُ فَيُقَالُ أَنْظِرُوا هَذَيْنِ حَتَّى يَصْطَلِحَا أَنْظِرُوا هَذَيْنِ حَتَّى يَصْطَلِحَا أَنْظِرُوا هَذَيْنِ حَتَّى يَصْطَلِحَا» (رواه مسلم)

“Pintu-pintu syurga dibuka pada hari Isnin dan Khamis. Maka setiap hamba yang tidak pernah berbuat shirik kepada Allah SWT sedikit pun akan diampuni (oleh Allah SWT pada hari tersebut), kecuali orang yang memiliki permusuhan antara dirinya dan saudaranya. Maka akan dikatakan (oleh Allah SWT kepada para malaikat pencatat amalan), “Tangguhlah (pengampunan dosa dan kesalahan mereka berdua), sehingga mereka berdua berdamai. Tangguhlah (pengampunan dosa dan kesalahan mereka berdua), sehingga mereka berdua berdamai. Tangguhlah (pengampunan dosa dan kesalahan mereka berdua), sehingga mereka berdua berdamai.”

(HR. Muslim).⁴³

⁴³Muslim bin Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi, op.cit., 1035, Hadith No. 2565

3. Berprasangka Buruk

Sifat inipun tidak kalah negatifnya kerana keinginan tertentu atau hal tertentu, kemudian menjadikan orang bersangka buruk kepada saudara sesama Muslim, khususnya ketika ia mendapatkan *reward*. Sifat ini perlu dihindari kerana merupakan sifat yang dilarang oleh Allah SWT dan RasulNya. Di samping itu, sifat ini merupakan pintu gerbang ke sifat negatif lainnya. Dalam sebuah hadith Rasulullah SAW bersabda :

عن أبي هريرة عن النبي ﷺ قال إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ
وَلَا تَحَسَّسُوا وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَلَبَّسُوا وَلَا تَبَاغَضُوا
وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا (رواه البخارى)

Dari Abu Hurairah ra berkata, bahwasanya Rasulullah SAW bersabda, “Jauhilah oleh kalian prasangka buruk, kerana sesungguhnya prasangka buruk itu adalah sedusta-dustanya perkataan. Dan janganlah kalian mencari-cari berita kesalahan orang lain, dan janganlah kalian mencari-cari kesalahan orang lain, dan janganlah kalian saling mementingkan diri sendiri, dan janganlah kalian saling dengki, dan janganlah kalian saling marah, dan janganlah kalian saling memusuhi dan jadilah kalian hamba-hamba Allah SWT yang bersudara.(HR. al-Bukhari).⁴⁴

4. Sombong

Di sisi lain, terkadang bila meraih hasil terbaik sering terjebak pada satu bentuk kesombongan. Merasa paling cerdik, paling profesional, paling penting kedudukan dan jawatannya, dan sebagainya. Sifat ini harus diwaspadai, kerana ini merupakan sifat tercela yang dilaknat Allah SWT. Sifat ini pun sangat berbahaya, kerana dapat

⁴⁴Al-Imam al-Hafiz Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari, *op.cit.*, 1172, Hadith No. 6064.

menjadikan pelakunya diharamkan masuk ke dalam syurga. Dalam sebuah riwayat Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ «لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ». «قَالَ رَجُلٌ إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبُهُ حَسَنًا وَنَعْلُهُ حَسَنَةً. قَالَ «إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَغَمَطُ النَّاسِ.» (رواه مسلم)

Ertinya: “Dari Abdullah bin Mas’ud ra. Dari Nabi SAW bersabda: Tidak akan masuk surga seseorang yang di dalam hatinya terdapat kesombongan sebesar biji sawi.” Ada seseorang yang bertanya, “Bagaimana dengan seorang yang suka memakai baju dan sandal yang bagus?” Beliau menjawab, “Sesungguhnya Allah SWT itu indah dan menyukai keindahan. **Sombong adalah menolak kebenaran dan meremehkan orang lain.**“ (HR. Muslim).⁴⁵

5. Namimah (mengadu domba)

Keinginan mencapai sesuatu, meraih kedudukan tinggi, memiliki gaji yang besar, tidak jarang menjerumuskan manusia untuk saling fitnah dan adu domba. Sifat ini sangat berbahaya, kerana akan merosak sistem ukhuwah dalam dunia kerja. Di samping itu, sifat ini sangat dimurkai oleh Allah SWT serta dibenci Rasulullah SAW. Dalam sebuah hadith Rasulullah SAW bersabda :

عن حذيفة قال : سمعت النبي ﷺ يقول: لا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ (رواه البخارى)

⁴⁵Muslim bin Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi, op.cit, 63, Hadith No. 91147.

“Dari Hudzaifah ra berkata bahwa Rasulullah SAW bersabda, “Tidak akan masuk syurga individu yang suka mengadu domba.” HR Bukhari).⁴⁶

Dalam dunia kerja, umumnya manusia memiliki tujuan untuk mencari materi. Tidak jarang untuk mencapai tujuan tersebut, segala cara digunakan. Oleh itu, di samping perlu untuk membekali diri dengan sifat-sifat yang baik, dalam bekerjapun hendaknya mewaspadaai sifat-sifat buruk. Sifat-sifat buruk sangat berbahaya dalam dunia kerja kerana kesan negatifnya sangat besar, di antaranya dapat memusnahkan seluruh pahala amal saleh. Oleh itu, beberapa sifat buruk tersebut harus dihindari agar tercipta suasana harmoni di tempat kerja.

1. Ragam Hias Nampan

Ragam hias nampan melambangkan kemurahan hati. Falsafah ini diambil daripada fungsi nampan yang digunakan untuk menghantarkan minuman dan makanan kepada tetamu.⁴⁷ Ini menunjukkan tentang keperibadian dan akhlak mulia yang ditonjolkan. Rasulullah SAW menganjurkan umatnya untuk bermurah hati kepada siapapun. Selain itu, Rasulullah SAW juga menganjurkan umatnya menjamu tetamu dengan baik. Orang yang murah hati akan disukai masyarakat dan dicintai Allah SWT. Ia akan mendapatkan curahan rahmat dan ampunan, rezekinya dilapangkan dan kehidupannya tenteram serta sejahtera. Sebaliknya, sifat kikir dan takut miskin dikategorikan sebagai sifat tercela yang harus dihindari. Hal ini juga dipertegas oleh firmanNya:

فَلْتَقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَأَسْمِعُوا وَأَطِيعُوا وَأَنْفِقُوا خَيْرًا لِّأَنْفُسِكُمْ ۗ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Maka bertakwalah kamu kepada Allah, menurut

⁴⁶Al-Imam al-Hafiz Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari, *op.cit.*, 1171, Hadith No. 6056.

⁴⁷Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7. 2007, pukul 4 petang di Palembang

kesanggupanmu, dan dengarlah serta taatlah, dan infaqkanlah harta yang baik untuk dirimu. Dan sesiapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, maka mereka itulah orang-orang yang beruntung". (al-Taghabun/64:16).⁴⁸

m. Ragam Hias Pilin

Hias pilin yang menyerupai hurup "S" melambangkan keindahan. Nilai estetika dari simbol ini diambil daripada orang-orang Indo-Cina. Ada juga ungkapan bahawa ragam hias pilin merupakan simbol perempuan yang melingkar di garis panjang dan simbol laki-laki. Ungkapan demikian menunjukkan bahawa ragam hias pilin mempunyai erti keselarasan dan kerukunan dalam membangun hidup bermasyarakat.⁴⁹ Keselarasan dan kerukunan dalam membangun hidup bermasyarakat amat dituntut dalam ajaran Islam. Allah SWT yang menciptakan alam raya dan seisinya dengan sangat teliti. Segala sesuatu yang diciptakanNya telah diberi perlengkapan dan persiapan, sesuai dengan naluri, sifat dan fungsi masing-masing dalam hidupnya. Hal ini ditegaskan dalam firmanNya berikut ini:

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ عَفْوًَّا رَمُتَقْدِيرًا

Maksudnya: "Yang kepunyaanNya kerajaan langit dan bumi, dan Dia tidak mempunyai anak, dan tidak ada sekutu bagiNya dalam kekuasaanNya, dan Dia telah menciptakan segala sesuatu, dan Dia menetapkan ukuran-ukurannya dengan serapi-rapinya," (QS Al-Furqaan, 25:2).⁵⁰

⁴⁸Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 1111

⁴⁹Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7. 2007, pukul 4 petang di Palembang

⁵⁰Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 715

Pada ayat lain ditegaskan:

تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ
وَالْحَيَاةَ لِيُبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْعَفُورُ الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ
سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ۗ مَلْتَرَىٰ فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِن تَفَؤُوتٍ ۗ فَارْجِعِ الْبَصَرَ
هَلْ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ

Maksudnya: "Maha Suci Allah yang di tanganNya segala kerajaan, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu, yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun, yang telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapis. Kamu sekali-kali tidak melihat pada ciptaan Tuhan Yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang. Maka lihatlah berulang-ulang, adakah kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang?" (QS Al Mulk, 67:1-3).⁵¹

Dengan demikian, manusia sebagai hambaNya wajib menjaga keharmonian dalam kehidupan agar sesuai dengan fitrah penciptaannya. Hidup teratur dan rapi adalah sangat sesuai dengan etika Islam, sedangkan harmonisasi kehidupan dapat meningkatkan etos kerja.

n. Ragam Hias Ombak

Ombak menunjukkan apresiasi dinamika kehidupan. Oleh itu, corak songket jenis ombak ini memberikan erti pengajaran, iaitu bahawa manusia harus bersiap sedia menghadapi cabaran kehidupan,⁵² yang sewajarnya diselesaikan dengan etika dan ajaran yang benar-benar membawa ke jalan keredaan Allah.

Manusia yang hidup dalam masyarakat adalah subjek serta objek perubahan.

⁵¹ *Ibid.*, 1121

⁵² Temubual dengan Johan Hanafiah, budayawan dan tokoh masyarakat Palembang, 11.7.2007, pukul 4 petang di Palembang

Proses perubahan dapat berlangsung lambat atau cepat (secara evolusi dan revolusi). Perubahan dapat berlaku menerusi cetusan dua dimensi iaitu perubahan fizikal oleh proses semulajadi dan perubahan yang disebabkan oleh dinamika kehidupan manusia yang berlaku. Jika ditinjau dari aspek sejarah, Rasulullah SAW sebagai pembawa risalah telah mereformasi masyarakat Arab jahiliyah. Reformasi pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW adalah reformasi keimanan (tauhid). Hal ini disebabkan bangsa Arab pada masa itu didominasi oleh paganisme, iaitu penyembahan terhadap benda-benda yang dianggap sebagai Tuhan yang dipercayai sebagai sumber segala keyakinan dan pengambilan keputusan. Keadaan seperti itulah yang hendak dirubah dan dibentuk kembali oleh Rasulullah SAW dengan konsep tauhid.

Setelah mereformasi keimanan, Rasulullah SAW selanjutnya mereformasi etika (akhlak). Reformasi etika merupakan kelanjutan daripada yang harus dilakukan dalam rangka mengisi penghayatan Islam. Konsep tauhid (keimanan) merupakan asas ajaran Islam sedangkan etika untuk memperbaiki hubungan antara manusia, terutama tentang penghargaan terhadap kanak-kanak, wanita dan isu hamba sahaya.⁵³ Perjalanan dari waktu ke waktu tersebut dengan proses terjadinya perubahan adalah merupakan sebuah dinamika. Perjalanan waktu dengan berbagai peristiwa yang terjadi di dalamnya ialah dinamika yang secara mutlak akan terjadi dan mengisi kehidupan umat manusia.

Selain bersiap sedia menghadapi perubahan, umat Islam perlu bersiap menghadapi berbagai cabaran hidup. Dalam perjalanannya, manusia kerap menemui masalah, namun ketetapan Allah SWT sudah pasti. Tidak ada seorangpun manusia di dunia ini yang meminta kepada Allah SWT untuk hidup susah. Bukan persoalan hidup susah yang difikirkan, namun bagaimana cara menikmati kehidupan, itu perkara yang utama. Islam mengajarkan cara untuk menghadapi pelbagai cabaran hidup iaitu firman Allah SWT :

⁵³Ahmad Haris, Nabi Muhammad dan Reformasi Masyarakat Arab, (KONTEKSTUALITA : Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan: Vol. 21 No. 2 Disember 2006), 10-13

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ
قَبْلِهِمْ ۗ فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ

Maksudnya: “Apakah manusia itu mengira bahwa mereka dibiarkan saja) mengatakan: ‘Kami telah beriman’, sedang mereka tidak diuji lagi? Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang yang dusta”.(al-Ankabut/29:2-3).⁵⁴

وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزِنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah pula kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yg paling tinggi derajatnya, jika kamu orang-orang yang beriman”. (Ali `Imran/3: 139).⁵⁵

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ ۗ فَلِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ

Maksudnya: “Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan salat; dan sesungguhnya salat itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk Tiada daya dan upaya kecuali atas pertolongan Allah semata”. (al-Baqarah/2; 45).⁵⁶

Makna dan falsafah yang terkandung dalam corak songket di atas merupakan cerminan daripada nilai-nilai budaya tempatan serta norma-norma sosial masyarakatnya. Hal tersebut diyakini dapat meningkatkan minat individu untuk menggunakan corak yang sesuai dengan keinginan si pemakainya. Oleh itu, para penenun songket dituntut untuk selalu memahami makna yang terkandung dalam setiap corak songket yang dibuatnya. Sehingga mereka dapat menempatkan setiap motif

⁵⁴Kementerian Agama RI, *op.cit.*, 789

⁵⁵*Ibid.*, 131

⁵⁶*Ibid.*, 11

songket secara arif sesuai dengan adat istiadat tempatan dan yang paling utama selaras dengan etika Islam dan etos kerja Muslim.

4.1.3 Motivasi Kerja Penenun Songket Palembang

Proses sosialisasi yang dilakukan masyarakat Palembang kepada anak gadis secara tidak langsung memerdekakan anak gadisnya. Maksudnya, dengan bekal pendidikan agama dan pelbagai kemahiran yang diajarkan orangtuanya, anak gadis diajarkan hidup berdikari sehingga tidak menjadi beban bagi keluarga mahupun masyarakat. Bahkan, anak gadis boleh dipercayai dalam menjaga perekonomian keluarga menerusi produksi kain songket.

Anak gadis dalam budaya Palembang memang dibentuk menjadi individu yang berdikari dengan bekal pengetahuan agama dan berbagai kemahiran yang telah diajarkan sejak awal. Anak gadis yang memiliki pengetahuan agama dan berbagai macam kemahiran, seperti memasak, menenun, menyulam dan menjahit digelar dengan *betino prigel*. *Betino prigel* merupakan gelaran yang membanggakan bagi keluarga kerana keluarga yang memiliki anak gadis seperti itu imejnya sangat tinggi dalam masyarakat dan menjadi idaman kaum lelaki untuk dijadikan isteri.⁵⁷

Kemahiran dalam hal ehwal rumah tangga secara tidak langsung telah memberdayakan wanita di bidang ekonomi. Wanita yang memiliki kecekapan tidak bergantung kepada suami secara ekonomi. Bahkan, pada masa tertentu boleh dipercayai untuk membantu ekonomi keluarga. Pada awalnya, adat pingitan bertujuan untuk membekali kaum wanita dengan kecekapan agar mudah mendapatkan jodoh. Tetapi secara hakekatnya, produktiviti kaum wanita selama menjalani budaya pingitan membuatnya berdikari. Hasil kerja mereka seperti tenun songket menjadi milik mereka

⁵⁷Temubual dengan Imas (57 tahun), penenun songket, tanggal 20.4.2009 jam 09.00 di Palembang

sepenuhnya sehingga apabila songket yang bernilai ekonomi tinggi tersebut dijual, maka wang dari hasil penjualan tersebut menjadi haknya.

Songket adalah hasil daripada tenunan benang sutera atau kapas yang ditunen bersama-sama dengan benang emas atau perak. Songket sebagai salah satu seni kraf tangan merupakan seni pakaian yang berasaskan kepada benang hingga menjadi kain dan busana Melayu. Sebagai sebuah seni pakaian yang menggunakan tangan dan peralatan tradisional dalam proses pembuatannya, ia merupakan warisan tamadun yang sangat berharga bagi masyarakat Melayu.⁵⁸ Songket merupakan sebuah proses daripada keunikan reka bentuk yang diciptakan. Ianya adalah suatu karya yang mencerminkan budaya daripada tempat kain songket itu dibuat, penghormatan kepada leluhur dan keindahan alam.⁵⁹

Pada bahagian ini mendeskripsikan data dapatan kajian yang diperoleh di lapangan, sama ada data tentang etika Islam mahupun etos kerja. Dalam kehidupan sehari-hari, penenun songket tampak sederhana. Sambil bekerja sesekali mereka melihat telepon bimbitnya dan jarang sekali mereka menggunakan teleponnya untuk berbual. Mereka hanya bicara seperlunya ketika ada panggilan di teleponnya. Mereka tampak gembira dalam bekerja, sesekali mereka kelihatan bergurau. Meskipun mereka sibuk bekerja, penenun songket tidak melalaikan kewajibannya untuk beribadah. Sebagai individu Muslim, penenun songket tetap menjalankan kewajibannya untuk melaksanakan solat di tengah kesibukan mereka bekerja. Apabila waktu solat telah tiba, mereka rehat untuk melaksanakan solat. Setelah itu, mereka makan bersama sambil bergurau dan bercerita tentang permasalahan yang mereka hadapi. Apabila masa rehat habis, mereka kembali sibuk bekerja menyelesaikan tugasnya. Daripada beberapa responden yang ditemui, didapatkan hasil seperti berikut:

⁵⁸Othman Yatim et.al., "Sejarah dan Keindahan Songket Melayu" (Kertas Kerja Seminar Songket Serumpun Melaka di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah, 3 Oktober 2004), 1.

⁵⁹Suwati Katiwa, *Kain Songket Indonesia*, (Jakarta: Djambatan, 1996),2.

Ibn Khaldun mengatakan bahawa bekerja adalah kewajiban dan ibadah. Hal ini sesuai dengan jawapan responden. Dari temubual yang dilakukan diketahui bahawa motivasi penenun dalam bekerja adalah ibadah dan mencari punca pendapatan untuk memenuhi keperluan mereka. Ketika ditanya: “Mengapa ia bekerja keras mengambil upah dengan menenun songket?” Responden memberi jawapan sebagai berikut:

“Dak tau ye, kato guru ngaji kerja itu ibadah. tangan di atas lebih mulia dari tangan di bawah. Kalu masih biso berusaha jangan nian minta-minta. Syukur saya biso nenun, jadi pacak nyari duit dewek. Biar cak itu saya pecayo rezeki Allah yang ngenjuk asalkan kito galak nyarinyo. Kalu nyari duit dengan bedukun doso, itu namonyo syirik, ih ngeri dosonyo dak terampuni. Biarlah beguyur be nyari duit yang penting halal dan berkah. Katek guno kayo rayo gek kalu mati dak pacak jugo nolongi kito apolagi kalu caro nyarinyo dak halal bakal nyaroi kito di nerako.”⁶⁰

(Entahlah, kata ustaz kerja itu ibadah, memberi lebih mulia dari menerima (meminta-minta). Syukur saya boleh *menenun*, jadi dapat mencari wang sendiri. Walau begitu, saya yakin rezeki adalah pemberian Allah tapi rezeki harus dicari. Kalau mencari wang dengan cara berdukun itu dosa, itu namanya shirik, ih ngeri dosanya tidak terampuni. Biarlah santai saja mencari wang yang penting halal dan barokah. Tidak ada gunanya kaya raya nanti setelah mati tidak dapat membantu kita apalagi kalau cara mendapatkannya tidak halal akan menyengsarakan kita di neraka).

Sementara Evi menjawab sebagai berikut:

“Tuhan memang baik ngenjuk kita rezeki karena itu kita harus bersyukur. Kito dijenjuk kepacakan nenun gunoke dengan baik, cak itulah caro kito besyukur. Mak ini ari la jarang wong galak belajar nenun kareno la banyak caro nyari duit. Ado meja sikok jual pulsa dapat duit, tapi bagi kami, nenun ni ado kepuasan batin bukan sekedar dapat duit

⁶⁰Temubual dengan Romlah (46 tahun), penenun songket, tanggal 30.3. 2011 jam 13 s/d 14 di Palembang

*be. Apalagi kalau nyingok wong pake songket, bangga rasonyo mungkin be itu hasil tenunan kami.*⁶¹

(Tuhan memang baik memberi kita rezeki kerana itu harus kita syukuri. Kita diberi kemahiran menenun maka gunakan dengan baik, begitulah cara kita bersyukur. Sekarang ini sudah jarang orang yang mahu belajar menenun kerana sudah banyak cara mencari wang. Ada sebuah meja jual *pulsa* dapat wang, tapi bagi kami menenun ini ada kepuasan batin bukan sekedar dapat wang sahaja. Apalagi kalau melihat orang memakai songket, bangga rasanya mungkin saja itu hasil tenunan kami).

Sementara Lutpi memberikan jawaban sebagai berikut:

*“Saya jadi penenun sementara bae, gek kalau la ado modal saya nak buka usaha songket dewek. Kalau tetap jadi penenun nak diujuk apo anak bini saya. Nak kerjo sambilan susah kerno gawe ni dari pagi enggut ke sore. Makonyo saya sekarang ni kerjo sambil belajar mengenai seluk beluk usaha songket. Mulai dari bahan baku, pewarnaan, nenun, sampe pemasarannyo. Jadi, kalau la ado modal gek, saya pacak ngelola dewek usaho saya.*⁶²

(Saya jadi penenun hanya sementara sahaja. Nanti kalau sudah punya modal saya akan buka usaha songket sendiri. Kalau tetap sebagai penenun, mahu diberi makan apa anak isteri saya. Mahu kerja sambilan sulit kerana pekerjaan menenun mengambil masa yang lama sejak pagi hingga petang. Makanya saya sekarang kerja (menenun) sambil belajar mengenai selok-belok usaha songket ini, mulai dari bahan baku, pewarnaan, menenun hingga pemasarannya. Jadi kalau nanti sudah punya modal sendiri, saya mampu mengelola usaha saya sendiri).

Dari jawaban tersebut, tampak jelas bahawa dia berkeinginan untuk menjadi pengusaha bukan hanya sekedar penenun songket sahaja. Beliau mengetahui dengan pasti bahawa

⁶¹Temubual dengan Evi (27 tahun), penenun songket, 30.3. 2011, jam 3 petang di Palembang

⁶²Temubual dengan Lutpi (37 tahun), penenun songket, 29.6.2007 jam 10 s/d 12 di Palembang

keadaannya tidak akan berubah jika dia sendiri tidak berusaha untuk mengubahnya. Hal ini sesuai dengan al-Qur'an yang menyatakan:

لَهُ مُعَقَّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدٍّ لَهُ ۗ وَمَا لَهُمْ مِّنْ دُونِهِ مِنْ وَّالٍ

“Baginya (manusia) ada malaikat-malaikat yang selalu menjaganya bergiliran, dari depan dan belakangnya. Mereka menjaganya atas perintah Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengubah keadaan suatu kaum sebelum mereka mengubah diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap suatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya dan tidak ada pelindung bagi mereka selain Dia.” (al-Ra’d / 13 : 11).⁶³

Dari temubual yang dilakukan diketahui bahwa motivasi penenun dalam bekerja adalah ibadah dan mencari punca pendapatan untuk memenuhi keperluan mereka. Mereka secara aktif mencari rezeki halal dengan mengambil upah dari menenun songket. Dengan demikian, secara sadar mereka telah melaksanakan perintah Allah SWT untuk mencari rezeki dalam memenuhi keperluan mereka dan dapat diperkatakan bahawa mereka merasa puas hati dan bangga bila memiliki penghasilan sendiri dan dapat membantu ibubapanya. Dengan demikian, hasil temubual tersebut menjelaskan bahawa etos kerja penenun songket berlandaskan pada ajaran Islam.

Selain itu, Ibn Khaldun mengatakan bahawa perlu ada usaha-usaha konkrit dalam mencari rezeki. Hal ini sesuai dengan al-Qur'an yang menganjurkan umat Islam untuk bekerja aktif mencari rezeki iaitu surah *al-Mulk/67: 15*:

⁶³Kementerian Agama RI, *op.cit*, 497

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ ۗ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

“Dia yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah ke segala penjurunya dan makanlah sebagian dari rezeki-Nya, serta kepada-Nyalah kamu sekalian dibangkitkan.” (*al-Mulk/67:15*).⁶⁴

Ayat ini menjelaskan bahawa rezeki dari Allah harus diusahakan secara aktif oleh manusia dengan cara berjalan ke segala penjuru dunia. Secara tidak langsung, ungkapan popular “makan tidak makan asalkan kumpul” yang dipegang oleh sebahagian masyarakat tidak sesuai dengan ajaran Islam. Berkaitan dengan ayat tersebut di atas, pengkaji bertanya kepada responden: “Apakah benar rezeki harus dicari/diusahakan? Imas Masitoh menjawab:

“Benar nian, kalu kito duduk-duduk bae di rumah dak katek wong nak nganteri duit. Kito harus kerja keras untuk dapat duit. Jaman mak ini ari lokak dak makan kalu dak begawe” (Benar sekali, kalau kita hanya duduk-duduk sahaja di rumah tidak ada orang yang akan memberi wang. Kita harus bekerja keras untuk mendapatkan wang. Zaman sekarang ini tidak dapat makan kalau tidak bekerja).⁶⁵

Sementara Eva Liana menjawab: *”Aku begawe ni cuma nak bantu-bantu keluarga bae, daripado kulu-kilir di rumah lemaklah melok nenun dapat duit. Kalu ado duit dewek lemak, pacak digunoke untuk beli keperluan dewek lagian pacak pulo ngenjuk wongtuoku.”*⁶⁶

(Saya bekerja hanya ingin membantu keluarga sahaja daripada hilir-mudik di rumah lebih baik ikut menenun dapat wang. Seronok punya wang hasil kerja sendiri, boleh

⁶⁴*Ibid.*, 1123

⁶⁵Temubual dengan Imas Masitoh (25 tahun), penenun songket, 27 .6. 2007 jam 9 s/d 11 di Palembang

⁶⁶Temubual dengan Eva Liana (23 tahun), penenun songket, 27 .6. 2007 jam 15 s/d 17 di Palembang

dipergunakan untuk membeli keperluan sendiri dan dapat pula membantu ibubapa saya).

Islam sangat menganjurkan untuk kerja keras dan bersungguh-sungguh bagi memenuhi keperluan hidup. Bekerja keras dinilai sebagai berjuang di jalan Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda:

عن كعب بن عجرة أن رجلا مر على النبي □ فرأى أصحاب رسول الله □ من جلده ونشاطه ما أعجبهم فقالوا يا رسول الله لو كان هذا في سبيل الله؟ فقال رسول الله □ إن كان يسعى على ولده صغاراً فهو في سبيل الله وإن كان خرج يسعى على أبوين شيخين كبيرين ففي سبيل الله وإن كان خرج يسعى على نفسه ليغفها ففي سبيل الله وإن كان خرج يسعى على أهله ففي سبيل الله وإن كان خرج يسع تفاقراً وتكلاً ففي سبيل الطاغوت (رواه الطبراني)

Dari Ka'ab bin Ujrah berkata, "Ada seseorang yang berjalan melalui tempat Rasulullah SAW. Para Sahabat melihat dengan penuh kekaguman terhadap kesungguhan orang itu. Kemudian mereka berkata: 'Ya Rasulullah, andaikata bekerja seperti dia termasuk *fi sabilillah*, alangkah baiknya.' Lalu Rasulullah bersabda, 'Jika ia bekerja untuk menghidupi anak-anaknya yang masih kecil, itu adalah *fi sabilillah*; Jika ia bekerja untuk membela kedua orang tuanya yang sudah lanjut usia, itu adalah *fi sabilillah*; dan jika ia bekerja untuk kepentingan dirinya sendiri agar tidak meminta-minta, maka itu adalah *fi sabilillah*. Tetapi apabila ia bekerja untuk pamer atau untuk bermegah-megahan, maka

itulah *fi sabili thaghut* (syaitan).” (HR. Thabrani).⁶⁷

Hadith di atas memotivasi manusia agar sentiasa bekerja keras dan menjaga produktiviti yang berkesinambungan. Dalam kaitan dengan produktiviti penenun songket, dapat dilihat dari hasil temubual dengan Cek Ipah dengan soalan: “Bagaimana meningkatkan produktiviti agar usaha tetap lancar?” Cek Ipah menjawab seperti berikut:

*“Usaha ini sebenarnya la dimulai oleh wong tuoku. Saat itu memang lum maju cak ini, omzetnyo sekitar 5 stel. Kalu kini biso sampe 30 atau 40 stel. Kami punyo toko dewek bahkan kami punyo usaha lain yang berkaitan dengan budaya Plembang seperti pernak-pernik pernikahan adat Plembang, mulai dari pakaian adat sampe dekorasi pelaminan. Sekarang kami punyo gedung serba guna untuk disewakan. Anak-anakku jugo la buka usaha dewek-dewek, yo masih berkaitan dengan songket jugo. Katokela mereka tu menjadi generasi penerus usaha tenun songket yang sudah dirintis oleh wong tuoku. Untuk memasarkan songket nih gampang-gampang susah. Diomongke susah kerno hargo songket relatif mahal, jauh di atas rata-rata harga kain yang bermutu bagus. Dikatoke gampang yo kalu kito pacak mencermati pasar. Kito harus pacak-pacak nyingok peluang. Kalu kami la merintis kerjosamo dengan pemerintah, perusahaan-perusahaan besar seperti PT Pusri dan wartawan. Jadi, kalu ado tamu mereka dari luar Plembang nak nyari songket, mereka datang ke sini. Lemaknyo, biasonyo mereka beli banyak dan wong tu dak miker-mikir hargo lagi, pokoknyo ambek-ambek bae yang disukai.”*⁶⁸

⁶⁷Abu al-Qasim Sulaiman ibn Ahmad al-Tabrani, *Al-Mu'jam al-Awsat*, (Kairo: Dar al-Haramayn, 1995, jilidVII), 60

⁶⁸Temubual dengan Cek Ipah (63 tahun), pengusaha tenun songket, 25.6. 2007 pukul 9 s/d 12 di Palembang

(Usaha ini sebenarnya sudah dirintis oleh ibubapa saya, saat itu memang belum maju seperti sekarang ini. Produksinya hanya sekitar lima potong. Kalau sekarang dapat mencapai 30 atau 40 potong. Kami punya kedai sendiri bahkan kami punya usaha lain yang berkaitan dengan budaya Palembang seperti perlengkapan pernikahan adat Palembang mulai dari pakaian adat hingga dekorasi pelaminan. Anak-anak saya juga sudah buka usaha masing-masing, ya masih berkaitan dengan songket juga. Katakanlah mereka itu sebagai generasi penerus usaha tenun songket yang telah dirintis oleh ibubapa saya. Untuk memasarkan songket ini senang-senang susah. Dikatakan susah kerana harga songket relatif mahal, jauh di atas harga rata-rata kain yang bermutu bagus. Dikatakan senang kalau kita pandai mencermati pasar. Kita harus cerdik melihat peluang. Kalau kami sudah menjalin kerjasama dengan pihak pemerintah, perusahaan-perusahaan besar seperti PT. Pusri dan juga wartawan. Jadi kalau mereka ada tetamu dari luar Palembang mahu cari songket, mereka datang ke sini. Biasanya mereka beli banyak dan tidak peduli dengan harga yang mahal, mereka ambil saja yang mereka sukai).

Apabila ditanya soalan “Bagaimana cara teman-teman di sini bekerja?”, Haulah menjawab seperti berikut:

"Cak itulah, begawe tu senianan. Waktu begawe yo begawe. Waktu istirahat yo istirahat untuk makan, sembahyang dan kalu sempat nguling sebentar. Kalu waktu istirahat abis, kito begawe agi. Sesamo kawan saling ejoke, kalu ado yang nak minta bantuan yo dibantu. Kalu dak galak bantu gek wong dak galak pulo bantu kito. Begawe cak ini ni nak saling bantu tulah mangko gawean lancar dan rezeki lancar pulo."⁶⁹

(Begitulah, kerja harus sungguh-sungguh. Waktu kerja ya bekerja, waktu rehat ya rehat

⁶⁹Temubual dengan Haulah Abdullah, (40 tahun), penenun songket , 25.10.2015 jam 3 s/d 4 petang di Palembang

untuk makan dan salat dan kalau masih ada waktu berbaring sebentar. Kalau waktu istirahat sudah habis, kita kerja lagi. Sesama teman harus peduli, kalau ada yang perlu bantuan ya dibantu. Kalau tidak mau membantu nanti tidak ada orang yang akan membantu kita. Kerja seperti ini harus saling bantu supaya kerja lancar dan rezeki juga lancar.)

Di sini ado yang kepo dak? (Di sini ada yang suka mencari tahu urusan orang lain tidak?)

“Ai dak sempat nak kepo-kepoan, gawe be la banyak. Gawe tu nak begancang mangko gancang sudem. Kalu la sudem, pacak gancang pulo dapat duit. Nah kalusibuk nak bekepoan, kito urung begawe, kain sikok pacak bebulan-bulan dak sudem. Kami begawe ni dak pacak nak ucak-ucak, gawe ni senianan, Kalu ucak-ucak, hasil gawean dak bagus dan ngabiske waktu be dak tek hasil.”⁷⁰

(Tak ada masa tuk mencari tahu urusan orang lain, pekerjaan sudah banyak. Kerja harus cepat supaya cepat selesai. Kalau sudah selesai, cepat pula mendapat wang. Kalau sibuk mencari tahu urusan orang lain, kita tak jadi kerja, selembar kain berbulan-bulan tidak selesai. Bekerja seperti ini tidak dapat main-main, kerja harus sungguh-sungguh. Kalau main-main, hasil kerjanya tidak bagus dan hanya menghabiskan masa tanpa ada hasil.)

Islam mengajarkan umatnya bekerja keras dan sangat menentang sikap malas dan peminta. Dalam hal ini, Nabi Muhammad SAW menegaskan bahawa tangan di atas jauh lebih mulia dari tangan di bawah. Ini bermakna bahawa Nabi Muhammad SAW menganjurkan untuk hidup kaya agar dapat memberi pada masyarakat yang miskin. Kekayaan tidak akan didapat jika manusia malas bekerja. Dengan demikian, secara tidak langsung Nabi Muhammad SAW memerintahkan umat Islam untuk bekerja keras.

⁷⁰*Ibid.*,

Usaha gigih ini wajar menjadi ciri dan budaya masyarakat Muslim dalam bekerja yang melahirkan etos kerja Muslim yang memiliki motivasi bekerja dan daya produktiviti dan selaras dengan prinsip etika Islam.

Sedangkan dalam kalangan penenun songket, motivasi mereka bekerja juga untuk mencari sumber pendapatan. Mereka enggan hanya berdiam diri mengharap belas kasihan dari masyarakat di sekitarnya. Mereka bekerja keras untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Hal ini terungkap dalam jawapan Wiwid atas pertanyaan “Apakah menenun songket dapat meningkatkan penghasilan?” berikut ini:

“Aku dari kecil sudah biaso nyingok wong tuoku nenun, sekali-sekali aku belajar pulo nenun. Lamo-lamo aku pacak dewek nenun. Uji Mbik, kalu pacak nenun mudah nyari duit, hargo songket tu mahal, makonyo aku tetarik. Waktu masih gadis aku cuma nenun be tapi setelah belaki aku mulai belajar bebisnis songket dikit-dikit. Kini Alhamdulillah usaha ni lancar dan la sering ngikut pameran di luar negeri seperti Singapura dan Malaysia. Karyawan yang tetap ado sekitar wong sepuluh yang tiap ari datang ke rumah untuk nenun, yang dak tetap banyak, kareno mereka ngambil upahan nenun digawak ke rumah dio dewek, gek kalu la jadi baru diantar ke sini.”⁷¹

(Aku sejak kecil sudah terbiasa melihat ibubapaku menenun, sekali-sekali aku belajar menenun pula. Lama kelamaan aku dapat menenun sendiri. Kata Ibu, kalau dapat menenun mudah cari wang karena harga songket mahal, makanya saya tertarik. Semasa gadis, aku menenun saja tetapi setelah bersuami aku mulai belajar berniaga songket sedikit demi sedikit. Alhamdulillah kini usaha maju dan sudah sering mengikuti pameran di luar negeri seperti Singapura dan Malaysia. Pekerja tetap ada sepuluh orang yang datang setiap hari ke rumah untuk menenun, yang tidak tetap banyak, mereka

⁷¹Temubual dengan Wiwid (34 tahun), pengusaha songket (pemilik Songket Mawar) tanggal 30.3.2011 jam 16 s/d 18 di Palembang

mengambil upahan menenun dan dibawa ke rumah masing-masing. Setelah jadi songket baru dihantar ke sini).

Jawaban dari responden telah membuktikan bahawa wujud pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket Palembang. Dari jawaban-jawaban yang diberikan dapat dikatakan bahawa penenun songket sangat yakin Allah SWT akan memberi rezeki yang cukup sekiranya bekerja keras. Penenun bersyukur pada Allah SWT kerana diberi kemahiran menenun sehingga dapat menambah pendapatan dan meninggikan lagi taraf hidup mereka. Penenun tidak berpuas diri sebatas menenun sahaja, tetapi mereka berkeinginan menjadi pengusaha songket. Mereka yakin Allah SWT akan memberi jalan sekiranya berusaha dengan sungguh-sungguh.

Sedangkan jawaban responden atas soalan tentang persaingan sebagai berikut:

(P): Cak mano begawe di sini, galak saling dului dak? (Bagaimana kerja di sini, suka saling mendahului tidak?) Lutpi (L) memberi jawaban seperti berikut:

(L)"Idak, kami ni la ado gawean dewek-dewek. Cuma kami galak belumban sapo yang duluan sudah dan gaweannyo rapi".

(Tidak, kami sudah punya pekerjaan masing-masing. Tapi kami suka berlumba siapa yang selesai lebih dulu dan pekerjaannya rapi.)

(P): Ngapo cak itu? (Mengapa seperti itu?)

(L): "Yo kami ni kalu dak cak itu kadang laju lamo sudahnyo. Kami dewek yang cak itu kadang kalu ado rezeki kami traktir makan model/tekwan kawan yang menang (sudah duluan dan rapi). Yo untuk senang-senang be, itung-itung saling cicipi rezeki.

(Ya kalau tidak seperti itu kami terkadang lama baru selesainya. Kami sendiri yang seperti itu, terkadang bila ada rezeki kami belanja makan model/tekwan

teman yang menang. Ya hanya bersenang-senang sahaja, sekadar saling menikmati rezeki.)

(P): *Ai seru caknyo.* (Wah sepertinya menarik).

(L): *"Idak jugo Buk, biaso be, cuma untuk hiburan be. Jadi kami becepat begawe kalu be dapat traktiran kareno menang."*

(Tidak juga Bu, biasa sahaja, hanya sekedar hiburan. Jadi kami berusaha bekerja secepatnya supaya menang dan dibelanja)

(P): *Selain traktiran kawan, apo lagi yang di dapat?* (Selain dibelanja teman, apa yang diperoleh?)

(L): *Heheheduit Buk, kareno kalu selesai nenun kito dapat upah*

(Hehehe.....wang Bu, kerana bila selesai nenun kita dapat upah.)

(P): *Oh cak itu?* (Oh seperti itu.)

(L): *"Iyolah Buk, namonyo be ngambek upahan, banyak hasilnyo banyak pulo duitnyo."*

(Iyalah Bu, namanya juga kerja upahan, banyak hasilnya (tenunan) banyak pula wangnya.)

(P): *Sikok kain berapo upahnyo?* (Selembur kain berapa upahnya?)

(L): *"Ai Ibuk ni kepo hahaha.....itu rahasia Buk, tapi itu tegantung motifnyo, kalu sulit agak mahal dikit, kalu mudah rego pasaran."*

(Wah Ibu ingin tahu hahaha..... itu rahsia Bu, tapi itu bergantung motifnya, kalau sulit lebih mahal, kalau tidak sulit harga biasa).⁷²

Dari jawaban responden tersebut dapat diperkatakan bahawa penenun selalu berusaha untuk segera menyelesaikan pekerjaannya. Untuk melawan rasa malas mereka

⁷²Temubual dengan Lutpi, penenun songket, 26.10. 2015, pukul 3 s/d 4 petang

berinisiatif untuk berlumba agar pekerjaan segera selesai. Pemenang lomba akan dijamu dengan makanan khas Palembang (*tekwan, model dan pempek*). Selain dijamu, penenun juga akan mendapat upah segera bila pekerjaannya selesai. Dengan demikian, inisiatif penenun untuk berlumba adalah sangat positif bila dihubungkan dengan etos kerja.

Islam mengajarkan agar umat Muslim dapat bekerja untuk memenuhi kebutuhannya sendiri dan keluarganya. Untuk itu, anak-anak perlu dididik hidup berdikari supaya tidak menjadi beban dalam kehidupan. Islam menganjurkan untuk hidup sejahtera dunia akhirat. Hal ini sesuai dengan FirmanNya: "Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu". (*al-Tahrim/66: 6*).⁷³

Berkaitan dengan prinsip hidup berdikari, Aini Nungtjik memberikan jawaban sebagai berikut:

*"Sejak masih gadis, aku sudah nenun songket. Waktu tu sekedar nolongi wong tuo be kerno wong tuoku sudah nenun. Sebelum wong tuo kami meninggal, aku la begawe tu kiro-kiro 16 taun. Wong tuo kami meninggal tu sudah 19 taun lebih. Pertamo wong tuo lanang, duo taun setengah sudah tu wong tuo betino pulo. Aku nenun songket dari gadis karena sudah dari nenek moyang diajari keahlian itu. Seneng bae nyingok wong tu begawe. Suaronyo klak,klak,klak cak itu. kadang pagi, siang atau abis subuhsinggo tertarik pengen belajar. Cak mano ye,....gawean ini sudah kami dapet dari wong tuo-tuonyo. La sudah jadi tradisi turun temurun. Mulai dari ebok kamek sudah cak ini. Jadi kerno keturunan dari keluarga, yo kami ni neruskan be mak itu, la beranjak gadis kato wong tu nah kito harus galak muat kain ni."*⁷⁴

⁷³Kementerian Agama RI, *op.cit*, 1117

⁷⁴Temubual dengan Aini Nungtjik (54 tahun), penenun songket, 20.4.2009 jam 11 s/d 12, di Palembang

(Sejak gadis saya *sudah* menenun songket. Waktu itu hanya membantu ibubapa sahaja kerana ibubapa saya pekerjaannya menenun. Sebelum ibubapa kami meninggal, saya sudah bekerja kira-kira 16 tahun. Ibubapa kami meninggal sudah 19 tahun lebih, pertama ayah yang meninggal, dua tahun kemudian ibu juga meninggal. Aku menenun songket dari gadis kerana sudah dari nenek moyang diajari keahlian itu, senang saja melihat mereka bekerja. Suaranya klak, klak, klak seperti itu, terkadang pagi, siang atau sehabis subuh sehingga tertarik untuk belajar. Bagaimana ya....., pekerjaan ini sudah kami dapatkan dari orang-orang tua dulu. Sudah menjadi tradisi turun temurun. Mulai dari ibu kami sudah seperti ini. Jadi, kerana kebiasaan dari keluarga, ya kami hanya meneruskan sahaja, seperti itu. Sudah beranjak gadis kata ibubapa kita harus mahu melakukan menenun songket).

Responden memberikan jawaban yang menjelaskan bahawa menenun songket sudah diajarkan sejak awal. Kemahiran menenun songket didapatkan dari keluarga terdekat. Dahulu, ada adat pingitan, di mana anak gadis dalam pingitan diajarkan berbagai kecekapan seperti mengaji, menenun dan memasak. Pada awalnya, adat pingitan bertujuan untuk membekali kaum wanita dengan kecekapan agar mudah mendapatkan jodoh. Tetapi secara hakekatnya, produktiviti kaum wanita selama menjalani budaya pingitan membuat kaum wanita menjadi hidup berdikari.

Selain itu, gadis yang memiliki kecekapan dipandang lebih sesuai untuk dijadikan menantu atau isteri kerana dianggap boleh hidup berdikari. Kecekapan mengurus rumahtangga secara tidak langsung telah memberdayakan wanita dalam sektor ekonomi. Wanita yang memiliki kemahiran tidak bergantung kepada suami secara ekonomi, bahkan, pada masa tertentu mendapatkan amanat untuk membantu ekonomi keluarga. Hal ini tercermin daripada jawaban responden dalam temubual ketika ditanya, mengapa mahu bekerja jadi penenun?

Imas memberikan jawaban sebagai berikut:

“Cuman inilah kepacak-an aku. Aku dak punyo kepacak-an laen. Kepacak-an ini diajarke oleh wong tuo biso jugo oleh keluarga laen. Di wong kami kalu dak pacak nenun atau kepacakan lain saro nak kawin. Apolagi kalu betino tu malas, kalu dak te kawin-kawin biso jadi gerobok aesan atau perawan tuo. Kalu la mak itu, malulah keluargonyo.”⁷⁵

(Cuma ini sahaja kemahiran saya. Saya tidak memiliki kemahiran lain. Kemahiran ini diajarkan oleh ibubapa dapat juga diajarkan oleh anggota keluarga lain. Dalam tradisi masyarakat kami, kalau tidak pandai menenun atau kemahiran lain sukar bila hendak berkahwin. Apalagi kalau wanita pemalas, dapat sahaja ia tidak akan berkahwin atau jadi perawan tua. Kalau sudah begitu, keluarganya akan mendapat malu).

Dari beberapa jawaban responden tersebut, dapat diperkatakan bahawa penenun songket beretos kerja tinggi kerana motivasi kerja mereka adalah ibadah. Mereka beretika ketika bekerja, ini dapat dilihat dari jawaban-jawaban mereka. Selain itu, dari pemerhatian turut serta dapat dilihat bahawa mereka boleh dipercayai, saling menghormati, bertanggung jawab, saling mengambil berat masalah kawan lain, memiliki keahlian, tekun, teliti, disiplin dan tidak melupakan kewajiban (salat). Dengan demikian boleh diperkatakan bahawa mereka beretika dan memiliki etos kerja yang tinggi.

Berdasarkan huraian di atas dapat diperkatakan bahawa etika Islam memotivasi penenun untuk bekerja keras dan berwirausaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan produktiviti ekonomi. Bahkan, ajaran Islam memiliki keunggulan pada keseimbangan dunia akhirat. Dengan demikian, motivasi penenun dalam bekerja adalah untuk

⁷⁵Temubual dengan Imas (57 tahun), penenun songket, tanggal 20.4.2009 jam 09.00 di Palembang

kesejahteraan dunia dan akhirat. Selain dari itu, mereka percaya bahawa Allah SWT tidak akan membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.

Islam sendiri telah memberikan sandaran etika. Bahkan etika Islam dipandang dapat memberikan kepastian dan kemantapan dalam menentukan baik buruknya suatu perbuatan kerana bersumber dari wahyu yang mutlak dan objektif. Meski mutlak dan objektif, etika Islam juga mengizinkan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan semasa, sepanjang tidak bertentangan dengan wahyu itu sendiri. Salah satu kaidah dalam *ushulul-fiqh* mengatakan bahawa hukum berjalan sesuai dengan *illat* yang menyertainya.⁷⁶

Bagi umat Islam, permasalahan etika amat berkait rapat dengan keyakinan kaum Muslimin terhadap kewujudan Tuhan Yang Maha Esa, mutlak dan transenden, serta shari'ah yang kokoh, sebagaimana hal itu juga terdapat pada agama lain. Tuhan, menurut keyakinan mereka tidak hanya sebagai pencipta (*al-Khaliq*) tetapi juga sebagai pengatur(*al-Mudabbir*) dan pembimbing/pendidik(*al-Rabb*) bagi seluruh alam.

Menurut Ibn Khaldun, etika kerja dalam Islam iaitu mengusahakan rezeki dengan sungguh-sungguh, mencari rezeki dengan cara yang baik dan halal, Allah SWT berhak melimpahkan rezeki kepada siapa sahaja yang dikehendakiNya tanpa perhitungan.⁷⁷ Pendapat Ibn Khaldun ini bersesuaian dengan konsep etika al-Ghazali iaitu bekerja memiliki tujuan pasti sehingga menghasilkan kebahagiaan. Dengan demikian, individu Muslim hendaknya bekerja keras dengan cara baik dan halal, sedangkan rezeki diserahkan sepenuhnya pada Allah SWT. Hasil usaha merupakan nilai dari pekerjaan manusia. Inti ajarannya ialah bahawa hamba harus mendekati dan berusaha memperoleh ridha Allah SWT melalui kerja atau amal saleh, dan dengan memurnikan akidah iaitu dengan menyembah hanya kepadaNya.

⁷⁶Lihat misalnya Wahbah al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islami*, Jilid I, (Beirut: Dâr al-Fikr, 1986), 755.

⁷⁷Ibn Khaldun, *Mukaddimah*, terj. Masturi Irham (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2001), 684-700

Para penenun terdorong dengan usaha gigih untuk bekerja kerana sesuai ajaran al-Qur'an dan al-Hadith yang menegaskan pentingnya usaha gigih sebagaimana dinyatakan dalam al-Qur'an:

لَا يَكْفُلُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۗ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ۗ قُلْ
يَبْنَؤُا لَاتُؤَاخِذُنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ۗ يَبْنَؤُا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِيْرًا كَمَا
حَمَلْتُهُ عَلَي الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا ۗ يَبْنَؤُا وَلَا تُحْمِلُنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ۗ وَاعْفُ
عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا ۗ أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَي الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: “Allah SWT tidak membebani seseorang itu melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Dia mendapat (pahala) dari (kebajikan) yang dikerjakannya dan dia mendapat (siksa) dari (kejahatan) yang diperbuatnya. (Mereka berdoa), Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami melakukan kesalahan. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebani kami dengan beban yang berat sebagaimana Engkau bebani orang-orang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Maafkanlah kami, ampunilah kami, dan rahmatilah kami. Engkaulah pelindung kami, maka tolonglah kami menghadapi orang-orang kafir.” (*al-Baqarah / 2 : 286*).⁷⁸

Pada ayat lain dinyatakan:

يَا بَنِي إِدْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِن يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَيَّأَسُوا مِّن رَّوْحِ اللَّهِ ۗ إِنَّهُ
لَاسِيْئَاسُ مِّن رَّوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمِ الْكَافِرُونَ

Maksudnya: “Wahai anak-anakku, pergilah kamu carilah (berita) tentang Yusuf dan saudaranya dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat

⁷⁸Kementerian Agama RI, *op.cit*, 95

Allah SWT. Sesungguhnya tiada berputus asa daripada rahmat Allah SWT melainkan orang-orang kufur.” (*Yusuf / 12 : 87*).⁷⁹

Dari jawapan penenun songket dapat diketahui bahawa mereka belajar menenun dengan keluarganya kerana faktor kebiasaan dan adat turun temurun. Mereka belajar dengan kesedaran sendiri tanpa paksaan. Selain itu, terdapat faktor luaran yang turut mempengaruhi penenun songket misalnya guru mengaji (ustaz/ustazah) yang menjelaskan bahawa bekerja adalah ibadah. Ketika dijelaskan bahawa bekerja adalah ibadah maka ganjarannya adalah pahala, sehingga penenun songket termotivasi untuk bekerja dengan tekun, rapi dan teliti. Hal ini selari dengan sabda Rasulullah SAW:

عن عائشة : أن النبي ﷺ قال : إنَّ الله يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يَتَّقَنَهُ
(رواه أبو يعلى)

Dari Aisyah ra. “Sesungguhnya Allah SWT mencintai salah seorang di antara kamu yang melakukan pekerjaan dengan itqan (tekun, rapi dan teliti).” (HR. Abu Ya’la)⁸⁰.

Menenun songket tidaklah mudah kerana memerlukan kemahiran, ketekunan, ketelitian dan kesabaran. Meskipun tidak mudah, penenun songket tetap berusaha serta tawakkal pada Allah SWT kerana hanya Allah SWT sahaja yang dapat memberi ganjaran pada hambaNya. Penenun songket gigih bekerja untuk mengelakkan kemiskinan kerana kemiskinan dapat membawa kepada kekufuran. Mereka yakin bahawa usaha yang gigih akan mendapat ganjaran yang baik. Semakin banyak hasil tenunannya maka semakin banyak pula wang yang didapatkan. Selain mendapatkan wang, mereka juga yakin kalau apa yang telah mereka kerjakan adalah ibadah sehingga

⁸⁰Ahmad bin Ali bin al-Mutsanna al-Tamimi atau Imam Abu Ya’la, *op.cit.*, 349, Hadith No. 4386

ganjaran pahala pasti mereka dapatkan juga. Dengan demikian, jelaslah bahawa motivasi penenun songket adalah untuk mendapatkan pahala dan wang.

Penenun songket yakin bahawa bekerja adalah ibadah dan ini salah satu motivasi bagi mereka untuk bekerja selain mencari sumber pendapatan. Mereka enggan hanya berdiam diri mengharap belas kasihan dari masyarakat di sekitarnya. Mereka bekerja keras untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Penenun songket⁸¹ sangat yakin Allah SWT akan memberi rezeki sekiranya bekerja keras. Penenun bersyukur pada Allah SWT kerana diberi kemahiran menenun sehingga dapat menambah pendapatan dan meninggikan lagi taraf hidup mereka. Penenun tidak berpuas diri sebatas menenun sahaja, tetapi mereka berkeinginan menjadi pengusaha songket. Mereka yakin Allah SWT akan memberi jalan bila berusaha dengan sungguh-sungguh.

4.2. ANALISIS HASIL KAJIAN

4.2.1. Hasil Ujian Soal Selidik

Kajian ini telah mensasarkan 100 responden yang dijadikan sampel untuk melihat pengaruh etika Islam terhadap etos kerja penenun songket. Berikut ini adalah jadual agihan saluran daripada tiap-tiap item pertanyaan. Masing-masing pertanyaan memiliki jawapan dengan 5 kategori dengan skala Likert, iaitu sangat setuju (skor 5), setuju (skor 4), ragu-ragu (skor 3), tidak setuju (skor 2), sangat tidak setuju (skor 1).

Berdasarkan data yang diperoleh selanjutnya dilakukan ujian soal selidik iaitu ujian validiti dan ujian reliabiliti. Perhitungan untuk menguji validiti dan reliabiliti terhadap kedua soal selidik dilakukan dengan bantuan komputer program SPSS (*Statistical Package for Sosial Science*) versi 12.00.

⁸¹Temubual dengan Evi (27 tahun), penenun songket, 30.3.2011, jam 15.00 di Palembang

4.2.1.1. Seleksi Item dan Validiti Soal Selidik

Pemilihan item dalam kajian ini menggunakan parameter indeks daya beza item, yang diperoleh dari korelasi antar skor masing-masing item dengan skor total item, sehingga dapat ditentukan item yang layak dan yang tidak layak dimasukkan dalam soal selidik. Dengan menggunakan batas minimum 0.3 maka item yang memiliki indeks daya beza lebih besar atau sama dengan 0.3 dinyatakan valid atau layak untuk dimasukkan dalam soal selidik.

Soal selidik etos kerja terdiri dari 23item dan soal selidik etika Islam terdiri dari 24 item. Untuk lebih jelas dapat dilihat pada lampiran.

4.2.1.2. Reliabiliti Angket

Ujian reliabiliti terhadap kedua soal selidik hanya dikenakan pada item-item yang telah memenuhi syarat validiti. Ujian reliabiliti terhadap soal selidik etos kerja menghasilkan koefisien Alpha sebesar 0.813. Sedangkan, ujian reliabiliti terhadap soal selidik etika Islam menghasilkan koefisien Alpha sebesar 0.828. Dengan demikian kedua soal selidik tersebut dikatakan reliabel, sehingga memenuhi syarat sebagai alat ukur atau soal selidik untuk pengambilan data dalam penelitian ini.

4.2.2. Hasil Analisis Data

4.2.2.1. Deskripsi Data Penelitian

4.2.2.1.1. Deskripsi Frekuensi Pemboleh Ubah Etika Islam

Hasil statistik deskriptif frekuensi pemboleh ubah etika Islam dirangkum dalam jadual 4.1 di bawah ini:

Jadual 4.1

Ringkasan Deskriptif Pemboleh Ubah Etika Islam

N	Mean	Std. Deviation	Min	Max	Prosentil		
					25 th	50 th (Median)	75 th
100	95.23	8.357	70	112	89.00	96.00	102.00

(Sumber: Diolah dari data penelitian).

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah subjek kajian adalah 100 penenun songket. *Mean* pemboleh ubah etika Islam adalah 95.23 yang ertinya bahawa rata-rata penenun songket Palembang memiliki skor etika Islam sebesar 95.23. *Median* 96 sama ertinya dengan peratusan 50 bahawa sebesar 50% penenun memiliki skor 96 ke atas dan 50% penenun memiliki skor 96 ke bawah. Peratusan 25 ertinya bahawa sebanyak 25% penenun memiliki skor 89. Sedangkan peratusan 75 bererti bahawa sebanyak 75% penenun memiliki skor 96. Selanjutnya, skor tertinggi penenun adalah 102 dan skor terendah penenun adalah 70 dengan *standard deviasi* (simpangan baku) sebesar 8.375.

Dari hasil statistik deskriptif frekuensi pemboleh ubah etika Islam dapat diperkatakan bahawa pemboleh ubah etika Islam masuk dalam kategori tinggi, ertinya semakin baik etika Islam penenun songket maka semakin tinggi etos kerjanya, dan sebaliknya. Ini dapat dibuktikan dari besarnya sumbangan efektif yang diberikan oleh pemboleh ubah etika Islam terhadap etos kerja pada penenun songket Palembang adalah sebesar 42.6% ($R^2 = 0.426$).

Bertitik tolak dari huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa etika Islam mempunyai peranan yang cukup penting dalam mempengaruhi etos kerja pada penenun songket Palembang. Ini bermakna bahawa jika para penenun songket menjalankan dan memegang teguh etika Islam (berpedoman dengan ajaran Islam) maka akan

menghasilkan etos kerja yang lebih baik yang pada gilirannya dapat meningkatkan produktiviti dan penghasilan para penenun songket di Palembang.

4.2.2.1.2. Deskripsi Frekuensi Pemboleh Ubah Etos Kerja

Hasil statistik deskriptif frekuensi pemboleh ubah etos kerja dirangkum dalam jadual 4.2 berikut ini:

Jadual 4.2
Ringkasan Deskriptif Pemboleh Ubah Etos Kerja

N	Mean	Std. Deviation	Min	Max	Prosentil		
					25 th	50 th (Median)	75 th
100	96.84	7.730	77	113	91	98	102

(Sumber: Diolah dari data penelitian).

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah subjek kaji selidik adalah 100 penenun. *Mean* pemboleh ubah etos kerja adalah 96.84, yang ertinya bahawa rata-rata penenun songket Palembang memiliki skor etos kerja sebesar 96.84. *Median* 98 sama ertinya dengan peratusan 50 bahawa sebesar 50% penenun memiliki skor 98 ke atas dan 50% penenun memiliki skor 98 ke bawah. Peratusan 25 ertinya bahawa sebanyak 25% penenun memiliki skor 91. Sedangkan peratusan 75 bererti bahawa sebanyak 75% penenun memiliki skor 98. Selanjutnya, skor tertinggi adalah 113 dan nilai terendah adalah 77 dengan *standard deviasi* (simpangan baku) sebesar 7.730. Dari hasil statistik deskriptif frekuensi pemboleh ubah etos kerja masuk dalam kategori tinggi, hal ini dapat dilihat dari nilai *mean* sebesar 96.84.

Toto Tasmara, dalam bukunya *Etos Kerja Pribadi Muslim*, menyatakan bahawa “bekerja” bagi seorang Muslim adalah suatu usaha yang sungguh-sungguh, dengan mengerahkan seluruh daya upaya, fikir dan zikirnya untuk mengaktualisasikan atau menampakkan erti dirinya sebagai hamba Allah SWT. Manusia dituntut untuk menundukkan dunia dan menempatkan dirinya sebagai masyarakat yang terbaik (*khaira ummah*), atau dengan kata lain dapat diperkatakan bahawa dengan bekerja manusia itu memanusiaikan dirinya.⁸²

Kerja keras atau disebut juga dengan etos kerja merupakan syarat mutlak untuk mencapai tujuan hidup iaitu kebahagiaan dunia dan akhirat. Etos kerja yang tinggi dapat diraih dengan jalan menjadikan motivasi untuk ibadah sebagai pendorong utama selain penghargaan dan perolehan material.⁸³ Dengan demikian, bekerja adalah fitrah dan sekaligus merupakan salah satu identiti manusia. Bekerja yang didasarkan prinsip-prinsip etika Islam bukan sahaja menunjukkan fitrah sebagai seorang Muslim tetapi sekaligus meninggikan martabatnya sebagai hamba Allah SWT yang diberi amanah untuk mengelola seluruh alam sebagai bentuk rasa syukur kepadaNya.

4.2.3. Hasil Ujian Kajian Rintisan

Sebelum melakukan analisis data, terlebih dahulu dijalankan ujian kajian rintisan yang merangkumi ujian tahap kewajaran dan ujian lineariti. Ujian kewajaran dan ujian lineariti ini merupakan syarat sebelum melakukan analisis regresi. Hal ini dimaksudkan agar kesimpulan yang dibuat tidak menyimpang dari ketentuan yang telah ditentukan.

⁸² Toto Tasmara, *Etos Kerja Pribadi Muslim*, (Yogyakarta: Dana Bhakti Prima Yasa, 1995), 27

⁸³ Khoirun Nisa', *Peranan Analisis Jabatan (Job Analisis) dalam Penempatan Pegawai Kantor Pelayanan Pajak Pratama Mojokerto*, (Malang:Universitas Negeri Malang, 2008), 126

4.2.3.1. Ujian Tahap Kewajaran

Ujian kewajaran dijalankan untuk mengetahui apakah data yang digunakan dalam kajian ini terbahagi secara wajar atau tidak. Ujian kewajaran dijalankan dengan menggunakan ujian *Kolmogorov-Smirnov* melalui program *SPSS for windows realease* 12.00. Kaidah yang digunakan untuk mengetahui kewajaran menerusi sebaran data adalah jika $p \geq 0,05$ sebaran dikatakan wajar atau jika $p < 0,05$ maka sebaran dianggap tidak wajar. Ringkasan hasil ujian kewajaran terhadap pemboleh ubah etika Islam dan etos kerja dirangkum pada jadual 4.3 di bawah ini:

Jadual 4.3
Hasil Ujian Kewajaran

Pemboleh Ubah	KS-Z	P	Status
Etika Islam	0.790	0.560	Wajar
Etos Kerja	0.900	0.392	Wajar

Ket: KS-Z: Uji Kolmogorov-Smirnov; p: Signifikansi

(Sumber: Diolah dari data penelitian).

Berdasarkan jadual di atas, maka dapat disimpulkan bahawa data pemboleh ubah etika Islam dan etos kerja berdistribusi wajar. Sehingga, analisis data dengan statistik parametrik boleh dilakukan.

4.2.3.2. Ujian Lineariti

Ujian lineariti hubungan dilakukan untuk mengetahui apakah pemboleh ubah bebas (X) dan pemboleh ubah tergantung (Y) memiliki hubungan yang linear. Melalui ujian lineariti dapat pula diketahui taraf penyimpangan dari lineariti hubungan tersebut. Hubungan antara pemboleh ubah bebas (X) dan pemboleh ubah tergantung (Y) dikatakan linear jika tidak ditemukan penyimpangan yang signifikan. Ujian lineariti

dilakukan dengan teknik analisis varians. Kaidah ujian yang digunakan adalah jika $p \leq 0.05$ maka hubungan antara pemboleh ubah bebas (X) dengan pemboleh ubah tergantung (Y) dinyatakan linear, atau jika $p > 0.05$ maka hubungannya tidak linear. Ujian lineariti hubungan dilakukan dengan bantuan komputer program *SPSS for windows realease 12.00*. Ringkasan hasil ujian linieriti hubungan dirangkum pada jadual 4.4 di bawah ini:

Jadual 4.4
Hasil Ujian Lineariti

No	Korelasi	F	P	Keterangan
1	X dan Y	72.832	0.000	Linear

Keterangan : X = etika islam ; Y= etos kerja

Sumber : Diolah dari data penelitian.

Hasil ujian linieriti menunjukkan bahwa hubungan antara pemboleh ubah bebas (X) dengan pemboleh ubah tergantung (Y) adalah linear. Sehingga, analisis data dengan statistik parametrik boleh dilakukan.

4.2.4. Hasil Ujian Hipotesis

Hasil ujian *simple regression* dilakukan pada pemboleh ubah etika Islam (X) dan etos kerja (Y) dirangkum pada jadual 4.5 berikut ini:

Jadual 4.5
Hasil Ujian *Simple Regression*

Pemboleh Ubah	R	R ²	F	P	Keterangan
X dan Y	0.653	0.426	72.833	0.000	Sangat Signifikan

Keterangan : X = etika Islam ; Y= etos kerja

Sumber : Diolah dari data penelitian

Hasil ujian hipotesis pada penelitian ini menunjukkan bahawa ada pengaruh positif yang sangat signifikan antara etika Islam dengan etos kerja pada penenun songket Palembang ($r=0.653$; $p<0.000$ atau $p<0.001$). Selanjutnya, besarnya sumbangan efektif yang diberikan oleh pemboleh ubah etika Islam terhadap etos kerja pada penenun songket Palembang adalah sebesar 42.6% ($R^2=0.426$).

Berdasarkan hasil analisis data yang telah dijalankan untuk membuktikan adanya pengaruh antara etika Islam terhadap etos kerja pada penenun songket Palembang, menunjukkan bahawa ada pengaruh positif yang sangat signifikan antara etika Islam terhadap etos kerja ($r=0.653$; $p<0.000$ atau $p<0.001$). Hal ini bererti semakin tinggi dan semakin baik etika Islam maka semakin tinggi dan baik juga etos kerja penenun songket Palembang.

Selanjutnya, besarnya sumbangan efektif yang diberikan oleh pemboleh ubah etika Islam untuk pemboleh ubah etos kerja pada penenun songket Palembang adalah sebesar 42.6% ($R^2=0.426$). Hal ini bererti bahawa ada 57.4% faktor lain yang juga berpengaruh terhadap etos kerja.

Hasil kajian ini sesuai dengan pandangan Islam yang menempatkan kerja pada kedudukan yang mustahak yang berkait rapat dan bahkan tidak dapat dipisahkan dengan etika dan keimanan. Dengan demikian, bekerja dalam Islam merupakan suatu kewajiban. Makna bekerja bagi seorang Muslim adalah suatu usaha dengan mengerahkan seluruh fikir dan zikirnya sebagai hamba Allah yang harus menaklukkan dunia dan menempatkan dirinya sebagai bahagian dari masyarakat yang terbaik untuk mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat. Bahkan, bekerja bagi seorang Muslim merupakan ibadah iaitu bukti pengabdian dan rasa syukurnya dan untuk memenuhi perintah Allah agar mampu menjadi yang terbaik.

Sesuai juga dengan ayat yang tercermin dari firman Allah dalam surat *Al-*

Taubah ayat 105 sebagai berikut: “Dan Katakanlah: "Bekerjalah kamu, Maka Allah SWT dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui akan yang gaib dan yang nyata, lalu diberitakannya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan (*al-Taubah* / 9: 105),⁸⁴ maka seorang Muslim juga harus selalu sibuk bekerja. Rasa malas berbeza dengan sifat malas. Rasa malas sifatnya sementara dan biasanya terjadi kerana suasana hati sedang tidak baik, dan itu dapat saja terjadi. Sedangkan sifat malas, bermakna ia sudah menjadi karakter yang mana pada awalnya karakter itu dibentuk dari kebiasaan yang terus diulang-ulang yang akhirnya menjadi sebuah sifat yang melekat pada individu. Sifat malas boleh membawa kepada kegagalan dalam menjalani kehidupan ini. Lebih buruk lagi, sifat malas ini mempunyai pengaruh buruk terhadap kesihatan baik fizikal mahupun jiwa manusia.

Sifat malas sangat dibenci oleh Allah SWT seperti yang tergambar dalam doa yang biasa dibaca oleh Rasulullah SAW yang maksudnya: “Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari kelemahan, rasa malas, rasa takut, kejelekan di waktu tua, dan sifat kikir. Dan aku juga berlindung kepadaMu dari siksa kubur serta bencana kehidupan dan kematian.”⁸⁵

Sifat malas menjadi punca kepada kehidupan manusia yang rosak di dunia dan di akhirat kelak. Sementara dalam berbagai riwayat hadith lainnya, turut disentuh mengenai beberapa impak sifat malas seperti kemiskinan, pengucilan, kehinaan dan dianggap rendah oleh orang lain.

Sifat malas juga akan menghalangi harapan manusia dan menyebabkan pelanggaran terhadap hak-hak Tuhan dan hamba-hamba-Nya. Manusia yang malas tidak akan melaksanakan kewajiban-kewajiban agama, dan pada akhirnya ia akan terjerumus

⁸⁴Kementerian Agama RI, *op.cit.*,403

⁸⁵Al-Imam al-Hafiz Abu Abdillah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari, *op.cit.*, Hadith No. 6367 dan Muslim bin Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim, Hadith No. 2706*

ke dalam lembah dosa dan maksiat serta kesengsaraan abadi. Dengan demikian, dampak malas bagi manusia telah sampai pada tahap yang tidak mudah untuk diperbaiki.

University of Malaya

BAB V: KESIMPULAN DAN SARAN

Berdasarkan huraian secara keseluruhan bab-bab terdahulu tentang “Pengaruh Etika Islam terhadap Etos Kerja Penenun Songket Palembang”, terdapat beberapa kesimpulan dan saran sebagai jawapan dari permasalahan kajian.

5.1. KESIMPULAN

1. Etika Islam sering disamakan dengan akhlak kerana sumbernya sama, iaitu al-Qur'an dan al-Hadith, kemahuan dan tujuan yang baik serta akal dan hati nurani. Etika Islam adalah norma-norma yang menjadi panduan kepada manusia agar berperilaku yang baik dan menjauhkan diri dari tingkah laku yang buruk. Etika Islam menetapkan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber moral dan kayu ukur utama dalam menilai baik dan buruknya perbuatan individu Muslim. Etika Islam bersifat universal dan komprehensif serta dapat diterima dan dijadikan pedoman oleh seluruh manusia. Etika Islam merupakan pedoman berperilaku baik individu mahupun kelompok di segala aspek kehidupan dan sangat sesuai dengan ajaran Islam. Etika Islam mengatur dan membimbing fitrah manusia ke peringkat akhlak yang luhur dan mulia. Etika Islam sangat mempengaruhi etos kerja, kerana bekerja merupakan perintah agama. Agama Islam menghendaki keseimbangan antara keperluan zahir dan batin, dunia dan akhirat. Ajaran tentang keseimbangan inilah yang menjadi dasar bagi konsep akhlak yang dikemukakan oleh al-Ghazali dan Ibnu Miskawaih.

Sedangkan etos kerja Islam digali dan dirumuskan berdasarkan konsep iman dan amal soleh. Tanpa landasan iman dan amal soleh, etos kerja apa pun tidak dapat menjadi Islamik. Tidak ada amal soleh tanpa iman dan iman

merupakan sesuatu yang tak berguna bila tidak melahirkan amal soleh. Kesemuanya itu mengisyaratkan bahawa iman dan amal soleh merupakan suatu rangkaian yang berkait rapat, bahkan tidak terpisahkan.

Etos kerja dalam Islam adalah hasil suatu kepercayaan seorang Muslim, bahawa kerja mempunyai kaitan dengan tujuan hidupnya, iaitu memperoleh reda Allah SWT. Berkaitan dengan ini, penting untuk dikemukakan bahawa pada asasnya, Islam adalah agama amal atau kerja. Etos kerja dalam Islam berkait rapat dengan nilai-nilai (values) yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Nilai-nilai ini menjadi sumber inspirasi dan motivasi bagi setiap Muslim dalam menjalankan aktiviti kerja dalam pelbagai bidang kehidupan. Cara mereka memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai al-Qur'an dan al-Hadith tentang dorongan untuk bekerja itulah yang membentuk etos kerja Islam.

Ciri-ciri orang yang memahami dan menghayati etos kerja terserlah dalam sikap dan tingkah lakunya yang berlandaskan pada suatu keyakinan yang sangat mendalam bahawa bekerja itu ialah ibadah. Ada semacam panggilan dari hatinya untuk terus menerus memperbaiki diri dan menciptakan prestasi yang gemilang dan menjadi umat yang terbaik (*khayr ummah*). Secara metaforis, dapat dikatakan bahawa individu Muslim itu sangat kecanduan untuk beramal saleh. Ada semacam dorongan yang sangat luar biasa untuk berbuat kesalehan tersebut.

2. Tidak diketahui secara pasti sejak bila songket pertama kali dibuat. Walau bagaimanapun, dari sejarah kain songket telah dipakai pada zaman kerajaan Sriwijaya. Dahulu songket hanya dibuat dan dipakai oleh kerabat diraja sahaja, namun sekarang songket dapat dibuat oleh sesiapa sahaja asalkan memiliki kemahiran itu. Penenun songket sekarang tidak terhad pada kerabat kerajaan

sahaja. Sesiapa pun boleh menenun songket dan hasil tenunan pun bukan hanya berupa kain dan selendang sahaja.

Sekarang ini, penenun songket Palembang kebanyakan berasal dari masyarakat biasa dengan latar belakang pendidikan dan keluarga yang berbeza. Namun satu perkara yang dapat dinyatakan bahawa mereka memiliki kemahiran, ketekunan, ketelitian dan kesabaran dalam menenun songket. Selama ratusan tahun tenun songket telah mengalami perubahan, daripada kain kebesaran keluarga bangsawan menjadi kain tenun yang turut dipakai oleh masyarakat awam. Hingga sekarang songket bertahan sebagai salah satu warisan budaya yang sangat bernilai. Terpeliharanya budaya tenun songket tidak lari daripada peranan penenun songket dalam melestarikan budaya ini secara turun temurun hinggalah sekarang.

Kehidupan penenun songket tidak berbeza dengan kehidupan masyarakat pada amnya. Mereka juga memiliki masalah baik masalah keluarga, peribadi atau kewangan, tetapi yang menarik perhatian, mereka tetap fokus bekerja seperti biasa seolah-olah tanpa beban. Mereka bekerja sambil bercanda atau menyanyi meskipun pekerjaan mereka tidak mudah. Mereka tetap gigih bekerja meskipun berdepan dengan masalah. Mereka bersyukur dengan kemahiran yang mereka miliki iaitu menenun songket. Oleh itu, mereka gunakan kemahiran itu untuk mencari rezeki.

3. Bekerja dalam Islam merupakan suatu keharusan. Makna bekerja bagi seorang Muslim adalah suatu usaha dengan mengerahkan seluruh fikir dan zikirnya sebagai hamba Allah SWT yang harus menaklukkan dunia dan menempatkan dirinya sebagai bahagian dari masyarakat yang terbaik untuk mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat. Bahkan, bekerja bagi seorang Muslim merupakan

ibadah iaitu bukti pengabdian dan rasa syukurnya dan untuk memenuhi perintah Allah SWT agar mampu menjadi yang terbaik.

Penenun songket selalu berusaha untuk menghasilkan kain songket yang indah. Untuk menghasilkan kain songket yang indah perlu ketekunan, ketelitian dan kesabaran. Itulah intipati etos kerja Islam, usaha yang keras untuk mendapatkan hasil terbaik. Ciri-ciri etos kerja Islam antara lain adalah: bekerja secara ikhlas dengan niat kerana Allah SWT semata, bekerja secara profesional, tekun, teliti dan kemas, bekerja secara jujur dan amanah serta bekerja sesuai dengan prinsip-prinsip syaria`h. Berdasarkan ciri-ciri itu, maka dapat dirumuskan bahawa penenun songket Palembang memiliki etos kerja yang tinggi.

Penenun songket sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh dalam bekerja meskipun tidak diawasi secara langsung oleh majikan. Mereka bekerja secara wajar dan sesuai kemahirannya dengan harapan menghasilkan kain songket terbaik. Etos kerja yang ditunjukkan oleh penenun songket merupakan pentermahan daripada ajaran agama yang mereka anuti iatu Islam. Mereka yakin bahawa bila berusaha dengan sungguh-sungguh dan dengan niat baik, maka akan diberi Allah SWT imbalan pahala dan rezeki yang halal.

Etika Islam terhadap etos kerja penenun songket dipengaruhi oleh motivasi prinsip agama dan nilai-nilai ekonomi. Motivasi mereka bekerja ialah untuk ibadah dan memenuhi keperluan ekonomi keluarga. Bila motivasinya adalah untuk ibadah dan memenuhi keperluan ekonomi keluarga, maka produktiviti mereka semakin meningkat kerana semakin banyak hasil tenunan maka pahala dan upah yang mereka dapat akan semakin banyak pula.

Penenun songket yang meniatkan segala kerjanya untuk ibadah dan memenuhi keperluan keluarga; akan sentiasa bekerja secara berkesan, penuh tanggung jawab, dan profesional. Ini merupakan keterkaitan antara etika Islam dengan etos

kerja penenun songket Palembang iaitu bahawa setiap usaha dan pekerjaan itu adalah ibadah dan sekaligus memperlihatkan sikap kebertanggungjawaban sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

Dengan demikian, etika Islam sangat mempengaruhi etos kerja penenun songket Palembang. Penenun songket Palembang bekerja sesuai dengan etika kerja Islam iaitu: kerja sebagai ibadah, profesional, tekun, teliti, disiplin, jujur dan amanah, pantang menyerah (gigih dalam berusaha), berkeinginan untuk memperbaiki taraf hidup keluarga. Semua ciri etika kerja Islam tersebut tentu saja memberi pengaruh pada etos kerja mereka.

b. Hasil Analisis Kuantitatif

Berdasarkan hasil analisis kuantitatif membuktikan bahawa etika Islam mempengaruhi terhadap etos kerja penenun songket di Palembang. Data-data yang terhasil daripada kaji selidik menunjukkan bahawa ada pengaruh positif yang sangat signifikan antara etika Islam terhadap etos kerja (($r=0.653$; $p<0.000$ atau $p<0.001$). Hal ini bererti semakin tinggi dan semakin baik etika Islam maka semakin tinggi dan baik juga etos kerja para penenun songket di Palembang.

5.2. SARANAN

Ajaran Islam yang terkandung dalam Al-Qur'an dan al-Hadith banyak memberi petunjuk tentang bagaimana manusia dibebani tugas untuk berusaha dan tidak bersikap pasif menerima nasib begitu saja. Islam mengajarkan manusia untuk bekerja keras dan pada masa yang sama berserah diri kepada Allah dan mengikuti sunnah RasulNya. Oleh itu, umat Islam diharapkan menjalankan ajaran Islam yang sebenar-benarnya sehingga dapat membuktikan bahawa Islam mengajarkan etos kerja yang baik. Oleh itu, etika

Islam wajar dijadikan landasan bagi etos kerja. Dari hasil penyelidikan ada beberapa saranan yang disampaikan kepada:

5.2.1. Pemerintah Provinsi Sumatera Selatan dan Pemerintah Kota Palembang:

- a. Untuk melestarikan warisan budaya dari generasi ke generasi, perlu dibuat sebuah wadah khusus untuk membuat kursus menghasilkan tenun songket Palembang. Selama ini kemahiran menenun hanya diperoleh secara turun temurun, sehingga dari waktu ke waktu jumlah penenun songket semakin berkurangan. Oleh itu, pemerintah diharapkan mengambil berat terhadap isu ini. Dengan adanya wadah khusus yang diprogram oleh pemerintah untuk belajar menenun songket, maka identiti budaya lokal tetap terjaga dan lestari.
- b. Sebaiknya kain songket Palembang diberi jenama kerana akan memudahkan pelanggan ketika hendak membeli semula di lain waktu. Pemberian jenama dapat meningkatkan citra produk sendiri, dapat melindungi ciri khas yang dimiliki produk dan mengkomunikasikan kualiti produk songket Palembang kepada pelanggan.
- c. Melakukan promosi yang lebih rancak dengan mengadakan pameran-pameran yang mempelbagaikan corak kain songket Palembang dan disertai dengan cerita dari nilai-nilai tradisional Palembang.
- d. Pemerintah tidak perlu ragu untuk menjadikan etika Islam dan etos kerja Islam sebagai asas utama untuk membuat peraturan.

5.2.2. Pemuka agama:

- a. Penenun songket Palembang telah menggunakan etika Islam dalam bekerja dan etos kerjanya sudah bagus. Untuk mengekalkannya perlu sokongan dari pemuka agama agar lebih meningkatkan lagi motivasi penenun dalam bekerja.

- b. Pemuka agama diharapkan dapat bekerjasama dengan pemerintah untuk memberi pendidikan agama Islam secara rutin kepada penenun songket.

5.2.3. Penenun songket dan pengusaha songket:

- a. Meningkatkan kualiti tenunan agar hasil tenunan tidak terlalu tebal dan berat, sehingga selesa dipakai. Hal ini dapat dilakukan dengan memakai benang yang tidak terlalu tebal. Penenun disarankan lebih kreatif memadupadankan warna kain songket Palembang agar mengikuti fesyen yang sedang popular dan tidak hanya menggunakan benang emas sehingga boleh dipakai untuk aktiviti sehari-hari. Misalnya, kain warna putih dan corak benang emas diganti dengan warna lain seperti merah, hitam atau biru.
- b. Kain songket banyak dijual di pasar ataupun langsung ke penenun. Sebaiknya tempat menjual songket yang berkualiti disediakan tempat yang khas dan songket dikemas yang cantik agar orang tertarik untuk melihat kemudian membelinya.

5.3. PENUTUP

Bandar Palembang yang berpenduduk kebanyakan Muslim ini mempunyai sebuah warisan budaya sejarah yang masih dilestarikan sehinggalah hari ini, iaitu Songket. Seni tenun songket yang telah dijadikan sebagai kerjaya dan penjana ekonomi oleh sebahagian masyarakat Palembang ini pada gilirannya dapat membantu merancakkan ekonomi Bandar Palembang. Di samping itu, dengan wujudnya songket ini, identiti budaya Melayu-Palembang yang tercermin dalam setiap sulaman benang emas yang indah tetap terpelihara dari generasi ke generasi.

Sebagai warisan masa lalu, songket menjadi bagian dari tradisi masyarakat Sumatera Selatan khususnya *wong Palembang*. Meskipun beberapa bagian dari tradisi itu ada yang ‘hilang’, namun sebahagian lainnya masih terpelihara hingga kini. Pada masa kesultanan Palembang Darussalam, songket hanya dipakai oleh raja-raja sebagai pakaian kebesaran. Seiring perjalanan waktu, songket akhirnya menjadi semacam industri yang memberikan sumbangan bagi perekonomian rakyat. Daya tariknya sebagai cinderahi untuk pelancong menjadikan industri ini mengalami perkembangan yang cukup baik. Walikota Palembang melalui SK tahun 1996 menetapkan kawasan Pusat Kerajinan Songket di beberapa kelurahan, yaitu 30 dan 32 ilir, serta 12, 13, dan 14 ulu. Hingga kini unit usaha kerajinan itu jumlahnya mencecah 300 unit. Dari semua unit usaha itu, dihasilkan paling tidak 14.000 lembar songket dengan omset sekitar 4 milyar rupiah per tahun.

Kemahiran menenun songket secara tidak langsung telah memberdayakan wanita dalam bidang ekonomi. Wanita yang memiliki kemahiran menenun songket, secara ekonomi tidak bergantung kepada suaminya bahkan pada saat-saat tertentu meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Hasil kerja menenun songket menjadi milik mereka sepenuhnya sehingga apabila songket yang bernilai ekonomi tinggi tersebut dijual, maka wang dari hasil penjualan tersebut menjadi haknya. Jadi, tenun songket dapat berfungsi sebagai pemberdayaan wanita.

Ajaran Islam turut memotivasi penenun untuk bekerja keras untuk meningkatkan kesejahteraan. Bahkan, ajaran Islam memiliki keunggulan pada keseimbangan dunia akhirat. Dengan demikian, motivasi penenun dalam bekerja adalah untuk kesejahteraan dunia dan kebahagiaan di akhirat. Hal ini membuktikan bahawa wujud pengaruh etika Islam terhadap etos kerja mereka.

RUJUKAN

- Abduh, Muhammad, *Risalah Tauhid*, terj. K.H. Firdaus A.N., Jakarta: Bulan Bintang, 1979.
- Abdullah, M. Amin. *The Idea of Universality of Ethical Norms in Ghazali and Kant*. Ankara: Turkiye Diyanet Vakfi Yayinlary, 1992.
- _____. *Filsafat Etika Islam: Antara al-Ghazali dan Kant*. Bandung: Mizan
- Abdullah, Irwan, *The Muslim Businessmen: Religious Reform and Economic Modernization in a Central Javanese Town*, Universiteit van Amsterdam, 1994.
- Abdullah, Taufik, *Agama, Etos Kerja dan Perkembangan Ekonomi*, Jakarta: LP3ES, 1986.
- _____, *Islam dan Masyarakat: Pantulan Sejarah Indonesia*, Jakarta: LP3ES, 1987.
- Abu Daud, Sulaiman ibn al-Asyats al-Sijistany, *Sunan Abu Daud*. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyah, 1998.
- Abu Ya'la, Ahmad bin Ali bin al-Mutsanna al-Tamimi, *Musnad Abu Ya'la Jilid VII*. Beirut: Dar al- Ma'mun li al-Turats, t.t.
- Aini, Tengku Sarina, Tengku Kasim dan Fadillah Mansour, "Keperluan Motivasi dalam Pengurusan Kerja Berkualiti dan Perspektif Pemikiran Islam", dalam *Jurnal Ushuluddin*, Bil. 25, Januari-Jun 2007.
- Akib, RHM, *Sejarah dan Kebudayaan Palembang*, Palembang: t.p.,1975.
- _____, dan R. Ibrahim. *Sedjarah Melaju Palembang*, Bandung: Economy,t.t.
- Alfian (ed.), *Persepsi Masyarakat Tentang Kebudayaan*, Jakarta: Gramedia, 1985.
- Alimuddin, R.M. Rangga. *Prospek Pengembangan Usaha Songket di Palembang: Studi Analisis pada Usaha Songket Yayasan Mustika Mandiri Palembang*. Palembang: Fakulti Ekonomi Universiti Tridinanti, 1999.
- Amin, Ahmad. *Etika (Ilmu Akhlak)*. Jakarta: Bulan Bintang, 1993.
- Amin, M. Darori. "Norma-norma Etika Islam", dalam *Jurnal Teologia*, Volume 12, Nomor 03, Oktober 2001.
- Amin, M. Masyhur. *Teologi Pembangunan: Paradigma Baru Pemikiran Islam*. Yogyakarta: LKPSM-NU,1989.
- Andaya, Barbara Watson. *The Cloth Trade in Jambi and Palembang During The 17th and 18th Centuries*. New York: t.p, 1987.

- Andreski, Stanislav. *Max Weber: Kapitalisme, Birokrasi dan Agama.*, terj. Hartono Hadikusumo, Yogyakarta: Tiara Wacana, 1989.
- Anonimus, *Penemuan Hari Jadi Bandar Palembang*, Palembang: Humas Pemda Kota Palembang, 1973.
- _____. *Kamus Dewan*, edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- _____. *Kamus Perdana*, edisi ke-3. Selangor: United Publishing House (M), Sdn. Bhd, 2009.
- Arsyad, Azhar. *Al-Qiyam wa al-Adab*. Ujung Pandang: Pustaka Pesantren, 1994.
- _____. *Dimensi Budaya Kerja dan paham Teologi : Hubungannya dengan Pendidikan dan Implikasinya terhadap Manajemen Kinerja*. Jakarta: Program Pasca Sarjana IAIN Syarif Hidayatullah, 1999.
- Asifudin, Ahmad. *Etos Kerja Islami*. Yogyakarta: UII Press, 2004.
- Asmaran As. *Pengantar Studi Akhlak*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1992.
- Asshiddieqie, Jimly. "Sriwijaya: Pusat Peradaban yang Kehilangan Vitalitas (Tantangan Bagi Generasi Muda Dalam Menghadapi Masa Depan Bangsa)" (Makalah Keynote Speech pada Pembukaan Musyawarah Besar Generasi Muda Sriwijaya di Jakarta, 16 September 2001).
- Asy'arie, Musa. *Islam, Etos Kerja, dan Pemberdayaan Ekonomi Umat*, Yogyakarta: LESFI Institut Logam, 1998.
- al-Attas, Naguib, *Preliminary Statemen on a General Theory of Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
- Azra, Azyumardi, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan, 1994.
- _____. *Pergolakan Politik Islam: Dari Fundamentalisme, Modernisme hingga Post-Modernisme*, Jakarta: Paramadina, 1996.
- Bakri, Hasbullah. *Sistematik Filsafat*. Jakarta: Widjaya, 1992.
- Bapeda Provinsi Sumatera Selatan. *Sumatera Selatan dalam Angka*. Palembang: Bapeda & BPS Provinsi Sumatera Selatan, 2013.
- Bass, Bernard M. dan Barrett, Gerald V. *People, Work and Organization: An Introduction to Industrial and Organizational Psychology*, (cetakan kedua), Boston: Allyn & Bacon Inc, 1981.
- Blackburn, Somon, *Being Good: Pengantar Etika Praktis*. terj. Hari Kusharyono. Yogyakarta: Jendela, 2004.
- al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail, *Shahih al-Bukhari*. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyah, 1998.

- Caco, Rahmawati. "Etos Kerja" (Sorotan Pemikiran Islam) dalam Farabi, *Jurnal Pemikiran Konstruktif Bidang Filsafat dan Dakwah*, Vol.3 No. 2. Gorontalo: IAIN Sultan Anai, 2006.
- Clammer, John, *Sociology of Singapura Religion*. Singapura: Chopment Publisher, 1991.
- Damayanti, Erna. *Sejarah Pertumbuhan Kain Songket Palembang*, Palembang: Fakultas Adab, IAIN Raden Fatah, 2000.
- Daud, Kamaruddin. "Kajian terhadap Tahap Motivasi Petugas-petugas Kaunter di Sektor Awam". Tesis Fakultas Ekonomi dan Pentadbiran UM, 1997/1998.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*. Edisi ke empat. Kuala Lumpur, 2010.
- Dinas Pariwisata Provinsi Sumatera Selatan, *Indonesia Lintasan Sejarah Budaya Sumatera Selatan*, Palembang: t.p, 1995.
- Djarmika, Rahmat, *Sistem Ethika Islam*, Jakarta: Pustaka Panjimas, 1996,
- Effendi, Djohan, *Konsep-konsep Teologis: Kontekstualisasi Doktrin-doktrin Islam dalam Sejarah*, 1994.
- Engineer, Asghar Ali. *Islam dan Teologi Pembebasan*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 1999.
- Ensiklopedia Nasional Indonesia, 1989.
- Fahal, Mukhtafi dan Aziz, Achmad Amin. *Teologi Islam Modern*. Surabaya: Gitamedia Press, 1999.
- Fakhry, Majid. *Ethical Theories in Islam*. terj. Zakiyuddin Baidhawi "Etika dalam Islam". Jakarta: Pustaka Pelajar, 1996.
- Fakih, Mansour. "Teologi bukan Salah Benar" dalam 'Ulum al-Qur'an Vol. VI no. 3, 1995.
- al-Faruqi, Ismail Raji, *Towards Islamic Labour and Unionism, The International Islamic Confederation of Labour*, Kaherah: t.p, 1980.
- _____. *Al-Tawhid: Its Implication for Thought and Life*. Herndon, Virginia: IIIT, 1995.
- al-Ghazali, Abu Hamid bin Muhammad, *Khuluq al-Muslim*. Cairo: Dar al-Kutub al-Haditsah, 1974.
- _____. *Ihyā Ulumuddin*, III, Beirut: Dar al-Fikr, t.t.
- _____. *Keajaiban Hati*, terj. Nurchikmah. Jakarta: Tintamas Indonesia, 1984.
- _____. *al-Munqidh min al-Dhalal*, Istanbul: Hakikat Kitabevi
- Geertz, Clifford. (1986). *Abangan, Santri, Priyayi dalam Masyarakat Jawa*, (terj. Aswad Mahasin), Jakarta: Pustaka Jaya, 1984.

- _____. *Kebudayaan dan Agama*, Yogyakarta: Kanisius, 1992.
- Groeneveld, *Historical Notes on Indonesia and Malaya Compiled from Chinese Sources*. Jakarta: Bharata, 1960.
- Hadi, Abdul, W.M, *Islam: Cakrawala Estetik dan Budaya*. Jakarta: Pustaka Firdaus, 2000.
- Haikal, Husain, *Hayat Muhammad*, Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1993.
- Hall, D.G.E. *Sejarah Asia Tenggara*, (terj. I.P. Soewarsha), Surabaya: Usaha Nasional, 1988.
- Hambali, Hasan. *Sejarah Pakaian Adat Sumatera Selatan*, Palembang: Dinas Pariwisata, 2003.
- Hamersma, Harry, *Tokoh-tokoh Filsafat Barat Modern*. Jakarta: Gramedia, 1986.
- Hamka. *Sejarah Umat Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, 1981.
- Hanafiah, Djohan. *Kuto Gawang, Pergolakan dan Permainan Politik dalam Kelahiran Kesultanan Palembang Darussalam*. Jakarta: t.p, 1987.
- _____. *Palembang Zaman Bari: Citra Palembang Tempo Doeloe*. Palembang: Humas Pemerintahan Bandar Palembang, 1988.
- _____. *Kuto Besak, Upaya Kesultanan Palembang Menegakkan Kemerdekaan*. Jakarta: Masagung, 1989.
- _____. *Melayu-Jawa: Citra Budaya dan Sejarah Palembang*, Jakarta: Rajawali Pers, 1995.
- _____, *Sejarah Perkembangan Pemerintahan Kotamadya Daerah Tingkat II Palembang*. Palembang: Pemerintahan Kotamadya Daerah Tingkat II Kotamadya Palembang, 1998.
- _____. *Delapan Puluh Tahun Pemerintahan Bandar Palembang*. Palembang: Humas Pemerintahan Kotamadya, 1998.
- Hassan, Fuad. "Catatan Perihal Dinamika Kebudayaan dalam Pertemuan antar Budaya Global" (makalah). Jakarta: Departemen Kebudayaan dan Pariwisata, 2003.
- Hefner, Robert W. *ICMI dan Perjuangan Menuju Kelas Menengah Indonesia*. (terj. Endi Haryono). Yogyakarta: Tiara Wacana, 1995.
- Herman, V.J, *Seni Ragam Hias pada Kain Tenun*. Mataram: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, 1990.
- Husain. Thaha. Al-Syaikhani, Kaherah: Dar al-Ma'arif, 1966.
- Hussin, Haziyah. "Peranan Songket dalam Perkahwinan Melayu: Golongan Istana dan Rakyat Biasa", *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Bil. 17, Oktober 2003.

- al-Imam al-Jalil 'Imad al-Dien Abi Fida' Isma'il Bin Umar Bin Kathir al-Qurshi al-Dimashqi. *Tafsir al-Qur'an al-'Azhim*, cet.5. Riyadh: Maktabah Dar al-Salam li al-Nasyir wa al-Tawzi', 2001.
- Ibn Majah, Abu Abdillah Muhammad bin Yazid al-qazwayn, *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif .
- Ibn Miskawayh, *Tahzibul Akhlak*, Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyah,
- Ikram, Achadiati. *Jati Diri yang Terlupakan: Naskah-naskah Palembang*. Palembang: Yanassa, 2004.
- Ilyas, Yunahar. *Kuliah Akhlak*. Yogyakarta: Lembaga Pengkajian dan Pengamalan Islam (LPII), 2004.
- Irfan, Nia Kurnia Sholihat. *Kerajaan Sriwijaya: Pusat Pemerintahan dan Perkembangannya*. Jakarta: Girimukti Pusaka, 1983.
- Ismail, Faisal. *Ideologi, Hegemoni dan Otoritas Agama: Wacana Ketegangan Kreatif Islam dan Pancasila*. Yogyakarta: Tiara Wacana, 1999.
- Izutsu, Toshihiko. *Ethico-Religious Concepts in The Qur'an*. terj. Agus Fahri Husein. *Konsep Etika Religius dalam al-Qur'an*. Yogyakarta: Tiara Wacana, 2003.
- Jatnika, Rachmat. *Sistem Etika Islami*. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1996.
- Junaidi, Heri, *Sejarah Kudeta dalam Kebudayaan Islam: Analisa Siyasa Turun naiknya Kesultanan Palembang Darussalam*. Palembang: Balai Penelitian IAIN Raden Fatah, 2001.
- Kaelany HD. *Islam Agama Universal*. Jakarta: Midada Rahma Press, 2009.
- Kamus Perdana*, edisi ke-3. Selangor: United Publishing House (M). Sdn. Bhd, 2009.
- Kartiwa, Suwati. *Kain Songket Indonesia*, Jakarta: Djambatan, 1996.
- _____. *Ragam Kain Tradisional Indonesia: Tenun Ikat*, Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2007.
- Kartodirjo, Sartono. *Sejarah Nasional Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka, 1977.
- Kementerian Agama RI. *Al-Qur'anul karim: Miracle The Reference*, Bandung: Sygma, 2011.
- Khaldun, Ibn. *Mukaddimah*. terj.Masturi Irham dkk. Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2001.
- Khan, Muhammad Akram. *Ajaran Nabi Muhammad saw tentang Ekonomi (Kumpulan Hadith-hadith Pilihan tentang Ekonomi)*. Jakarta: Bank Muammalah Indonesia,t.t.
- al-Khayyat, Abdul Aziz, *Etika Bekerja dalam Islam* (terj). Jakarta: Gema Insani Press, 1994.
- Koentjaraningrat, *Pengantar Ilmu Antropologi*, Jakarta: Aksara Baru, 1980.

- _____. *Sejarah Teori Antropologi I*. Jakarta: Rineka Cipta, 1980.
- _____. *Sejarah dan Antropologi Indonesia*. Jakarta: UI Press, 1982.
- _____. *Kebudayaan, Mentalitas dan Pembangunan*. Jakarta: Gramedia, 1990.
- Kosasih, Aceng. *Corak Pemikiran Teologis Dosen-dosen Pendidikan Agama Islam di IKIP Bandung*. Bandung: IKIP, 1996.
- Kuntowijoyo. *Islam Sebagai Ide*, Jakarta: LP3ES, 1984.
- Madjid, Nurcholish. *Islam, Doktrin dan Peradaban*. Jakarta: Paramadina, 2000.
- _____. *Cendekiawan dan Religiusitas Masyarakat*. Jakarta: Paramadina, 1999.
- _____. *Etos Kerja dalam Islam: Kajian Konseptual dengan Metode Tafsir Maudhu'i*. Vol. 4.No.2, 2006.
- _____. *Kaki Langit Peradaban Islam*, Jakarta: Paramadina, 1997.
- Mahmud, Said. Konsep Amal Saleh dalam al-Qur'an. Disertasi dalam Alwiyah Jamil "Pengaruh Etika Kerja Islam terhadap Sikap-sikap pada Perubahan Organisasi: Komitmen Organisasi sebagai Mediator". Tesis Program Studi Magister Akuntansi, Semarang: Universitas Diponegoro, 1995.
- Megumi, Uchino. "Socio Cultural History of Palembang Songket", dalam *Indonesia and Malay World* (Routledge) 33 (96).2005.
- Moerdjanto, G. Rahmanto, J. Sudarminta. *Tantangan Kemanusiaan Universal*, Yogyakarta: Kanisius, 1993.
- Mubyarto, dkk. *Etos Kerja dan Kohesi Sosial Masyarakat Sumba, Rote, Sabu, dan Timor Provinsi NTT*. P3PK-UGM, Yogyakarta: Aditya Media, 1992.
- Muhammad, Ahsin. Keberadaan Faham Mu'tazilah dan Asy'ariyah di Kalangan Mahasiswa Baru dan Lama Program Pasca Sarjana IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Jakarta: IAIN Syarif Hidayatullah.
- Munawwir. A.W., *Kamus Al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*. Surabaya: Pustaka Progressif, 1997.
- Musa, Muhammad Yusuf. *Filsafat al-Akhlaq fi al-Islam*. Kairo: Maktabah al-Khanji, 1963.
- Musium Tekstil Sumatera Selatan. Pameran Tekstil Tradisional. Dinas Pariwisata Provinsi Sumatera Selatan, 2008.
- Musthofa. *Akhlaq Tasawuf*, Bandung: Pustaka Setia, 1997.
- Myrdal, Gunnard. *An Approach to the Asian Drama*. New York: Vintage Books, 1970.
- Narwoko, J. Dwi dan Bagong Suyanto (ed). *Sosiologi Teks Pengantar dan Terapan*. Jakarta: Kencana, 2006.

- Nasr, Sayyed Hossein, *Traditional Islam in The Modern World*. London & New York: Kegan Paul International, 1994.
- Nasution, Harun, *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan*, Jakarta: UI Press, 1978.
- _____, *Muhammad Abduh dan Teologi Rasional Mu'tazilah*, Jakarta: UI Press, 1987.
- _____. *Islam Rasional*, Bandung: Mizan, 1998.
- Nasution, Hasyimsyah, *Filsafat Islam*, Jakarta: Gaya Media Pratama, 1998.
- Nata, Abuddin. *Ilmu Kalam: Filsafat dan Tasawuf*. Jakarta: Rajawali Press, 1995.
- Nengyanti, dkk. *Sosok Wanita dalam Pandangan Budaya Masyarakat Palembang*. Palembang: Pusat Studi Wanita Univeriti Sriwijaya, 1991.
- Nisa', Khoirun. Peranan Analisis Jabatan (Job Analysis) dalam Penempatan Pegawai Kantor Pelayanan Pajak Pratama Mojokerto. Malang: Universitas Negeri Malang, 2006.
- Noer, Deliar, *Ideologi Politik dan Pembangunan*. Jakarta: Yayasan Perkhidmatan, 1983.
- Peeters, Jeroen. *Kaum Tuo-Kaum Mudo: Perubahan Religius di Palembang 1921-1942*, Jakarta: INIS, 1997.
- Poespoprodjo, W. *Filsafat Moral: Kesusilaan dalam Teori dan Praktek*. Bandung: Pustaka Grafika, 1999.
- Pulungan, Suyuthi et al. Negara Bangsa versus Negara Syari'ah: Pandangan Ulama Sumatera Selatan antara Penentang dan Pendukung. T.p, 2003.
- Qodir, Zuly. *Agama dan Etos Dagang*. Solo: Pondok Edukasi, 2002.
- Rahman, Fazlur. *Islam (2nd ed.)*. Chicago & London: University of Chicago, 1979.
- Rahman, Jalaluddin. Konsep Perbuatan Manusia Menurut Al-Qur'an, t.p, 1992.
- Sabiq, Sayyid, *Aqidah Islam*, Selangor: Klang Book Centre, 1988.
- Said, Muh. *Etika Masyarakat Indonesia*. Jakarta: Pradnya Paramita, 1980.
- Salam, Burhanuddin. *Etika Individual: Pola Dasar Filsafat Moral*. Jakarta: Rineka Cipta, 2000.
- Saleh, Abdullah. *Peralatan Tradisional dan Kesenian Daerah Sumatera Selatan*. Jakarta: Depdikbud, Proyek Inventarisasi dan Dokumentasi Kebudayaan Daerah, 1987.
- Samovar, Larry A & Richard E. Porter. *Intercultural Communication : A Raider (3rd edition)*. Belmont: Wadsworth Publishing Company Inc,t.t.
- Selvanayagam, Grace I. *Songket Malaysia's Woven Treasure*. New York: Oxford University Press, 1991.

- Sevenhoven, J.L. Van. *Lukisan tentang Ibukota Palembang*. (terj. Sugarda Purbakawatja). Jakarta: Bharataal 1981.
- Shiddiqy, Hasbi.. *Pengantar Hukum Islam*, Jakarta: Bulan Bintang,1998.
- Shihab, Alwi. *Islam Inklusif*. Bandung: Mizan, 1989.
- Shomali, Mohammad A. *Ethical Relativism Analysis of The Foundation of Morality*. London: Islamic College for Advanced Studies Press (ICAS), 2001.
- Shubhi, Ahmad Mahmud. *Al-Falsafah al-Akhlaqiyyah fi al-Fikr al-Islami: al-`Aqliyyun wa al-Amal*. Beirut: Dar al-Nahdhah al-Arabiyah, 1992.
- Sobary, Muhammad. *Kesalehan dan Tingkah Laku Ekonomi*. Yogyakarta: Benteng Budaya, 1995.
- Soekanto, Soerjono. *Beberapa Teori Sosiologi tentang Struktur Masyarakat*. Jakarta: Rajawali Pers, 1993.
- Suhartono, Suparlan. *Dasar-dasar Filsafat*. Yogyakarta: ar-Ruzz, 2004.
- Sukanti, Suwita. *Tenun Tradisional Sumatera Selatan*. Palembang: Departemen Pendidikan Nasional, 2000.
- Suparlan, Parsudi (ed.). *Manusia, Kebudayaan dan Lingkungannya*. Jakarta: Rajawali, t.t.
- Suseno, Franz Magnis. *Etika Jawa: Sebuah Analisa Falsafi tentang Kebijakan Hidup Jawa*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1991.
- Syarofie, Yudhy. *Songket Palembang: Nilai Filosofis, Jejak Sejarah dan Tradisi*, Palembang: Dinas Pendidikan Nasional Provinsi Sumatera Selatan, 2007.
- Tasmara, Toto. *Etos Kerja Pribadi Muslim*. Yogyakarta: Dana Bakti Prima Yasa, 1995.
- _____. *Membudayakan Etos Kerja Islami*. Jakarta: Gema Insani, 2010.
- al-Thabrani, Abu al-Qasim Sulaiman ibn Ahmad. *Al-Mu'jam al-Awsath, Jilid VII*. Kairo: Dar al-Haramayn, 1995.
- al-Tirmizi, Muhammad ibn Isa ibn Sawrah. Sunan Tirmizi. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif, 1998.
- Titus, Harold H, dkk. *Persoalan-persoalan Filsafat*. Jakarta: Bulan Bintang, 1984.
- Trend Kebaya. *Urban Songket: Gaya & Busana Wanita Indonesia*. Jakarta: Desindo Putra Mandiri, 2012.
- _____. *Keelokan Kain Songket Palembang*. Jakarta: Desindo Putra Mandiri, 2013.
- Turner, Bryan S. *Sosiologi Islam suatu Telaah Analitis atas Tesis Sosiologi Weber*. Jakarta: Rajawali Pers, 1992.

Weber, Max. *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*. New York: Charles Scribner's Sons, 1958.

Yalchan, Miqdad. *Al-Ittijah al-Akhlaqi fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah al-Khanji, 1973.

Yatim, Othman, et.al. "Sejarah dan Keindahan Songket Melayu". Kertas Kerja Seminar Songket Serumpun Melaka di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah. (3 Oktober 2004).

Zar, Sirajuddin. "Filsafat Islam dalam Perspektif Era Modern". Disampaikan pada Sidang Senat Terbuka IAIN Imam Bonjol Padang. (21 April 2001).

Zubair, A. Charris. *Kuliah Etika*. Jakarta: Kalam Mulia, 1996.

al-Zuhaily, Wahbah. *Ushul al-Fiqh al-Islami. Jilid I*. Beirut: Dar al-Fikr, 1986.

SUMBER INTERNET

<http://www.Korantempo.Com>, 30 September 2002.

<http://www.kompas.com/kompascetak>, 17 Januari 2008

<http://www.palembang.go.id>, 14 Januari 2008

<http://www.sumsel.go.id/senibudaya.php>, 14 Januari 2008

<http://gis.palembang.go.id>, 14 Januari 2008

<http://abanzacky.wordpress.com/2007/07/09/studi-aqidah-islam-001/>

<http://id.wikipedia.org/wiki/Aqidah>

<http://budibil.com/2010/08/18>

<http://books.gogle.co.id/books?isbn>

<http://elqorni.wordpress.com/2010/10/22>